

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT YANG PERTAMA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

**PADA 7 – 9 JUN 2004**  
*bersamaan*  
**18 – 20 RABIUL-AKHIR 1425**

*Dikeluarkan oleh:*

**Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu**



**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**



**PERSIDANGAN  
PADA HARI ISNIN, 7 JUN 2004**



Hari Isnin,  
7 Jun 2004

## **KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 11 ]
2. Doa [ Muka 15 ]
3. Titah Ucapan Di Raja [ Muka 15 ]

**[ BERSAMBUNG ]**



7 JUN 2004

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

YANG BERTHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Haji Idris bin Jusoh, DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Encik Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Haji Mohd Jidin bin Shafee, AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

7 JUN 2004

Y.B. Encik Toh Chin Yaw  
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Encik Komaruddin bin Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah  
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.  
WAKIL TEPOH

7 JUN 2004

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

7 JUN 2004

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Haji Mokhtar bin Nong, ASM.,SMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

7 JUN 2004

PUKUL 9.30 PAGI

**DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Di Pertua Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMBERSILAKAN DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI, DIIRINGI OLEH PENGIRING-PENGIRING.

**TITAH UCAPAN DI RAJA**

Bismillahirrahmannirrahim, Wabihi Nastain.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Yang Berhormat  
Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri, dan

Yang Berhormat  
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinan-Nya dapat Beta dan Permaisuri hadir di Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas pada pagi ini.

Alhamdulillah Negeri Terengganu Darul Iman terus berkembang, mengorak langkah, menuju matlamat untuk mencapai tahap negeri maju pada tahun 2020. Keadaan semasa tetap aman dan tenteram. Rakyat terus menjalani kehidupan harian mereka dengan selesa. Berbekalkan asas sosial yang kukuh, diharapkan agenda perancangan berkaitan kepimpinan, pembangunan dan pentadbiran negeri dapat dilaksanakan dengan teratur. Suasana harmoni di kalangan rakyat hendaklah dikekalkan demi menjaga kepentingan bersama. Masanya amat sesuai sekali tatkala semua golongan rakyat tanpa mengira agama, etnik dan fahaman

politik dapat bekerjasama antara satu sama lain dengan berganding bahu memajukan negeri.

Setiap program dan projek yang bakal ditadbirurus oleh Kerajaan Negeri nanti wajar mengambilkira kepentingan seluruh lapisan masyarakat di negeri ini. Pada masa yang sama usaha untuk membangunkan negeri hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan bersegera agar tidak tersisih dari arus pembangunan negara. Sesungguhnya kejayaan sesuatu program atau projek akan diukur melalui penilaian terhadap kesejahteraan rakyat.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan aspek kepimpinan negeri dengan berasaskan kepada agenda **Islam Hadhari Terengganu Bestari**. Pelaksanaan konsep ini merupakan usaha bersepadu selaras dengan kehendak manusia sejagat, khususnya oleh umat Islam di seluruh dunia yang kini sedang menghadapi pelbagai cabaran tetapi pada masa yang sama tidak berdaya dan berupaya untuk menghadapinya. Dalam hubungan ini, Beta berharap agenda **Islam Hadhari Terengganu Bestari** akan dihayati sepenuhnya oleh semua golongan rakyat dan menjadi panduan mereka dalam menjalani kehidupan harian agar dapat menangani segala cabaran di era millenium baru ini. Pendekatan agenda ini menjurus kepada penterjemahan praktis ajaran Islam yang syumul dan seimbang berasaskan ciri-ciri cemerlang, mesra, kreatif, inovatif dan progresif, berakhlak, berilmu dan global.

Bagi mencapai agenda ini, Kerajaan Negeri akan memastikan keadilan sosial yang merata akan tercapai; kecemerlangan dalam bidang pendidikan meningkat; rasa persaudaraan menyeluruh merentasi ideologi politik; ilmu pelbagai dimensi menjadi budaya rakyat; penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang meluas, dan percakapan, pendirian dan tingkah laku masyarakat sentiasa merujuk kepada Allah Yang Maha Esa. Secara amnya, ia adalah satu pendekatan yang syumul dan akan menterjemahkan Islam dalam semua aspek pemerintahan, pembangunan dan pentadbiran serta membina satu umat yang mempraktikkan Islam dari perspektif moden dan kontemporari.

Salah satu aspek penting untuk memajukan rakyat ialah melalui bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Bidang ini sentiasa menjadi perhatian umum kerana kedua-dua aspek inilah yang akan memberi kesan secara langsung. Prestasi kecemerlangan pendidikan negeri perlulah sentiasa ditingkatkan. Di samping berbangga dengan pencapaian semasa melalui kejayaan dalam peperiksaan seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM, masih banyak lagi yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri agar prestasi ini sentiasa meningkat terutama bagi memastikan para pelajar dapat menguasai mata-mata pelajaran berasaskan sains dan teknologi dan juga berupaya menguasai bahasa-bahasa asing yang penting seperti Bahasa Arab dan Inggeris. Usaha-usaha juga haruslah diteruskan

bagi memastikan setiap pelajar tidak keciciran dalam pelajaran disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan atau lain-lain yang berkaitan.

Selain daripada pendidikan, pembangunan sumber manusia juga penting di Terengganu bagi mewujudkan pangkalan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran. Pada setiap tahun, seramai 25,000 orang pelajar keluar dari alam persekolahan dan dari jumlah ini hanya 13,000 sahaja yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Bagi pelajar yang tercicir ini, Kerajaan Negeri perlulah menyediakan peluang-peluang latihan kemahiran sebagai persediaan untuk mereka mencari pekerjaan kelak. Tindakan ini bukan sahaja akan memberi peluang kerjaya tetapi juga merupakan satu kaedah untuk mengelakkan para belia daripada terjebak dengan perlakuan negatif.

Salah satu agenda utama Kerajaan Negeri ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Terengganu. Bagi mencapai maksud ini, penekanan khusus hendaklah diberi kepada usaha-usaha penjana pendapatan rakyat. Program dan projek membasmi kemiskinan hendaklah ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti menambahkan pendapatan rakyat. Oleh itu, halacara mengurangkan kadar kemiskinan boleh dipanggil sebagai program dan projek menjana pendapatan kerana ini akan dapat memberi perspektif positif kepada usaha-usaha ini.

Fokus halacara penjana pendapatan haruslah diberi kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan berpendapatan terendah, yakni yang miskin dan miskin tegar. Sebenarnya strategi-strategi untuk menangani kemiskinan ini memerlukan penglibatan semua sektor sama ada sektor awam, swasta, badan berkanun kerajaan ataupun rakyat itu sendiri. Dengan kerjasama semua pihak serta tindakan yang bersepadu, insya-Allah kejayaan menangani masalah kemiskinan akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Mudah-mudahan sasaran untuk mengurangkan keluarga miskin tegar kepada tahap sifar sepertimana perencanaan Kerajaan Persekutuan akan menjadi kenyataan juga di Terengganu.

Satu lagi perkara yang patut diberi perhatian sewajarnya masa kini ialah pemuliharaan alam sekitar. Tindakan susulan yang bersesuaian wajar diambil kerana ia merupakan khazanah negeri. Aspek alam sekitar perlulah diambilkira dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan supaya setiap tindakan tidak mencemarkan persekitaran setempat. Pemuliharaan alam sekitar seharusnya dijadikan satu kriteria penting dalam merancang sesuatu program atau projek. Jika perkara ini diabaikan, dibimbangkan ianya akan menimbulkan masalah seperti pemusnahan habitat, kepupusan spesis, kerosakan keindahan alam dan ketidakstabilan geografi kawasan.

Negeri Terengganu telah dianugerah oleh Allah s.w.t. dengan berbagai-bagai sumber asli dan keindahan alam semula jadi. Justeru, adalah wajar jika semua ini

ditadbirurus dengan sempurna dengan melihat kepada kepentingan awam dan dimanfaatkan untuk keuntungan semua lapisan masyarakat. Kerajaan Negeri perlulah berhati-hati agar konsep pembangunan mampan menjadi amalan. Tindakan ini akan memastikan perolehan sumber dapat dioptimumkan dan alam sekitar dikekalkan. Beta percaya jika langkah-langkah mengekalkan alam sekitar dan mengoptimumkan sumber asli dilaksanakan, generasi akan datang akan berpeluang untuk menikmati keindahan alam sekitar di samping memperolehi keuntungan daripada sumber asli.

Beta berharap penstrukturan ekonomi negeri yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri akan memberi penekanan untuk mewujudkan ekonomi yang berasaskan sektor-sektor di mana negeri Terengganu mempunyai kelebihan perbandingan dan persaingan. Di dalam merancang aktiviti-aktiviti pembangunan, matlamatnya hendaklah diberi kepada aspek berikut:-

- i) memastikan pertumbuhan ekonomi yang bertambah serta mempelbagaikan asas ekonomi negeri khususnya di dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan;
- ii) meningkatkan kualiti hidup rakyat dan pendapatan mereka terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar;
- iii) mengurangkan ketidak seimbangan tahap sosio ekonomi antara kawasan;
- iv) mewujudkan gunatenaga berkemahiran dan berpengetahuan, dan
- v) membentuk masyarakat yang lebih inovatif, dan meninggikan daya pengeluaran dan kecekapan ke arah peningkatan produktiviti dan daya saing di dalam semua sektor.

Satu fakta yang tidak dapat disangkal lagi ialah ekonomi negeri Terengganu adalah banyak dirangsang oleh sektor perlombongan yang dijana oleh industri hulu petroleum. Permintaan yang tinggi terhadap produk petroleum dan gas asli telah membuat pertumbuhan berterusan bagi sektor ini. Selain daripada itu, sektor perkhidmatan juga adalah salah satu penyumbang besar kepada ekonomi negeri. Antara subsektor yang menjana pertumbuhan sektor ini ialah pelancongan, perdagangan, pelaburan awam dan utiliti. Pengukuhan harga komoditi kelapa sawit pula terus merangsang sektor pertanian di samping pengeluaran tanaman-tanaman lain dan juga sumbangan pendaratan ikan dan akuakultur. Sektor pertanian ini terus menyumbang secara hulu dan hiliran kepada ekonomi negeri.

Sektor perkilangan pula dirangsang oleh industri petrokimia dan industri kecil dan sederhana termasuk industri asas tani.

Pada tahun 2003, pertumbuhan ekonomi negeri berkembang sebanyak 3.4 peratus. Pada tahun ini pula, ia dijangka meningkat lagi berdasarkan pelaburan awam dan swasta yang akan bertambah. Semoga trend ini akan berkekalan dalam tempoh Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu iaitu dari tahun ini sehingga 2008.

Dua sektor yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di Terengganu adalah industri berasaskan sumber dan industri pelancongan. Bagi industri berasaskan sumber, Kerajaan Negeri perlu memberi penekanan kepada industri asas tani. Setakat ini hasil-hasil pertanian dinilai tambah masih belum berjaya dipasarkan secara besar-besaran. Justeru itu, Beta berharap Kerajaan Negeri dengan sokongan para usahawan akan terus meningkatkan aktiviti-aktiviti nilai ditambah bagi memastikan ekonomi negeri terus berkembang. Langkah ini akan juga menambahkan pendapatan kepada para petani, penternak, peladang dan usahawan negeri. Insya-Allah, tindakan ini sekaligus akan menjayakan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan golongan menengah sebagai tunjang kepada penjana pendapatan rakyat.

Dalam memberikan tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi, sektor pertanian hendaklah jangan dilupakan. Sektor ini mempunyai gunatenaga seramai 98,000 pada tahun 2003, tidak termasuk subsektor perikanan yang menampung seramai 8,300 keluarga nelayan yang masih memerlukan sokongan dan bantuan. Di antara tindakan-tindakan yang perlu diambil semula oleh Kerajaan Negeri pada masa kini ialah mendalamkan muara sungai-sungai yang cetek, menggalakkan penubuhan industri hiliran memproses ikan, membina kemudahan-kemudahan infrastruktur dan khidmat-khidmat sokongan dan menyediakan bilik-bilik sejuk untuk menyimpan ikan.

Mengenai sektor pelancongan, ia adalah antara sektor yang penting di Terengganu. Sumbangan yang diberi walaupun tidak secara langsung tetapi ia merancakkan aktiviti-aktiviti limpahan dalam subsektor perdagangan, perhotelan dan pengangkutan. Justeru, usaha-usaha untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa haruslah diteruskan. Sumbangan sektor ini adalah lebih tertumpu kepada pelancong tempatan yang terus menerus bertambah mengunjungi Terengganu. Bagi menambah nilai sumbangan pelancong, usaha-usaha perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan pengusaha-pengusaha dalam industri pelancongan untuk meningkatkan perbelanjaan pelancong. Dalam mempromosikan negeri Terengganu, aktiviti-aktiviti pelancongan yang digalakkan hendaklah serasi dengan nilai-nilai setempat. Justeru itu, sektor pelancongan haruslah menarik pelancong-pelancong asing dan tempatan dengan memaparkan tradisi, warisan

dan alam semula jadi. Ketiga-tiga aspek ini akan menjadi elemen teras sektor pelancongan negeri kerana ia bersesuaian dengan keindahan persekitaran, kecantikan seni warisan dan keunikan tradisi yang ada di negeri ini.

Beta dimaklumkan yang sektor pelancongan menyumbang sebanyak RM523 juta kepada ekonomi negeri pada tahun lepas dengan kedatangan pelancong seramai 1.4 juta orang. Beta berharap dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk melancarkan program Tahun Melawat Terengganu pada tahun 2006, jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini akan meningkat kepada 2 juta orang pada tahun tersebut. Bagi menarik para pelancong luar dan tempatan untuk sentiasa kembali ke Terengganu, Kerajaan Negeri perlulah memastikan layanan mesra diberikan oleh rakyat, prasarana pelancongan yang sempurna dan harga-harga barangan serta penginapan yang berpatutan disediakan. Beta dimaklumkan hasrat Kerajaan Negeri ialah untuk meningkatkan sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri dari 3.3 peratus pada tahun lepas kepada 10 peratus di akhir 2008.

Satu industri yang boleh melambangkan warisan tradisi negeri Terengganu ialah industri kraftangan yang terdiri daripada batik, songket, tembaga dan seni ukir kayu. Industri ini memerlukan kepada pengkhususan kepada kemahiran tertentu. Warisan tradisi ini akan hilang jika langkah tidak diambil untuk mengekalkan kemahiran ini. Beta dapati industri kraftangan adalah satu industri yang berdaya maju dan pada masa yang sama akan mengekalkan tradisi warisan seni rakyat negeri. Untuk kesinambungan tradisi warisan industri kraftangan, cadangan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah institut khusus yang akan memberi latihan dalam bidang kemahiran industri kraftangan ini sangatlah sesuai.

Satu projek penting yang akan memangkinkan ekonomi negeri ialah pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur. Adalah diharapkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan mengambil tindakan untuk melaksanakan projek ini dalam jangka masa terdekat. Rakyat di negeri Terengganu amnya dan di Daerah Besut khasnya pasti gembira kerana jajaran laluan lebuh raya telah dipersetujui diteruskan hingga ke Daerah Besut.

Dengan mengambilkira kepentingan semasa, sistem perhubungan pengangkutan yang lengkap dari Kuantan sampai ke Jertih tidak dapat tidak akan mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi di sepanjang lebuh raya tersebut. Projek lain yang perlu diutamakan pada masa kini ialah pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud dengan bertujuan untuk menjadikannya sebagai pintu masuk (gate way) ke Pantai Timur. Kedua-dua projek ini adalah penting untuk pengembangan ekonomi dan juga kemudahan awam rakyat. Justeru, Beta berharap ia akan menjadi kenyataan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu.

Aktiviti-aktiviti sukan pula masih belum sampai ke tahap membanggakan di Terengganu. Justeru, Beta berharap pendekatan bersepadu perlu diambil dengan segera kerana sukan adalah satu program yang akan memberi manfaat kepada kesihatan rakyat di samping memberi ruang kepada belia untuk mengisi masa lapang dengan berguna dan positif. Sukan ini penting terutama kepada kumpulan belia berumur 15 hingga 39 tahun yang mewakili 38 peratus daripada penduduk Terengganu. Aktiviti-aktiviti sukan yang berbentuk pertandingan atau prestasi tinggi perlu menjadi galakan kepada rakyat terutama belia sebagai satu kaedah untuk mempertingkatkan imej negeri Terengganu di peringkat Kebangsaan. Rancangan Kerajaan Negeri untuk mengengahkan sukan seperti *equestrian*, *x-games* dan *futsal*, sangat-sangat dialukan.

Penglibatan Kerajaan Negeri dalam arena sukan baik secara rekreasi mahupun untuk kecemerlangan akan membawa masyarakat kepada era yang memerlukan kepakaran serta kecanggihan. Untuk itu, infrastruktur sukan haruslah juga dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan ini, projek yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah pembinaan Kompleks Sukan Negeri. Beta perhatikan pada masa kini, negeri Terengganu masih belum mempunyai satu kompleks yang khusus untuk tujuan bersukan. Oleh yang demikian, Beta berharap projek ini akan dapat dilaksanakan untuk kepentingan rakyat khususnya para belia dan ahli-ahli sukan.

Satu lagi aspek yang boleh Kerajaan Negeri memberi pertimbangan khusus ialah mengenai kebajikan rakyat. Dalam hal ini, program Dana Khas Wang Ehsan adalah satu pendekatan yang dapat memberi manfaat secara terus kepada keluarga berpendapatan rendah. Justeru, Beta berharap Kerajaan Negeri akan meneruskan program ini. Program lain yang dapat memberi kebaikan kepada rakyat ialah pewujudan Muassasah Gadaian Islam di setiap Daerah. Tindakan ini akan memastikan rakyat akan mendapat kemudahan ini di Daerah masing-masing. Beta juga berpuashati dengan langkah Kerajaan Negeri untuk membayar elaun kepada guru-guru sambilan yang mengajar al-Quran, kelas-kelas fardhu ain dan hafiz-hafiz Quran sebagai insentif. Semua ini membuktikan betapa caknanya Kerajaan Negeri terhadap rakyat.

Keperluan kepada rumah kediaman adalah salah satu kehendak rakyat yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan untuk membina prasarana perumahan dan rumah kediaman terutama kos rendah dan sederhana rendah yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu adalah sebanyak RM200 juta. Dari tahun 2004 hingga 2008, keperluan kepada rumah kediaman adalah sebanyak 31,000 buah. Daripada jumlah ini, 35 peratus adalah permintaan untuk rumah kediaman kos rendah yang dikhususkan kepada keluarga berpendapatan rendah.

Untuk merangsang ekonomi, Beta cadangkan sektor swasta diberi peluang untuk melaksanakan projek-projek perumahan bersama dengan Kerajaan Negeri melalui kaedah penswastaan. Langkah ini akan mewujudkan perkongsian pintar yang memberi manfaat kepada semua pihak. Dengan tindakan-tindakan yang diambil, Beta berharap setiap keluarga di Terengganu akan memiliki sebuah rumah kediaman.

Salah satu teras utama pembangunan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu ialah pembangunan bandar. Beta harap proses pembandaran hendaklah ditekankan selaras dengan penghijrahan penduduk ke bandar dan juga keperluan untuk mewujudkan penempatan bandar sempurna di Terengganu. Di samping itu, kepadatan penduduk yang telah bertambah akan memberi tekanan kepada proses pembandaran. Beta dimaklumkan penduduk di bandar telah bertambah kepada 49.9 peratus pada tahun 2003 berbanding dengan 47.1 peratus pada tahun 2000. Justeru itu, Beta mahu Kerajaan Negeri terus memberi perhatian kepada penambahan dan peningkatan kemudahan-kemudahan awam untuk warga bandar. Selain daripada itu, Beta juga mencadangkan supaya setiap bandar utama di negeri ini disediakan pelan rancangan struktur dan tempatan untuk mengelak daripada masalah-masalah kesesakan lalulintas, pencemaran alam dan sumber, kekurangan tempat kediaman dan kawasan lapang, pembuangan sisa pepejal dan lain-lain. Beta percaya dengan perancangan dan pelaksanaan yang mantap, matlamat pembangunan bandar untuk memberi keselesaan hidup yang optimum kepada penduduknya akan tercapai.

Beta perhatikan rakyat Terengganu masih belum cakna kepada aspek kebersihan pada hal ianya adalah satu tuntutan dalam Islam. Bagi maksud ini, langkah-langkah perlu diambil untuk mengubah sikap rakyat supaya aspek kebersihan menjadi budaya harian rakyat. Rakyat perlulah mengambil perhatian yang lebih proaktif dalam aspek kebersihan ini. Seharusnya nilai-nilai kebersihan dimulai daripada rumah kediaman dan seterusnya ke kampung halaman dan akhirnya ke peringkat bandar. Pihak Berkuasa Tempatan pula perlulah memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memastikan bandar-bandar di Terengganu bersih, indah dan permai. Penguatkuasaan undang-undang mengenai kebersihan oleh Pihak Berkuasa Tempatan hanya perlu diambil sebagai langkah terakhir. Beta sekali lagi menekankan, betapa pentingnya aspek kebersihan ini diberi perhatian oleh rakyat dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.

Pendekatan semasa pengurusan awam ialah untuk memastikan setiap program dan projek awam yang dilaksanakan memenuhi kehendak rakyat dan keperluan setempat. Kerajaan Negeri akan menggalakkan sektor swasta terutama syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri untuk menjadi pemangkin pertumbuhan. Sektor awam pula hendaklah bertindak sebagai penyelaras dan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan rakyat; penyediaan

perumahan kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar; dan memudahkan penyertaan sektor swasta dalam memajukan ekonomi dengan penghapusan karenah birokrasi.

Konsep mesra rakyat adalah tonggak kecemerlangan pengurusan awam. Pegawai dan kakitangan awam haruslah sentiasa mengambilkira kepentingan rakyat dalam melaksanakan tugas. Perkhidmatan awam yang tidak menyusahkan rakyat akan mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmonis. Di samping itu, ia akan mengelakkan pembaziran sumber manusia, kewangan dan masa. Beta menyokong penuh langkah Kerajaan Negeri untuk memberi perkhidmatan '24 x 7' iaitu 24 jam dan 7 hari seminggu kepada rakyat dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi. Tindakan ini akan memenuhi tanggungjawab yang telah diamanahkan dan insya-Allah dengan kaedah ini, semua masalah yang dihadapi rakyat dapat diselesaikan dengan cepat dan tepat.

Khusus untuk sektor awam, Beta berharap tahap perkhidmatan hendaklah sentiasa dipertingkatkan terutama dari aspek penyampaian perkhidmatan supaya halacara yang dirancang dan dilaksanakan 'sampai' kepada kumpulan sasaran. Wawasan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan yang halacara-halacara kepimpinan, pembangunan dan pentadbiran adalah wahana untuk kejayaan dunia dan akhirat. Justeru, kemajuan material bukanlah pengakhir kepada agenda ini tetapi sebagai pelengkap kepada kesempurnaan spiritual.

Beta berdoa kepada Allah s.w.t. agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada rakyat dan Kerajaan Beta di bawah pimpinan Menteri Besar, Dato' Haji Idris bin Jusoh. Beta yakin Kerajaan Beta akan terus melipatgandakan usaha bagi memajukan rakyat melalui program dan projek dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu. Dalam hubungan ini, rakyat perlulah menyokong pelaksanaan agenda kepimpinan, pembangunan dan pentadbiran negeri demi kepentingan agama, bangsa dan negeri.

Semoga usaha-usaha murni ini akan mendapat keredhaan Allah s.w.t. Dengan lafaz yang mulia, 'Bismillahirrahmanirrahim', Beta merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas.

Selamat Bersidang.

7 JUN 2004

DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN SERTA PENGIRING-PENGIRING BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini sehingga esok hari 8 Jun 2004, pukul 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita baca Surah Al-Asr. Dewan ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

**PERSIDANGAN  
PADA HARI SELASA, 8 JUN 2004**



Hari Selasa,  
8 Jun 2004

**KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 25 ]
2. Ucapan Dato' Yang Di Pertua Dewan [ Muka 29 ]
3. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan [ Muka 31 ]
4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 33 ]
  - 4.1. Soalan-soalan Bertulis
  - 4.2. Soalan-soalan Lisan
5. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 58 ]
  - Usul Menjunjung Kasih Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Sultan

[ BERSAMBUNG ]



8 JUN 2004

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

**YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA**

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU**

Dato' Haji Idris bin Jusoh, DPMT.,PJK.

**WAKIL JERTIH**

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

**WAKIL BUKIT PAYONG**

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, PJK.

**WAKIL AJIL**

Y.B. Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.

**WAKIL KIJAL**

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

**WAKIL CUKAI**

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

**WAKIL BUKIT BESI**

Y.B. Encik Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

**WAKIL LADANG**

Y.B. Haji Mohd Jidin bin Shafee, AMN.

**WAKIL PERMAISURI**

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

**WAKIL TELUK PASU**

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

**WAKIL KOTA PUTERA**

8 JUN 2004

Y.B. Encik Toh Chin Yaw  
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Encik Komaruddin bin Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah  
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.  
WAKIL TEPOH

8 JUN 2004

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

8 JUN 2004

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Haji Mokhtar bin Nong, ASM.,SMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula dan untuk memulakan mesyuarat pada hari ini marilah kita sama-sama membaca Umul Kitab Al-Fatihah – Al-Fatihah.

**UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri marilah sama-sama kita memanjat kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih di dalam Pilihanraya Yang Kesebelas untuk menjadi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah dilantik sebagai Menteri Besar dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik sebagai Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Juga ucapan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang baru dilantik memegang jawatan masing-masing. Sehubungan dengan itu adalah diharapkan marilah sama-sama kita menjadikan Negeri Terengganu Darul Iman ini sebuah negeri yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kepercayaan dan penghormatan kepada saya kerana memilih saya sebagai Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri pada 11 April 2004 yang lalu. Insya-Allah, saya akan melaksanakan tugas-tugas saya dengan sebaik mungkin yang saya mampu.

Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas Persidangan Pertama Mesyuarat Yang Pertama, berjalan pada 7, 8 dan 9 Jun 2004. Pada 7 Jun 2004 kelmarin, Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Titah Ucapan Duli Yang Maha Al-Sultan telah membawa mesej yang jelas halatuju pembangunan negeri Terengganu dan pembangunan ummah untuk dunia dan akhirat. Persidangan pada 8 haribulan Jun iaitu pada hari ini bagi Soalan-soalan

8 JUN 2004

Lisan masa yang diberikan ialah selama satu jam dan Soalan-soalan Tambahan hanya dibenarkan tiga soalan bagi setiap soalan. Seterusnya akan diikuti oleh Pembahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sehingga selesai pada petang ini jam 5.00 petang. Pada 9 Jun 2004, selepas selesai masa Soalan-soalan Lisan, akan diperuntukkan kepada Kerajaan untuk membuat penggulungan dan diikuti dengan Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengambil perhatian di sini saya meminta dalam keadaan apa jua sekalipun Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati. Saya mengharapkan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semasa mengendalikan Persidangan Dewan ini supaya Persidangan berjalan dengan teratur dan bertertib.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

8 JUN 2004

## **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

**YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI PERTUA:** Ahli-ahli Yang BertamBAh sekalian,  
Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1.       Penyata Kewangan Majlis Perbandaran  
          Kuala Terengganu Bagi Tahun 2002  
  
          ( DUN. Bil. 1/2004)
  
2.       Penyata Kewangan Majlis Perbandaran  
          Kemaman Bagi Tahun 2002  
  
          (DUN. Bil. 2/2004)
  
3.       Penyata Kewangan Majlis Daerah  
          Hulu Terengganu Bagi Tahun 2002  
  
          (DUN. Bil. 3/2004)
  
4.       Penyata Kewangan Majlis Daerah Setiu  
          Bagi Tahun 2002  
  
          (DUN. Bil. 4/2004)

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA DEWAN:** Jawapan-jawapan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali  
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Encik Komaruddin bin Ab. Rahman  
(Wakil Kuala Berang)
3. Y.B. Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong  
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Encik Khazan bin Che Mat  
(Wakil Batu Rakit)
5. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)

## SOALAN-SOALAN LISAN

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Sekarang ini kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik mengemukakan soalan-soalan.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan yang pertama –

*Berapakah jumlah Lesen Pembalakan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu semenjak tahun 2000 hingga Mac 2004?*

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil-wakil Pembangkang, Pelajar-pelajar, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik berbunyi - Berapakah jumlah Lesen Pembalakan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu semenjak tahun 2000 hingga Mac 2004?

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua jawapan untuk soalan ini ialah sepanjang tempoh yang ditanya tersebut sebanyak 448 buah lesen pembalakan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu selama tempoh tersebut. Terima kasih, Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Di antara 448 lesen yang dikeluarkan, berapa lesenkah yang dikeluarkan secara pemberian dan berapa lesenkah diberi secara tender?

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, maklumat yang kita ada setakat ini semua diberi secara pemberian. Tidak ada tender dibuat secara terbuka.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Boleh Yang Berhormat jelas sekali lagi?

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Setakat maklumat yang kita ada, setakat ini tidak adapun tender terbuka dibuat untuk kawasan-kawasan pembalakan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Berapakah hasil yang masuk kepada Kerajaan Negeri daripada jumlah yang dikeluarkan lesen sebanyak 448 tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Di Pertua, pada pendapat saya soalan ini perlu diberi notis untuk kita kemukakan jumlah kerana ini melibatkan jumlah tapi keluasan ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Boleh Yang Berhormat terang sekali lagi, tak berapa jelas.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan ini Dato' Yang Di Pertua perlu diberi notis kerana *figure* sebegini perlu kepada notis, cuma yang ada pada kita ini ialah jumlah kawasan yang telah dikeluarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah kelulusan lesen diberi oleh Kerajaan PAS dahulu setelah Dewan dibubarkan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada saya ini satu soalan yang menarik kerana sepanjang Dewan dibubarkan iaitu pada 4 Mac yang lalu maklumat yang ada pada kita sebanyak 17 kawasan ataupun lesen telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan juga kepada JSR-JSR tertentu iaitu selama lebih kurang dua minggu sehingga Pilihanraya diadakan. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah sah dari segi undang-undang lesen tersebut diluluskan atau dikeluarkan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam hal ini Yang Berhorma L.A. sedang mengambil perjalanan dan pada pendapat saya sememangnya tidak sah kerana ketika itu Kerajaan sudah tidak ada lagi iaitu selepas Dewan dibubarkan ertinya Kerajaan tidak ada lagi dan negeri ditadbir oleh *'Care Taker Government'*. Jadi untuk hal tersebut pihak L.A. telah mengambil perjalanan dan kita bercadang untuk mengemukakan 'Kertas Putih' berkenaan pembalakan ini untuk dimaklum kepada rakyat keseluruhannya. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

*Berapakah jumlah Rumah Kos Rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri semenjak tahun 2000 mengikut pecahan daerah?*

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Tiada Rumah Kos Rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri semenjak tahun 2000. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua - Adakah Yang Bert hormat setuju jika saya katakan bahawa semasa pemerintahan PAS tidak ada sebuah Rumah Kos Rendah ataupun Rumah Murah yang dibina.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, memang benar tiada kelulusan baru dan dibina Rumah Kos Rendah semasa Kerajaan PAS. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan hari ini bercadang untuk membina Rumah-rumah Kos Rendah dan jika ada berapakah jumlah yang akan dibina terutamanya di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, pihak pentadbiran baru Kerajaan Negeri Terengganu yang dipimpin oleh Yang Bert hormat Dato' Haji Idris bin Jusoh yang memimpin Kerajaan Barisan Nasional akan membina sebanyak 10,000 unit Rumah Kos Rendah bagi seluruh negeri Terengganu bermula tahun 2004 hingga 2008 yang melibatkan kos sebanyak RM250 juta. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Semasa Kerajaan dahulu, Kerajaan PAS dahulu setiap penerima ataupun mereka yang berjaya untuk mendapatkan Rumah Kos Rendah ini diwajibkan membayar Wang Pendahuluan sebanyak RM3,000.00. Adakah Kerajaan hari ini bercadang untuk mengecualikan bayaran tersebut sebab ianya menimbulkan beban yang begitu berat kepada pemohon dan pemilik Rumah-rumah Kos Rendah yang berjaya yang keseluruhannya terdiri daripada rakyat yang miskin?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri tidak merancang untuk memansuhkan perkara tersebut kerana bayaran 10 peratus ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan

Nasional dahulu dan diikuti oleh Kerajaan PAS baru-baru ini. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ketiga –

*Berapa banyakkah borang permohonan tanah yang dikeluarkan oleh Kerajaan semenjak tahun 2000 hingga Mac 2004 dan berapakah jumlah permohonan yang diluluskan?*

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan Yang Berhormat - Tadi dijawab tadi Rumah Kos Rendah tidak dibina, tapi bayaran ada dibuat bayaran apa?

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, antara pembinaan baru Rumah Kos Rendah dan bayaran *10 percent* adalah dua perkara yang berbeza. Sama ada rumah itu telah berjalan atau pun sedang dalam pembinaan. Saya menyebutkan tadi bahawa tidak ada pembinaan dibuat pada tahun 2000 kerana yang dibuat sekarang ialah pada tahun 1999 semasa BN memerintah Terengganu bukan dibuat oleh Kerajaan PAS. Yang Berhormat Wakaf Mempelam mesti faham biar cerdik sikit kita ni.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan soalan saya tadi .....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Yang Berhormat nak pergi ke soalan tadi ke?

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Eh, tak payah. Soalan yang ketiga.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Soalan nombor tiga.

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jawapan kepada soalan nombor tiga ialah borang permohonan tanah yang dikeluarkan adalah tidak direkodkan. Walau bagaimanapun borang yang diterima adalah berjumlah 40,873 permohonan dan jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 8,678 permohonan. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Semasa

8 JUN 2004

Kerajaan PAS dahulu ada sebahagian tanah-tanah Kerajaan yang diluluskan oleh JSR dan ada tempat-tempat JSR memungut wang daripada pemohon-pemohon tanah tersebut. Apakah status tanah tersebut pada hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):  
Status, Dato' Yang Di Pertua, status TOL-lah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Minta penjelasan sekali lagi Yang Berhormat, tak berapa jelas.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):  
Mengikut peraturan yang ada status TOL dengan bayaran setahun ke setahun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu TOL maksud saya ada setengah-setengah kawasan pungutan duit begitu banyak sehingga beribu ringgit dipungut oleh JSR dan JSR bertanggungjawab melulus dan membahagikan tanah-tanah tersebut kepada pemohon-pemohon. Apakah status tanah itu sekarang ini, adakah sah dari segi pemberian ataupun ada cadangan untuk menghapuskan ataupun tidak mengiktirafkan pemberian tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):  
Dato' Yang Di Pertua, perjalanan kutipan oleh pihak tertentu semuanya tidak mengikut peraturan yang ada di pihak Kerajaan. Oleh sebab itu mereka yang rasa teraniaya kena buat *report*lah, ini bukan satu peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua bermakna pemberian tersebut tidak sah dari segi undang-undang.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):  
Itu memang jelas Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang untuk mengemukakan soalan. Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

*Sila nyatakan konsep Islam Hadhari yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan?*

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua, soalan yang pertama Wakil daripada Rhu Rendang ialah - Sila nyatakan konsep Islam Hadhari yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Yang Di Pertua, soalan ini merupakan soalan falsafah maka di sini saya cuba menjawab berdasarkan kepada konsep yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Islam Hadhari adalah merupakan satu pendekatan ataupun anjakan paradigma untuk mengubah persepsi ummah terhadap ajaran Islam sebenar sebagaimana juga dibawa oleh Baginda Rasulullah s.a.w. ia bukanlah satu mazhan atau bukan satu ajaran baru sebagaimana yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu. Sebagaimana kita maklum bahawa Hadhari bermakna tamadun ataupun *civilization* dan Islam Hadhari ditakrifkan ataupun bolehlah kita memberi makna sebagai satu sistem ataupun kaedah dan cara hidup yang progresif, yang maju, yang dinamik serta bertamadun tinggi bagi melahirkan ummah yang berilmu dan berbudaya tinggi berasaskan nilai-nilai akhlak yang mulia dalam menangani cabaran semasa.

Visi Islam Hadhari ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam Contoh dengan misinya untuk melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang sebenar, yang progresif, yang bertamadun, yang bertoleransi dan yang berimbang. Di antara objektif ajaran Islam Hadhari ialah untuk memantapkan akidah ummah, sahsiah dan akhliaknya serta mengamalkan Islam sebagai pemangkin kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan dengannya menjadikan ajaran Islam sebagai rangsangan dalam melaksanakan pembangunan ummah dan negara khususnya negeri Terengganu Darul Iman. Islam Hadhari juga dibina berdasarkan asas masyarakat yang berilmu, masyarakat yang berakhlak dan juga mempunyai nilai-nilai murni serta wujudnya pembangunan yang seimbang antara *spiritual* dan *physical*. Menikmati keselesaan hidup, pendekatan yang sederhana dan berhikmah, mengadunkan wawasan lama yang mutlak dan baru yang manfaat dan juga kesejahteraan.

Di antara ciri-ciri Islam Hadhari ialah bersumberkan ajaran Illahi, pengurusan pentadbiran yang baik, progresif, peningkatan kehidupan, tidak mengamalkan rasuah, dinamik, menyeluruh, praktikal, berdikari, bebas, mesra, adil, cemerlang, kompetitif, berilmu, sederhana, kontemporari dan menekankan pembangunan insan. Tumpuan Islam Hadhari ialah menumpukan pembangunan ekonomi,

8 JUN 2004

pembangunan pentadbiran dan pengurusan, pembangunan sains dan teknologi, pembangunan sosio budaya, pembangunan pertanian dan sebagainya sesuai dengan perkembangan semasa. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Oleh kerana menjadi satu istilah yang terkenal di seluruh dunia Islam yang ditulis oleh penulis-penulis Islam seperti Ibnu Qhaldun dan lain-lain memakai perkataan 'Hadharah Islamiah' dan Ibnu Qhaldun memakai perkataan 'Masyarakat Madani' yang pernah digembar-gemburkan beberapa lama yang lalu. Perkataan Islam Hadhari yang ditonjolkan di Malaysia, apakah kelemahan istilah-istilah yang lama itu maka ianya ditolak dan perlunya kepada satu istilah yang baru?

**YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera):** Tuan Yang Di Pertua, sememangnya kalau kita lihat kepada kitab-kitab mengenai dengan al-Hadharah al-Islamiah banyak ditulis oleh ulamak-ulamak kita dan kalau kita perhatikan bahawa penulisan mereka lebih kepada sejarah ataupun dari segi bagaimanakah tamadun itu tercapai dan bagaimanakah pengisian tamadun itu dan tamadun itu diceritakan ataupun dihabarkan kepada dalam buku-buku tersebut untuk ataupun sebagai iktibar kepada masyarakat kita semasa inilah. Tetapi Islam Hadhari yang kita cuba nak bawa di sini ialah lebih kepada pengisian bukan setakat cerita ataupun sejarah tetapi lebih kepada pengisian bagaimana kita nak menjadikan ummah kita, menjadi ummah yang bertamadun dari segi ilmu pengetahuannya, dari segi falsafahnya, dari segi sains teknologinya dari segi semua sekalilah. Itu yang kita maksudkan dan sebenarnya ia tak lari daripada konsep Islam yang sebenar itu. Sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):** Dato' Yang Di Pertua, walaupun apa yang disebut itu satu kenyataan sejarah tetapi dia satu sejarah yang telah berjaya secara praktikal di dalam melahirkan ilmu-ilmu yang diambil daripada Masyarakat Saini yang telah diIslamkan, ilmu yang telah diIslamkan maka lahirlah Hadharah Islamiah, ilmu yang telah diIslamkan, ini secara praktikal. Apa yang ditonjol pada hari ini ialah merupakan satu teori yang baru nak dikemukakan di manakah kelemahan-kelemahan istilah yang terdahulu maka ia perlu ditolak dan perlu kepada satu istilah baru?

**YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera):** Yang BERTHORMAT Tuan Yang Di Pertua, sebenarnya mengenai istilah-istilah ini sememangnya adalah suatu benda yang berterusan dari semasa ke semasa, melihat kepada perkembangan semasa dan sebagainya dan kita tidak nafikan bahawa istilah-istilah tentang Islam ini banyak sebelum daripada ini seperti syumul, seperti wasothi dan sebagainya lagi dan kita mengemukakan istilah Hadhari

dengan istilah Hadhari ini bermaksud kita cuba nak menekankan bahawa pentingnya pembangunan ketika ini dalam menghadapi global yang begitu hebat. Maka kita rasakan bahawa perlu ummah kita juga mengikut suasana semasa ini supaya kita boleh kompetitif dengan mereka terutama kita dalam persediaan kita, istiadat kita untuk memperkuatkan ummah kita dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa ini tidaklah kita ketinggalan berbanding dengan mereka. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak minta penjelasan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Seperti mana yang diperjelaskan oleh EXCO tadi, Islam Hadhari bermakna Islam yang membawa suatu tamadun, apakah kurangnya dan bagaimana nak diselaraskan sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*"Dan tidak diutuskan Muhammad melainkan membawa rahmat ke seluruh alam".*

(Surah Al-Anbiyaa', ayat 107)

**YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera):** Tuan Yang Di Pertua, itulah di antara objektif Islam Hadhari kerana kita melihat bahawa dari segi pembangunan amat-amat penting. Kalau kita perhatikan dari dululah misal kita nak pergi ke Makkah guna kapal laut dan sebagainya tetapi oleh kerana masa berubah, kemajuan sentiasa wujud, teknologi sentiasa baru. Maka hari kita ke Makkah tidak guna dah kapal laut, kita pergi dengan kapal terbang dan sebagainya, itu yang dimaksudkan Hadhari, inilah rahmah. Begitu juga dengan aspek-aspek yang lain sebenarnya kita dalam Islam kita menerima pembaharuan-pembaharuan ini, kita menerima pembangunan-pembangunan ini dan kita menerima segala bentuk teknologi-teknologi baru ini dan sepatutnya bukan setakat kita menerima pembaharuan ataupun teknologi ini sepatutnya umat Islam yang mendahului mewujudkan teknologi-teknologi baru yang boleh memberi rahmat kepada ummah kita. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan tidak ditumpukan kepada soalan saya. Soalan sayanya - Di mana cacatnya tamadun yang dibawakan oleh Nabi besar kita Muhammad s.a.w. melalui perintah Allah s.w.t. (Surah Al-Anbiyaa', ayat 107) Di mana cacatnya yang kita perlu cari satu tamadun yang baru.

**YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera):** Tuan Yang Di Pertua, kita cuba faham bahawa (baca Surah Al-Anbiyaa', ayat 107) adalah sesuatu yang bersih tak umum maknanya apa saja bentuk yang boleh

adalah sesuatu yang bersih tak umum maknanya apa saja bentuk yang boleh memberi rahmat kepada alam ini, yang boleh memberi rahmat kepada manusia, yang boleh memberi rahmat kepada binatang-binatang haiwan, yang boleh memberi rahmat kepada pokok-pokok dari segi habitat dan sebagainya lagi. Maka itu adalah diterima dari segi Islam dan itu adalah merupakan '*hasanah fid-dunia*', itulah yang kita doa -

ربناءاتنا فى الدنيا حسنة وفى الآخرة حسنة وقنا عذاب النار

Ini bermakna bahawa apa yang dibawa Nabi kita Muhammad s.a.w. kita kena ingat bahawa dunia ini 'muthorie' ataupun berubah sesuai dengan perkembangan semasa dan sebagainya lagi. Jadi begitu juga rahmat ini juga sentiasa berubah dan perubahan ini sudah tentulah ke arah ahsan yang lebih baik. Jadi kerana itu apa yang dibawa oleh Rasullullah s.a.w. tidak ada kelemahannya sesuai dengan budaya masa itu dan hari sesuai dengan budaya masa ini dengan kaedah semasa ini. Jadi kerana itu rahmah ini adalah merupakan sesuatu yang umum daripada dulu sampai sekarang tak berubah dan hak yang sekarang ini sebagai memenuh ataupun menyempurnakan apa yang dahulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kita perlu menyedari bahawa ajaran Islam itu ada yang berubah ada yang tak berubah. Perkara yang tak berubah ialah halal dan haram itu tak berubah sehingga hari Qiamat. Perkara yang mengikut perkembangan semasa sebagai contoh ialah haram dan riba, ini tidak berubah sehingga hari Qiamat. Apakah Konsep Islam Hadhari yang dilaksanakan ini mempunyai satu matlamat untuk mengharamkan seluruh perkara yang diharamkan oleh Islam, riba, judi, hiburan-hiburan maksiat dan seumpamanya, adakah mempunyai matlamat?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Sebagaimana yang kita faham dalam Islam kita, ada hukum-hukum yang tetap dan ada yang berubah. Yang tetap itu adalah seperti yang berkait dengan aqidah, yang berkait dengan syariat dan kalau sembahyang Zuhur itu empat rakaat maka sampai bila-bilapun, sampai Qiamatpun empat rakaatlah, tidak boleh kita tambah sampai lima. Begitu juga hukum halal-haram, kalaulah babi (khinzir) itu sebagai haram ia tetap haram sampai bila-bila, sampai Qiamatlah. Begitu juga dalam perkara-perkara lain kita boleh buat perbandingan sendirilah tetapi perkara-perkara yang lain yang tertakluk kepada perubahan yang semasa yang tidak tetap, yang tidak ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah yang menerima perubahan-perubahan jadi Islam kita kena ingat bahawa Islam menerima hakikat perubahan ini dan perubahan inilah yang perlu kita sesuaikan dengan keadaan semasa untuk .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya tidak dijawab, saya tanya – Adakah mempunyai suatu matlamat, itu mudah saja soalnya.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang Di Pertua, matlamat kita kekal sebagaimana kehendak Islam maknanya kalau hak hukumnya tetap, tetap akan kita teruskan dan yang perubahan itu sentiasa berubah mengikut keadaan semasa.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya kira Wakil Rhu Rendang lebih mengetahui soal Islam Hadhari bukan soal nak menentukan halal-haram -

والحلال بين والحرام بين

*'Yang halal tetap halal dan yang haram itu tetap haram'*

dia lebih mengetahui. Saya rasa tak payah, beri syarahan yang panjanglah. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Encik Rozi bin Mamat, Wakil Telemong mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan yang pertama -

*Sepanjang pemerintahan PAS selama 4 tahun 3 bulan telah banyak balai raya telah musnah dan rosak.*

- i) Apakah perancangan Kerajaan selepas ini terhadap penggunaan balai raya?*
- ii) Berapakah anggaran kos yang patut disediakan oleh Kerajaan untuk membaik pulih semula balai raya yang telah musnah?*

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, balai raya adalah di bawah kawalan Pegawai Daerah. Lazimnya ia akan diserahkan kepada Institusi akar umbi peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta lain-lain kegunaan oleh jabatan dan agensi bagi pelaksanaan program dan aktiviti jabatan di peringkat kampung dan juga kegunaan oleh masyarakat setempat itu sendiri. Bagi

penyelenggaraan balai raya dipantau oleh Pegawai Daerah, ketentuan/kos untuk dibaik pulih atau dilupuskan adalah mengikut tatacara kewangan. Penyelenggaraan atau pembaikan boleh dilakukan melalui peruntukan penyelenggaraan sedia ada Pejabat Daerah atau dipohon dari Pejabat Setiausaha Kerajaan mengikut keutamaan dari masa ke semasa. Terima kasih, Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Yang Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah setelah kanak-kanak Tadika dihalau daripada balai raya, apakah Kerajaan pada hari ini akan menempatkan semula kanak-kanak Tadika tersebut di balai raya? Terima kasih.

**YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):** Dato' Yang Di Pertua, ianya dibuat mengikut 'case to case basis'. Ada tempat di mana Tadika sudahpun ada tempat mengadakan Tadika masing-masing, ada tempat yang tidak ada tempat perlu menggunakan balai-balai raya tersebut. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sekian terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

*Sepanjang pemerintahan PAS ada beberapa buah sekolah yang terpaksa ditangguhkan akibat daripada masalah kelulusan tanah.*

- i) Berapa buah sekolah yang terpaksa ditangguhkan akibat daripada senario tersebut?*
- ii) Berapakah jumlah bayaran premium tanah yang dikenakan terhadap guna tanah untuk pembangunan projek Kerajaan?*

**YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Bismillahirrahanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua untuk mengetahui berapa banyakkah yang terpaksa ditangguhkan akibat daripada masalah kelulusan tanah semasa pemerintahan yang dulu. Jawabnya adalah tiga buah sekolah yang terlibat dengan masalah kerana permohonan tanah:

1. Sekolah Kebangsaan Nyior Tujuh, Mukim Bukit Kenak, Besut.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu.

3. Sekolah Kebangsaan Paya Besar,  
Mukim Kuala Berang,  
Hulu Terengganu.

iaitu tiga buah sekolah. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Saya memohon penjelasan mana yang lebih penting di antara permohonan-permohonan yang dibuat, yang disekat mana yang lebih penting di antara tuntutan semasa iaitu keperluan pendidikan pada masa ini?

**YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Ada banyak masalah ataupun sebab musabab kenapa permohonan tanah ditolak. Yang pertama sebagai contoh, di Sekolah Kebangsaan Nyior Tujuh di Mukim Bukit Kenak, Besut itu disebabkan sebahagian tanah terlibat dengan rezab di bawah Seksyen 62 KTN untuk tapak padang bola itu satu sebab ditolak. Yang kedua, sebabnya bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar dan Sekolah Kebangsaan Paya Besar, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Tanah sebabnya adalah ada permohonan daripada Jawatankuasa Syura Rakyat untuk menjadikan tapak ini sebagai Tatatur Perumahan ketika itu.

**YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memandangkan keadaan tuntutan semasa, adakah Kerajaan pada hari ini akan membuka balik permohonan-permohonan tanah tersebut untuk dibangunkan dengan pembangunan-pembangunan sekolah di kawasan yang terlibat?

**YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Terima kasih. Oleh kerana Agenda Pendidikan adalah agenda utama Kerajaan Negeri insya-Allah ketiga-tiganya ini akan diselesaikan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Pengerusi, saya nak minta penjelasan sedikit - Tiga daripada berapa hak tadi, tiga daripada berapa?

**YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Soalan tambahan? Yang ada masalah kerana ada masalah tanah ada tiga sahaja sekolah itu. Tiga buah sekolah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tanya tiga daripada berapa, daripada berapa yang diluluskan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Berapa banyak sekolah yang dibina tahun 2000 - 2004 tidak ada di sini. Kita nak notis, ini yang masalah saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cuma saya nak tambah sikit, saya nak perbetul, yang kita lulusnya 58 permohonan sekolah.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masalah sekarang ini bukan masalah tiga, bukan empat. Masalah sekarang ini *mentality* pemerintahan dulu mementingkan padang bola daripada sekolah, itu yang ingin kita utarakan di sini Yang Di Pertua. Jadi padang bola lebih penting daripada sekolah, masalah tiga, masalah empat bukan perkara penting di sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tak pernah lulus satupun padang bola, padang bola dalam sekolah ada, tapi kita sendiri tak lulus apa-apa permohonan untuk buat padang bola.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ROSOL BIN WAHID (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, permohonan Sekolah Kebangsaan Nyior Tujuh, Mukim Bukit Kenak, Besut ditolak kerana JSR Kampung tersebut memohon tapak tersebut untuk dijadikan padang bola. Itu maklumat yang kita terima daripada Pejabat Tanah, Besut. Jadi di sini menunjukkan bahawa padang bola lebih penting daripada sekolah. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang itu direzabkan masa UMNO, permohonan itu ditolak dan kita beri cadangan lain masa UMNO lagi tanah itu direzabkan untuk buat resort.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ROSOL BIN WAHID (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau buat sekolah tempat jin bertendang jadi tak ada orang nak pergi. Jadi tempat yang dicadang ini ialah tempat yang *viable* dengan izin Yang Di Pertua, untuk kemudahan pelajar-pelajar di Bukit Kenak, Nyior Tujuh. Jadi kalau beri di kawasan tanah di hutan cerang tempat jin duduk bertelur-bertendang, saya rasa satu keadaan yang cukup tidak waras, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Banyak sekolah-sekolah yang kita beri kelulusan itupun permohonan yang dibuat itupun tempatnya jin bertendang jugak. Universiti Kebangsaan Bangi itu dulu jin bertendang, Universiti Utara dulupun jin bertendang jugak.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ROSOL BIN WAHID (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Di Pertua, bercakap fasal sekolah pergi ke univervisiti. Wakil Wakaf Mempelam lama dah tapi kurang itu sedikit. Dato' Yang Di Pertua, apa yang berlaku di sini ialah kenapa ditolak? Kalau Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Berang dan Sekolah Kebangsaan Paya Besar, Kuala Berang ditolak kerana tanah tersebut hendak diberi kepada dua individu penyokong kuat Kerajaan PAS. Diberi kepada dua orang individu penyokong kuat PAS jadi ditolak permohonan untuk sekolah. Jadi Kerajaan dulu mementingkan dua orang individu daripada rakyat yang hendak ke sekolah. Itulah *mentality* Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Kerajaan masa lalu, ini hakikat, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, EXCO Pendidikan tadi jawab agak baik, ada alasan yang menasabah. Ini orang lain tolong jawab ni yang tak ada kena mengena, jawab pulak ya tak ya begitu.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebab soalan ini saya pernah bawa ketika saya Pembangkang dulu sebab itu saya ingat daripada satu sampai ke akhir, daripada 'A' sampai ke 'Z' saya ingat kisah ketiga-tiga tapak sekolah ini tidak dibenarkan. Jadi saya rasa berhak jugak untuk memperkatakan hal ini kerana saya tahu daripada 'A' sampai ke 'Z' perkara ini Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya menjawab sebahagian lagi daripada soalan yang ditanya oleh daripada Wakil Telemong. Bayaran premium tanah yang dikenakan terhadap tanah yang diluluskan untuk projek pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah mengikut harga pasaran semasa.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib Embong, Wakil Batu Burok mengemukakan soalan –

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

*Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menangani industri burung walet (layang-layang) dalam bandar Kuala Terengganu yang sedang merebak?*

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Tempatan masih lagi membuat kajian mengenai burung Walet ini ataupun burung layang-layang yang diternak di kawasan bandar-bandar di seluruh Malaysia. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Sedarkah Kerajaan baru bahawa merebaknya industri Walet di Kuala Terengganu khususnya menjadi kebimbangan masyarakat kerana pengusaha-pengusaha itu datang daripada luar?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Baru, baru tiga bulan, Kerajaan Lama, empat tahun lebih jadi saya tahu Yang Berhormat Batu Burok pernah melawat projek-projek ini kenapa tidak diambil tindakan dahulu sekarang seolah-oleh 'Tunjuk lurus, kelingking berkait'. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya ingin jelaskan bahawa sememangnya kami sedang dan telahpun merancang untuk memindah tapak itu sebab saya tanya kerana kebimbangan masyarakat terlalu tinggi pada ketika ini sebab saya tanya itu ialah – Adakah Kerajaan ini akan meneruskan usaha untuk memindahkan industri ini supaya menyelamatkan masyarakat sendiri.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kembali kepada jawapan asal saya tadi. Kajian sedang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu dan juga Kementerian kerana suatu dasar perlu diputuskan dan satu kajian terperinci perlu dilakukan demi menguntungkan semua pihak. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kajian dasar yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dalam ingatan saya sejak mula saya menghadiri mesyuarat tahun 2000 tetapi sehingga sekarang ini belum lagi dibuat dasar di peringkat Pusat. Itu sebabnya saya tanya di peringkat Negeri ini bagaimana?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebab itulah kajian masih lagi dibuat dan kita perlu kesan buruk-baiknya kepada semua pihak dan ia bukan sahaja berlaku di Terengganu kerana ia terlibat terutama di negeri Perak yang paling serius sekali berlaku. Sebab itulah kita terpaksa buat secara berhati-hati kerana tidak mahu ada pihak yang menjadi mangsa dan ada pihak lain yang mendapat keuntungan semata-mata. Ini perlukan kajian bukan kena berubah serta merta, kita tidak mahu buat keputusan secara *ad-hoc*, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat-menghalang daripada pembinaan-pembinaan baru ataupun pengubahsuaian bangunan-bangunan yang sedia ada kepada industri ini?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, pembinaan yang baru tidak akan dibenarkan lagi oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soal sekarang ini bukan diluluskan tetapi *illegal*, tidak dibenarkan. Saya kata usaha-usaha menyekat ini.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, usaha untuk menyekat sebagaimana yang telah dikatakan tadi bahawa ia memerlukan kajian, apakah tempat, di mana nak disediakan dan sebagainya dan sebab itulah kita akan menyekat yang baru, yang sedia ada perlukan kajian teliti sebagaimana yang saya katakan tadi. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan yang kedua –

*Adakah benar Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan tanah bagi pembinaan lapangan terbang kedua di Hulu Terenggamu?*

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahma-nirrahim. Jawapan kepada soalan kedua, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan tanah yang sesuai di Hulu Terengganu jika sekiranya permohonan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa seorang Timbalan Menteri Kewangan telah mengisytiharkan lapangan terbang ini akan dibina?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, itu hanyalah pandangan Ketua Bahagian Hulu Terengganu bukan sebagai Timbalan Menteri Kewangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Mohd Shapian bin Ali, Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan saya, soalan 1 –

*Dalam manifesto Barisan Nasional Negeri Terengganu semasa Pilihanraya Kesebelas yang lepas, penekanan terhadap pendidikan rakyat Negeri Terengganu telah dijanjikan. Di antaranya adalah menaiktaraf Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (TATI).*

- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan bahawa mutu tenaga pegawai akademik dan pelajar KUSZA adalah setanding dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain di Malaysia?*
- (b) Bagaimanakah kes pelajar yang masuk ke KUSZA tanpa kelayakan minimum diselesaikan?*
- (c) Apakah tindakan yang telah dilaksanakan bagi pensyarah KUSZA yang telah diambil namun tidak memenuhi kelayakan akademik yang minimum sebagai pensyarah?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi menjawab soalan, soalnya ada banyak ni ada tiga. Bagi menjawab soalan ceraihan yang pertama, sekarang ini langkah-langkah Kerajaan Negeri memastikan bahawa mutu tenaga pegawai akademik di KUSZA setanding dengan institusi yang lain. Pertamanya kita, pengambilan baru bagi tenaga pengajar hendaklah mengikut tahap sepertimana IPT-IPT yang lain, yakni dengan Sarjana ataupun Doktor Falsafah. Yang kedua, untuk jangka panjang tenaga pengajar yang ada sekarang yang memegang Ijazah Sarjana Pertama akan diminta supaya menaikkan tahap mereka kepada Ijazah Lanjutan atau Sarjana. Yang ketiga, kita akan membuat satu skim iaitu skim latihan untuk melatih tenaga pengajar yang ada ini bagi menaikkan *skill* ataupun kemahiran yang ada pada pensyarah yang ada sekarang. Yang keempat juga kita menggalakkan malah kita wajib sebenarnya untuk para pensyarah ini mengadakan penyelidikan dan juga perundingan serta penerbitan, ini yang pertama.

Yang kedua, dari segi mutu kes kemasukan para pelajar ke KUSZA tanpa kelayakan minima, yakni yang tidak ada S.P.M. Terdapat 36 orang pelajar yang telah diambil yang mereka sekarang berada di Sekolah Pengajian Islam, bilangan mereka ialah 36 orang, mereka kini berada di semester yang keempat. Nak dua semester lagi untuk habis program diploma. Oleh kerana mereka tidak ada S.P.M., yakni kelayakan asas untuk masuk ke KUSZA mengikut surat tawaran yang dikeluarkan dahulu mereka diwajibkan untuk mendapatkan S.P.M. sebelum mereka selesai Pengajian Diploma di KUSZA dan telahpun kita maklum kepada pelajar-pelajar yang berkenaan. Ini adalah untuk menyelamatkan mereka, jikalau keluar KUSZA tidak ada apa-apa Diploma sebab itu kita juga merasakan bertanggungjawab sesuai dengan Islam Hadhari yang kita amalkan ini, mesra rakyat supaya pelajar-pelajar ini dapat kita bantu akhirnya untuk dapat Diploma juga tetapi syaratnya mereka terpaksa ada syarat asas S.P.M.

Yang ketiga, terdapat juga para pengajar yang masuk ke KUSZA tidak ada S.P.M. iaitu syarat asas, ada dua orang di sini dan seorang telahpun ada S.P.M., seorang lagi masih belum ada S.P.M. dan kita syaratkan mereka ini mesti ada syarat minimum S.P.M. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir):** Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosi dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap KUSZA?

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Selama dua bulan ini, kita telahpun menyusun semula kakitangan atasan KUSZA dan kita telah juga meminta pihak KUSZA menyediakan kertas-kertas untuk KUSZA dinaikkan sebagai taraf Kolej-Universiti bermaksud KUSZA seharusnya menawarkan kursus-kursus peringkat Ijazah. Dengan cara ini tarikan untuk kemasukan KUSZA akan menjadi lebih dan selama sebulan ini telahpun kita dapati bahawa peningkatan kemasukan ke KUSZA telahpun dua kali ganda. Kalau dahulu tak sampai 1,000 sekitar 800 hari ini alhamdulillah melebihi mencecah 1,200 yakni kemasukan maksimum yang dapat ditampung oleh KUSZA. .... (TEPUKAN) .....

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir):** Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Okey, terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, Wakil Wakaf Mempelam untuk mengemukakan soalan.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

*Bilakah masalah bekalan air di beberapa daerah di negeri ini dapat dipulihkan sepenuhnya?*

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrah-manirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, insya-Allah pada tahun 2006 masalah air akan dapat diselesaikan di semua daerah di Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masalah bekalan air ini telah berlanjutan agak lama, bila lagi Loji Air di Kepung akan siap dan apakah tindakan terhadap kontraktor yang lambat siap projek tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Boleh tolong ulang, tidak dengar ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya menyebut bahawa masalah bekalan air di negeri ini berpanjangan agak lama. Cuma saya nak tanyanya Loji Air di Kepung itu bila dijangka siap dan boleh beroperasi dan apakah tindakan terhadap kontraktor yang lambat siap projek tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, pembinaan Loji Air di Kepung sekarang ini di peringkat pengujian dan pentauliahan ianya dijangka siap bulan Jun-Julai tahun ini, insya-Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Perbelanjaan/kos untuk pengurusan dan jugak pembangunan bekalan air ini memang tinggi dan biasanya pinjaman dibuat daripada Kerajaan Pusat dan tidak dikenakan apa-apa *charge* tapi khusus untuk Kelantan dan Terengganu dikenakan *charge* dua peratus terhadap apa jugak pinjaman daripada Kerajaan Pusat berhubung dengan kos pembangunan bekalan air di negeri-negeri. Jadi apakah usaha Kerajaan supaya Terengganu tidak dikenakan *charge* dua peratus sepertimana di negeri lain kecuali Kelantan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, ada setengah-setengah yang Kerajaan Pusat beri Geran terus bukan melalui pinjaman. Jadi ada setengah-setengah diberi *Management Charge* bukan *interest*, jadi itulah Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Management Charge* itupun untuk Kelantan dan Terengganu

dikenakan dua peratus tapi tidak dikenakan pada negeri-negeri lain, itu yang saya tanya usaha, apakah usaha yang boleh dibuat supaya tidak dikenakan *charge* dua peratus itu.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, insya-Allah, Terengganu tidak akan dikenakan *charge* tersebut di masa akan datang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oleh kerana masalah kos pembangunan bekalan air ini melibatkan kos yang begitu tinggi sepertimana yang saya sebutkan tadi untuk menaikkan tarif bekalan air. Apakah Kerajaan Negeri jugak akan memikirkan ke arah itu?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, setakat ini tidak ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

*Berapa kalikah pertukaran pegawai telah dibuat dan berapa ramaikah Pegawai Kerajaan Negeri yang terlibat sehingga bulan Jun tahun ini?*

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan kedua, saya baca soalan - Berapa kalikah pertukaran pegawai telah dibuat dan berapa ramaikah Pegawai Kerajaan Negeri yang terlibat sehingga bulan Jun tahun ini?

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini terlalu umum kerana tidak ada tempoh masa mungkin sejak tahun 2000 sampai Jun 2004 ataupun Januari 2004, Mac 2004 hingga Jun 2004. Jadi soalan ini tidak jelas, walau bagaimanapun saya cuba jawab iaitu sepanjang tempoh Kerajaan baru mengambil alih pentadbiran negeri, alhamdulillah pertukaran yang dibuat setakat ini iaitu melibatkan dua kali pertukaran yang melibatkan seramai 28 orang Pegawai Tadbir Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Dalam masa dua-tiga bulan, dua kali pertukaran telah dibuat. Cuma saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya apa rasional seorang pegawai kanan di sebuah jabatan ditukar, tidak berapa lama dihantar balik ke jabatan asal?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pertukaran dua kali melibatkan 28 pegawai, saya rasa tidak suatu yang *extreme* kerana sepanjang tempoh 2000 satu kes yang saya bawa dulu

8 JUN 2004

dalam masa tiga tahun lima belas kali pertukaran dibuat, jadi seorang pegawai yang ditukar lepas itu pindah balik memandangkan keperluan dan pegawai tersebut masih diperlukan di jabatan yang lama untuk meneruskan kerja-kerja beliau yang masih belum selesai, Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Soalan tambahan Yang Di Pertua – Dah masa nak tukar tidak fikirkah? Masa nak tukar tu tidak fikirkah nak buat pertukaran tu pakai .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Terima kasih, Yang Di Pertua, kita dah fikir dah baik-buruk dan apa yang dapat maklumat pada saya, pegawai tersebut minta balik ke jabatan yang asal dia dan menunjukkan bahawa kita telus, kita mempertimbangkan kehendak naluri manusia ataupun pegawai tersebut terlalu berminat ke pejabatnya, berjumpa Menteri Besar dan sebagainya. Kita mempunyai Menteri Besar yang baik yang mesra yang dengan permintaan tersebut Menteri Besar tidak menghampakan permintaan tersebut dan kembali kepada tempat asal yang dikehendaki. Terima kasih, Yang Di Pertua. ....(TEPUKAN) .....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Encik Alias bin Abdullah, Wakil Alur Limbat mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para-para pemerhati, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan saya yang pertama –

*Berapakah jumlah kelulusan kawasan pembalakan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu semasa di bawah kepimpinan PAS sejak Januari 2000 – 20 Mac 2004 yang membabitkan kawasan berikut:*

- a) Kawasan Hutan Simpan/Dara
- b) Kawasan Sudah Kerja
- c) Kawasan tanah milik Kerajaan Negeri
- d) Kawasan tanah milik agensi/anak syarikat Kerajaan Negeri
- e) Kawasan RTB
- f) Kawasan tadahan hujan

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan dari Alur Limbat berbunyi - Berapakah jumlah kelulusan kawasan pembalakan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu semasa di

8 JUN 2004

bawah kepimpinan PAS sejak Januari 2000 – 20 Mac 2004 yang membabitkan kawasan berikut:

- a) Kawasan Hutan Simpan/Dara
- b) Kawasan Sudah Kerja
- c) Kawasan tanah milik Kerajaan Negeri
- d) Kawasan tanah milik agensi/anak syarikat Kerajaan Negeri
- e) Kawasan RTB
- f) Kawasan tadahan hujan

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan sebegini kalau Kerajaan dahulu sering ditolak tetapi oleh kerana ketelusan Kerajaan kita pada hari ini kita menjawab. Jawapan yang pertama, kawasan hutan dara/hutan simpan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan lalu seluas 22,632.44 hektar. Kawasan sudah kerja, luas kawasannya ialah 34,307.11 hektar. Kawasan tanah milik Kerajaan Negeri yang telah dikeluarkan lesen untuk membalak di kawasan tersebut ialah seluas 26,508.91 hektar. Kawasan tanah milik agensi/anak syarikat Kerajaan Negeri yang telah dikeluarkan lesen untuk membalak di kawasan tersebut ialah seluas 5,843.79 hektar. Kawasan RTB ialah seluas 1,954.41 hektar. Dan yang akhir sekali Kawasan tadahan hujan iaitu seluas 3,0001.68 hektar. Jumlah keseluruhannya Dato' Yang Di Pertua ialah sebanyak ataupun seluas 94,248.32 hektar. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang kedua –

*Adakah setiap satu daripada kelulusan tersebut dibuat melalui tender terbuka?*

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini telah dibuat dalam soalan tambahan Wakil Kemasik tadi. Walau bagaimanapun saya suka menjawab sekali lagi bahawa sehingga kini tidak ada satupun kelulusan kawasan tender balak secara terbuka dibuat. Jawapannya Tiada.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sejauh manakah tindakan Kerajaan PAS pada masa itu konsisten dengan Manifesto PAS dalam Pilihanraya Umum Kesepuluh di mana fasal 11 berbunyi, dengan izin saya membaca -

“11. Perhutanan dan Kayu Kayan

- 11.1. Mengawal pembalakan dan memelihara hutan dan memastikan kawasan tadahan hujan dan alam sekitar terjaga.
- 11.3. Mengamalkan Sistem Tender Terbuka dalam pemberian kawasan membalak.”

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itulah PAS 'cakap tak serupa bikin, janji tak pernah dikotakan'. Jadi apa yang berlaku jelas kepada kita Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua bahawa (baca Surah As-Saff, ayat 2). Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Setujukah bahawa fasal 11 tersebut hanya satu kosmetik untuk diteorikan bukan untuk dipraktikkan atau tepat sepertimana dikatakan 'cakap tak serupa bikin'.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya setuju 200 peratus apa yang dikatakan oleh Wakil Alur Limbat bahawa 'cakap tak serupa bikin' dan oleh kerana hal demikian kita memperkenalkan Islam Hadhari untuk memperkatakan bahawa apa yang kita cakap kita buat, apa yang kita janji kita tunaikan insya-Allah, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Setujukah bahawa ini satu bukti ketidakwibawaan PAS menerajui Kerajaan?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, betullah apa yang dikatakan oleh Wakil Alur Limbat dan oleh yang demikian mungkin pada saya menyebabkan bahawa pada Pilihanraya Yang Kesebelas yang lalu Kerajaan PAS tidak mampu lagi mempertahankan Kerajaan Negeri kerana apa yang diperkatakan dan rakyat telah cerdik dan tahu apa diperkatakan dan tidak mampu dilaksanakan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah pemberian yang tidak menurut aturan tersebut?

8 JUN 2004

YANG BERTHORMAT ENCK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang telah dijawab dalam soal yang pertama daripada Wakil Kemasik tadi bahawa Kerajaan sedang meneliti dan ingin membentangkan satu kertas putih berkenaan pembalakan yang dilakukan sepanjang tempoh 2000 sehingga 2004 yang lalu dan insya-Allah rakyat dan seluruh umat akan meneliti dan melihat sama ada, ada atau tidak perkara-perkara yang mungkin menyalahi aturan dan peraturan dalam pemberian tender balak dan hal-hal yang berkaitan dengannya dalam masa yang terdekat ini. Insya-Allah, saya yakin dengan pelantikan jawatankuasa yang berwibawa ini mereka akan bekerja dengan telus, mereka akan bekerja dengan penuh berwibawa untuk pastikan harta atau aset khazanah hutan kita ini akan tetap terpelihara untuk masa-masa yang akan datang. Insya-Allah Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: ..... Yang BERTHORMAT Wakil Alur Limbat, saya rasa sudah cukup soalan tambahan yang dibuat oleh Yang BERTHORMAT. Saya nak persilakan Yang BERTHORMAT lain pulak untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Dipersilakan Yang BERTHORMAT Dato' Haji Harun bin Taib, Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan pertama –

*Apakah sikap Kerajaan di dalam memastikan kelangsungan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)?*

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama ialah berbunyi - Apakah sikap Kerajaan di dalam memastikan kelangsungan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) di negeri Terengganu?

Jawapannya ialah Kerajaan telah melantik pihak luar yang berwibawa untuk memberi perakuan sama ada SRAB patut diteruskan atau sebaliknya.

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan, Yang Berhormat? Tak ada, terima kasih. Sekarang saya tangguh Persidangan Dewan sehingga jam 11.00 pagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon izin dan mencadangkan satu Usul di bawah fasal 30, Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara Pembatalan Tawaran Pelantikan 9 Orang Pegawai Tadbir Negeri Gred N 41 dan 16 Orang Penolong Pegawai Tadbir Negeri Gred N 27 Penghulu Mukim, saya mohon Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila dapatkan cadangan itu dan saya telah tangguhkan Dewan dan kita akan buat keputusan selepas Persidangan disambung semula.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

8 JUN 2004

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu Usul yang dikemukakan mengikut fasal 30 (1), Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu Darul Iman daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam dan saya telah menelitinya dan menyemak berdasarkan peraturan-peraturan yang ada, saya dapati Usul yang dicadangkan ini untuk dikemukakan kepada Dewan Undangan Negeri, saya dapati ianya bukanlah satu perkara yang perlu disegerakan dan begitu mustahak bagi orang ramai jadi Usul itu saya tolak. Terima kasih.

**USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**USUL MENJUNJUNG KASIH**

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan –

*“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafakkan sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Kesebelas dan bersetuju merafakkan sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan persediaan memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dapat melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan memuaskan demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya.”*

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan dan saya buka untuk perbahasan. Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik.

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillahirabbil aalamin wabihi nastain. Asslatuwassal mu-ala-asyrofil-anbia iwamursaliin wa-ala aalihi wasohbihi ajmain.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semasa merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas semalam. Sempena dengan perasmian tersebut marilah kita semua Ahli-ahli Dewan berikrar serta merafak sembah taat setia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dan bekerjasama bagi membangunkan Terengganu Darul Iman yang kita semua cintai ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang baru di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Dato' Idris bin Jusoh kerana telah dapat kejayaan yang cemerlang dalam Pilihanraya yang lalu di mana Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai kejayaan yang begitu membanggakan dan dapat mengembalikan pemerintahan negeri Terengganu di bawah Barisan Nasional daripada PAS. Ini menunjukkan bahawa rakyat telah membuat pilihan yang begitu tepat, pilihan yang begitu jitu dan seterusnya memberi keyakinan kepada seluruh rakyat negeri Terengganu bahawa pembelaan kepada mereka akan dapat dilaksanakan oleh Kerajaan yang baru ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh rakyat negeri Terengganu yang telah memilih Barisan Nasional dan mengembalikan pentadbiran negeri ini ke tangan Barisan Nasional. Percayalah bahawa kemenangan Barisan Nasional di atas kesedaran rakyat, kemenangan Barisan Nasional kali ini rakyat yang betul-betul pilih dan salah satu perkara yang perlu kita fahami dan perlu kita terima bahawa kemenangan Barisan Nasional telah ditakdirkan oleh Allah s.w.t. bukannya bantuan daripada hantu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan yang baru ini akan dapat membela pembangunan rakyat, dapat memberi kecaknaan kepada rakyat dan dapat mengembalikan maruah rakyat yang selama ini mengharap sesuatu daripada Kerajaan PAS yang dipilih pada tahun 1999 tetapi rakyat rasa begitu kecewa di atas kegagalan Kerajaan PAS dalam memberi tanggungjawab sebagaimana yang diamanahkan oleh rakyat sehingga pentadbiran di bawah Kerajaan PAS berlaku begitu kucar-kacir dan sebagainya. Jangan sekali kata nak membuat, membina perkara-perkara yang begitu besar bagi menjamin kesejahteraan rakyat tetapi untuk menjaga sebuah balai rayapun Kerajaan PAS dahulu tak mampu. Berlaku juga penyalahgunaan kuasa boleh saya katakan

apabila kawasan-kawasan balak diluluskan begitu rupa walaupun selepas Dewan dibubarkan. Ini satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negeri yang katanya 'Membangun Bersama Islam'. Saya minta Dewan yang mulia ini membuat satu penyiasatan sama ada lesen yang dikeluarkan itu sebanyak 17 buah lesen itu betul-betul mengikut syarat dan peraturan ataupun berlaku penyelewengan di mana-mana supaya tindakan dapat diambil kepada Kerajaan yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, yang saya petik daripada Titah Ucapan Tuanku ada menyatakan bahawa ada satu fakta yang tidak dapat disangkal lagi ialah ekonomi negeri Terengganu adalah banyak dirangsang oleh sektor perlombongan dan dijana oleh industri huluan petroleum. Permintaan yang tinggi terhadap petroleum dan gas asli telah membuat pertumbuhan berterusan bagi sektor ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apabila kita bercakap berhubung dengan petroleum, kita bercakap berhubung dengan projek gas dan petroleum ianya menggambarkan pembangunan di kawasan saya, DUN Kemasik, khususnya Pekan Kerteh di mana berada dalam industri petroleum dan gas ini. Di Pekan Kertehlah wujud projek industri yang berasaskan gas dan petroleum, petro-chemical, petro-kimia yang melibatkan pelaburan yang begitu tinggi, mungkin pelaburan yang begitu tinggi di kawasan industri yang begitu besar di negara Asean ini iaitu melibatkan pelaburan berjumlah RM77 bilion. RM77 bilion pelaburan yang begitu besar dan di Pekan Kerteh jugalah letaknya tempat-tempat kediaman dan perumahan pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing, di situ juga terletak Rantau Petronas. Apa yang ingin saya sentuh di sini, pembangunan industri petroleum di kawasan Kerteh tidak seimbang dengan pembangunan Kerteh itu sendiri. Dua puluh tahun telah berlalu tapi Kerteh masih juga di tahap yang sama dan tidak mengikuti pembangunan industri petroleum yang ada di kawasan tersebut. Tidak ada tempat membeli-belah yang sepatutnya digunakan oleh pekerja-pekerja minyak, pekerja-pekerja Petronas. Tidak ada tempat rekreasi, tidak ada kemudahan-kemudahan tempat bersukan dan juga tidak ada kemudahan-kemudahan tempat perubatan yang sepatutnya ada dalam satu kawasan industri yang begitu besar. Pekan Kerteh dan Kemasik ketinggalan begitu jauh. Oleh itu sudah sampai masanya, pihak Kerajaan dan mungkin juga pihak Petronas membuat sesuatu bagi mengseimbangkan pembangunan yang ada dengan perkembangan kawasan Kerteh dan Kemasik itu sendiri. Selama ini, selama dua puluh tahun pekerja-pekerja di kawasan tersebut membelanjakan hasil daripada pendapatan mereka di luar daripada negeri Terengganu. Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, hari ini di Pekan Kerteh, di Bandar Baru Kerteh ada empat buah bank komersil, dianggarkan di antara RM10 juta hingga RM15 juta yang keluar melalui kaunter sebulan. Pada satu ketika dulu di antara RM18 juta – RM30 juta sebulan wang tunai yang keluar melalui kaunter. Ke mana wang tunai ini pergi? Begitu besar tapi tempat, kemudahan membeli-belah tidak ada di Kerteh dan juga di sekitar

daerah Kemaman. Mereka mengambil kesempatan untuk berbelanja di luar dari Terengganu. Mereka pergi ke Kuantan untuk membeli barang-barang bekalan makanan untuk seminggu. Mereka berbelanja besar di Kuala Lumpur tapi rakyat asal yang ada di kawasan DUN saya masih di tahap yang lama. Sesuatu perlu dilakukan dan saya minta perkara ini akan dapat dipertimbangkan demi untuk pembangunan di masa depan di kawasan projek industri petroleum ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apabila kita menyentuh berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas termasuk kemudahan-kemudahan bersukan dan sebagainya. Dulu semasa Kerajaan Barisan Nasional sebelum diambil pemerintahan oleh PAS, Kerajaan Negeri ketika itu telah bersetuju untuk membina sebuah Mini Stadium di Pekan Kerteh bagi kemudahan anak-anak muda dan juga pekerja-pekerja petroleum di kawasan itu untuk menggunakannya dan saya minta supaya pembinaan Mini Stadium ini dapat dipercepatkan kerana tanah telahpun siap sedia ada. Begitu juga dengan hospital, tapak telahpun dikenal pasti tahun 1998, lawatan tapak telahpun dibuat tapi saya minta dalam Dewan yang mulia ini supaya sebuah hospital dibina di kawasan tersebut bagi memberi kemudahan kepada 39,000 penduduk yang ada di kawasan tersebut. Begitu juga dengan Bandar Baru yang telah sedia ada, Bandar Baru yang berumur 20 tahun hari ini terbiar begitu rupa tidak ada penyeliaan dilakukan oleh pihak PMINT (Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu). Bangunan yang begitu usang, kawasan yang begitu terbiar, naik hutan, naik semak. Sebuah padang bola ada di situ semua telah naik hutan. Saya minta perkara ini dapat dilihat, dapat diambil tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya bangunan Bandar Baru Kerteh dan keadaan Bandar Baru Kerteh itu sendiri akan hidup sesuai dengan pembangunan yang ada di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Manifesto Barisan Nasional Pilihanraya yang lalu telah dijanjikan bahawa sebuah Bandar Petro-Kimia, Bandar Petroleum akan dibina yang mempunyai kemudahan yang serba lengkap. Ianya akan dilaksanakan dalam masa lima tahun. Saya memohon dalam Dewan yang mulia ini supaya Bandar Baru yang dicadangkan ini sebuah bandar moden yang serba lengkap dapat dibangunkan, dapat diadakan di kawasan saya DUN Kemasik sesuai dengan pembangunan petroleum di kawasan itu yang saya sebut tadi melibatkan pelaburan RM77 bilion dan sesuai satu bandar baru wujud di kawasan tersebut. Maka saya minta pihak Kerajaan Negeri pertimbangkan Bandar Petroleum ini dibina atas satu kawasan yang seluas 443 ekar satu kilometer dari Laut Cina Selatan dan tak sampai satu kilometer dari Rantau Petronas, Kerteh. Saya percaya dengan adanya Bandar Baru ini kemudahan untuk 5,000 pekerja-pekerja petroleum di kawasan Kerteh akan dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang akan ada di Bandar Baru Petroleum ini. Inilah yang saya harap sangat-sangat kawasan telah ada, tanah kerajaan, luas 443 ekar berhadapan dengan Laut Cina Selatan bersebelahan Rantau Petronas dan boleh

disambung lagi dengan tanah yang masih luas di belakang tanah yang saya maksudkan itu. Jadi perkara ini perlu diambil dan dilihat oleh Kerajaan supaya pembangunan di kawasan projek petroleum ini seimbang dengan keadaan yang berlaku di sekitarnya. Kita tak hendak lagi pekerja-pekerja Petronas dan Esso dan pekerja-pekerja lain berbelanja di luar daripada negeri Terengganu. Kita lihat di sebelah sempadan kita, negeri Pahang telahpun membina sebuah Bandar Baru di sempadan antara Terengganu dan Pahang, apa tujuannya. Di situ tidak ada penduduk, kurang penduduknya kalau adapun jauh daripada Kuantan tapi sebuah pusat membeli-belah, kawasan perumahan dibina begitu rupa di bersebelahan negeri Terengganu dan saya percaya tujuannya untuk menjerat orang-orang negeri Terengganu, pekerja-pekerja minyak untuk berbelanja di kawasan tersebut. Oleh itu sudah sampai masanya kita buat sesuatu bagi memperkuatkan pembangunan di kawasan industri yang memberi manfaat begitu besar, hasil begitu besar kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa cukup setakat ini hari ini dan sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya dan saya dengan sukacitanya mohon menyokong. Terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Okey, terima kasih. Ahli-ahli yang lain yang ingin berucap. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Sura.

**YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua Ahli Dewan yang saya muliakan.

Terlebih dahulu saya melahirkan setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah s.w.t. dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku Al-Sultan pada pagi yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa Islam yang dibawa oleh Baginda Rasulullah s.a.w. merupakan agama yang relevan sebarang tempat dan sebarang zaman. Oleh sebab itu, istilah yang disebutkan sebagai Islam Hadhari yang diwarwarkan kini bukanlah merupakan ajaran yang baru dan ianya merupakan suatu cita-cita murni kita bersama dalam melahirkan tamadun hidup, membina negara yang maju dan yang membangun sesuai dengan apa yang disebutkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Berbeza bila mana kita menyebutkan sebagai Hadharah Islamiah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua bila kita menyebutkan tentang

Hadharah Islamiah, membawa erti kita hanya menyebutkan tentang tamadun yang lalu, perkara yang lepas berbanding dengan semangat dan cita-cita murni kita bersama untuk mengulang apa yang pernah ditunjukkan pada zaman Assolatuwassalah dahulu. Bahawa di zaman Saudatussolah dahulu, kita lihat pembangunan demi pembangunan sesuai dengan zaman itu. Sebab itulah kalau kita melihat dalam sejarah di antara usaha awal yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. ialah Baginda mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar. Membina tautan kasih di antara mereka tanpa mengira etnik, tanpa mengira bangsa, darjat keturunan dan seumpamanya. Atas dasar inilah Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, atas dasar ini kita menyedari, akhir-akhir ini berlaku dalam masyarakat kita seolah-olahnya ada puak-puak. Satu puak yang cuba untuk memadu kasih, mempertautkan antara satu sama lain dan dalam masa yang sama ada tangan-tangan yang seolah-olah tidak merestui perpaduan yang cuba kita jalinkan ini. Atas dasar ini Islam Hadhari yang diwarwarkan kini berdasarkan apa yang disebutkan dalam nas-nas al-Quran dan hadis mengajak kepada seluruh rakyat supaya kita melihat bahawa Islam yang sebenarnya yang dibawa oleh Baginda s.a.w. bukanlah agama yang jumu' bukan pula agama yang kaku dan lesu. Sebaliknya ia merupakan agama yang melibatkan duniawi dan ukhrawi yang bukan hanya semata-mata melibatkan persoalan ibadah ritual semata-mata tetapi ianya merupakan agama yang seimbang sebagaimana dalam al-Quran terutama di dalam surah Al-Qasas ayat 77, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

*"Dan tuntutan carilah kamu dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada kamu akan pahala dan kebahagiaan hari Akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari dunia dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu".*

(Al-Qasas, ayat 77)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, merujuk kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dinyatakan tentang suasana harmoni di kalangan rakyat hendaklah dikekalkan demi menjaga kepentingan bersama. Masanya amat sesuai sekali tatkala semua golongan rakyat tanpa mengira agama, etnik dan fahaman politik dapat bekerjasama antara satu sama lain dengan berganding bahu memajukan negeri. Atas dasar inilah dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan dan pihak Kerajaan seharusnya memikirkan bagaimana langkah-langkah untuk kita terus lihat suasana harmoni ini berlaku dalam negeri yang kita cintai ini. Di antaranya ialah kita tidak dapat tidak hendaklah memperkasakan masjid-masjid dan surau-sarau yang merupakan institusi utama kepada masyarakat Islam dalam menyatupadukan ummah berdasarkan pengajaran-pengajaran daripada guru-guru

yang berkali-kali di kalangan mereka yang ikhlas dan tulus untuk melihat Islam ini membangun sebagaimana yang dikehendaki. Dalam yang mulia ini juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya merasakan sudah sampai masanya sekurang-kurangnya di setiap daerah kita wujudkan Pusat-pusat Dakwah mudah-mudahan dengan itu akan memberikan peluang kepada rakyat setempat untuk sama-sama memikirkan bagaimana keadaan mereka dalam kemantapan ilmu pengetahuan sesuai dengan perkembangan di zaman mutakhir ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan isu perpaduan yang dijelaskan tadi kita melihat akhir-akhir ini ada kedapatan setengah-setengah daerah dan setengah-setengah tempat berlaku semacam orang ramai berbelah bahagi semacam kurang mengerti tentang kefahaman Islam yang syumul. Bila melihat kalau dahulu di masjid-masjid dan surau-surau di kalangan ahli jemaah yang jarang didapati di masjid-masjid berkenaan lalu di zaman Kerajaan PAS dahulu alhamdulillah mereka telahpun berhijrah ke masjid-masjid dan surau-surau yang dianggap sebagai tidak boleh sembahyang ataupun tidak sah sembahyang mereka. Tetapi keadaan ini amat mendukacitakan bila mana Kerajaan yang baru memerintah iaitu Kerajaan kita bersama, suasana nampak balik asal daripada orang yang tak pernah kita jumpa lalu sekarang ini kita lihat mereka terbalik ke tempat yang asal seolah-olah tempat yang mereka sembahyang yang dianggap halal itu telah menjadi haram. Kita dapati juga di setengah-setengah tempat ada tenaga-tenaga pengajar, kalangan-kalangan ilmuan yang seolah-olahnya memberikan ucapan-ucapan berdasarkan kepada emosi dan sentimen masing-masing sehingga menyebabkan orang awam keliru dengan hukum-hukum yang diberikan menyebabkan mereka memilih-milih masjid mana yang perlu mereka sembahyang, masjid mana yang boleh mereka sembahyang dan sebaliknya masjid mana yang mereka tidak boleh sembahyang. Hal inilah kita menyedari bahawa Islam Hadhari bukan hanya semata-mata untuk kumpulan-kumpulan tertentu sahaja tetapi perlu disebar luaskan kepada seluruh rakyat supaya dengan itu kita melihat suasana harmoni yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Al-Sultan akan dapat direalisasikan oleh rakyat kita bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dalam majlis Dewan yang mulia ini juga ingin menyebutkan bahawa pihak Kerajaan seharusnya berusaha keras lagi dalam membina bandar-bandar sekurang-kurangnya setiap daerah untuk dilihat oleh orang ramai yang memberikan pulangan dan keberkesanan yang baik kepada rakyat jelata dengan bila mana kita membandingkan hal ini dengan negeri di Pantai Barat terutamanya. Suasana ini telah mula berubah perlunya bandar-bandar seumpama ini untuk memberikan maklum kepada seluruh rakyat betapa Islam bukan hanya semata-mata di masjid dan surau, betapa Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. bukan hanya semata-mata khutbah dan syarahan tetapi Islam di bawah Rasulullah merupakan agama yang membangun, agama yang maju sebab itulah selain daripada Nabi mempersaudarakan manusia yang telahpun

Islam, Nabi telahpun membina asas pembangunan iaitu Rumah Allahtaala iaitu Masjid Qhuba'. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, atas dasar itulah saya berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan Islam Hadhari yang kita perjuangkan ini diberikan rahmat oleh Allah s.w.t. dan mudah-mudahan Allah s.w.t. memberikan bimbingan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama dengan pimpinan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk rakyat melihat bahawa Islam ini bukanlah merupakan semata-mata slogan tetapi perlu direalisasikan semata-mata untuk mencari kemajuan dan kebahagiaan duniawi dan ukhrawi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada semua, mudah-mudahan kita berdoa kepada Allah apa yang kita bincang pada hari ini diberikan restu oleh Allah s.w.t. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Terima kasih, ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap?

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Alhamdulillah wabihi nastain wassalatuwassalamu-alarasulillah wabihil-amin wa-ala-alihi wa-ashabihi ajmain.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati seterusnya tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah s.w.t. Pertamanya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberikan laluan kepada saya pada pagi ini untuk turut serta di dalam membahaskan Usul Ucapan Rakaman dan Merafak Sembah Penghargaan dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Kali Yang Kesebelas. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya di sini pertamanya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Haji Idris bin Jusoh, Menteri Besar yang telah kembali dalam erti kata menjadikan Kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Barisan Nasional. Dan sebenarnya merujuk kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di awal-awal Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyebutkan bahawa keadaan di dalam negeri Terengganu, keadaan semasa tetap aman dan tenteram, rakyat terus menjalani kehidupan harian mereka dengan selesa. Di sebalik yang tersurat pada hemat saya ada maksud yang tersirat di atas kemenangan Barisan

8 JUN 2004

Nasional kembali menguasai negeri Terengganu dalam suasana tahun 1994, 1999 empat berentap dengan dua puluh lapan tetapi tahun 2004 dua puluh lapan menyentap empat. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang disebutkan melalui Titah Tuanku adalah merupakan suatu yang menggambarkan bahawa sesungguhnya kemenangan yang dicapai ini adalah merupakan suatu kemenangan yang cukup manis dalam suasana ada pihak yang sebenarnya seolah-olah tidak boleh menerima kekalahan dan pada masa yang sama, ada pihak yang sebenarnya tak menyangka kemenangan yang begitu besar. Ertinya kemungkinan-kemungkinan kepada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini sama ada bentuk perarakan ataupun pemulauan boleh berlaku tetapi keadaan negeri Terengganu tetap aman dan tetap dalam tenteram. Merujuk kepada konsep Islam Hadhari saya mengucapkan tahniah kepada pimpinan negeri yang baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menjuruskan kepada Konsep Islam Hadhari ke arah melihat yang tertib, mesra dan berakhlak dalam erti kata masuk ke Wisma Darul Iman dengan penuh tertib bukan melalui kegelojohan ataupun gopoh-gapah sebaliknya masuk dengan tertib melalui sembahyang hajat memohon keredhaan Allah s.w.t. moga-moga amanah kepimpinan yang diberikan ini merupakan suatu amanah yang akan dapat kita laksanakan dengan terbaik melalui apa yang telahpun kita janjikan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa yang sama kita mengharapkan supaya pihak-pihak tertentu dapat menerima keadaan ataupun realiti ini sebagai suatu ketentuan dan ketetapan Allah s.w.t. dan pada masa yang sama kita juga perlu mengucapkan terima kasih dan tahniah setinggi-tingginya kepada rakyat negeri Terengganu yang cukup pandai dan bijak kerana satu ketika dahulu orang mengatakan bahawa rakyat Kelantan adalah rakyat yang bijak mampu untuk menggulingkan Kerajaan yang ada pada tahun 1990. Tetapi rakyat negeri Terengganu jauh lebih bijak daripada rakyat Kelantan 1999 diberi kepada PAS tapi tahun 2004 diberi semula kepada Barisan Nasional tahniah sebenarnya untuk rakyat negeri Terengganu yang cukup bijak. .... (TEPUKAN) .....

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam kesempatan yang diberikan ini juga melalui Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada perkara sebenarnya menggambarkan bahawa Terengganu agak ketinggalan jauh ke belakang lebih-lebih lagi dalam tempoh empat tahun yang lalu. Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyarankan agar Kerajaan terus berusaha bersungguh-sungguh supaya negeri Terengganu tidak akan tersisih dan ketinggalan daripada arus kemajuan dan pembangunan negara dalam erti kata Terengganu di bawah kepimpinan yang baru akan berjalan seiring bagi maksud memberikan kesejahteraan kepada rakyat jelata. Kita sebenarnya dari segi masanya sudahpun ketinggalan empat tahun dari segi pembangunan dan kemajuan, justeru itu kita harus berusaha dan bekerja dengan penuh bersungguh-sungguh dalam rangka yang disebutkan "tujuh hari dua puluh empat jam" sebagaimana yang kita hasratkan bersama. Yang Berhormat

Dato' Yang Di Pertua, Islam Hadhari Terengganu Bestari adalah merupakan satu cita-cita dan hasrat kita bersama bagi melihat Terengganu khasnya dan Malaysia amnya menjadi sebuah negeri dan negara contoh. Kita tidak mahu menjadi Negara Islam yang dimomokkan oleh musuh-musuh yang lain semata-mata kerana teori-teori retorik kita yang tidak berkesudahan. Apa yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Islam Hadhari Terengganu Bestari adalah merupakan hasrat seluruh rakyat jelata dalam maksud untuk mengembalikan kemurnian dan kehebatan Islam itu sendiri. Kita tidak mahu menjadi negeri dan negara yang sebagaimana Iraq yang sebenarnya musnah dan dimusnahkan oleh musuh Islam itu sendiri. Tetapi teori Islam Hadhari Terengganu Bestari adalah merupakan satu konsep untuk kita menjadikan negeri kita sebagai negeri yang dihormati lagi disayangi oleh sahabat-sahabat dan dalam masa yang sama disegani oleh musuh. Kita tidak mahu bermusuh dengan orang lain sebab itu adalah merupakan garis dasar yang dibawa oleh Islam itu sendiri dan sebenarnya Islam Hadhari ini bukan merupakan suatu ajaran yang baru sebagaimana yang diwarwarkan ia tetap merupakan Islam yang asal yang dibawa oleh junjungan Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana firman Allah – (Surah Al-Anbiyaa', ayat 107). Dan Islam Hadhari yang ada pada kita pada hari ini adalah merupakan cemaan Rasulullah s.a.w., cuma oleh pada zaman ini pada kebelakangan ini, soal Islam seseorang itu dipertikaikan ada label 'Islam' dan ada yang 'Tidak Islam'. Maka wujudnya teori-teori dan label 'Membangun Menurut Islam', maka demi untuk itu juga apa salahnya kita mewujudkan 'Islam Hadhari' benda yang serupa seolah-olah pada tahun 1999 pembangunan yang ada di Terengganu sebelum ini tidak menurut Islam maka wujudlah slogan 'Membangun Menurut Islam'. Tetapi kita jugak mengatakan bahawa 'Islam Hadhari' sebagaimana 'Membangun Menurut Islam' Islam yang sama yang sebenarnya tidak boleh untuk nak diperkotak-katikan oleh mana-mana pihak yang cuba menanggung di air keruh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa yang sama sebenarnya kita berhasrat di bawah Islam Hadhari Terengganu Bestari ini, kita berhasrat untuk menjadikan negeri kita sebagai negeri yang menjadi contoh kepada negeri-negeri yang lain dari berbagai aspek sebagaimana yang telah dinyatakan melalui Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku khususnya berkaitan dengan pendidikan dan ilmu itu sendiri kerana apa sahaja kemajuan dan kemajuan pembangunan yang kita ingini sama ada dalam bentuk *spiritual* mahupun *material*-nya dengan izin Dato' Yang Di Pertua, adalah merupakan suatu perkara yang cukup penting kepada kita. Justeru itu ilmu dan pendidikan adalah merupakan satu teras yang cukup penting. Saya cukup yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Haji Idris bin Jusoh soal pendidikan dan ilmu menjadi suatu hasrat yang cukup besar bagi menjadikan rakyat negeri Terengganu sebagai rakyat yang berilmu. Pada masa yang sama saya juga mencadangkan di sini kepada pihak Kerajaan hingga setakat inipun Parlimen Kuala Nerus termasuk Tepoh itu sendiri merupakan kawasan lokasi pendidikan apa salahnya kita terus hidupkan dan kita jadikan Kuala

Nerus ataupun Tepoh itu sendiri sebagai kawasan, Parlimen, DUN, Daerah Ilmu, Daerah Pendidikan dalam negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa yang sama izinkan saya untuk menyatakan bahawa kita perlu untuk terus berusaha bagi maksud untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri kita dalam erti kata sama ada yang berpendapatan rendah mahupun yang berpendapat terendah, miskin yang tegar. Dalam soal ini, saya kira sebenarnya saranan melalui Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Kerajaan berusaha melakukan program-program yang disifatkan program-projek yang menjana pendapatan perlu dipergiatkan. Kita tidak seharusnya hanya memberikan tumpuan untuk membantu mereka yang tidak berupaya dalam maksud sekadar membantu sebagaimana biasa tetapi wajar dan perlu kepada kita berikhtiar supaya mengadakan program-program dan projek-projek yang boleh menambahkan pendapatan kepada rakyat kita kerana kemiskinan dan kepapaan ini merupakan suatu yang tidak indah di dalam Islam. Bahkan Sayyidina Ali k.w. pernah menyebutkan bahawa alangkah buruknya kepapaan, kemiskinan itu 'jika aku meminta aku malu jika aku berdiam diri aku akan binasa' bermakna orang yang berada dalam kemiskinan kalau diadu-adu, meminta-minta sebenarnya akan menimbulkan perasaan rendah diri dan malu tetapi kalau berdiam diri pulak akan binasa kepada orang tersebut dan rakyat keseluruhannya. Justeru itu, Kerajaan Terengganu pimpinan yang baru diharapkan memainkan peranan kita bersama untuk memajukan negeri kita daripada kemiskinan dan kesempitan hidup kepada rakyat jelata.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin menyebutkan di sini bahawa sesungguhnya Islam Hadhari Terengganu Bestari adalah merupakan satu cita-cita untuk kita realisasikan melalui teori dan kita nak praktikkan apa yang kita sebutkan. Kita tidak mahu sekadar bercakap dalam erti kata hanya melalui teori Roda Impian, roda itu tetap berpusing kadang-kadang yang kita hendak kejar adalah wang besar tetapi wang besar yang dikejar oleh Kerajaan yang lalu sebenarnya memusnahkan Kerajaan mereka sendiri melalui penebangan balak-balak dan hutan yang tidak teratur dan melanggar etika, manifesto perkara 11 yang dinyatakan iaitu pembalakan yang hendak dilakukan hendaklah dilakukan secara Tender Terbuka. Tetapi setelah diterangkan sebentar tadi rupa-rupanya tidak wujud konsep Tender Terbuka ini pelanggaran manifesto mereka sendiri. Pada masa yang sama ini adalah merupakan teori yang tidak dipraktikkan Islam Hadhari adalah teori yang dipraktikkan. .... (TEPUKAN) .....

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ada masa lagi Yang Berhormat Dato'?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat Dato'. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin menyebutkan di sini tentang perkara-perkara yang lain yang saya kira amat penting kepada kita khususnya demi untuk meningkatkan penghayatan terhadap keilmuan, fardhu air, membaca al-Quran dan sebagainya. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah bertitah dalam maksud supaya perkara-perkara yang melibatkan tentang soal-soal kebajikan rakyat yang melibatkan penghargaan kepada rakyat yang berkebolehan seperti guru-guru yang mengajar al-Quran, kelas-kelas fardhu ain dan hafiz-hafiz al-Quran diberikan ganjaran yang sewajarnya. Oleh itu saya kira perkara ini adalah suatu perkara penting sebagai penghargaan kita kepada rakyat yang sebenarnya di antara perkara-perkara inilah sepanjang empat tahun yang lalu tidak diperolehi dan tidak sangat dirasai oleh guru-guru yang mengajar al-Quran, hafiz-hafiz al-Quran kerana semata-mata dengan alasan tidak mempunyai yang cukup. Oleh itu saya cukup yakin Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar yang baru akan mengambil perhatian kepada persoalan-persoalan ini bagi memberi insentif-insentif kepada mereka yang sebenarnya berkebolehan dan istimewa di dalam masyarakat kita kerana sesungguhnya orang yang memberikan penghargaan kepada orang yang mengajarkan ilmu, orang-orang yang menghafazkan al-Quran adalah merupakan suatu langkah ataupun mendapat ganjaran yang terbaik di sisi Allah s.w.t.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, suka menarik perhatian Dewan yang mulia kepada persoalan keperluan rakyat kepada tempat tinggal dalam erti kata perumahan kerana ini merupakan suatu perkara yang cukup penting kepada setiap mereka yang hidup kerana di antara keperluan asasi yang besar ialah tempat tinggal dan kita merasakan bahawa konsep ataupun urusan untuk membina perumahan kos rendah perlu diteruskan dan kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang berusaha untuk membina perumahan kos rendah yang disebutkan tadi dalam rangka 2004 – 2008, dianggarkan sekitar 10,000 unit. Ini merupakan suatu gambaran yang terbaik yang kita akan laksanakan tidak sebagaimana empat tahun yang lalu, tidak ada perumahan kos rendah yang dibina, kesian kat rakyat negeri Terengganu. Oleh itu kalaulah perumahan kos rendah ini hendak dilaksanakan harap-harap mengalirlah ke DUN Tepoh, Parlimen Kuala Nerus.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyebutkan tentang soal keperluan kepada penyusunan dan pengstruktur semula kependudukan daerah-daerah khususnya Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku disebutkan semakin hari semakin lama semakin tahun semakin ramai rakyat yang berhijrah ke bandar ataupun yang mendiami kawasan-kawasan bandar. Oleh itu perlu sangatlah kepada kita membuat penyusunan semula dan penstruktur semula kedudukan bandar-bandar dan daerah-daerah dalam

maksud Majlis-majlis Daerah yang ada di dalam negeri kita. Saya kerana datang daripada Parlimen Kuala Nerus, sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tidak ada satupun dalam Parlimen negeri ini kecuali Parlimen Kuala Nerus yang sebenarnya tidak mempunyai Majlis Daerah. Walau apapun terserah kepada pihak Kerajaan untuk menentukan kedudukan Parlimen Kuala Nerus supaya dinaiktarafkan ataupun diletakkan sama dengan Parlimen ataupun daerah-daerah yang lain. Yang lain Besut ada Majlis Daerah Besut, Majlis Perbandaran Kemaman, bila sebut Kuala Nerus, takdok, dia bunyi Kuala Nerus sahaja, Parlimen sahaja. Mungkin ada perancangan oleh pihak Kerajaan dan kita mengharapkan begitu kalau tidak diwujudkan Majlis Daerahpun tetapi diberikan keistimewaan tersendiri sebenarnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, akhirnya saya ingin juga menyebut di sini bahawa marilah sama-sama kita sebagai pembuat dasar dan Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sama-sama mentadbir negeri kita dengan pentadbiran yang baik sesungguhnya andai kata kita tadbir negeri kita dengan baik Allah s.w.t. akan tetap sentiasa dengan kita baik dalam bentuk bersama dengan Penjawat-penjawat awam, Pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan sebagaimana dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya melihat bahawa dalam tempoh empat tahun yang lalu semasa pemerintahan yang dahulu apa yang berlaku sebenarnya tidakpun wujud suasana intim, suasana harmoni di antara kepimpinan negeri dengan Pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan yang saya sebutkan ini kerana saya dan beberapa rakan lain turut terkena bahang ataupun unsur-unsur tersebut menyebabkan kita keluar dan kita buat pendirian masuk politik. Oleh yang demikian, kita perlu ingat kepada pesanan dan ingatan daripada Sheikh Syakit Al-Bhalqi yang ditujukan kepada Khalifah Harun Al-Rashid disebutkan bahawa 'Kamu adalah merupakan mata air dan pegawai-pegawai bawahan kamu adalah sungainya. Andai kata air mata itu jernih maka sungai yang mengalir itu adalah sungai yang jernih. Apabila air yang mengalir melalui sungai yang jernih itu maka seluruh yang lain akan dapat menaifatnya'. Rakyat jelata di dalam negeri Terengganu akan mendapat kemakmuran, akan mendapat kebajikan melalui mata air yang jernih dan sungai yang jernih. Mata air yang jernih adalah kita pimpinan-pimpinan dan sungai yang jernih adalah Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang berganding bahu bagi maksud menjadikan Terengganu Bestari melalui slogan Islam Hadhari.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kira itulah yang saya ingin sebutkan di sini yang akhirnya marilah sama-sama kita jauhkan diri kita daripada sikap perasaan yang angkuh, takabur di atas amanah yang kita terima kerana itu merupakan suatu yang tidak baik dan sedikit sebanyak apa yang berlaku dalam empat tahun yang lalu ada unsur-unsur angkuh dan takabur. Dalam erti kata menjalankan pemerintahan demi untuk menunjukkan kita yang lebih betul orang

lain tidak betul dan sesungguhnya biarlah kita katakan bahawa yang kita nak cari adalah sama. Kita umpama nak makan nasi semua bahan-bahan kita dah cukup, syarat dah cukup, nak masak nasi mesti ada dapur, ada periuk, ada ikan dah cukup. Tak ada orang nak masak nasi dia tak guna beras dia guna benda lain, nasi melalui beras orang inipun guna beras, kitapun guna beras tetapi dua orang yang berbeza yang memasak dia akan melahirkan, merasakan berbeza tak akan lahirkan rasa yang sama. Si 'A' cara dia orang kata Dato' Yang Di Pertua dengan izin 'guna sodek tu' dia kacau cara lain akan rasa lain. Orang lain kacau cara lain akan rasa lain. Jadi hormatlah, walaupun tak sedap orang lain buat, hormatlah, itu sedap pada cita rasa dia walaupun tak sedap pada cita rasa orang lain. Jangan kita rasa benda itu orang lain buat tak sedap bila kita makan tak sedap kita kata tak sedap. Jangan kita rasa tak sedap, kita beritahu pulak ke orang lain yang dia masak tak sedap dan lebih malang lagi ialah bila kita beritahu ke orang lain rasa tak sedap kita .....

**YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Sodek lagu mana gok masak yang sedapnya?

**YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):** Sodek buatan Barisan nasional. Dato' Yang Di Pertua yang paling malangnya ialah bukan sahaja kita merasakan masakan orang lain tak sedap, kita menghasut orang lain jangan makan masakan tersebut kerana tak sedap. Inilah yang ada dalam masyarakat kita yang mengatakan orang lain tak baik akhirnya menghasut orang lain supaya menjauhkan daripada kumpulan tersebut kononnya dia tak baik dan tidak Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dengan ini mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya pagi ini untuk sama-sama terlibat dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Usul Rakaman Terima Kasih/Ucapan Penghargaan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan semalam. Saya mohon menyokong Usul ini, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Tak ada. Sila Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Pertama-tamanya saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Al-Sultan sempena dengan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri semalam. Pertama-tamanya saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan Ucapan Tahniah saya kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana dilantik sebagai Yang Di Pertua Dewan walaupun kalah Pilihanraya masih boleh menjadi Yang Berhormat, alhamdulillah.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Teruskan ucapan, Yang Berhormat.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Cuma Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dalam ucapan pertama ini barangkali agak sukar bagi saya hendak mengenali kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru kerana mungkin sebelum daripada ini saya tak pernah berjumpa dengan mereka. Cuma yang lama-lama ramai jugak yang saya kenal termasuklah sahabat lama saya Yang Berhormat daripada Kemasik yang saya kira dah lima penggal sudah jadi Yang Berhormat tapi saya kesian jugaklah kerana tak jadi EXCO lagi dah lima penggal.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya perhatikan bahawa dua-tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti penyokong Kerajaan Barisan Nasional telah berucap tetapi masih tepat anggapan saya sebelum daripada ini bahawa apabila ucapan yang dibuat oleh Parti Kerajaan tidak terlepas daripada wirid dia tiga perkara. Yang pertama biasanya dia Ucap Tahniah, Terima Kasih, puji Yang Amat Berhormat Menteri Besar, puji Kerajaan lepas itu diapun mintak projek .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Baru nak *start* Yang Berhormat gangu dah .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Duduklah. Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Soal wirid-wirid serupa-ya saje, orang PAS wirid tu jugak, orang UMNO wirid tu jugak. Ke ada wirid laser? Ada asap kalau wirid laser tu.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inipun salah seorang lagi sahabat lama saya perangai dulu, le-ni, dan sampai bila-bila begitu. Tak dan kita bercakap soal .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – nak kata lagi? Dato' Yang Di Pertua, saya berharap Ahli Pembangkang tak ramai empat orang saja, masa terhad bercakaplah molek,

jangan duduk kata kita Kerajaan ini, dua puluh lapan orang ada ni. Kata wiridlah, apalah. Cakap, khaborlah hebat nak dengar bersyarah ni. Cakap biar molek sikit, biar hebat sikit. Kita nak jawab jugak, nak dengar jugak, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, lepas ini saya tak benarkan, saya tak beri laluan kepada Wakil Kijal untuk mengganggu ucapan saya. Saya baru nak *start* Dato' Yang Di Pertua, tak kata apapun lagi, sekadar pengamatan saya .....

**YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, tak kata apa lagi, kata doh tadi.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tegaskan bahawa lepas pada ni saya tidak akan memberi laluan kepada Yang Berhormat Kijal kerana berilah kesempatan kepada saya dan kami ini dahlah empat orang untuk bercakap sekurang-kurangnya memberikan pandangan kita, hujah kita dan sama-sama turut serta untuk membahaskan Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak tambah sikit lagi tadi fasal dua-tiga orang tadi lepas dia tu, dia minta projek termasuklah Yang Berhormat Kertih, Yang Berhormat Tepohpun minta projek kalau boleh buat masuk kawasan masing-masing ini perkara biasalah lepas tu gomol ke PAS begitulah. Hak teruk-teruk lagi, hak-hak lepas dah dia gomok ke PAS dulu, lepas tu dia minta projek. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah meneliti beberapa teks ucapan yang disampaikan oleh Kebawah Duli Al-Sultan semalam. Saya rasakan bahawa semacam Kerajaan yang menyediakan teks ucapan ini semacam tidak memberikan gambaran dan halatuju yang jelas ke arah mana hendak dibawa negeri ini dan rakyat negeri ini. Semacam tidak ada dasar yang jelas dan saya perhatikan bahawa semasa kita mengambil alih pentadbiran Kerajaan pada akhir tahun 1999 dulupun begitu jugak. Seheinggakan dalam waktu empat tahun banyak masanya, antara peringkat awalnya ialah kita mula memikirkan waktu pentadbiran kita untuk merangka dan menyediakan beberapa dasar halatuju yang hendak kita bawa negeri kita ini untuk menjadi garis panduan dari segi untuk mentadbir negeri ini. Kita merangka Dasar Perindustrian, Dasar Pertanian, Dasar Pembangunan Sosial, Dasar Pembangunan Belia, Dasar Pembangunan ICT, .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Adakah yang dimaksudkan halatuju yang jelas itu bererti sama sepertimana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan PAS sebaik sahaja mereka

mula memerintah, mereka terus merampAS kemudahan-kemudahan Kerajaan pada masa itu daripada masyarakat kampung?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita tidak timbul soal rampAS merampAS, dengar dulu apa yang saya cakap. Jadi itulah sebabnya sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua sehingga sekarang ini garis panduan tentang hiburanpun takdok lagi. Cara mana, bentuk mana hiburan, persembahan yang boleh dan tidak boleh untuk dikemukakan. Saya kemukakan persoalan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adakah yang dimaksudkan Garis Panduan Hiburan bererti bawa masuk kampung *funfair-funfair* atau *merry-go-round* di sekitar kampung-kampung di luar bandar ini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia Wakil Rakyat baru saya beri peluang ke dia ganggu begitulah. Saya sebutkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana biar kita dalam membuat perancangan kita tentukan garis panduan yang jelas untuk memudahkan apa nama ni, pentadbiran negeri menjalankan urusan sebaik mungkin dan satu halatuju yang jelas, ke arah mana nak bawa. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, .....

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tuan Yang Di Pertua, saya minta laluan sikit .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... dalam membincangkan Ucapan jugak semalam saya nampak memanglah ada beberapa perkara yang disebut oleh apa nama ni dalam Titah Ucapan Tuanku tapi penekanan yang diberikan ialah banyak soal .....

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Alur Limbat): Saya minta laluan sikit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, duduk ada penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Alur Limbat): Minta laluan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, saya rasa tak perlu lagilah Wakil daripada Wakaf Mempelam menerangkan tentang halatuju PAS kerana rakyat dah *reject* dah, cuma manfaatkan kalau lebih ditumpukan kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Berhormat EXCO boleh jawablah lepas pada ni, boleh jawab insya-Allah, beri peluang kepada saya bercakap, saya memberikan penjelasan kerana saya dapati dalam Ucapan ini ialah apa yang disebut berhubung dengan Pembinaan Lebuhraya, buat Kompleks Sukan dan apa nama ni Lapangan Terbang. Ini yang disebut dalam Ucapan ini, jadi saya rasa kalau sekadar nak buat infra semua tu sekali orang ada duit semua boleh buat belaka. Mungkin bercakap mengenai hal projek-projek ini mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ramai di kalangan Ahli-ahli EXCO ini ahli-ahli korporat jadi masih terbawa-bawa barangkali. Tetapi apa yang nak saya tekankan di sini ialah tidak ada keseimbangan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat suka saya nak ingatkan itu adalah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, terima kasih Yang Di Pertua. Tapi apa yang nak saya sebutkan ialah tidak ada kesimbangan yang jelas antara pembangunan kebendaan dengan pembangunan insan untuk membangun manusia itu sendiri. Ini juga satu benda yang saya fikir suatu benda yang perlu diberi penekanan yang khusus kerana waktu kita dulu masa kita sempat memerintah selama sepenggal Yang Amat Berhormat Wakil Rhu Rendang turun sendiri, turun gelanggang ke program-program untuk mentarbiyyah .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Sura, saya mintak Yang Berhormat duduk dulu, kita beri peluang kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam menyampaikan hasratnya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam muka surat 15, Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan yang menyebut berhubung dengan Konsep Mesra Rakyat adalah tonggak kecemerlangan pengurusan awam dan pegawai dan kakitangan awam haruslah sentiasa mengambilkira kepentingan rakyat dalam menjalankan tugas. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila bercakap soal konsep mesra rakyat yang ditimbulkan dalam Teks Ucapan ini berhubung dengan Usul Tergempar yang saya kemukakan pagi tadi yang ditolak oleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bagi membincangkan soal Pembatalan Tawaran Pelantikan sembilan orang Pegawai Tadbir Negeri dan enam belas orang Penolong Pegawai Tadbir Negeri iaitu Penghulu-penghulu Mukim. Dato' Yang Di Pertua, semua orang maklum bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri adalah satu badan bebas yang antara lain tugas dan fungsinya ialah untuk mengiklan, menyenarai-pendek, menemuduga dan memperakukan kepada Kerajaan calon-calon yang paling layak untuk mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Negeri di negeri ini. Sehingga kini saya dapati bahawa SPN ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri ini telah berjaya menjalankan tugas dan amanahnya dengan baik, dengan penuh tanggungjawab dan jugak dengan telus. Proses ini berjalan seperti biasa dan suatu tawaran telahpun dibuat kepada calon-calon yang telah berjaya melalui surat tawaran yang dihantar pada 9 haribulan Mac ditandatangani oleh Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri (Perjawatan dan Perkhidmatan) pada waktu itu bagi pihak Yang Berhormat bekas Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri kepada calon-calon yang berjaya untuk melapor diri dengan segera dan sekaligus dengan surat tawaran itu ialah dikembalikan surat untuk pemeriksaan doktor, pemeriksaan kesihatan dan calon-calon yang berjaya ini jugak diminta untuk hadir mengikuti Program/Kursus Kepimpinan Terengganu selama tiga hari bermula daripada 9 – 11 haribulan Mac di Akademi Pembangunan Insan yang sekarang yang diberi nama semula sebagai Pusat/Kem Pupuk Semangat di Teluk Kalong. Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila UMNO-Barisan Nasional menang dalam Pilihanraya Kesebelas pada 21 Mac baru-baru ini, dia mengatakan Kerajaan baru ini mesra rakyat tidak mengamalkan budaya balas dendam, tidak diskriminasi, berlaku adil, telus telahpun mengarahkan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menghantar surat tarik balik tawaran sekaligus membatalkan surat tawaran yang telah diberikan ke calon-calon yang berjaya pada 24 haribulan Mac. Tawaran telah diberi pada 9 haribulan Mac, 24 haribulan Mac telahpun diarah, dihantar surat untuk tarik balik dan membatalkan pelantikan yang telah dibuat. Yang sedihnya, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ada calon-calon ini yang berjaya sebaik sahaja terima surat tawaran terus membuat pemeriksaan kesihatan, pergi ke kursus yang diwajibkan dan ada jugak yang telahpun meletak jawatan kerana telah mendapat tawaran tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua mereka cukup kecewa, merasa marah, rasa terhina bila tidak diberikan kebenaran, tidak dibenarkan untuk melapor diri bertugas .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan, Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Minta laluan? Terima kasih. Dato' Yang Di Pertua, saya minta diulangi lagi – bilakah tarikh surat tawaran tersebut dikemukakan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Surat tawaran tarikhnya 9 haribulan Mac 2004 bersamaan 17 Muharram 1425 Masihi. Yang lebih dahsyat Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, salah seorangnya sempat lapor diri, dah bekerja dah beberapa hari akhirnya dia terpaksa berhenti balik bodoh, terpaksa berhenti. Inilah mesra rakyat yang ditunjukkan oleh Kerajaan baru kepimpinan Barisan Nasional. Padahal Pengerusi SPN orang yang sama, waktu Barisan Nasional memerintah dulupun dan waktu PAS memerintah tahun 1999 pun dan sekarang masih orang yang sama, kita tak ganggu dia sebab satu badan bebas. Tapi inilah tindakan mesra rakyat, ganggu-gugat, campur tangan politik dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang sekaligus menafikan hak mereka-mereka yang layak untuk diberikan tempat dan sekaligus merupakan satu penghinaan, menghina SPN (Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri) yang selama ini kita memberi penghormatan kerana kerja yang dilakukan baik dan cekap. Itu belum lagi diambil kira penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai kontrak, hak pegawai-pegawai kontrak tu 23 haribulan serta merta hantar surat suruh berhenti semua sekali .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan. Terima kasih. Betul atau tidak bahawa apa yang berlaku ini sebagaimana dikatakan oleh Menteri Besar yang terdahulu bahawa apa yang berlaku ini semua ini adalah takdir Allah s.w.t. belaka, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, katalah nak kata apapun tapi inilah gambaran mesra rakyat, ini gambaran tidak balas dendam, telus. Dah dapat surat tawaran, dah memenuhi semua keperluan tetapi masih lagi dikenakan begitu rupa oleh pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya walau bagaimana saya tak beri laluan untuk Wakil Kijal, saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takut, ke guana? Empat lorong dah ada jalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Sebab saya tahu doh perangai dia lagu tu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau layan rosak pah saya .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Jalan empat lorong dah, takut barangkali?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berhubung dengan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan sebaik sahaja memerintah selama dua-tiga bulan dan tadi disebut oleh Wakil Kerajaan dua-tiga bulan memerintah telah dua kali pertukaran Pegawai Tadbir Negeri. Ini ada satu kes lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua berhubung dengan pertukaran Pegawai-pegawai Perkhidmatan Agama Negeri memang saya tidak nafi bahawa proses pertukaran dalam perkhidmatan ini merupakan proses biasa dalam perkhidmatan awam dan kerajaan tetapi saya nak sebutnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ada tiga orang Pengetua Sekolah diturun pangkat menjadi guru biasa, tukar tu tukarlah tapi dari Pengetua Sekolah menjadi guru biasa kalau tukar guru daripada pejabat/sekolah ke pejabat bertukar tu tak apalah tetapi turun pangkat yang saya rasakan ini memang merupakan satu tindakan politik yang dikatakan tidak berbalas dendam. Satu penghinaan malah seorang yang ditukarkan itu Dato' Yang Di Pertua, dah nak pencen dah akhir tahun ini, enam bulan lagi apa salahnya kalau dia pencen sebagai Pengetua apa salahnya .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Apa bezanya perasaan terkilan Yang Berhormat Pembangkang jika dibandingkan paksaan kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua sendiri semasa Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, molek-molek ada sedang memegang jawatan SUK pada awal tahun 2000 berbanding hanya pertukaran biasa sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ada orang yang nak berhenti, kita beri laluanlah. Ada yang kita tahu ada tindakan politik yang memang dimintak supaya diberhenti. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di dalam Titah Ucapan Tuanku lagi muka surat .....

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nak berhenti ke, paksa berhenti?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itu atas tafsiran masing-masing Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmbah bahas. Tapi inilah hakikatnya Dato' Yang Di Pertua, depan mata kita arahan dikeluarkan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, muka surat 16 disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan khusus untuk sektor awam 'Beta berharap tahap perkhidmatan hendaklah sentiasa dipertingkatkan terutama dari aspek penyampaian perkhidmatan supaya halacara yang dirancang dan dilaksanakan 'sampai' kepada kumpulan sasaran'. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua berhubung dengan Kerajaan yang mengamalkan ketelusan, yang mengamalkan sikap terbuka, yang dikatakan diamalkan oleh Kerajaan sekarang ini saya tak tahu apakah rasionalnya institusi Hisbah dimansuhkan. Waktu kita menjadi Kerajaan dahulu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam kita nak memberi satu perkhidmatan yang kita harap perkhidmatan itu dijalankan sebaik mungkin, telus, tidak penyelewengan kuasa, tidak ada rasuah maka diwujudkan satu institusi Hisbah yang kalau tak silap ingatan saya kita wujudkan pada .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Hisbah, saya pernah bawa perkara ini ke Dewan apa fungsi Hisbah sebenarnya kalau sekadar duduk, makan gaji buta, buat laporan kemudian tidak ada tindakan, Yang Di Pertua. Tidak ada apa-apa yang dapat kerana kita dah ada Hisbah, BPR ada, Biro Pengaduan Awam ada dan sebagainya bagi pihak Kerajaan. Jadi saya rasa tidak ada tindakan apa yang kita buat hari ini sebenarnya kita akan tidak akan berlakunya pertindanan tugas kerana Hisbah yang ada empat tahun dahulu saya rasa tidak mempunyai sebarang fungsi sehinggakan jumpa saya hal balak suruh saya beritahu siapa *informer* balak tersebut untuk diambil tindakan kepada *informer*. Bukan kepada orang yang terima duit tetapi kepada *informer* yang beri. Dia tanya saya siapakah yang beri maklumat tersebut untuk diambil tindakan? Saya rasa ini bukan tugas Hisbah dan saya rasa ini wajar kalau pihak Kerajaan Negeri menghapuskan ataupun membubarkan Hisbah kerana tidak mempunyai sebarang fungsi yang baik untuk menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepada jabatan ini. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa Wakil Rakyat EXCO berkenaan sepatutnya faham kerana waktu kita lulus dalam Dewan hari itu kita bincang secara khusus berhubung dengan pembentukan dan matlamat tujuan penubuhan itu sendiri. Sekurang-kurangnya kita tak nafi ada BPR, ada Polis tapi bagi peringkat Kerajaan Negeri sendiri ada satu institusi yang mana kita boleh mengawal dan sedikit sebanyak menyiasat. Soal pendakwaan bukan urusan Hisbah, ada agensi lain yang akan melakukan pendakwaan tetapi bila kita luluskan dan kita tubuhkan Hisbah di negeri Terengganu ini alhamdulillah diikuti oleh negeri Selangor tetapi dia tak panggil Hisbahlah dipanggil *enforcement* yang ditubuhkan di negeri Selangor diketuai oleh dua orang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Sesyen .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, minta laluan. Terima kasih. Banyak mana hak dikatakan fail berlori-lori telah dibuktikan oleh Hisbah sehingga hari ini?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, kita dah *table* dah, Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua dengan izin. Kita dah kemukakan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri dalam persidangan yang lepas pada Disember 2003 tahun lepas di mana Jabatan Hisbah Negeri Terengganu buat kali pertama mengemukakan Laporan Tahunan Umum kepada Dewan dan mengikut laporan itu sehingga 15 Mei 2003, Pesuruhjaya Hisbah telah menerima 231 kes dan maklumat daripada orang ramai mengenai salah laku yang telah terjadi sebelum Pilihanraya Umum Tahun 1999. Bilangan kes yang telah diselesaikan ialah 52 .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Penjelasan Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, Hisbah ini maknanya mencari kesalahan orang lain, hak sendiri susut bawah karpetkah ke macam mana?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah, inilah tuduhan-tuduhan Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, kalau sekiranya Kerajaan masih mengekalkan Hisbah ini terpulang kepada Hisbah untuk menyiasat apa jugak kes yang diterima laporan bukan nak susut hak siapa dengan hak siapa. Pernah Wakil EXCO hak tanya kes balak, Hisbah panggil EXCO berkenaan tapi saya difahamkan tak pergi. Ini perkara yang berlaku .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Di Pertua, satu pembohongan kepada Dewan Yang Di Pertua. Saya mintak Wakil Wakaf Mempelam tarik balik. Saya pergi berjumpa dengan Pegawai Hisbah dan di situ ditanya bukan siapa yang baham pith tapi siapa yang beri maklumat, itu dua

perkara berbeza yang dilakukan oleh Hisbah. Jadi saya mintak Wakil Wakaf Mempelam tarik balik tuduhan yang melulu terhadap saya, saya hadir. Saya cukup terbuka dan pertemuan berlaku di A&W dan saya belanja Pegawai Hisbah tersebut nak maklum dalam Dewan yang mulia. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak habis lagi Dato' Yang Di Pertua, berkenaan dengan apa yang dikata oleh Hisbah ini kalau buat kerja dok sut (tak habis) cuma menyiasat dengan penuh prejudis dan orang yang disiasat ialah orang-orang yang mempunyai kepentingan politik. Saya rasa tidak ada guna diadakan Hisbah dan kita telah ada BPR dan yakin pegawai-pegawai Kerajaan hari ini adalah pegawai-pegawai yang jujur, amanah dan melakukan sesuatu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam hal Hisbah ini juga dimaklumkan bahawa kemampuan Kerajaan tidak ada ketika itu maknanya dok rok, dok rok cetong berjalan jugak. Jadi ini yang berlaku pada zaman dahulu, Dato' Yang Di Pertua. Cap Ayam jugak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah hakikat yang berlaku kita berusaha untuk mencari kebaikan bersama, mewujudkan institusi yang boleh .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mintak dia tarik dahulu apa yang dia tuduh kepada saya tadi yang katakan saya tak hadir pada pertemuan dengan Hisbah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya akan siasat balikkah.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tarik balik dulu untuk sementara ini, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tarik balikkah dulu tapi saya akan siasat balik apa yang diucapkan itu.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. .... (TEPUKAN) .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita *gentleman* Dato' Yang Di Pertua, Kita *gentleman*. Fasal inilah gambaran, maklumat yang saya dapat .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: ..... Terima kasih, Yang Berhormat.

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan perlu ada keikhlasan supaya biar nampak ketelusan ini berlaku sepanjang masa .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mintak maaf Yang Di Pertua, masa berjalan .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Satni kata *gentleman*, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya dok berahi tengok muka dia ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bagi laluan kepada dia, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Gentleman* guana begini ni. Komang Wakaf Mempelam, takut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Wakil Kijal, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pengadil dah beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya dah beri laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya hormati Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Saya mintaklah Wakil Wakaf Mempelam memfokuskan hujah-hujahnya terhadap ucapan yang diberikan tanpa mengambil benda-benda yang tidak menjadi relevan dengan persoalan ini sebab sebagaimana Hisbah yang saya katakan tadi, Hisbah ada satu modal politik Parti PAS ketika itu semata-mata

bukan untuk menyiasat dan mencari kebenaran kerana kita telah ada BPR tetapi sebenarnya Hisbah itu sendiri tidaklah telus kerana dianggotai, dikuasai oleh seorang EXCO. Demikianlah Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah *mentality* pemikiran seorang EXCO yang ada hari ini. Saya sebut tadi negeri Selangorpun ikut, Kanada dan lain-lain turut menubuhkan Hisbah .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, di Selangor dilantik badan bebas, bekas Hakim ini seorang EXCO yang masih berkuasa menjalankan tugas, macam mana nak siasat orang. Lain itu Yang Di Pertua, hak ni yang tak faham ni, saya kata kurang cerdikkan susah pulak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu perkara lagi yang saya nak sentuh kerana masa saya nak beri laluan pada sahabat-sahabat saya yang lain berhubung dengan satu soalan saya besok tapi ditolak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua yang saya kemukakan soalan berhubung dengan kerana saya tahu oleh kerana Kerajaan Negeri tidak menghadapi masalah kewangan. Bilakah konsep baru Pembangunan Kompleks Pasar Besar Kedai Payang akan dilaksanakan? Tapi ditolak Yang Berhormat Yang Di Pertua. Saya sebutkan perkara ini kerana kenyataan ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sewaktu lawatan ke pasar tersebut. Jadi saya tanyalah apa bentuk konsep yang hendak dikemukakan dan kita takmbohlah nantikan orang kata dah bercakap, semua orang dah tahu untuk menolong membantu peniaga-peniaga terutamanya tetapi akhirnya tidak diberi penjelasan yang tepat berhubung dengan itu. Sampai ke peringkat nanti kalau tuduhan-tuduhan yang tak sepatutnya dibuat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Saya bimbang fasal sebelum daripada inipun Yang Amat Berhormat sebagai contoh Dato' Yang Di Pertua, mengeluarkan kenyataan tidak akan buat petisyen kemudian lepas tu buat petisyen. Jadi benda-benda yang saya katakan sepatutnya tidak berlakulah, ucapan telah dibuat tetapi tidak serupa bikin. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Jadi berhubung dengan kes penjaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bercakap soal pasar kerana saya pernah terlibat jaga penjaja-penjaja ni waktu menjadi Kerajaan dulu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya hairanlah mengapa sampai sekarang kerana waktu kita dulu dalam semua PBT, semua Pihak Berkuasa Tempatan ada Wakil Penjaja yang dilantik oleh Persatuan Daerah masing-masing untuk menduduki dalam jawatankuasa atau Ahli Majlis di PBT peringkat masing-masing untuk memberi pandangan bagi pihak penjaja tetapi saya difahamkan sehingga sekarang belum lagi dibuat pelantikan tersebut. Begitu

juga pernah sewaktu kita menerajui pemerintahan negeri ini, kita memberikan suatu kelulusan, satu tapak kepada Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Terengganu di jalan Batas Baru, satu lot kepada pihak persatuan untuk mereka bangunkan sebagai suatu ibu pejabat dan tapak bagi mereka menjalankan kegiatan dan aktiviti Persatuan Penjaja Negeri. Tapi saya difahamkan ianya telah dibekukan oleh Kerajaan yang ada sekarang dan banyak lagi lah sungutan-sungutan berhubung dengan masalah penjaja yang saya dapati sekarang ini terutama berhubung dengan barang naik, harga barang yang melambung tinggi dan kekurangan pelancong dan orang luar datang ke Terengganu. Sehingga jualan merosot teruk di pasar-pasar dan jugak di Kedai Payang dan pusat membeli belah .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Adakah Wakil Wakaf Mempelam mempunyai angka mengenai kemerosotan kedatangan pelancong dan juga jumlah barang-barang yang terjual di Pasar Kedai Payang dan sebagainya? Apa yang saya dapati hari ini maklumat yang diterima bahawa pelancong datang mencurah-curah ke Terengganu, mereka mendapat pendapatan yang lumayan ketika ini, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, ini maklumat daripada peniaga-peniaga sendiri yang masih lagi berjumpa dengan saya mengadu masalah yang berlaku. Mungkin barangkali waktu sekolah cuti baru mula datang balik tapi pada waktu biasa sebelum daripada ini sejak pemerintahan baru mengambil alih kuasa suatu kemerosotan yang cukup nyata, cukup ketara sehinggakan mereka bersungut .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, ini suatu pembowongan yang amat nyata dilakukan oleh Wakil Wakaf Mempelam. Tanyalah siapa sahaja kerana saya sendiri telah bertanyakan kepada para peniaga, mereka mengatakan alhamdulillah kecuali orang-orang PAS yang tidak senang dengan Kerajaan baru ini dan mereka menceritakan sampai ke Wakaf Mempelam. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, perkara akhir yang saya nak sentuh dalam waktu masa yang terbatas ini ialah berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Dewan dengan isu balak yang ditimbulkan, yang memberi gambaran seolah-olah bahawa Kerajaan dahulu tidak dapat mengawal penebangan balak dan apa yang berlaku semacam ada penyelewengan dalam menguruskan sumber balak negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin memberikan penjelasan sedikit berhubung dengan soalan yang ditimbulkan oleh Wakil Alur Limbat yang menanyakan soal kawasan balak yang dikeluarkan, yang diluluskan sewaktu pemerintahan PAS dahulu. Fakta-fakta mungkin telah diberi oleh EXCO dan dijawab soalan tadi tapi apa yang saya nak sebut Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, waktu kita memerintah waktu itulah Jabatan Perhutanan Negeri mendapat ISO dan ia diiktiraf oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Abdul Rashid Mohd Amin ketika berkunjung di Kemaman pada September 2003 yang lalu yang menyifatkan amalan pengurusan hutan .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... biar saya beri penjelasan dahulu. Beri peluang kepada saya bersyarah habis dahulu.

Sejajar dan menyifatkan amalan pengurusan hutan sejajar dengan ketetapan yang telah diputuskan oleh Majlis Perhutanan Negara dan beliau memuji Kerajaan Negeri kerana telahpunewartakan seluas 538,666 hektar ataupun 42 peratus daripada keluasan tanah negeri sebagai Hutan Simpan Kekal. Ini kenyataan, fakta dan saya terbaca jugak dalam Warta Hadhari .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... kita kawal Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmboh beri laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah tak ada masa. Kita kawal dari segi jumlah penebangan ini walaupun kita ada kuota 8,000 hektar setahun tetapi tak pernah kita melebihi kuota penebangan balak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak beri penjelasan, dahulu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmboh beri laluan lagi. Itulah sebabnya Yang Dato' Yang Di Pertua, saya ingat dalam Warta Hadhari Ahli Yang Berhormat yang jaga syarikat-syarikat yang melibatkan perkayuan mengaku sendiri bahawa sepanjang tahun lalu hanya 33,536 tan metrik balak dapat dikeluarkan dan ia tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan dari kilang milik anak syarikat Kerajaan

Negeri. Tebang kurang, kita tak *over logging* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan .....

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, itu yang saya jelas itu merupakan balak yang dikeluarkan bukan kawasan yang diluluskan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin memberi penjelasan, masalah kawasan balak sekarang bukan macam dulu. Dulu kawasan sikit tapi *volume*, isi padu dia banyak sekarang kawasan luas tapi paya takdok gapo satu. Ini masalah yang timbul, ada jugak kawasan berbukit-bukit tapi kualiti balak tak secantik dan tidak sebaik seperti mana .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini yang saya nak beri penjelasan ni kerana tuduhan yang dibuat .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmboh beri laluan kepada Wakil Kijal. Kerana kita mengikut peraturan yang diarahkan oleh Jabatan Perhutanan di mana untuk mendapatkan ISO ini satu benda ketat di bawah kawalan program yang dipanggil *Sustainable Forrest Management* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, ada *selective selling* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, kita kawal sungguh dan ini dipuji oleh Menteri sendiri di peringkat Pusat yang memberi gambaran bahawa tidak ada apa bentuk salah urus dan salah tadbir dari segi pengurusan balak di negeri ini. Seheinggakan bila soal balak dikemukakan dalam Dewan ini, soal tender balak pagi sebut dalam Dewan petang itu BPR mari selalu pergi siasat dan kita beri peluang kepada pihak Kerajaan untuk buat siasat dan mengemukakan. Saya berterima kasih bila Kerajaan ingin mengeluarkan 'Kertas Putih' supaya dapat dijelaskan sebaik mungkin apa sebenarnya berlaku dan kita bertanggungjawab kerana apa yang kita lakukan ialah mengikut peraturan dan kaedah yang telah diputuskan oleh pihak Pengarah Perhutanan Negeri dan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Di Pertua, mintak laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat beri laluan kepada Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mintak laluan, Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Masa, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Masa saya yang tentukan. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Di Pertua, apa yang dikatakan 33,000 tan tadi itu dan kemampuan kilang tidak mencukupi betul atau tidak kalau saya katakan bahawa disebabkan oleh banyak balak-balak kita telah dijual ke luar negeri bukan untuk digunakan oleh sawmill-sawmill tempatan, itu satu. Yang kedua, masalah yang berlaku ialah penganugerahan ISO apa yang diketahui bahawa apa yang didapati oleh Kerajaan tersebut adalah kesan daripada apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan terdahulu dengan penuh sistematik oleh Kerajaan BN dahulu sehingga menyebabkan masa anugerah PAS dapat nama. Jadi inilah yang berlaku, UMNO buat PAS dapat nama. UMNO buat mahkamah PAS pergi rasmi, BN buat perpustakaan, PAS pergi rasmi, itu nasib, KOSPINTpun begitu juga. Apa pendapat Wakil Wakaf Mempelam? Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soal penjualan balak, 8,000 hektar setahun keluasan yang diberikan, separuh kita bagi kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri KPKK yang menguruskan dan lebih tu untuk skim sawmill. Bila bagi skim sawmill, sawmill yang penender-penender ataupun mereka yang dapat kawasan ini sama ada mereka nak guna sendiri atau nak jual itu bukan bawah kawalan kita lagi asalkan mereka bayar premium kepada Kerajaan Negeri. Kita tak tanya soal ke mana mereka bawa balak-balak yang mereka perolehi ataupun yang mereka usahakan? Begitu juga sebagai fakta tambahan Dato' Yang Di Pertua, saya nak beri contoh berhubung dengan pengurusan balak ini, pengurusan hutan/balak ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan, Dato' Yang Di Pertua.

8 JUN 2004

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih. Sebenarnya kalau kita tengok dari segi balak yang dikeluarkan memang 30,000 tan memang kalau kira dari segi memang ada *forward sale* balak sebenarnya lebih kurang RM5 juta. Memang balak yang dikeluarkan itu memang banyak tapi ada *forward sale* yang dibuat oleh Kerajaan yang terdahulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' hasil daripada balak saya nak beri satu gambaran contoh di mana jumlah premium kalau nak dibandingkan waktu kita memerintah dengan waktu BN memerintah dahulu jumlah kawasan dan jumlah premium yang diperolehi, cara tadbirurus kita yang memberi gambaran bahawa kita cukup jaga, cukup cermat apabila kita tak ada lagi hasil royalti setelah dirompak tetapi kita tidaklah dengan rakus menggunakan kesempatan kawasan balak ini untuk ditebang dengan sewenang-sewenangnya. Sebagai contohnya .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... pada tahun 1997, waktu UMNO -Barisan Nasional memerintah ketika itu, Dato' Yang Di Pertua jumlah kawasan pembalakan seluas 15,600 hektar tetapi premium yang dikutip hanya RM17.96 juta sahaja. Sedangkan waktu kita tahun 2003 Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kawasan yang diluluskan 15,800 hektar 200 hektar sahaja yang lebih tapi premium yang kita perolehi sebanyak RM60.62 juta. Ini kerana sistem pentadbiran yang kita buat Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita mengenakan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Dato' Yang Di Pertua, pembetulan fakta, pohon penjelasan. Terima kasih, Yang Di Pertua. Maklumat yang diberi tahun 1997 - 15.60 hektar premium RM17.9 juta, tahun 2003 cuma lebih 200 sahaja dikatakan premium RM60 juta lebih. Jadi saya ingin memberi pembetulan kepada Wakil Wakaf Mempelam, premium ini dibayar bukan mengikut keluasan, saya ulang lagi sekali premium dibayar bukan mengikut keluasan tetapi mengikut hasil balak yang dikeluarkan. Jadi di sini jelas bahawa zaman PAS memerintah balak banyak keluar berbanding pada zaman kita perintah dahulu. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah, ini bentuk penipuan yang dilakukan. Ini saya nak perjas, Dato' Yang Di Pertua. Bukan soal banyak balak keluar sahaja tetapi berapa kita *charge* satu tan, waktu UMNO memerintah dahulu dia ambil satu kawasan satu isi padu 750 sahaja premium yang dikenakan tetapi kita kenakan 3,700 jadi ini menyebabkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita *charge* lebih tetapi mereka yang mengeluarkan kawasan ini sanggup bayar kerana mereka untung banyak lagi dan *charge* itu balik kepada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Bukan soal keluasan tapi jumlah yang dikeluarkan berdasarkan kepada produktiviti.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, dari segi hasilpun kita kena kaitkan dengan harga pasaran. Kalau harganya rendah orang takkan bayar premium yang tinggi. Kebetulan masa tu harganya tinggi orang bayar premium tinggi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, ini satu lagi ni.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Mana ada kohor harga rendah sekarang ni, harga memang meningkat, kayu sekarang ini harganya meningkat kalau dulu zaman kita dulu masa muda-muda Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT ENCK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): ..... Dato' Yang Di Pertua, sebab itu Dato' Yang Di Pertua, tahun 1997 harga rendah pada tahun 2003 itu maksud saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Yang Di Pertua, semasa Kerajaan Barisan Nasional dikenakan lebih kurang 300 satu ekar tetapi memang semasa Kerajaan PAS dikenakan tambahan 3,000 tetapi Yang Berhormat tidak cerita balik pada tahun 2003, akhir 2003 *charge* itu ditarik balik. Hak 3,000 itu tadi ditarik balik yang dikenakan dalam tahun 2002 tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal. Tapi sekurang-kurangnya itulah kaedah yang kita buat, bila ada rayuan kita boleh bincang, kita boleh tarik balik, kita boleh turun balik kerana masalah cuaca, masalah pengeluaran balak bermasalah dan sebagainya. Tapi kita mendapat hasil yang lebih daripada kawasan yang sedikit kita keluarkan yang kita berikan kelulusan tapi hasilnya bertambah. Bukan hasil banyak kerana kes pakai-baham balak ikut dang macam demo tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, panjang lagi hal balak ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok dah, Dato' Yang Di Pertua, sayapun berhasrat nak berhenti dari tadi dah tapi sekurang-kurangnya kalau kawan-kawan tidak ganggu tadi mungkin saya boleh berhenti awal lagi. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ucap terima kasihlah kerana kesempatan yang diberikan kepada saya ni mana-mana yang baik itu merupakan daripada Allah s.w.t. untuk kita cari kebaikan bersama demi untuk memberi penjelasan fakta yang sebenar dan tidak menuduh ataupun tuduhan liar-melulu dengan tidak memberikan gambaran yang sebenar. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Ada sesiapa yang ingin berucap? Wakil Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya hadirin hadirat sekalian. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya dan tidak ketinggalan saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Yang Di Pertua yang dilantik menyandang jawatan itu dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCONya dan semua warga baru Dewan Kesebelas ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, meneliti kepada keseluruhannya ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan ini, ada beberapa perkara yang perlu diberi penekanan ataupun *highlight* dengan izin. Perkara-perkara yang akan menjadi panduan dan pedoman di dalam Kerajaan baru menerajui Negeri Terengganu ini. Yang pertamanya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ialah Ucapan diawal-awal perkataan Duli Yang Maha Mulia yang memperjelaskan antara lain dengan izin, 'Alhamdulillah, negeri Terengganu Darul Iman terus berkembang, mengorak langkah, menuju matlamat untuk mencapai tahap negeri maju pada tahun 2020. Keadaan semasa tetap aman dan tenteram. Rakyat terus menjalani kehidupan

harian mereka dengan selesa. Berbekalkan asas sosial yang kukuh, diharapkan agenda perancangan berkaitan kepimpinan, pembangunan dan pentadbiran negeri dapat dilaksanakan dengan teratur." Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini ialah kata-kata yang kita perlu sedar bahawa sebelum beralih Kerajaan telahpun sedia ada, asas-asas yang kukuh yang perlu diteruskan perjalanannya dan untuk itu mentadbir dan memerintah negeri bukanlah semata-mata kekuatan dan kekuasaan politik tetapi kepentingan awam, rakyat dan masyarakat adalah *there are on consideration* dengan izin, perkiraan yang paling tinggi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Bertentangan dengan fitnah yang ditaburkan dalam kempen sebelum Pilihanraya bahawa Kerajaan PAS ketika itu tidak berkeupayaan memerintah dan tidak tahu mentadbir. Tetapi inilah yang diluahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia asas-asas kukuh sosial telahpun diterapkan dan Duli Yang Maha Mulia mengharapkan supaya asas yang kukuh ini akan dapat diteruskan, *dimaterialisekan* dengan izin, dicapai dengan sempurna.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Pohon penjelasan – Adakah Yang Berhormat Batu Burok bermaksud asas sosial yang kukuh itu diwujudkan oleh Kerajaan PAS sejak tahun 1999 hingga Pilihanraya baru-baru ini ataupun ianya telahpun lama diwujudkan oleh Kerajaan BN sebelum 1999? *Don't twist the fact*, dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Dewan ini dirasmikan pembukaannya setiap tahun oleh Kebawah Duli. Inilah gambaran dan inilah yang diterima daripada maklumat Kerajaan. Oleh itu tak dapat kita nak pisahkan sama ada tiga puluh tujuh tahun dahulu diperintah oleh BN dan UMNO, empat tahun diperintah oleh PAS berikutnya dan diambil oleh BN yang baru tiga bulan. Apa yang perlu kita lihat di sini ialah suatu asas sosial yang telah kukuh, pentadbiran yang baik telahpun disempurnakan dan tidak dikatakan bahawa dalam masa empat tahun berlakunya *messing*, berlakunya kekacauan, keruntuhan pentadbiran tidak berlaku. Kalaulah ianya kesinambungan bahawa kesinambungan yang dibawa dari empat tahun itu membentuk asas yang baik. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apakah dia ciri-ciri dan asas itu? Cuba kita lihat sejenak, pengharaman perjudian dan semua bentuk, bukannya suatu asas yang baik, pembentukan akhlak, mengenyahkan daripada perkara yang haram walaupun dicemuh dan menghadkan penjualan dan minuman arak daripada empat puluh tiga premis kepada lapan dengan mengambilkira bilangan orang-orang yang dibenarkan dan diizinkan oleh agama mereka meminum dan menjual arak ini. Ini suatu usaha .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Taraf yang saya beri tadi bukan untuk dipohon penjelasan, saya tak izinkan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pengenalan konsep 'Membangun Menurut Islam', tadi Yang Berhormat Sura telahpun meluahkan perasaan tidak ada bezanya katanya. 'Membangun Menurut Islam', 'Islam Hadhari' kerana kita akan menuju ke arah kesempumaan Islam itu sendiri sepertimana yang dibaca ayatnya oleh Wakil Tepoh (baca Surah Al-Anbiyaa', ayat 107). Tamadun Islam telahpun bermula, tamadun Islam telahpun tercipta semasa junjungan Rasulullah s.a.w. Apakah tamadun yang hendak ditamadunkan lagi, Islam telah sempurna, maka Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita pada hari ini ialah untuk melaksanakan perintah Allah s.w.t. mengikut apa yang telahpun diasaskan oleh junjungan kita Muhammad s.a.w.. Usaha ke arah pelaksanaan syariat walaupun tidak dipersetujui oleh UMNO dan Barisan Nasional, merupakan suatu asas, merupakan suatu kesan yang diberi oleh PAS selama memerintah empat tahun Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kita telah meminda Perlembagaan Negeri Terengganu yang tidak ada negeri di bawah pemerintahan UMNO sanggup berbuat demikian yang menjadikan Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias tunggak-asas perundangan di negeri Terengganu ini. Ini suatu hadiah yang paling besar, kami bersedia, kami hilang Kerajaan tak mengapa, kami telah sempurnakan tanggungjawab kami Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Undang-undang asas Mahkamah Syariah yang dikatakan sahabat yang lama saya, veteran kita Kemasik, cedok, *copy*, tiru, sebelum kita tiga puluh tujuh tahun UMNO tidak melaksanakannya. Apakah pembicaraan di atas tasawwur seseorang hakim? Tidak ada asas prosedurnya, tidak ada asas keterangannya, tidak ada asas .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan - Adakah Yang Berhormat Batu Burok tahu bahawa sebelum PAS memegang tampuk negeri Terengganu kesemua enakmen-enakmen tersebut dalam proses persediaan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada masa itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sahabat saya ini seorang peguam, bekas Timbalan Pendakwaraya kalau tak tahu nak nilai tiga puluh tujuh tahun dengan empat tahun, saya tak benar lagi gangguan. Dato' Yang Di Pertua, tidak ada keadilan kalau tidak ada prosedurnya dan keterangan yang jelas dan nyata. Oleh itu, kita telah sepakat dan Dewan yang mulia ini meluluskan, mengambil alih kuasa memberi kuasa perundangan kepada undang-undang yang sepatutnya diluluskan di Dewan Undangan Negeri Terengganu ini. Begitulah juga dalam tahun 1985, saya masih ingat lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua masa itu Setiausaha Dewan. Diluluskan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama yang kita memberitahu Dewan bahawa kita mesti kembalikan kepada undang-undang asal Islam dan alhamdulillah terjemalah dua enakmen 1985, Enakmen Pentadbiran

8 JUN 2004

Islam dibaikpulih daripada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam tahun 1985 .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak bagi laluan, komang do'oh lalu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Dato' Yang Di Pertua, inilah yang diluahkan perasaan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, disimpulkan berbekalkan asas sosial yang kukuh dan di samping ucapan tahniah yang saya berikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi, saya mahu lihat apa yang dinyatakan di dalam akhbar, di dalam kenyataan-kenyataan kepada rakyat hendaklah dibuktikan dan dilaksanakan dengan telus yakni tidak ada diskriminasi, tidak ada pengkhianatan, tidak ada kezaliman dan tidak ada usaha-usaha untuk membalas dendam kepada Kerajaan yang memerintah sebelum ini. Bayangkanlah semasa kita mengambil alih Kerajaan, 450 orang pegawai-pegawai UPU mereka ada sebulan lagi kita tidak baharukan bila perkhidmatan mereka tamat pada 31 Disember 1999 tetapi pegawai-pegawai UPI kita, Unit Pembangunan Insan yang masih lagi ada sembilan bulan diberi notis untuk keluar kesemuanya, alhamdulillah, kamipun tak mahu mereka-mereka ini diserapkan ke dalam Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional kerana mereka ini adalah yang kita amanahkan untuk melaksanakan Dasar Islam kita. Begitulah juga kita tak ambil mereka yang berkhidmat di bawah UPU diserapkan kepada pemerintahan PAS kerana kita tahu mereka ini jentera Parti UMNO. Kita berikan mereka kebebasan, melainkan satu orang Yang Berhormat Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat, sila duduk. Saya akan berikan laluan kepada Yang Berhormat lepas sambungan nanti. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguh Dewan ini dan Dewan disambung semula jam 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Yang Berhormat Batu Burok untuk menyambung ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

Saya melanjutkan Ucapan Tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana banyak masa dan ketika secara terbuka mengeluarkan kata-kata yang berani untuk memperbaiki banyak perkara yang sedang dihadapi oleh masyarakat dan pentadbiran kita. Antara lainnya ialah untuk mengekalkan keadaan dan suasana harmoni di kalangan pegawai-pegawai, masyarakat di segenap lapisan dan juga di kalangan rakyat. Dan usaha-usaha yang tidak mahu melihat berlakunya ataupun berulangnya perkara-perkara yang dianggap zalim, khianat, jahat ataupun perkara-perkara negatif yang tidak menguntungkan negeri dan masyarakat. Usaha untuk mengadakan ketelusan yakni *transparency* dengan izin Dato' Yang Di Pertua, di dalam pentadbiran pengurusan kewangan amatlah disanjung tinggi. Tapi tak kurang pula saya merasa kecewa bila menerima dua salinan surat mungkin daripada ahli-ahli UMNO yang tidak mendapat kesaksamaan penilaian di dalam memohon dan memberi kontrak. Surat ini melibatkan dua personiti, dengan izin dalam Dewan ini yang dihantar kepada Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia Ketua Pengarah BPR dan disalin kepada saya kerana mungkin kedua-dua peristiwa ini berlaku dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Burok. Kalaulah peristiwa meluluskan tender balak kepada anak dara itu hari, diambil tindakan sungguh segera oleh BPR Terengganu yang sebelum ada laporan rasmi tetapi petang selepas Dewan sungguh cekap, cergas dan berwibawa sekali BPR untuk menyiasatnya. Saya harap perkara ini telahpun diedarkan oleh Peguam Negara ataupun Ketua Pengarah BPR kepada BPR Negeri Terengganu untuk menyiasat sama ianya satu elegasi yang bohong, palsu, tak betul itu soal kedua tetapi penyiasatan adalah penting dan perlu. Inilah antara lain Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila mana .....

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya pohon Wakil Batu Burok menjelaskan apakah kes yang dimaksudkan tadi?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat EXCO daripada Kijal ni, dia dah tahu dah saya tak lari daripada fakta tapi bagilah izin kepada saya untuk berbicara. Sampai masanya, insya-Allah. Itulah sebabnya Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan, saya mahu penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya akan bagi, sabarlah.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): .... Kaborlah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .... Nantilah dulu. Itulah sebabnya Dato' Yang Di Pertua, bila mana Kerajaan PAS dahulu menubuhkan satu Institusi Hisbah, kita tahu bahawa *Federal* ataupun Persekutuan, dengan izin, tidak begitu *friendly*, mesra dengan pentadbiran Pembangkang. Banyak perkara-perkara yang tak dapat kita selami, buktinya walaupun dakwaan ada maka penyiasatan dilakukan dan di dalam Enakmen Hisbah ini jelas dan nyata jika sekiranya terbuktah zahimya keterangan-keterangan *criminal*, jenayah dengan izin, maka laporan akan dibuat kepada badan-badan berwajib sama ada BPR ataupun Polis. Tetapi jika sekiranya zahir fakta-fakta berkait dengan kesalahan-kesalahan sivil, yang boleh didakwa melalui Sivil Litigasi maka kita akan uruskan melalui pendakwaan kepada individu-individu yang terlibat melalui tuntutan sivil. Inilah asas kenapa Hisbah ditubuhkan, kita mahu mencari suatu keadilan sama ada di atas yang didakwa, yang dituduh ataupun orang yang membuat tuduhan itu sendiri di mana kebenaran yang sebenarnya berada.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon penjelasan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .... Dato' Yang Di Pertua, projek yang diperkatakan tadi .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon penjelasan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Beri laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak jawab dahulu, saya beri kemudian. Projek yang saya katakan tadi, yang pertamanya Dato' Yang Di Pertua, ini surat disalinkan kepada saya,

sayapun tak tahu Projek Ubahsuaian Rumah Tetamu untuk dijadikan Rumah Rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Terengganu. Projek ini diperkatakan dilakukan sebagai projek utama dan pertama untuk kegunaan yang tidak dapat dinafikan Yang Amat Berhormat layak mendudukinya, layak menerimanya tetapi akhbar-akhbar begitu *friendly* begitu juga TV3 dan t.v.-t.v. yang lain begitu *friendly* sekali dengan izin, tidaklah dihebohkan sebagai suatu perkara yang luar biasa sebagai projek terutama. Seorang yang telus, seorang yang *transparent*, kenapa dipilih perkara yang kepentingan diri sebagai yang utamanya. Sabarlah sedikit, *resurfacing* dengan izin, mengetar jalan itu dua hari selepas kemenangan, dalam kawasan saya, saya tahu takkan kereta nak lalupun perlukan jalan yang lebih baik. Keretapun kerajaan, tayarpun kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apa yang dipersoalkan di sini, kontrak yang diberi bukan secara tender dan diberi kepada satu orang yang menggunakan syarikat nama orang lain tetapi ada candaunya, canda yang dikatakan di sini ialah diminta supaya ada sumbangan sebanyak RM150,000 bagi membeli *Communicator*. Dan antara *Communicator* yang diberi, yang diterima oleh pegawai-pegawai Kerajaan ditulis dengan jelas Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah UPEN, Yang Di Pertua, Majlis MPKT, semua Pegawai Daerah dan lain-lain. *Communitomya* saya tunjuk Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang begini dan ini diperkatakan yang sepatutnya, selayaknya BPR kena siasat, segera siasat supaya tidak dicemarkan nama baik Y.A.B. yang baru.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak beri, laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Ini andaian Yang Di Pertua, mencemarkan nama baik Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya bukan kata andaian surat salinan yang saya terima.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Ada salinan surat yang menyatakan bahawa kita mohon RM150,000 untuk membeli *Communicator*, saya mohon tunjukkan kepada Dewan hari ini, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak apa saya boleh bagi, tak apa-apa halnya. Saya terima surat ini, bukan saya buat. Saya bersedia nak bagi bukan saya buat. Saya kata saya terima dan saya mintak BPR siasat, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua supaya dibersihkan jika tercemar nama baik Yang Amat Berhormat kita yang baru ini.

Saya tak mahu perkara seumpama ini dibuat elegasi yang tidak berasas. Nanti dulu biar apa nama ini, Yang Di Pertua arah dulu. Kemudian diperkatakan kontraknya tidak berpadanan dengan harga dan sebagainya. Bagaimana rahsia ini terbocor, terpecah, sayapun tak tahu tetapi penyiasatan perlu dilakukan .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** .... Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon diserahkan kepada Dewan surat yang diperkatakan itu untuk membersihkan nama baik Kerajaan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, surat ini salinan sahaja kepada saya. Saya dah katakan bahawa surat ini dialamatkan kepada Tan Sri Abdul Ghani Patail, AG - Peguam Negara, Dato' Zulkifli Mat Noor, Ketua Pengarah BPR salinan kepada saya. Satu laginya ialah saya dukacita ini melibatkan Yang Di Pertua sendiri ialah menturapkan semula jalan Gong Tok Nasek ke Tok Adis yang diperkatakan ada imbuhan bayaran untuk jamuan kesyukuran. Saya serahkan segala sukacitanya kepada Dato' Yang Di Pertua untuk diarahkan penyiasatan supaya tidak tercemar kedua-dua sahabat Yang Berhormat, yang saya hormati. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga yang telah sentuh perasaannya iaitulah kemiskinan di negeri Terengganu. Semasa PAS mengambil alih pentadbiran dan pemerintahan Terengganu. Terengganu duduk di paras nombor dua termiskin di Malaysia sedangkan pada ketika itu dengan bayaran royalti yang diterima, Terengganu duduk di nombor dua terkaya di Malaysia. Ini adalah suatu perkara yang paling mendukacita rakyat Terengganu, mungkin itulah juga rakyat cuba sekali ubah Kerajaan, rakyat nak kepada UMNO tetapi oleh kerana tak tahan dah, mesti kita ubah sekali tahun ni, kena ajar, kena bawa mari pembangunan kerana UMNO ada rangkaian dengan Pusat, kita tak dak apa-apa hal. Ini semua kuasa diberi kepada kita, ambil balik tak ada apa-apa hal, cuma kita nak lihat keadilan pada masyarakat, keadilan pada rakyat hendaklah disempurnakan dengan telus, dengan adil, dengan baik. Selama 37 tahun memerintah, kenapa dua puluh dua tahun kita menerima bayaran royalti yang menjadi pertambahan hasil kepada hasil negeri Terengganu sebanyak 75 peratus tetapi rakyat menjadi rakyat yang terkedua miskin di Malaysia. Kenapa ini tidak dilakukan suatu perubahan .....

**YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan. Terima kasih. Adakah Wakil Batu Burok bermaksud sejak mula PAS mengambil alih tampuk pemerintahan Terengganu, PAS tidak menerima satu senpun daripada duit tersebut, hak duduk-duduk heboh sekarang ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, dia dah lama nak masuk Dewan, kita belum sampai ke tahap tu. Saya minta maaf tunggu sikit lagi, Yang Bert hormat Encik Alias akan saya berikan.

Kemiskinan yang ada di Terengganu ni, selain daripada kemiskinan asli dan tulin tetapi kita dapati suatu kaedah kemiskinan yang dicipta lebih-lebih lagi semasa sebelum Pilihanraya berlaku Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua. Kita lihat orang-orang menjadi miskin dengan tiba-tiba, miskin moral bukan miskin kewangan, miskin moral kerana mereka ini datang dengan kereta besar, mobil besar, mari menerima Wang Ehsan .....

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan, Yang Bert hormat. Yang Di Pertua, Yang Bert hormat ada menyatakan bahawa Terengganu nombor dua dari segi kemiskinan kalau kita padu itu adalah merupakan relatif. Bolehkah Wakil Batu Burok beritahu apakah kadar kemiskinan sebelum royalti dan apakah kadar kemiskinan tahun 1999, adakah ada perubahan sebab kalau nak dikira relatif ini susah nak diukur tapi boleh kita lihat dari segi statistik sebelum royalti dijumpa kadar kemiskinan di Terengganu berapa, tahun 1976 dan berapa kemiskinan tahun 1999, kadarnya? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, Terengganu termasyhur negeri yang ditinggal sejak kita Merdeka dan sebelum kita Merdeka. Tetapi UMNO berterusan memerintahnya selama 37 tahun walaupun sebelum diperolehi bayaran royalti dengan ketika itu, sebelum itu kita hanya mendapat RM20 juta hasil dari royalti bijih besi di Bukit Besi, itu sahaja. Tetapi apakah kerja UMNO dan Barisan Nasional yang pada ketika itu Perikatan yang membawa ke Terengganu ini untuk memajukan selama 37 tahun ini, ini yang dipersoalkan. Alhamdulillah, untuk menjawabnya semasa kita memerintah empat tahun tiga bulan kita lihat di sini perubahan ekonomi negeri – 3.4 peratus dalam keadaan kita hanyalah menikmati hasil 25 peratus daripada yang sepatutnya yang diterima. Ini dia kesulitan, masalah-masalah yang berlaku dan Projek Lebuhraya Pantai Timur, Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang diagung-dewakan di dalam Dewan pada hari ini, Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, telahpun dilancarkan pecah tanahnya sebelum Pilihanraya 1999. Kenapa peristiwa, perkara ini dijadikan isu politik, dijadikan *bargain* politik, sepatutnya UMNO Terengganu dalam keadaan kalah sekalipun mestilah menunjukkan kepada rakyat kita kalah, kita tidak ada kuasa tetapi Kerajaan Pusat tentu bersama-sama dengan kita projek ini berjalan. Kalau kita dah dapat dua projek yang terbesar yang akan memberi pertumbuhan ekonomi kepada negeri Terengganu dan rakyat Terengganu, Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Di Pertua, Yang Di Pertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jawapan kita beri sekejap lagi. Jawapan kita yang kita beri dahulu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Wakil Batu Burok, duduk. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya pohon laluan, Yang Di Pertua. Dato' Yang Di Pertua, apakah yang diperkatakan oleh Wakil Batu Burok tadi berkenaan dengan kemiskinan. Persoalan saya sepanjang empat tahun Yang Berhormat menjadi EXCO Kerajaan Negeri di sini, apakah tindakan yang dilakukan oleh Yang Berhormat sendiri di kawasan Yang Berhormat untuk menangani masalah tersebut secara khusus. Yang kedua, Dato' Yang Di Pertua, berkenaan dengan projek-projek yang dikatakan tadi Lebuhraya dan jugak Lapangan Terbang suka di sini saya menyatakan bahawa ayat Quran jelas menyatakan ayat yang bermaksud:

*"Jika kamu bersyukur Tuhan akan tambah".*

(Surah Ibrahim, ayat 7)

Apa yang berlaku sekarang ataupun semasa empat tahun dulu orang PAS tak bersyukur, duduk maki siang malam pagi petang ke tuan hak suap nasi, jadi ditarik oleh Allah s.w.t. dari tangan-tangan manusia menyebabkan LPT, Lapangan Terbang telah tidak dijalankan dan insya-Allah, dengan pemerintahan kita yang ada pada hari ini kita akan bina kerana kita adalah manusia-manusia ataupun umat-umat yang bersyukur. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, saya baca dengan izin jawapan kepada soalan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, soalan bertulisnya –

Soalan  
Bertulis

Berapakah jumlah rakyat negeri Terengganu yang ditakrif sebagai miskin semenjak tahun 2000 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah tersebut?

Jawapan Meskipun demikian berdasarkan laporan kadar kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi negeri Terengganu pada tahun 1999 kadarnya ialah 14.9 peratus dan pada tahun 2002 kadarnya ialah 10.7 peratus.

Ini menggambarkan penurunan dalam keadaan kita mempunyai 25 peratus sahaja hasil yang kita boleh nikmati untuk pentadbiran negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Wakil Batu Burok cuba mempermainkan dengan angka sebagaimana kita sedia maklum bahawa Perancangan Pembangunan Kerajaan melibatkan semakin lama kadar kemiskinan semakin berkurangan. Contohnya, Terengganu suatu ketika dulu, kadar kemiskinan ialah 89 peratus dan sekarang ini menurun kepada 10.3 peratus ataupun 10 peratus. Ini merupakan suatu kejadian jangka panjang Kerajaan di bawah Barisan Nasional dan kebetulan di tengah-tengah itu ada empat tahun diambil alih oleh Kerajaan PAS pengurangan itu terus berlaku bukan kerana PAS memerintah terus jadi 10.3 peratus. Daripada 89 peratus kerana dia bukan jadi segera, kerana adanya perancangan, adanya kilang, adanya peluang pekerjaan dan sebagainya. Jadi janganlah kita mendabik dada seolah-olah kita memerintah empat tahunpun kemiskinan turun 10.3 peratus. Berjaya sampai tiga peratus sedangkan pendapatan 25 peratus. Ini ada hubungkait antara satu sama lain *inter-related* dengan izin Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, kaedah Dewan dia boleh minta daripada saya untuk beri penjelasan bukan dia yang memberi penjelasan. Saya harap Speakerpun kena adil jugaklah. Dia orang bertanya dia mintak penjelasan dari saya bukan dia beri penjelasan kepada saya.

Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, saya nak tinggalkan perkara ini. Saya bukan mendabik dada tapi saya berkata dengan hasil royalti yang banyak 22 tahun kenapa negeri Terengganu terus menjadi tapak tempat kubu kemiskinan masyarakat dan rakyat, kenapa? Tetapi dalam masa dua tahun kita memerintah sedangkan 25 peratus hasil sahaja kita kurangkan 3 peratus, ini suatu pencapaian bukan mendabik dada, suatu pencapaian.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, minta laluan sekali lagi. Minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak sudahkan kerja-kerja saya ni. Kemudian saya nak beritahu sikitnya mengenai .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat, minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak pindah dah ni, takdok laluan dah. Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengatakan di sini, 'Satu lagi aspek yang boleh Kerajaan Negeri memberi pertimbangan khusus ialah mengenai kebajikan rakyat. Dalam hal ini Program Dana Khas Wang Ehsan adalah satu pendekatan yang dapat memberi manfaat secara terus kepada keluarga berpendapatan rendah. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya harap dan saya mintak, saya pohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh padamkanlah, hilangkanlah kata-kata sepertimana yang saya baca tadi untuk memenuhi hasrat Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana Wang Ehsan ini tak wujud sebenarnya dari sudut undang-undang. Wang ini adalah hak negeri Terengganu, hak rakyat negeri Terengganu yang telah dimasukkan ke dalam Kepala Hasil selama 22 tahun tetapi di atas kehampaan, di atas *frustration*, UMNO terlalu hampa, terlalu *frust* kalah negeri Terengganu. Kalau begitu biar hancur, hancurlah. Biar sama-sama tak dapat. Suruh Pusat ambil balik, ramPAS balik, sekarang ini dijadikan Wang Ehsan sedangkan ini hak kita, yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan sebagai hasil kita .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan, minta penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... Tak sepatutnya kita mintak ianya sebagai pertimbangan khusus kerana ini adalah hak kita dan saya harap dengan hubungan yang baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mempunyai hubungan yang begitu baik dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kembalikanlah hak negeri Terengganu ini, PAS tidak akan mengusik apa-apa Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya izinkan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Di Pertua, ini merupakan Titah Ucapan Tuanku, jadi kalau kita nak pakai, kita kena pakai semua, kita tidak boleh pakai separuh-separuh tu, Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya bukan nak tolak, nak *attack* Ucapan Duli Yang Maha Mulia, saya kata hilangkanlah perasaan nukilan hati Duli Yang Maha Mulia kepada perkara yang

seumpama ini. Dengan kuasa yang ada, dengan hubungan yang baik, kembalikan semula hak kita. Bukan menjadi ehsan kepada kita, ini adalah hak kita dan artikel 97 Perlembagaan Malaysia yang memberi peruntukan dan hak bahawa Parlimen mempunyai hak untuk membuat suatu peraturan kewangan bagi mana-mana negeri dan itu telahpun diperundangkan melalui *Petroleum Development Act 1973*, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon laluan. Terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat Batu Burok yang duduk panggil hak kita, hak kita ini, adakah hak ini telahpun diputuskan oleh Mahkamah atau setakat hanya mengaku hak sahaja, tidak ada sebarang *binding*. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau datang daripada Ahli Sasterawan soalan sebegini, saya tak kecewa, datang daripada seorang rakan undang-undang *Legal Colleague*, *I'm very dissapointed*, dengan izin. Hak kita dah sedia ada, orang rampAS kita dakwa dia, hak kita, bukan mahkamah putuskan lagi, hak kita dulu. Fasal ini telah diberi oleh undang-undang dalam perjanjian.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dengan izin, *it seems that* Wakil Rakyat Batu Burok ini bercakap macam '*layman*' sepatutnya dia orang undang-undang dia tahulah yang mana satu hak kita ataupun yang mana satu bukan hak kita. Bagaimana boleh kita mengakui petroleum tersebut sebagai hak kita sedangkan ianya berada jauh di luar perairan Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya, dengan izin *I do not want to be brought up in a Legal Entanglement, unless .....*

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya ingin menarik perhatian Yang Di Pertua, oleh kerana kes ini masih berada di mahkamah supaya ianya tidak dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana ianya menjadi *subjudice* kepada mahkamah. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sayapun tak nak bangkit tapi oleh kerana Duli Yang Maha Mulia begitu *concerned*, cakna, rasa hiba perkara ini hilang, hak kita, kita jadi pengemis. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya

berpindah. Suatu penafian, pembohongan dalam Dewan yang mengatakan Kerajaan PAS selama 4 tahun tidak buat satu biji rumahpun takkanlah sampai begitu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh semak dengan bahagian Perumahan. *Target* yang diminta hanyalah 31,000 buah rumah dan daripada situ 35 peratus rumah kos rendah tak sulit untuk dicapai kerana dalam tangan kita pada hari ini, dalam tangan kita rumah *low cost* dalam pembinaan, dalam penyiapan telah berada sebanyak 6,903 unit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Daripada projek-projek ini ada 10 projek yang dibatalkan sebaik sahaja UMNO dan BN kalah di Terengganu. Saya membawa perkara ini kepada pada masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan diluluskannya dan projek ini bermula semula pada 10.10.2002 dan dipaksa siap dalam masa 1 tahun 2 bulan sahaja, mesti siap pada Disember 2003 sahaja. Saya bagi *undertaking* akan dilaksanakan dan 10 projek ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ialah Lak Lok, Besut, projek bermula 10.10.2002 – 140 unit semasa kita tinggal Kerajaan 90 peratus siap. Projek Gong Tengah ataupun Pengkalan Nyireh sebanyak 160 unit .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Kerajaan Persekutuan tidak pernah membatalkan projek-projek ini tapi ditangguhkan buat sementara waktu kerana projek-projek ini adalah semasa saya menjadi Pengerusi yang berkenaan, Dato' Yang Di Pertua. Saya boleh sebut satu-satu projek ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tidak ditangguhkan, Dato' Yang Di Pertua, saya ambil alih daripada Yang Berhormat Kijal projek ini dibatalkan sehingga ni, saya beritahu ni. Projek Pengkalan Nyireh dimulakan semula pada 1.12.2002 siap 25.12. – 160 unit, masa kita tinggal 90 peratus siap. Projek Anak Ikan yang dibuat oleh Babena Sendirian Berhad, 204 unit bermula 10.10.2002 semasa ditinggal 95 peratus siap. Projek Padang Setenge 200 unit diluluskan semula 1.12.2002 semasa kita tinggal 98 peratus siap. Projek Banggol Peradong yang dibuat oleh GPQ 238 unit diluluskan semula 10.10.2002 semasa ditinggalkan 84 peratus siap. Projek Mengabang Lekor .....

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Di Pertua, mintak penjelasan – Diluluskan semula itu apa cerita, apa maksud dia diluluskan semula? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bagus Yang Berhormat tanya saya. Saya dah kata tadi bila kita ambil alih Kerajaan, kesepuluh projek ini dibatalkan ataupun *suspended* ataupun digantung mengikut Yang Berhormat Kijal kata. Jadi kita lawan balik, kita mintak

balik projek ini L.A. telah diberi dengan izin, *Letter of Appointment*, Surat Pelantikan telahpun .....

YANG BERHORMAT WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... nantilah saya jelaskan, tak apalah. Surat Pelantikan telah diberi kepada kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju dan saya beritahu Yang Amat Berhormat, kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju ini bukan orang PAS, dilantik oleh Kerajaan UMNO, orang UMNO dan ianya sekarang ini dalam keadaan nak menyaman Kerajaan Negeri dan saya bersedia dia saman Kerajaan Negeri, saya bawa Kerajaan Pusat sebagai *Third Party* .....

YANG BERHORMAT WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Di Pertua, minta penjelasan ni Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... Ya, sekejap, saya tengah duduk jelas ni. Dia saman Kerajaan Negeri saya bawa Kerajaan *Federal* sebagai *Third Party* apa-apa jugak yang Kerajaan Negeri kena bayar *indemnified* dengan izin, akan diganti balik oleh Kerajaan Pusat itu kaedah undang-undang. Jadi dengan itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Pengerusi pada ketika itu berjanji dan dia telah luluskan. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas keadilan yang telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu yang sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Yang Di Pertua. Mengabang Lekor kita bagi kepada Ensi Desa, Ensi Desa ni UMNO pekat, 250 unit diluluskan semula 10.10. dan masa kita tinggal 77 peratus .....

YANG BERHORMAT WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak laluan. Maknanya pada tahun pemerintahan Kerajaan PAS tidak ada satu projek perumahan baru dibuat, boleh kata begitu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak betul begitu, matematikpun tak betul, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Inilah projek baru yang kita buat, sebelum kita ambil alih projek ini baru *groundwork*, baru tapak tanah, *scratch-scratch*, *Letter of Appointment* baru buat. Bermula projek ini ialah pada 10.10.2002, takkan tak faham.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, pohon laluan. Memadai Yang Berhormat Batu Burok main jadi Burung Kukur begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Projek Sungai Kerak, Sungai Kerak 245 unit diluluskan tarikh bermula projek ini 10.10.2002 semasa kita tinggal 90 peratus siap. Projek Mak Kemas yang dipindah daripada Durian Guling kerana Mak Kemas ini tak sesuai, saya mintak Kerajaan luluskan supaya berpindah dan diluluskan 10.10. dan semasa kita tinggal Kerajaan 90 peratus siap, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kemudian Projek Pulau Serai, Pulau Serai 156 unit bermula semula 10.10. semasa kita tinggal Kerajaan siap 70 peratus yang dibuat oleh Hubungan Raya Sdn. Bhd. Projek PASir Gajah yang terpaksa kita punggah bukit sebanyak 150 unit bermula semula bangunan 10.10.2002 dan semasa kita tinggal 80 peratus siap. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu lagi projek yang ditinggal kepada korporat, korporat ini anak syarikat GPQ yang diamanahkan untuk membina 10,000 unit rumah murah, rumah kepada rakyat. Kita ada dua projek yang dijalankan satu di Balai Besar, satu lagi di Bukit Kuang.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Korporat siapa tubuh, PAS ke Barisan Nasional?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dia beranak tak kira, pelihara anak orang kira. Siapa dia hak pelihara anak, anak dia hak sakit kita pelihara anak itu. Balai Besar Yang Berhormat Dato Yang Di Pertua, rumah *low cost*, rumah murahnyalah ialah 647 unit dan sekarang ini hampir 100 peratus siap. Di Bukit Kuang rumah *low cost*nya sebanyak 865 unit sekarang ini dalam 35 peratus siap. Ini yang saya katakan tadi dan dengan projek-projek yang lain kita dalam proses penyiapannya 6903 unit rumah murah dan sebanyak 1,777 rumah bercampur. Ini yang dilakukan semasa pemerintahan PAS Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Tapi untuk menyatakan kita tak buat sebiji ialah saya nak katapun kita boleh *urgent* kita boleh berhentikan, tangguhkan Dewan ini, kita ambil bas SUK dua buah tu, kita round pergi tengok, tengok dengan mata lendir kita sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dah duduk dalam Dewan sejak tahun 1982 belum pernah berlaku Penyata-penyata PBT (Kerajaan Tempatan) dihantar untuk tatapan Dewan setahun dalam masa satu tahun. Biasanya 5 tahun, 10 tahun tetapi pada hari ini saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pentadbir-pentadbir, pegawai-pegawai Kerajaan kita yang telah diikuti budaya cergas kita semasa kita perintah 4 tahun. Kita telah sempurnakan penyata-penyata ini dalam masa yang diperuntukkan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Apakah semasa pemerintahan PAS sahaja pihak PBT dapat mengemukakan laporan masing-masing mengikut tahun semasa sebagai lima yang ini. Saya rasa ini merupakan angkat bakul sendirilah sedangkan sebelum itu

pernah berlaku dan kita sebelum itu lima Pihak Berkuasa Tempatan di Terengganu mendapat Sijil Bersih Audit, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak nak mendabik dada tetapi pentadbiran boleh kemukakan sejak tahun 1982 kemukakan kepada Dewan ini bila, bila tarikh-tarikh yang dikemukakan penyata-penyata itu untuk kita semua tatap dalam Persidangan yang akan datang insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya oleh kerana berlaku gangguan-gangguan ini ada beberapa perkara yang ketinggalan sedikit. Namun demikian, saya merasakan bahawa apa yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia itu adalah suatu *concern*, suatu kecaknaan supaya dilihat adanya kesinambungan keharmonian, adanya kesinambungan hormat-menghormati dan adanya kesinambungan kerjasama. Kami Pembangkang bukanlah untuk membangkang kerana kepentingan politik tetapi kami menyatakan sepertimana kami lakukan semasa kami diberi kuasa untuk mentadbir dengan telus dan terang. Dan inilah apa yang saya nak katakan tadi bahawa saya berharap bersungguh supaya posisi, tempat yang berada kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita kembalikanlah semula hak kita, hasil kita dan tunjukkanlah negeri Terengganu yang ketinggalan sekian lama ini akan dimajukan semula paling kurang setaraf dengan negeri-negeri yang lain. Beri penumpuan, lihatlah Terengganu ini mana dia yang dikatakan pembangunan sebelum ini, mana ada, selama 37 tahun yang kita ada Wisma Darul Iman - satu, Stadium Negeri yang jarang-jarang diguna, Jambatan Sultan Mahmud itupun sepatutnya dibiayai oleh peruntukan Pusat tapi kita terpaksa gunakan duit kita RM150 juta yang sepatutnya kita boleh bina 10 - 15 jambatan lain merintang sungai-sungai lain di Terengganu untuk dimajukan. Jadi saya harap perkara ini tidak akan berulang sehingga rakyat terpaksa serah balik, ambil balik kuasa ini, serah balik kepada kita di masa-masa akan datang. Sekian wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap, tak ada?

**YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama membahaskan Usul Merafak Sembah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja menyampaikan dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Kali Yang Kesebelas pada pagi semalam.

Saya ingin turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang mana turut dititah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada pagi semalam iaitu dasar yang berkaitan dengan pentadbiran negeri Terengganu yang akan datang ini iaitu di bawah Konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari. Sepertimana yang telah kita dengari Titah Kebawah Duli semalam, Kebawah Duli meminta kita supaya turut sama menjayakan pendekatan agenda negeri yang mana penterjemahan Islam dengan izin saya baca muka surat 2 – 'Penterjemahan Islam Hadhari praktis Islam yang syumul dan seimbang berasaskan ciri-ciri yang cemerlang, mesra, kreatif, inovatif dan progresif, berakhlak, berilmu dan global.' Ini membawa makna bahawa setiap daripada kita perlu memahami konsep yang akan dibawa oleh Kerajaan Negeri. Pemahaman kita tentang Islam haruslah kita faham secara menyeluruh, sekejap tadi Yang Berhormat Pembangkang menyatakan kepada Yang Berhormat Tepoh semasa ucapannya mengatakan Yang Berhormat daripada Tepoh minta projek. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa Yang Berhormat Pembangkang tidak faham tentang Islam, bila Yang Berhormat Tepoh menyatakan projek yang diperlukan di kawasannya seolah-olah ia membedakan fahaman bahawa minta projek itu bukan Islam. Keadaan yang memerlukan faham secara global kita lihat bagaimana satu masa dulu Islam kita berada di zaman keagongan tetapi kerana salah faham sesetengah daripada orang Islam pada masa itu menyebabkan pemahaman tentang Islam ini seolah-olah hanya yang berkaitan dengan hukum-hakam sahaja baru Islam. Manakala yang tidak berkaitan dengan hukum-hakam itu tidak Islam sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Pembangkang yang diminta oleh Yang Berhormat Tepoh berkaitan dengan projek, Yang Berhormat Tepoh kata mintak projek. Suka saya mencadangkan Yang Berhormat Pembangkang juga diberi pemahaman lebih lanjut tentang Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ingin juga saya mengambil kesempatan di sini untuk sama-sama kita menghayati apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli pada hari semalam iaitu beliau meminta supaya kita sama-sama dengan izin saya membaca sekali lagi Titah Kebawah Duli – "Bagi mencapai agenda ini, Kerajaan Negeri akan memastikan keadilan sosial yang merata akan tercapai; kecemerlangan dalam bidang pendidikan meningkat; rasa persaudaraan menyeluruh merentasi ideologi; ilmu pelbagai dimensi menjadi budaya rakyat". Pada hari ini di kampung-kampung selepas daripada Barisan Nasional menjadi Kerajaan Negeri selepas Pilihanraya yang lalu rasa persaudaraan ini telah bertukar terutamanya di DUN Hulu Besut. Kalau dulunya semasa PAS menjadi Kerajaan di negeri Terengganu, sembahyang dua Imam di masjid sudah tidak ada lagi tapi selepas daripada menang ini, pemimpin-pemimpin PAS telah mengajak rakyatnya bukan semula masjid di Hulu Besut di Keruak. Saya menimbulkan perkara ini kerana Titah Kebawah Duli supaya kita semua merasa bahawa persaudaraan ini kita beri keutamaan sepertimana Titah Kebawah Duli pagi semalam. Keadaan ini menggambarkan kepada kita bahawa pemimpin-pemimpin PAS tidak mengambil cakna tentang persaudaraan sepertimana yang dititah oleh Kebawah Duli.

Saya juga mengambil kesempatan di sini Kebawah Duli semalam juga seolah-olah merasa cukup gembira, seolah-olah merasakan suatu keadaan yang akan berubah daripada zaman kegelapan akan berubah zaman kecemerlangan. Kita tengok bagaimana harapan Kebawah Duli untuk melihat negeri Terengganu kita ini terus maju. Kebawah Duli juga menyebut di antara projek-projek besar yang akan dilaksanakan yang akan datang ini iaitu berkaitan dengan lebuh raya yang mana daripada Kuantan akan sampai ke Besut. Jajaran laluan lebuh raya ini akan sampai ke Besut dan saya mewakili DUN Hulu Besut ingin juga memaklumkan kepada Kerajaan Negeri yang sedia ada sekiranya jajaran laluan lebuh raya ke Hulu Besut saya pohon biarlah melalui Hulu Besut kerana le-ninya Hulu Besut adalah di antara DUN yang mana jalannya jalan mati. Saya pohon biarlah jajaran lebuh raya itu sampai ke Hulu Besut kerana di Hulu jalan, laluannya jalan yang mati dan setahu saya tidak ada DUN-DUN lain yang mana jalan besarnya jalan mati tetapi di DUN Hulu Besut ini jalan utamanya, jalan besarnya jalan mati. Suka saya mencadangkan kepada Dewan supaya mengambil kira pembangunan jalan laluan lebuh raya ke Besut ini akan melalui Hulu Besut.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan bahawa selama PAS menjadi Kerajaan yang mana motto pemerintahannya 'Membangun Bersama Islam' tetapi setahu saya tidak ada tindakan yang dibuat tentang ajaran salah di Hulu Besut iaitu Ajaran Ayah Pin dengan sebab itu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tepoh itu tadi 'Cakap Tak Serupa Bikin'. Tidak ada tindakanpun jadi saya rasa keadaan inilah yang menggambarkan bahawa cakap yang tak serupa bikin yang dibuat oleh Yang Berhormat Pembangkang adalah jelas kalau sekiranya kita lihat bagaimana anggota UPU selepas daripada PAS menjadi Kerajaan, Yang Berhormat Wakaf Mempelam memberitahu Kerajaan Negeri di bawah PAS meneruskan bayaran walaupun di bawah Pemerintahan PAS. Setahu saya bila saja menang di Terengganu, PAS terus tidak bayar elaun UPU, beberapa pegawai ditukar dalam masa setahun 12 kali, keadaan agresif ini turut sama dilakukan oleh JSR di kampung-kampung dengan restu Yang Berhormat Kawasan masing-masing saya rasa pada masa itu. Balai raya yang digunakan sebagai tempat mendidik anak-anak dihalau keluar tetapi setelah dihalau keluar tidak ada apapun yang dilakukan ke atas balai raya itu. Balai raya itu jadi tempat sarang kambing tidur. Berbeza dengan setelah Barisan Nasional selepas pada Pilihanraya baru-baru ini, keadaannya cukup teratur bermula dengan naik Wisma Darul Iman, Sembahyang Hajat, mengadakan Majlis Penyerahan Tugas, cukup teratur. Tetapi semasa penyerahan tugas Yang Berhormat Bekas Menteri Besar tidak hadir. Cukup teratur cara naik ke Wisma Darul Iman yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam melaksanakan pentadbiran tidak dibuat secara gopoh-gapah tidak ada pertukaran yang menggambarkan seolah-olah membalas dendam dan inilah gambaran yang dimaksudkan pentadbiran Islam Hadhari Terengganu Bestari. Jauh bezanya di antara 'Membangun Bersama Islam' suasana dan keadaan itu

saya rasa Yang Berbahagia Dato' Yang Di Pertua saya cadangkan Yang Berhormat Pembangkang perlu diberi kursus lanjutan berkaitan dengan pemahaman tentang Islam. Dan dengan itu sekian, terima kasih.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Ada lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Sila Yang Berhormat Wakil Alur Limbat.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah dikesempatan ini izin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih dan seterusnya membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Al-Sultan sempena Pembukaan Penggal Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas yang selamat dirasmikan kelmarin. Izinkan saya seterusnya merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Terengganu sekarang yang diberikan amanah oleh Allah dan pucuk pimpinan menerajui kepimpinan negeri Terengganu bermula pada 21 Mac 2004 baru-baru ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan terutama dari kalangan penyokong Barisan Nasional kerana menang dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini berkat kegigihan bekerja tanpa mengenal erti penat lelah. Berkhidmat untuk rakyat dan meyakini rakyat bahawa tidak ada mana-mana parti pemerintah yang lain daripada Barisan Nasional membela rakyat .... (TEPUKAN) ..... Dato' Yang Di Pertua, yang jelas Barisan Nasional bukan kerana Pengundi Hantu tapi kerana keyakinan sebenar-benar keyakinan rakyat bahawa kemampuan Barisan Nasional memerintah Terengganu. Juga pada masa yang sama rakyat melihat bahawa Parti PAS yang pernah diberi amanah oleh Allah dan rakyat Terengganu menerajui Terengganu sejak 29 November 1999 sehingga Pilihanraya baru-baru ini bukanlah sebuah parti yang berwibawa untuk menerajui pucuk pimpinan negeri Terengganu. Saya mempunyai banyak bukti Yang Berhormat Dato' di antaranya daripada pemerhatian saya PAS hanya sebuah parti yang 'gila glamour' minta maaf, sanggup mengenyepikan kepentingan rakyat kerana semata-mata faktor undi. Kita lihat sahaja apa yang berlaku sebaik sahaja mereka memerintah Terengganu, belum apa-apa sudah merobohkan Tol di Jambatan Sultan Mahmud, belum apa-apa dah isytihar bahawa semua kutipan cukai Tol tersebut dihapuskan. Apa sudah jadi selepas itu, jalan raya sepanjang Jambatan Sultan Mahmud tidak disenggarakan. Seterusnya saya juga melihat di antara faktor yang menunjukkan ketidakwibawaan Kerajaan PAS memerintah Terengganu adalah kekelibutan dalam hal pentadbiran Kerajaan Negeri. Contohnya, lihat saja apa yang berlaku menjelang Pilihanraya Umum Yang Kesebelas baru-baru ini mereka cuba meraih simpati rakyat, cuba meraih sokongan daripada undi rakyat dengan memberi tanah-tanah TOL kepada rakyat. Mereka mendabik dada kononnya mengatakan

bahawa mereka berhasrat untuk membahagikan 50,000 lot tanah kepada rakyat tapi apa yang jelas pemberian tersebut jauh ataupun tidak menurut aturan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini apa yang berlaku di kawasan saya di Alur Limbat di mana tanah di kawasan Bukit Tinggi, Banggul Katong telah diberi tanah TOL dengan dalam tempoh 3 tahun sedangkan ianya adalah jelas pemberian tanah-tanah TOL untuk tempoh 3 tahun sekaligus itu adalah bercanggah dengan Kanun Tanah Negara. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, di antara lain bukti-bukti yang menunjukkan ketidakwibawaan PAS memerintah Terengganu ialah mereka dengan mudah menghapuskan Cukai Pintu, 'Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata-kata tidak boleh diundur', itulah yang berlaku 'Senjata makan tuan'. Oleh kerana mereka berjanji bagi mendapatkan kuasa memerintah Terengganu pada penghujung tahun 1999 akhirnya mereka tidak dapat membangunkan bandar-bandar di negeri Terengganu. Tetapi yang malangnya apabila rakyat menuntut supaya Majlis-majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah dibersihkan persekitarannya mereka hanya tahu menuding jari kononnya Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional merompak hak rakyat negeri Terengganu iaitu royalti petroleum. Sebenarnya PAS memang tidak berwibawa di antara lain Yang Berhormat Dato', saya mempunyai bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa PAS sanggup mengecualikan bayaran royalti pengalihan tanah kepada sebuah syarikat yang mengusahakan tapak projek Kampung Bukit Bayas dan juga projek Kampung Tok Adis. Saya tidak pasti ini mungkin kroni ataupun sebaliknya. Saya percaya bahawa tidak ada mana-mana Kerajaan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Pohon penjelasan Yang Di Pertua, boleh dinyatakan syarikat manakah yang mendapat projek tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, Syarikat Pembinaan ANZ Sdn Bhd, beralamat di No. 10, 11, 12, Tingkat Mezzanine, Taman Sri Intan, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Surat bertarikh 2 September 2003 ini jelas, izinkan saya untuk membaca - 'Sukacita dimaklumkan syarikat tuan dikecualikan daripada dikenakan bayaran royalti bagi pengalihan tanah dari mana-mana lot tanah tapak projek Kampung Bukit Bayas sama ada kepada tanah projek Kampung Bukit Bayas atau ke tanah projek Kampung Tok Adis sebagaimana Perjanjian bertarikh 17 November 2002'. Kalau hal yang macam ni dah dikecualikan cukai apa yang kita jangka sebagai pemerintah untuk mendapatkan hasil bagi mentadbir negeri. Inilah yang saya katakan sebahagian daripada ketidakwibawaan Kerajaan PAS memerintah sepanjang tahun pemerintahan mereka baru-baru ini. Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya jugak untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini kerana mungkin itulah kehendak majoriti rakyat di kawasan mereka. Harap-harap bukan kerana Pengundi Hantu kerana ucapan terima kasih dan rasa syukur

kepada Allah s.w.t. ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri Islam Hadhari Terengganu Bestari.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini kepada kandungan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan semalam jelas memperakui bahawa industri petroleum merupakan rangsangan utama kepada ekonomi negeri Terengganu sepertimana terkandung di muka surat 7 para 1 baris 1 hingga 3 Titah Ucapan yang berbunyi dengan izin – 'Satu fakta yang tidak dapat disangkal lagi ialah ekonomi negeri Terengganu adalah banyak dirangsang oleh sektor perlombongan yang dijana oleh industri hulu petroleum. Permintaan yang tinggi terhadap produk petroleum dan gas asli telah membuat pertumbuhan berterusan bagi sektor ini.' Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, alhamdulillah, dengan menjelangnya era millenium baru industri petroleum di Terengganu telah meningkat sehingga Petronas mampu membayar sejumlah hampir RM1 bilion pada awal 2000 baru-baru ini. Malangnya Kerajaan Negeri Terengganu memerintah pada masa itu iaitu sudah semestinya Kerajaan PAS yang pernah diamanahkan wang sejumlah RM432 juta oleh Petronas gagal memanfaatkan wang tersebut untuk faedah rakyat ataupun faedah majoriti rakyat. Lebih malang lagi Kerajaan Negeri pada masa itu gagal menjelaskan bagaimana dan ke mana wang RM432 juta dibelanjakan. Kegagalan ini berterusan sehingga akhirnya mereka kecundang dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Barisan Nasional Pusat telah mengambil tindakan drastik dengan menyalurkan peruntukan terus kepada rakyat Terengganu menerusi Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu mulai tahun 2001. Bagi menghalang langkah tersebut Kerajaan PAS yang pada peringkat awalnya memandang enteng terhadap penyaluran wang tersebut kepada majoriti rakyat Terengganu melalui Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu yang mana pada mulanya pucuk pimpinan mereka telah melabelkan sebagai wang haram. Akhirnya mereka akur kepada kehendak rakyat, mereka akur bahawa rakyat memerlukan pembelaan dan akhirnya mereka telah melihat bahawa wang tersebut merupakan satu ancaman kepada mereka. Akhirnya mereka telah bertindak secara pendek akal dengan memfailkan saman terhadap Kerajaan Pusat dan Petronas dalam pada masa yang sama mereka terus melemparkan tuduhan-tuduhan kepada orang UMNO, Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat dengan label perompak, lanun, penyamun dan sebagainya. Saman tersebut masih berada di mahkamah sekarang. Oleh itu Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya untuk mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menarik balik saman terhadap Petronas dan Kerajaan Pusat dan mengembalikan *status quo* asal kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan memberi Kerajaan Negeri Terengganu sekarang hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan menikmati hasil daripada petroleum tersebut.

8 JUN 2004

Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada peringatan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang menyeru supaya Program Dana Khas supaya diteruskan sebagaimana tercatat di muka surat 12 para 2. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, adalah menjadi suatu fakta yang tidak dapat dipertikaikan, tidak dapat dinafikan bahawa Program Dana Khas Kerajaan Pusat ataupun Program Dana Khas Wang Ehsan ini telah terbukti mampu membela sebahagian besar daripada rakyat negeri Terengganu terutama golongan miskin, ibu tunggal, golongan kurang upaya dan warga emas yang diberikan bantuan *one-off-payment* dengan izin, pada setiap kali menjelang Hari Raya Puasa ataupun Chinese New Year ataupun Deepavali. Sebagai menghargai kecemerlangan budaya ilmu, rakyat Terengganu juga turut menikmati bantuan RM1,000 untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA melalui Wang Dana Khas tersebut. Selaras dengan manifesto tambahan BN Terengganu pada Kempen Pilihanraya baru-baru ini saya dengan rendah diri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri sekarang meneruskan Program Dana Khas Wang Ehsan ini. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kejatuhan Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum Tahun 1999, *it was a nightmare* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Di pertua kepada PAS Terengganu telah menyebabkan pelabur-pelabur yang telah bertapak di kawasan Industri Paka dan Kerteh mula mengalih perhatian ke negeri-negeri lain termasuk negeri Pahang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat panjang lagi?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): .... Kira-kira panjang lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila duduk. Saya tangguh Persidangan Dewan ini dulu/sementara dan akan disambung semula pada pukul 4.00 petang. Yang Berhormat akan diberi sambung semula.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG

#### PUKUL 4.00 PETANG

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat daripada Alur Limbat untuk menyambungkan ucapan.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat):** Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada kandungan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di muka surat 8 para 2. Sebagaimana yang kita sedia maklum negeri Terengganu masih mempunyai sumberi kawasan pertanian terutama tanah-tanah terbiar yang luas, tanah-tanah milik individu dan milik Kerajaan yang terbiar kerana kekurangan tumpuan Kerajaan dan mungkin sikap rakyat yang tidak berminat untuk mengusahakan tanah pertanian dan mungkin di atas pulangan hasil ekonomi yang kecil. Keadaan ini tidak harus dibiarkan dan oleh yang demikian pada hari ini, saya menggesa kepada Kerajaan Negeri memberi fokus yang lebih kepada industri pertanian. Selaras dengan *recognition* dengan izin, oleh Kerajaan Pusat terhadap kepentingan industri pertanian ini. Oleh itu saya mencadangkan di sini supaya suatu Jawatankuasa Tanah Terbiar Peringkat Negeri ditubuhkan bagi menangani masalah ini. Pada masa yang sama juga saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mewujudkan Projek Pertanian Bersepadu di setiap daerah di seluruh negeri Terengganu. Insya-Allah, sekiranya menjadi kenyataan rakyat negeri Terengganu akan menikmati hasil ekonomi pertanian ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, seterusnya mohon izin Dewan yang mulia ini untuk merujuk kepada kandungan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di muka surat 14. Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Islam meletakkan kebersihan ini sebagai satu paksi di dalam amalan, dengan izin (*baca ayat yang bermaksud*) 'Kebersihan itu adalah sebahagian daripada Iman'. Namun begitu sepanjang pemerintahan PAS di Terengganu keadaan persekitaran bandar-bandar di Terengganu terutama di kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu kotor. Keadaan lanskap yang tidak teratur dan juga tidak sempurna. Alasan yang diberi adalah alasan biasa bahawa Kerajaan Pusat merompak hasil royalti petroleum ataupun hak Terengganu kita. Kini ianya tidak menjadi alasan lagi dan sehubungan dengan itu walaupun kita masih belum lagi memperolehi pulangan daripada royalti petroleum tersebut, sebaik sahaja kita memerintah Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil langkah drastik membersihkan persekitaran bandar Kuala Terengganu. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Itulah apalah yang kita lihat sekarang kini hampir 100 peratus kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu terutama di jalan-jalan utama telah dibersihkan dan ianya merupakan salah satu daripada faktor yang menggamit pelancong-pelancong terutama pelancong daripada dalam negeri ke Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya agak tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Wakaf Mempelam tadi yang berbangga dengan pencapaian Kerajaan PAS kononnya telah berjaya memperolehi Sijil ISO 9000 tapi sedarkah kita bahawa sijil tersebut hanyalah bersifat *documentary* apa yang menjadi realiti ialah persekitaran terutama di kawasan-kawasan Hulu Terengganu terjejas dan juga kualiti air jugak turut terjejas akibat daripada pembalakan tersebut.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Kerajaan yang baru. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada sesiapa lagi yang ingin berucap? Sila Wakil Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat barisan Ahli EXCO, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan para hadirin sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama membahaskan Usul Merafak Sembah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja menyampaikan dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Kali Yang Kesebelas pada pagi semalam. Sesungguhnya Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku adalah merupakan sokongan dan dokongan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan terhadap Negeri yang baru memerintah Terengganu beberapa bulan yang lepas iaitulah Agenda Islam Hadhari Terengganu Bestari. Izinkan saya memetik Ucapan Titah Baginda di muka surat 2 – 'Kerajaan Negeri Terengganu telah memperkenalkan aspek kepimpinan negeri dengan berasaskan kepada agenda Islam Hadhari Terengganu Bestari.' Dan di baris yang di bawahnya - 'Beta berharap agenda Islam Hadhari Terengganu Bestari akan dihayati sepenuhnya oleh golongan rakyat dan menjadi panduan mereka dalam kehidupan harian agar dapat menangani segala masalah, segala cabaran di era millenium baru ini.' Jika dilihat di dalam Titah Baginda Al-Sultan pada muka surat yang seterusnya ada penekanan terhadap mempraktiskan Islam dari perspektif moden dan kontemporari dan ada penekanan untuk meningkatkan, mempertahankan kecemerlangan pendidikan negeri Terengganu juga ditekankan dalam Titah Baginda mengenai usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan, usaha untuk memelihara alam sekitar dan usaha untuk memajukan industri yang berasaskan sumber dan pelancongan dan mengenai usaha untuk mengambil berat kebajikan masyarakat, menyediakan perumahan dan melaksanakan kerjasama dengan swasta dalam memajukan negeri

Terengganu Darul Iman. Di akhir Titah Baginda, Baginda ada menyebut tentang harapan Baginda untuk melihat perkhidmatan, perkhidmatan di negeri Terengganu hendaklah sentiasa dipertingkatkan supaya dapat melancarkan segala impian dan hasrat rakyat.

Dato' Yang Di Pertua, Islam Hadhari adalah merupakan slogan yang barangkali baru didengar oleh sebahagian besar rakyat Terengganu dan Malaysia amnya. Tetapi ia bukanlah sesuatu yang bida'ah kerana ia adalah tidak menyanggahi Islam bahkan Islam Hadhari adalah merupakan suatu realiti dan adalah merupakan suatu yang tidak lari daripada akidah Islam yang sebenar. Islam Hadhari ertinya Islam berperadaban, Islam yang boleh membawa peradaban dan ini telah dibuktikan dengan sejarah sendiri. Bahasa Arab yang sebelum daripada kedatangan Rasulullah s.a.w. yang hanya dikenali sebagai bangsa yang menternak kambing biri-biri, yang majoritinya tidak tahu membaca dan menulis tetapi dengan kedatangan Islam bangsa Arab telah menjadi suatu bangsa yang mampu menyaingi bangsa-bangsa lain yang akhirnya pengaruh mereka melebar ke seluruh dunia sehingga sampai ke Andalusia, negeri Cina dan lain-lain lagi. Islam Hadhari adalah merupakan Islam yang boleh menjadi pemangkin kepada kebangkitan ummah yang kita dapat lihat di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, di Malaysia, Tanah Melayu selepas kedatangan Islam barulah dapat kita lihat bangsa Melayu terkenal dan mula bangkit menjadi suatu bangsa yang terkenal. Bermula dengan Islam di Melaka, semakin besarnya Pelabuhan Melaka dan di Terengganu ada bukti menyatakan bahawa Islam telah datang sebelum daripada itu lagi iaitulah pada tahun 1300 lebih iaitulah dengan adanya Batu Bersurat Terengganu. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah Islam Hadhari bukanlah Hadharah Islamiah, ini adalah merupakan dua tajuk berbeza apa yang disebut Hadharah Islamiah adalah satu tajuk yang hanyalah tajuk sejarah. Hadharah Islamiah adalah satu perbincangan mengenai Hadharah Peradaban yang berasaskan kepada Islam ataupun yang sifatnya tidak bercanggah dengan Islam maka kerana itu apabila bercakap tentang Hadharah Islamiah kita akan membaca sejarah-sejarah yang pernah dicatatkan oleh sejarawan sama ada di Andalusia di zaman Kerajaan Islam dahulu tetapi apa yang membangkitkan mereka, menjadikan mereka membina ketamadunan itu tidak pernah atau jarang disebut oleh kitab-kitab sejarah. Lantaran itu Islam Hadhari yang digagaskan oleh Kerajaan kita pada hari ini sebenarnya mahu membangkitkan semula semangat Islam yang sebenar. Islam yang dikatakan sebagai agama yang merangkumi semua aspek kehidupan supaya umat Islam di akhir ini akan kembali gemilang, didokong atau ditolak oleh semangat agama. Dato' Yang Di Pertua, kita perlu memberi penekanan kepada Konsep Islam Hadhari di semua peringkat kerana pada hari ini kita dapati orang yang bercakap tentang Islam sendiripun masih bertanya apa itu Islam Hadhari. Ini barangkali soalan yang hanya menyindir atau mahu melihat bagaimana kemampuan kita untuk menjawabnya tetapi saya percaya mereka sebenarnya juga memahami kerana Hadharah Islamiah dan Islam Hadhari adalah merupakan dua

perkara yang berbeza, orang yang belajar Bahasa Arab dia tahu yang mana sifat, yang mana mausuf, yang mana na'at, yang mana man'ut dengan izin. Tuan Yang Di Pertua, menjelaskan semula Islam Hadhari ini dengan erti kata menjelaskan semula Islam yang sebenar Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan di dalam semua peringkat kehidupan. Di dalam pemerintahan, Islam Hadhari merangkumi pentadbiran, merangkumi tanggungjawab sebagai seorang pemimpin memajukan negara dan sebagainya. Kita dapat melihat bagaimana Islam ini mempunyai peradaban boleh menyokong dan membawa ummah kepada peradaban di mana pada zaman Rasulullah s.a.w. sendiri, Baginda Rasulullah s.a.w. tidak menolak untuk menggunakan apa-apa cara sekalipun yang tidak bercanggah dengan dasar dan aqidah Islam demi untuk memudahkan urusan dan kerja-kerja Baginda sebagai seorang pemerintah di samping tugas hakiki Baginda sebagai seorang Rasul. Di dalam tahun yang Ketujuh Hijrah, Baginda telah menerima cadangan untuk menggunakan 'Qhatam' ataupun Cop yang kita gunakan pada hari ini di dalam surat-surat Baginda. Walaupun perkara ini tidak disebut dalam al-Quran, tidak diajar dalam al-Quran disarankan oleh sahabat-sahabat semata-mata tetapi memandangkan penggunaan Cop ataupun Qhatam Mohor ini amat penting bagi raja-raja sebelum daripada mereka membaca surat-surat yang diterima daripada luar. Rasulullah s.a.w. menerima cadangan tersebut dan menggunakan Cop Mohor lalu tercipta cincin Baginda yang tertulis di atasnya 'Muhammad Rasulullah'. Dato' Yang Di Pertua, dalam sejarah Islam juga kita dapat melihat bagaimana Khalifah-khalifah yang terdahulu memahami tanggungjawab mereka sebagai seorang pemimpin bukan sekadar menjatuhkan hukuman kepada pesalah-pesalah, bukan sekadar menegur rakyat untuk melakukan ibadat-ibadat fardhu tetapi mereka tahu bahawa tanggungjawab mereka adalah menjaga kemaslahatan rakyat, menjaga kemakmuran tanah air supaya kesemua kehidupan dapat berjalan dengan lancar sesuai dengan apa yang difirmankan oleh Allah s.w.t. yang merupakan asas dalam kehidupan manusia ialah makanan yang sempurna kehidupan yang aman. (*Baca Surah Quraisy, ayat 4*) Yang bermaksud - Yang memberi mereka makan ketika mereka lapar, yang memberi keamanan daripada perasaan takut/gusar. Pada Zaman Khalifah Omar r.a. kita dapat lihat bagaimana pembangunan telah berjalan dengan lancar, bagaimana Dewan-dewan telah diwujudkan, baitulmal telah diwujudkan semua ini adalah merupakan perkara-perkara baru yang boleh memajukan lagi pentadbiran negara walaupun sesetengahnya dipinjamkan daripada negara luar tetapi Islam tidak menolak kerana Islam adalah Dinn Hadhari, Agama yang menerima peradaban inilah patut yang difahami oleh rakyat pada hari ini yang saya rasakan perlu untuk diwar-warkan, diadakan melalui berbagai-bagai projek dan program disemua peringkat semoga apa yang dihasratkan oleh Kerajaan dan apa yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titah Baginda ini dapat sama dihayati. Di dalam zaman pemerintahan Sayidina Omar r.a. Beliau pernah berkata dengan maksud - 'Sekiranya seekor kambing biri-biri terjatuh di tepi Sungai Furaq, maka Omar akan ditanya di akhirat nanti'. Ini menunjukkan betapa tingginya

kesedaran Khalifah Omar r.a. mengenai tanggungjawab untuk menjaga pembangunan, memberi pembangunan dan kesenangan kepada rakyat, sehingga bukan hanya rakyat tetapi kambing pun jatuh kerana keadaan yang tidak dijaga oleh Kerajaan, Omar masih bimbang dia akan ditanya diakhirat nanti oleh Allah S.W.T. maka pada hari ini dalam dunia yang serba maju, dalam dunia yang orang lain yang telah mendepani kita beberapa jauh maka sudah tentulah menjadi tanggungjawab Kerajaan supaya rakyat bersaing dengan bangsa-bangsa lain, dan sudah tentulah ini memerlukan komitmen yang tinggi, memerlukan satu kesedaran yang menyeluruh dan kerana itu kita katakan semangat Islam Hadhari ini perlu dihayati dengan sebenar-benarnya. Dato' Yang Di Pertua, dalam suasana negara yang berbilang kaum, Islam sewajarnya ditampilkan dalam keadaan yang penuh hikmah. Pada hari ini kita melihat parti Pembangkang amat ingin menggunakan slogan Islam untuk meraih sokongan daripada rakyat jelata, lantaran itu kita juga terpaksa menggunakan Islam untuk melawan mereka, kerana senjata kalau tidak kena caranya senjata yang berlainan sudah tentu payah hendak menang, kalau kita sentiasa mencanangkan pembangunan dan pada hari ini kita terpaksa menggunakan slogan Islam Hadhari supaya mereka juga merasakan lebih jelas bahawa UMNO, Kerajaan Barisan Nasional juga tidak meminggirkan perkara-perkara yang berasaskan agama. Dato' Yang Di Pertua, seperti yang saya tegaskan tadi, di dalam negara kita yang berbilang kaum dan berbilang agama, Islam hendaklah ditampilkan dalam bentuk yang penuh hikmah dengan ertikata kita mestilah menampilkan Islam dengan sebenar-benarnya dan kita mesti yakin bahawa Islam akan pasti dapat diterima oleh bangsa-bangsa yang lain oleh penganut-penganut agama yang lain, kerana Islam sebenarnya adalah agama yang membawa nilai yang *universal* dengan izin, nilai yang boleh diterima oleh semua manusia, nilai fitrah semula jadi sebagaimana yang disebut dalam al-Quran yang bermaksud - 'Fitrah yang dijadikan oleh Allah s.w.t. yang diciptakan manusia berdasarkan fitrah yang tersebut'. Lantaran itu kita tidak perlu bimbang apa yang ditampilkan tanpa menggunakan label Islam, sedangkan dia Islam pasti ia akan dapat diterima dan lambat laun mereka mengetahui bahawa inilah Islam yang sebenarnya. Mereka akan dapat melihat dan mengakui bahawa Islam adalah suatu agama yang benar. Dato' Yang Di Pertua, suatu masa dahulu apabila berlaku satu persidangan yang membincangkan tentang bagaimana parti di Malaysia ini menggunakan nama Islam dan ada perbincangan untuk menghapuskan penggunaan Islam, maka parti tersebut telah merasa bimbang kerana jika tidak boleh menggunakan nama Islam mereka bimbang mereka kehilangan modal untuk berkempen dalam Pilihanraya-pilihanraya yang akan datang. Mahu saya jelaskan di sini Dato' Yang Di Pertua, penggunaan nama tidak sepeenting hakikatnya. Dalam satu peristiwa Rasulullah S.A.W. sendiri pernah mengenyepikan penggunaan nama Islam atau istilah agama demi untuk mencapai matlamat yang diinginkan, matlamat yang lebih besar, matlamat yang membawa kepada kebaikan ummah kebaikan Islam itu sendiri. Dalam perjanjian Hudaibiyah, Rasulullah S.A.W. telah sanggup bertolak ansur dengan wakil Quraisy yang

bertegas tidak mahu menggunakan nama Rasulullah dalam teks perjanjian tersebut, maka Rasulullah S.A.W. telah menerima cadangan dan permintaan tersebut lalu diminta kepada Sayidina Ali yang menjadi penulis pada masa itu supaya dipadamkan nama Rasulullah dan digantikan dengan Muhammad bin Abdullah, lantaran pentingnya perjanjian Hudaibiyah dalam mengerakkan dan mendapat pengiktirafan dunia terhadap Kerajaan Islam yang ada pada masa itu. Rasulullah S.A.W. telah menerima dan menjadikan perjanjian tersebut hanya diantara Baginda dengan menggunakan nama Muhammad bin Abdullah tidak Muhammad Rasulullah yang akhirnya kerana Baginda telah sanggup bertolak ansur, perjanjian tersebut telah terlaksana dengan jayanya, dan akhirnya kerana perjanjian Hudaibiyah itu yang terkandung di dalamnya kebijaksanaan Rasulullah S.A.W. sebagaimana seorang pemimpin, Islam akhirnya semakin dihormati dan tidak lebih daripada dua tahun selepas daripada itu maka Kota Makkah dapat dibuka oleh orang-orang Islam. Ini menunjukkan kepada kita bahawa yang sebenarnya dalam sesuatu perjuangan, dalam sesuatu perbuatan dan amalan yang penting ialah hakikatnya bukan namanya, terkadang kita perlu untuk tidak menggunakan nama Islam demi untuk mendapatkan sokongan dan dokongan, walaupun sudah tentu yang lebih baiknya jika kita dapat menggunakan namanya. Dato' Yang Di Pertua, lantaran itu saya melihat apa yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini dan sebelum daripada ini yang tidak menampilkan Islam sebagai motif utama yang ditampilkan sebagai perjuangan untuk bangsa tidak tersasar daripada apa yang dituntut oleh Agama Islam, lantaran itu Dato' Yang Di Pertua, saya mohon supaya kita dapat memahami perkara ini dengan sejelas-jelasnya dan saya harap supaya sebagaimana yang dihendaki oleh yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam ucapannya, marilah sama-sama kita menghayati dan memahami perkara ini dengan sebaik-baik mungkin, dalam dunia yang serba moden ini, dalam dunia yang Islam dilihat dengan tanggapan yang tidak baik, Islam yang dilihat sebagai pengganas, Islam yang dilihat sebagai orang miskin, Islam yang dilihat sebagai negara yang mundur dalam masa Islam dilihat dengan segala sifat yang tidak baik, sudah tentulah kalau kita dapat menampilkan kebaikan Islam sebelum daripada kita bercakap tentang Islam, kita dapat mendahului mereka dan akhirnya mereka akan dapat menerima Islam sebagaimana kita kehendaki. Dato' Yang Di Pertua, terkadang Islam pada hari ini banyak diwar-warkan melalui ucapan dan ceramah semata-mata, kita dapat lihat di Barat pada hari ini melalui perbacaan dan penghayatan mereka terhadap Islam, telah begitu ramai orang-orang barat telah menerima Islam, cuba bayangkan jika dalam dunia ada sebuah negara Islam yang mampu menampilkan ciri-ciri keislamannya tanpa menggunakan nama Islam dan akhirnya mereka tahu bahawa ini adalah negara orang Islam sudah tentulah kita akan lebih berjaya untuk membawa dan mengangkat martabat agama ini dan sekaligus mendakwah agama ini kepada orang-orang lain. Dato' Yang Di Pertua, dengan izin kata pepatah bahasa Arab yang bermaksud 'Bahasa keadaan itu lebih fasih, lebih lancar dan lebih kuat penyampaian daripada percakapan'. Saya kira Dato' Yang Di Pertua

sebagaimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, sekarang adalah masa untuk kita bekerja, masa untuk kita membawa pembangunan kepada negara dan negeri, masa untuk kita menampilkan Islam dengan sebenar-benarnya, bukan masa untuk kita bercakap tentang Islam, apatah lagi kita bercakap dengan penuh *paradog* dengan izin, dengan penuh percanggahan, sekali kita bercakap bahawa Islam adalah agama yang menyeluruh, sedangkan penekanan kita berikan kepada Hudud apabila sampai masa untuk kita laksanakan Hudud kita katakan pula bahawa Hudud adalah hanya 0.001% tidakkah ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya kita tidak benar-benar lagi memahami Islam. Dato' Yang Di Pertua, Islam adalah agama yang menjadi rahmat keseluruh alam, maka lantaran itu kita hendaklah melihat apakah yang diutamakan dalam Islam selain daripada perkara-perkara yang kita sebutkan selalu di dalam pengucapan kita, tidak dinafikan bahawa perkara-perkara Fardhu Ain adalah merupakan perkara yang kita tidak boleh kita tinggalkan dan inipun tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, kita mengadakan kelas-kelas Al-Quran dan Fardhu Ain, kita mengadakan subjek agama di Sekolah-sekolah, maka yang lain-lain pembangunan dan sebagainya kita tekankan dalam masa-masa yang lain tetapi sayangnya tidak ramai yang melihat ini sebagai sebahagian daripada kerja Islam. Dato' Yang Di Pertua, kalaulah dapat dilihat bahawa Islam itu agama yang menyeluruh sebagaimana yang disebutkan selalu, kita akan faham bahawa semua kerja kita, selagi ia adalah untuk kepentingan bangsa, agama dan negara itu adalah kerja agama, kerja untuk agama dan sudah tentulah ada pahala sebagaimana yang disebut oleh golongan-golongan tertentu, lantaran itu konsep Islam Hadhari ini perlu dihayati, perlu difahami dengan secara betul, secara halusi dan sebagainya. Kita tidak mahu Islam Hadhari ini dijadikan hanya sebagai tema yang baru yang pada setengah-setengah golongan yang dianggap sebagai bidaah dan sebagainya kerana hanya semata-mata mereka tidak pernah mendengarnya dan sebelum daripada ini. Islam Hadhari adalah merupakan Islam yang sifatnya Hadhari yang bertam dun yang kita tekankan pada masa ini sesuai dengan keadaan umat Islam pada keseluruhannya berada di dalam keadaan mundur. Dato' Yang Di Pertua, Islam adalah suatu agama Allah yang sudah tentu sifatnya banyak, Allah yang maha esa pun sifatnya 99, maka Islam ini walaupun kita sebut sebagai agama yang menjadi, agama yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia, sifatnya tentulah banyak dan dalam keadaan-keadaan tertentu, kita perlukan menekankan aspek atau sifatnya tertentu untuk dijadikan rangsangan dalam segala tindakan kita, Islam juga adalah agama yang adil, Islam juga adalah agama yang menyeluruh, Islam juga adalah agama yang mengimbangi diantara dunia dan akhirat, Islam ialah agama yang tidak membelakangkan akhirat, tidak memberatkan salah satu antara dunia dan akhirat, maka lantaran itu saya percaya bahawa pemilihan Islam Hadhari sebagai slogan Kerajaan Negeri adalah merupakan satu pemilihan yang tepat yang penuh bijaksana, yang boleh memacu kemajuan Negeri Terengganu ini selaras dengan kehendak Islam yang merupakan agama majoriti penduduknya. Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan

8 JUN 2004

supaya kita semua memberi sokongan Yang padu kepada usaha Kerajaan untuk menjayakan rancangan pembangunan Negeri Terengganu berasaskan slogan Islam Hadhari Terengganu Bestari sebagaimana yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Waramatullahi Wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk ucap terima kasih kepada Dato' Yang Di Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahas ucapan titah ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang di dalamnya merangkumi kesemua perkara yang saya kira cukup penting bagi melihat Terengganu berjaya, Terengganu makmur dengan nilai-nilai Islam yang lebih tinggi. Mendengar kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang benar-benar mahu melihat apa yang dijanjikan oleh pemimpin menjadi kenyataan bukan sahaja bukan janji-janji manis tetapi realiti. Izinkan saya mencadangkan agar pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi di seluruh negeri Terengganu dipercepatkan. Dato' Yang Di Pertua, bila ekonomi negeri Terengganu berkembang maka ia boleh menjana pendapatan kepada negeri dan juga rakyat, selain daripada itu juga ia boleh memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor dan juga peniaga-peniaga tempatan di dalam kedua-dua pembinaan ini dan sekaligus boleh menjana ekonomi negeri. Dato' Yang Di Pertua, bila peluang-peluang pekerjaan bertambah pendapatan rakyat bertambah dan akan bertambahnya melalui tumbuhnya kilang-kilang, meningkatnya aktiviti-aktiviti perniagaan dan pelancongan. Sebagaimana yang telah kita mula melihat di dalam bulan April sahaja baru-baru ini, untuk bulan April sahaja lebih kurang 200,000 pelancong telah melawat negeri Terengganu dan telah menjana lebih kurang RM60 juta. Unjuran juga telah dibuat sehingga akhir tahun seramai 2 juta pelancong akan datang ke Terengganu yang akan berbelanja lebih kurang kalau kita kira purata berbelanja RM300.00 seorang, yang akan berbelanja lebih kurang RM600 juta. RM600 juta merupakan satu angka .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pohon laluan, Yang Di Pertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Data yang diberikan oleh Wakil Bukit Tinggi tadi adalah telah menafikan apa yang diperkatakan oleh Wakil Wakaf Mempelas, bersetuju atau tidak dengan pendapat saya tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Terima kasih. Ini fakta yang saya dapat dari Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu yang membuat unjurannya dan juga telah memberi kepada saya lebih kurang seramai 200,000 pelancong telah melawat ke Terengganu pada bulan April. Jadi saya setuju Dato' Yang Di Pertua tadi saya kira mungkin .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Di Pertua, laluan sekali lagi. Jika bersetuju betul atau tidak kalau saya katakan bahawa Wakil Wakaf Mempelas telah berbohong pada Dewan ini, Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tinggi): Wakil Wakaf Mempelas tak baca surat khabar ni. Saya percaya dengan adanya promosi-promosi yang lebih, dengan ada produk-produk yang ada di Terengganu saya yakin Terengganu akan dihujani oleh pelancong di masa-masa yang akan datang dengan lebih ramai lagi. Dato' Yang Di Pertua, sehubungan dengan itu saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan bagi menggalakkan pelancong ini datang ke Terengganu kita kena menyediakan, mempertingkatkan penyediaan secukupnya kemudahan-kemudahan infrastruktur, menambah bilangan hotel dan bilik di destinasi-destinasi yang menjadi tumpuan kerana sehingga kini Terengganu hanya ada lebih kurang 6,500 bilik di beberapa buah hotel yang kita tahu. Dengan 6,500 buah bilik ini dia hanya boleh memuatkan lebih kurang 26,000 kalau kita ambil kira 4 orang dalam satu keluarga 26,000 pelancong pada suatu masa. Jadi kita kena pertingkatkan tambah bilik-bilik ataupun kemudahan-kemudahan lain termasuk hotel.

Dato' Yang Di Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga ada menyebut primustahaknya Kerajaan mengambil kira dengan lebih serius kepada program-program bagi menjana pendapatan rakyat dan seterusnya membasmi kemiskinan. Dalam hal ini ingin saya mencadangkan dalam kita memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan kepada rakyat kita juga jangan lupa pada program-program untuk terus membantu golongan ini secara terus. Terutama dalam program-program pembinaan rumah-rumah baru dan membaiki rumah kepada golongan ini. Semenjak tahun 2000 sehingga 2003 di bawah Program Dana Khas Kerajaan Persekutuan kita telah membina dan membaiki lebih kurang 15,000 buah rumah, saya harap kita boleh lipat gandakan jumlah ini memandangkan kita sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional memerintah Terengganu pada hari ini. Dato' Yang Di Pertua saya juga mengharapkan

Kerajaan supaya mengkaji semula kos pembinaan dan pembaikan rumah-rumah kepada golongan ini kerana dengan peningkatan kos bahan binaan dan juga kos tenaga yang lebih tinggi tidak padan dengan kos pembaikan yang diberi sebanyak RM5,000.00 bagi membaiki rumah dan bina baru sebanyak RM12,000.00. Saya rasa kita kena kaji balik ini. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan walaupun baru memikul tanggungjawab ini untuk terus memperbanyakkan Perumahan Kos Rendah yang betul-betul diberi kepada yang layak. Tadi Wakil Batu Burok ada menyebut tentang pembinaan rumah-rumah kos rendah ini juga termasuk kepada ahli-ahli korporat, syarikat-syarikat swasta, janganlah kerana terlalu ghairah nak bina 10,000, 20,000 buah rumah akhirnya orang yang tak layak dapat jugak rumah ini kerana kita tahu semasa pemerintahan Kerajaan dahulu ada golongan-golongan pegawai yang berpendapatan RM8,000.00 mendapat rumah kos rendah. Jadi saya berharap benda ini tidak berlaku kerana semata-mata kita ghairah hendak bina rumah banyak .....

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya pohon Wakil Bukit Tunggul menyerahkan nama mereka yang berpendapatan RM8,000.00 mendapat rumah kos rendah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Sekali lagi, tak jelas, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Wakil Bukit Tunggul mengatakan Kerajaan dahulu ada memberikan rumah kos rendah kepada mereka yang berpendapatan RM8,000.00 atau mereka yang tidak layak. Saya pohon nama-nama mereka diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk dibuat penilaian semula.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggul): Saya ada nama, bayaran bulanan rumah dengan bayaran bil listriknya. Dengan itu saya akhiri dengan ucapan terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat nak berucap? Sila Wakil Kuala Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam Ucapan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas pada pagi semalam.

Tuan Yang Di Pertua, sepanjang Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ada menyebut beberapa fakta antaranya ialah pendidikan dan penggunaan sumber manusia, mengurangkan kadar kemiskinan, pemeliharaan alam sekitar dan penstrukturan ekonomi negeri. Yang kesemuanya itu di bawah pengurusan dan pentadbiran dalam Konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari. Tuan Yang Di Pertua, dalam memperkatakan Islam Hadhari Terengganu Bestari kita telah banyak mendengar penjelasan dan ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dan satu perkara yang harus disentuh di sini kita harus memperbetulkan perkara-perkara yang telahpun dipegang oleh setengah-setengah rakyat negeri Terengganu khususnya dari segi akidah sehingga akan menyebabkan mereka tidak sanggup lagi bersembahyang bersama-sama dengan jemaah-jemaah yang terdiri daripada golongan parti penyokong Barisan Nasional. Kita dapati 13 tempat di negeri Terengganu ini yang bersembahyang Jumaat berasingan dengan sebab itu satu tindakan yang wajar harus diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan perkara ini tidak berlaku lagi. Ianya nyata dan jelas sekali melakukan dua Jumaat dalam satu mukim, dalam satu qariah sangat-sangat bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya sebagaimana yang pernah dilakukan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. pernah membakar sebuah masjid yang didirikan atas dasar dengki dan iri hati kepada Junjungan Besar kita lalu Nabi memerintahkan supaya masjid itu dibakar. Kita juga boleh memohon kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang supaya menasihati dan meminta ahli-ahli dan penyokongnya menghentikan kerja-kerja yang sebegini.

Tuan Yang Di Pertua, satu perkara lagi yang ingin disentuh di sini ialah dari segi pelancongan sebagaimana yang disebutkan dalam muka surat 8 iaitu sektor pelancongan. Tuan Yang Di Pertua, berbalik kepada sektor pelancongan, satu faktor yang harus kita teliti ialah kebersihan tempat-tempat pelancongan itu. Saya ingin merujuk kepada Pulau Perhentian yang dalam tempoh 4 tahun yang lalu sampah sarap dibiarkan begitu sahaja dan tidak terurus hanya dibiarkan kepada pengusaha-pengusaha chalet sahaja mengeluarkan sesen-dua peruntukan untuk mengendalikan kebersihan di kawasan chalet-chalet tetapi di kawasan perumahan dibiarkan sampah berlambak-lambak. Oleh yang demikian, kita perlu mengambil satu langkah yang wajar memastikan semua tempat-tempat rekreasi, tempat pelancongan ini dibersihkan dari semasa ke semasa. Di samping itu juga bukan sahaja di tempat pelancongan, di rumah-rumah ibadat juga kita melihat khususnya tanah-tanah masjid di seluruh negeri khususnya dalam perjalanan di tepi-tepi jalan besar, jalan utama apabila kita berhenti menunaikan solat kita dapati tandasnya banyak kotor. Ini berlaku dalam tempoh 4 tahun yang lalu tidak diberi kecaknaan yang khusus dan saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru yang telah mengambil inisiatif untuk menggesa dan meminta semua JKKK yang

8 JUN 2004

ada dalam negeri Terengganu ini untuk membersihkan kawasan masjid dan memberi keceriaan kepada masjid-masjid kerana masjid itu melambangkan kesucian agama kita.

Tuan Yang Di Pertua, saya juga ingin memohon kepada Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri menyediakan sedikit peruntukan untuk membaik pulih masjid-masjid khususnya masjid-masjid yang berada di tepi-tepi jalan utama kita. Tuan Yang Di Pertua, seperkara lagi yang saya ingin menyebutkan di sini ialah dari segi mengurangkan kadar kemiskinan yang berlaku dalam negeri kita ini. Rata-rata kemiskinan ini ialah tertumpu kepada dua sektor iaitu sektor nelayan dan sektor pertanian. Kedua-dua golongan ini seharusnya kita memberi perhatian dan juga galakan serta diberi bantuan yang sewajarnya dan juga kita seharusnya menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk mereka menjalankan aktiviti ekonomi masing-masing. Dari segi golongan nelayan, saya ingin mencadangkan supaya muara-muara sungai yang berada di seluruh negeri Terengganu ini dapat diperdalamkan khususnya di Muara Sungai Besut yang sekian lama dibiarkan sehingga nelayan terpaksa menunggu air pasang baru dapat mereka membawa masuk hasil tangkapan ke darat. Ini kerana selama 4 tahun tidak diberi ataupun diselia ataupun disenggara dengan baik sepatutnya perkara ini telah diselesaikan oleh pihak Kerajaan terdahulu. Tuan Yang Di Pertua, apa yang kita harapkan di bawah pimpinan Kerajaan baru, di bawah Menteri Besar kita yang baru Yang Amat Berhormat Dato' Haji Idris bin Jusoh dapat memerhatikan dan dapat melaksanakan segala program-program untuk membasmi kemiskinan dengan jaya dan baiknya di semua bidang dan semua sektor. Dengan itu saya memohon supaya tindakan yang menyeluruh dan bersepadu harus dilaksanakan supaya kita dapat melihat negeri kita menjadi sebuah negeri yang dapat terkeluar daripada negeri yang termiskin berbanding dengan negeri yang lain di seluruh Malaysia. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap? Sila Wakil Paka.

**YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD AIRFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka):** Terima kasih, Yang Di Pertua. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Saya jugak nak mengambil peluang ini untuk sama-sama mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telahpun bertitah kelmarin bagi merasmikan Persidangan Dewan kita yang Kesebelas, Persidangan Pertama. Saya jugak nak mengambil peluang ini Yang Di Pertua, untuk merakamkan Ucapan Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Idris Jusoh yang telahpun berjaya memimpin sebuah parti akhirnya berjaya merebut sebuah Kerajaan semula daripada Kerajaan PAS di dalam Pilihanraya yang lalu. Sewaktu kita kalah pada tahun 1999 yang lalu, sebahagian besar daripada kita khususnya pemimpin-pemimpin UMNO merasakan ia amat tertekan rupa-rupanya hasil daripada

kekalahan itu ianya memberi suatu hikmat di sebalik kekalahan yang menyebabkan hari ini pada Pilihanraya yang baru berlalu tahun 2004 dapat dilihat bagaimana kita mendapat kemenangan yang begitu cemerlang. Mungkin kalau UMNO masih lagi berkuasa tahun 1999 hari ini UMNO tidak mungkin ataupun Barisan Nasional tidak mungkin dapat menguasai kerusi yang begini banyak pada hari ini. Hasil daripada kekalahan yang lalu maka terlahirlah segala kelemahan sebuah Kerajaan yang selama ini bercakap merata-riti sepanjang masa dan sepanjang zaman seolah-olah merekalah yang mampu untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang lebih adil dan lebih berkemajuan daripada Kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang Di Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ada beberapa perkara yang disentuh oleh Al-Sultan yang pertamanya ialah berkenaan dengan mengekalkan perpaduan di kalangan umat Islam. Yang keduanya, Baginda juga menyentuh bagaimana umat Islam dunia hari ini begitu amat tertekan. Yang ketiganya, Baginda juga menyentuh berkenaan dengan kedudukan generasi muda yang memerlukan peluang-peluang latihan kemahiran. Yang keempatnya berkenaan dengan alam sekitar. Yang kelimanya, peluang-peluang pekerjaan. Yang keenamnya, Baginda juga menyentuh tentang kepentingan untuk para nelayan juga petani juga pelancongan, infrastruktur, kraftangan, sukan, Program Dana Khas, Rumah Awam Kos Rendah, kebersihan dan juga kemajuan yang seimbang di antara dunia dan akhirat.

Saya nak menyentuh tentang perkara yang pertama, iaitu mengekalkan perpaduan. Hari ini walaupun Kerajaan Negeri sudahpun diperintah oleh Barisan Nasional namun rata-rata tenaga-tenaga yang ada sama ada di masjid mahupun di surau ianya masih lagi dikuasai oleh orang-orang daripada kalangan daripada parti-parti Pembangkang. Sebagai untuk makluman kita bersama di dalam tubuh manusia ada seketul hati dan kalau baik hati itu maka baiklah segala tindakan dan perilaku seseorang manusia. Begitu jugak masjid dan surau ini ianya adalah sebagai hati kepada sebuah kampung. Apabila peranan masjid dan surau ini kalau seumpama hati hitam pekat maka ianya akan merebak keadaannya di sesebuah kampung itu tidak akan ada tenteram dan aman. Ini terus berlaku khususnya di kawasan saya di DUN Paka. Jadi kalau boleh orang yang sedang melakukan perpecahan di kalangan menggunakan masjid dan surau ini adalah pengikut sesebuah parti dan kalau ada di dalam Dewan ini pemimpin mereka yang terbesar saya pohon supaya pemimpin mereka menasihatkan mereka agar ianya bersamaan dengan Konsep Islam Hadhari yang kita laksanakan di dalam negeri Terengganu ini. Jadi begitulah keadaannya yang ada hari ini walaupun kita sudah menjadi sebuah Kerajaan tetapi oleh kerana ketertipan kita di dalam melaksanakan tugas kita tidak mengambil alih suatu institusi yang walaupun kita mempunyai kuasa yang sepenuhnya di bawah Kerajaan Negeri maka mereka terus mengambil peluang-peluang untuk menjadikan institusi masjid dan surau ini masih lagi

menjadi markas-markas kepada mereka. Jadi insafiah bahawasanya hati kepada sebuah kampung itu ialah masjid dan surau, kalau hati ini mampu dibersihkan maka segala anak mukim yang ada dalam kawasan itu akan tenteram dan amanlah.

Perkara yang lain yang saya nak sentuh di dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ini ialah berkenaan dengan kepentingan nelayan. Kebetulan kita di dalam negeri Terengganu ini banyak muara. Besutpun ada muara, Setiupun ada muara, Kuala Terengganupun ada muara, kebetulan di Marang muaranya sudahpun diperlebar dan diperdalamkan. Kitapun hairan jugak macam mana Marang dulu boleh ni. Dan di Dungun tidak terkecuali juga ada muara, kebetulan di Dungun pulak ada dua muara iaitu Muara Kuala Dungun dan jugak Muara Kuala Paka. Di Kemamanpun ada muara Kerteh dan jugak Kuala Kemaman, tiga muara. Jadi saya pohon oleh kerana kepentingan muara ini adalah kepada masyarakat yang begitu dilihat daif, masyarakat nelayan, masyarakat petani apabila sahaja kita menyebut nama masyarakat ini ianya seolah-olah terpampang sebagai satu kumpulan manusia yang memangnya susah. Jadi Kerajaan Negeri perlulah memberi perhatian yang berat tentang kedudukan muara-muara ini supaya kalau boleh dilaksanakan ianya dalam bentuk yang terus kekal dan abadi. Bukan tahun lepas kita korek, lepas korek, korek lagi memakan belanja yang begitu besar setiap kali kerja-kerja pengorekan ini berlaku. Jadi saya pohon supaya Kerajaan Negeri mencari satu kaedah dan jalan yang baik bagi melaksanakan untuk mendalami muara sungai ini secara yang berkekalan. Kebetulan juga saya berjiran dengan Kemasik, Kemasik kawasan petroleum, Pakapun jugak tidak terkecuali. Jadi kita pohon kalau dulu apabila berlaku pertukaran sebuah Kerajaan akhirnya Paka yang begitu maju sehingga terbantut pembangunannya yang mengakibatkan ratusan rumah mungkin agaknya sehingga mencecah ribu rumah-rumah kosong yang sedang berada di Paka. Jadi daripada sudut penyediaan kawasan saya kira Kerajaan Negeri telahpun menyediakan dua kawasan yang begitu luas untuk pembukaan semula GPP 7 dan 8 begitu jugak dengan kawasan IKS 1,000 ekar telahpun disediakan bagi Industri Kecil dan Sederhana yang berkaitan dengan petroleum. Begitu jugak dengan kawasan Batu 7, kawasan Batu 7 ini di dalam sewaktu pemerintahan Barisan Nasional dulu kita mencadangkan supaya ditempatkan pengusaha-pengusaha plastik tetapi malang sekali pada tahun 1999 Kerajaan Barisan Nasional jatuh akhirnya kawasan ini kalau tak silap saya 4 orang telah dapat dah tanah tu diberikan sewaktu Kerajaan PAS diberi milik kepada orang perseorangan. Tapi alhamdulillah, masih lagi ada tanah-tanah kosong dan supaya Kerajaan Negeri di bawah EXCO yang berkaitan mencari jalan agar menarik semula pelabur-pelabur yang telah pernah berjanji untuk duduk di kawasan Batu 7 ini. Semoga dengan kegiatan ini dapat kita laksanakan kita dapat sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda disebut dalam Titah Ucapan ini begitu jugak, kita jugak membantu tuan-tuan punya rumah yang ribuan jumlahnya di Paka ini yang masih kosong supaya ada orang yang menduduki.

8 JUN 2004

Sekian terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Paka. Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Dewan ke esok hari 9 Jun 2004 jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita membaca Surah al-Asr'.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.**



**PERSIDANGAN  
PADA HARI RABU, 9 JUN 2004**



Hari Rabu,  
9 Jun 2004

**KANDUNGAN**

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 128 ]
2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 132 ]
  - 2.1 Soalan-soalan Lisan
3. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis: [ Muka 58 ]
  - 3.1 Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan
  - 3.2 Usul Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri
  - 3.3 Usul Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Terengganu
4. TANGGUHAN [ Muka 203 ]
5. **LAMPIRAN A**  
[Soalan Bagi Jawapan Bertulis] [ Muka 204 ]



9 JUN 2004

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

**HADIR**

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Haji Idris bin Jusoh, DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Encik Rosol bin Wahid, PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Encik Ahmad bin Said, ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Encik Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Haji Mohd Jidin bin Shafee, AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

9 JUN 2004

Y.B. Encik Toh Chin Yaw  
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.  
WAKIL KEMASIK

Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah  
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris  
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, PPN.,PJK.  
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad  
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.  
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMN.,PJK.  
WAKIL PAKA

Y.B. Encik Komaruddin bin Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah  
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid  
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat  
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.  
WAKIL TEPOH

9 JUN 2004

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat  
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.  
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.  
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

9 JUN 2004

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Haji Mokhtar bin Nong, ASM.,SMT.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, AMT.,PJK.

9 JUN 2004

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula dan marilah sama-sama kita memulakan bacaan Umul Kitab - Al-Fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, Wakil Kemasik mengemukakan soalan-soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

*Berapa ramaikah bilangan Tahfiz yang dilahirkan oleh Maahad Tahfiz semenjak tahun 2000 hingga sekarang dan adakah elaun mereka dibayar dalam tempoh tersebut?*

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, bilangan pelajar yang dilahirkan oleh Maahad Tahfiz semenjak tahun 2000 hingga sekarang ialah seramai 50 orang dan pecahan mengikut tahun ialah:

Tahun 2000	: 20 orang
Tahun 2001	: 10 orang
Tahun 2002	: 10 orang
Tahun 2003	: 17 orang

---

57 orang

---

Tiada apa-apa elaun yang dibayar kepada mereka bagi tempoh tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kalau sebelum pemerintahan Kerajaan PAS dahulu, Kerajaan Negeri ketika itu ada membayar elaun-elaun kepada Tahfiz yang di Maahad Tahfiz. Adakah Kerajaan hari ini akan membayar semula elaun-elaun tersebut?

YANG BERTHORMAT W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, insya-Allah elaun-elaun tersebut kita akan bayar balik sebagaimana yang diamalkan pada masa pemerintahan Barisan Nasional dahulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah elaun-elaun tersebut akan dibayar sama sebagaimana bayaran yang dibuat semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah dahulu ataupun akan ditambah dalam Kerajaan baru ini?

YANG BERTHORMAT W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Insya-Allah, buat permulaan kita akan ikut sebagaimana bayaran elaun semasa Kerajaan Barisan Nasional dan kajian akan dibuat dari semasa ke semasa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan kedua saya ditolak, soalan yang ketiga –

*Sila nyatakan jumlah pelajar yang mendapat tajaan Yayasan Terengganu bagi melanjutkan pelajar ke luar negara semenjak tahun 2000 dan berapakah kos tajaan tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Bismillahirrah-manirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, semenjak tahun 2000, Yayasan Terengganu telah menaja seramai 437 pelajar dengan melibatkan kos sebanyak RM 2,778,080. Adapun perinciannya adalah seperti berikut, yang ditajanya tidak boleh masuk lagi tahun ini, tahun ini akan ditaja selepas sidang baru bermula pada bulan Jun, ini sebelum bulan Jun:

<u>Negara</u>	<u>Jumlah Pelajar</u>	<u>Kos/Perbelanjaan</u>
Mesir	382 orang	RM2,280,000.00
Jordan	18 orang	RM108,000.00
Morocco	8 orang	RM48,000.00
Indonesia	20 orang	RM162,680.00
Rusia	6 orang	RM119,400.00
India	3 orang	RM60,000.00
	<b>JUMLAH:</b>	<b>RM2,778,080.00</b>

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh Yang Berhormat beri jumlah pelajar-pelajar yang ditaja oleh Yayasan Terengganu sebelum pemerintahan PAS dahulu sebagai perbandingan dengan pelajar-pelajar pada tahun 2000.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payung): Dato' Yang Di Pertua, kena tengok rekod dulu di Yayasan dan saya perlukan notis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kemasik. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

*Apakah perkembangan kes saman Kerajaan Negeri terhadap Petronas dan Kerajaan Pusat berhubung isu pembayaran royalti petroleum?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, kes ini akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, tarikh bicara belum ditetapkan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Di Pertua, oleh kerana terdapat perjanjian juga di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berkenaan dengan petroleum. Adakah terdapat apa-apa perbezaan di antara perjanjian Kerajaan Negeri Terengganu dengan Sabah dan Sarawak untuk dijadikan suatu hujah di dalam mengendalikan kes tersebut?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Di Pertua, oleh kes ini masih lagi dalam mahkamah dan saya percaya apa-apa juga penghuraian adalah bertentangan dengan Seksyen 26 (2)(g) yang akan menjadi *subjudice* kepada kes yang sedang dibicarakan di mahkamah. Jadi saya rasa tak perlu menghuraikan soalan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey terima kasih, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi soalan ini telahpun dijawab secara ringkas oleh

9 JUN 2004

pihak Kerajaan dan oleh kerana perkara kalau kita lihat kepada peraturan 46(7) jadi kita tamatkan berhubung dengan persoalan itu setakat itu sahaja.

Untuk makluman, soalan daripada Yang Berhormat Encik Rozi bin Mamat Wakil Telemong, soalnya ditolak. Jadi saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong Wakil Batu Burok mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama –

*Sila nyatakan nama kontraktor utama dan kemajuan pembinaan 10 projek Rumah Awam Kos Rendah Kerajaan seluruh Negeri Terengganu hingga 31 Mac 2004?*

**YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, 10 projek yang dimaksudkan:

- |      |                    |   |  |
|------|--------------------|---|--|
| i.   | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Lak Lok, Besut                              |
|      | Nama Kontraktor    | : | Rizzi Construction Sdn. Bhd.                         |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 92.50%   |
| ii.  | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Anak Ikan, Besut                            |
|      | Nama Kontraktor    | : | BABENA Sdn. Bhd.                                     |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 81.72%   |
| iii. | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Gong Tengah/<br>Kg. Pengkalan Nyireh, Besut |
|      | Nama Kontraktor    | : | BABENA Sdn. Bhd.                                     |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 85.59%   |
| iv.  | Nama Projek        | : | PAKR Padang Setenge, Hulu Terengganu                 |
|      | Nama Kontraktor    | : | Bina Struktur Sdn. Bhd.                              |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 100%   |
| v.   | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Banggol Peradong,<br>Kuala Terengganu       |
|      | Nama Kontraktor    | : | GPQ Sdn. Bhd.  |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 83.50%   |
| vi.  | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Mengabang Lekor,<br>Kuala Terengganu        |
|      | Nama Kontraktor    | : | Ensidesa Sdn. Bhd.                                   |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 65.01%   |
| vii. | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Mak Kemas/ Kg. Cerang<br>Guling, Marang     |
|      | Nama Kontraktor    | : | GPQ Sdn. Bhd.  |
|      | Kemajuan Pembinaan | : | 91.71%   |

9 JUN 2004

- |       |                    |   |   |
|-------|--------------------|---|---|
| viii. | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Sungai Kerak, Marang               |
|       | Nama Kontraktor    | : | GPQ Sdn. Bhd.                               |
|       | Kemajuan Pembinaan | : | 93.01%                                      |
| ix.   | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Pulau Serai, Dungun                |
|       | Nama Kontraktor    | : | Hubungan Raya Sdn. Bhd.                     |
|       | Kemajuan Pembinaan | : | 71.36%                                      |
| x.    | Nama Projek        | : | PAKR Kg. Air Puteh/Kg. Pasir Gajah, Kemaman |
|       | Nama Kontraktor    | : | Syarikat Yusof Yassin Sdn. Bhd.             |
|       | Kemajuan Pembinaan | : | 51.99%                                      |

Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bilakah tarikh pembinaan itu dimulakan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, projek ini diluluskan pada tahun 1999 dan dimulakan pada 2001.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tarikh pembinaannya, mula dibina *on the ground* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, pembinaan kesemua projek ini bermula pada 2002.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Dalam melaksanakan 10 buah Projek Rumah Kos Rendah, ada atau tidak kontraktor-kontraktor daripada luar negeri Terengganu yang diberi sebagai *sub-con* bagi melaksanakan projek tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ada iaitu Projek Perumahan Kos Rendah di Cerang Guling, Marang sebanyak 239 unit dan 50 unit diserahkan kepada Khas Jasa Enterprise yang beralamat No. 38, Lorong 13, Sungai Isap Jaya, Kuantan, Pahang di mana pemiliknya Encik Adnan Awang, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tadi disebutkan kelulusan projek tersebut pada tahun 1999 dan pembinaan hanya dimulakan pada tahun 2002, kenapa kelewatan itu berlaku?

9 JUN 2004

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila berlakunya pertukaran Kerajaan, dah tentu Kerajaan Pusat yang ketika itu membuat perjanjian dengan Kerajaan Negeri telah menanggungkan buat sementara waktu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Jadi apa yang dijawab oleh Yang Berhormat semalam tidak ada sebuahpun rumah yang dibina semasa pemerintahan PAS tidak betullah?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, projek ini diluluskan pada tahun 1999.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan saya tanya lulus Dato' Yang Di Pertua, saya tanya dibina?

Dato' Yang Di Pertua, soalan saya dibina bila, bukan diluluskan. Semalam saya dah beri penjelasan projek ini digantung.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya dah jawab tadi, projek ini dibina pada tahun 2002 dan kelulusannya pada 1999 semua sekali pelan dibuat 1999, perjanjian pada 1999 sebab itu kontraktor dilantik oleh Kerajaan terdahulu. Sebab itu beriakunya perubahan Kerajaan Wakil Batu Burok ketika itu meminda semua sekali projek-projek ini, bumbung diberi kepada *sub-con* .....

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Kalau tak diluluskan boleh dibina ke tidak?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bolehlah, selepas nikah boleh pakailah .....

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sebelum diluluskan boleh bina ke tidak?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Boleh, haram.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Berapa jumlah kesemuanya?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): 1,982 buah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

*Sila nyatakan tarikh kelulusan pelan dan pemberian Sijil Kelayakan (CF) bagi Lapangan Terbang Pulau Redang yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri baru-baru ini?*

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, tarikh kelulusan pelan ialah pada 19 Januari 2004 manakala tarikh pemberian Sijil Kelayakan Sementara pada 21 Januari 2004 sehingga 21 Julai 2004.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, soalan yang ketiga -

*Adakah Kerajaan Negeri bercadang membatalkan Skim Gunasama Pegawai Tadbir Agama (PTA) Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri sememangnya sedang berusaha untuk memohon membatalkan Skim Gunasama Pegawai Tadbir Agama Negeri bagi mengembalikan semula skim berkenaan ke Perkhidmatan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tak jelas. Boleh beri penjelasan sedikit, kuat sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat diminta dekatkan sedikit dengan pembesar suara tu kerana tidak didengari oleh pihak yang bertanya. Tolong ulangkan jawapannya.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri sememangnya sedang berusaha memohon untuk membatalkan Skim Gunasama Pegawai Tadbir Agama Negeri Terengganu bagi mengembalikan semula skim berkenaan ke Perkhidmatan Negeri semula. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apakah rasionalnya dan adakah permohonan untuk membatalkan ini dipersetujui oleh Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Agama?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Agama Terengganu sememangnya ingin berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri dan tak mahu berkhidmat sebagai Pegawai Gunasama dan mereka telah mengadakan pertemuan

dan kerana itu pihak Kerajaan Negeri telah berjumpa dengan JAKIM dan setakat ini dalam proses ikhtiar untuk mengembalikan skim ini ke Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya bahagian yang pertama belum dijawab

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak soalan yang pertama diulang balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apakah rasionalnya ataupun alasan-alasannya yang dipohon supaya Gunasama ini ditarik balik?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, di antara rasional yang diberikan oleh PETUK atau Pegawai Tadbir ialah kerana mereka mahu berada di negeri, satu. Maknanya sebab dikatakan bahawa hal-hal yang berkaitan dengan agama adalah berada di bawah bidang kuasa negeri. Jadi kerana itu difikirkan ataupun disebutkan bahawa adalah menasabah sekiranya Pegawai Tadbir ini terus di bawah Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya tak tanya Persatuan Tadbir Agama, rasional yang difikirkan oleh Kerajaan untuk menarik balik itu?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, di antara rasional yang difikirkan oleh Kerajaan adalah sama sebagaimana yang difikirkan jugak oleh Persatuan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kalaulah itu keadaan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kenapa Gunasama itu diluluskan oleh Kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, ini cerita lama jadi sekarang ini kita dalam proses cuba membetulkan balik apa yang selama ini tak sepatutnya berlakulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan akhir Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Adakah bermakna Kerajaan setelah dikaji fikir balik mengiktiraf ataupun mengesahkan langkah terawal itu salah?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya pada peringkat awal pihak Kerajaan Negeri tidak melihat bahawa ini adalah suatu benda yang salah tetapi oleh kerana pada masa itu Pegawai-pegawai Tadbir sendiri dan jugak diputuskan oleh Kabinet pada masa itu bahawa dalam usaha untuk memertabatkan Pentadbiran Islam khususnya dari segi perundangan dan sebagainya di Malaysia maka Kabinet telah memutuskan bahawa untuk menyelaraskan dan di antaranya ialah termasuklah dalam skim perkhidmatan itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Haji Mohd Shapian bin Ali, Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan 1 –

*Wang Royalti oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2000, bagaimanakah wang tersebut dibelanjakan?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wang Royalti yang diterima pada tahun 2000 ialah berjumlah RM434.83 juta. Semua terimaan ini adalah merupakan hasil Kerajaan termasuk terimaan Wang Royalti yang dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sebagai Hasil Cukai, bagi tujuan membiayai perbelanjaan-perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut Belanjawan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Bagaimanakah agihan perbelanjaan mengikut sektor?

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, daripada terimaan tadi mengikut sektornya seperti berikut:

- i. Pembangunan di mana sebanyak RM150 juta telah dipindahkan ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan dan RM114.12 juta telah dibelanjakan.
- ii. Selain dari caruman ke Akaun Kumpulanwang Pembangunan, caruman juga dibuat kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan juga caruman kepada Tabung Warisan.

- iii. Perbelanjaan-perbelanjaan ini diletakkan di bawah tajuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Walau bagaimanapun sejak wang royalti tidak diterima dalam tahun 2001, caruman-caruman berkenaan telah dikurangkan atau diberhentikan.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah wang ini haram ataupun halal?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kerajaan Negeri lebih pada halal lagilah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, dipersilakan Yang BERTHORMAT Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalnya, soalan kedua, soalan pertama telah ditolak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

*Sehingga kini berapakah program-program yang berbentuk hiburan dan melibatkan artis dan penyanyi yang telah diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri ini.*

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, sehingga 15 Mei 2004, hanya dua program sahaja yang telah diberi kelulusan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu iaitu Getaran Khas Terengganu 2004 oleh Kementerian Penerangan di Dewan Besar, Wisma Darul Iman pada 9 Mei 2004 dan Radio Muzik Gempaq oleh RTM di Pentas Budaya, Batu Buruk pada 14 Mei 2004.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah program-program yang diberikan kelulusan ini yang melibatkan artis, melibatkan penyanyi selaras dengan Islam Hadhari yang dilaung-laungkan?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, program-program ini akan diselaraskan pada masa depannya dengan Konsep Islam Hadhari.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bila Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bila kata akan diselaraskan jadi hak lepas tu dok selarastah, begitu?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini program yang pertama dilaksanakan dan ketika itu kita tidak sempat mengadakan arahan kepada pihak yang berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kejujuran pihak Kerajaan memberi jawapan yang tepat dan ikhlas. Cuma Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau boleh diberikan sedikit garis panduan di masa akan datang, bentuk mana program akan dibuat supaya selaras dengan Islam Hadhari.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kajian dan juga satu garis panduan akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat ini sebab itu kita membatalkan semua program, permohonan-permohonan untuk mengadakan pertunjukan pentas buat sementara waktu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya difahamkan sekarang ini ada satu Program Main Pantai di Tanjung Gelang, Mengabang Telipot dan tidak ada permit, tidak ada kebenaran. Adakah ini mengikut peraturan yang sepertimana dikatakan?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kita tidak tahu menahu, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya cukup hairan bila EXCO tak tahu, Kerajaan tak tahu, kawan saya sebelah ini tahu, kampung dia Tanjung Gelang di Mengabang Telipot. Ada karnival jualan, ada macam-macam program, permitpun takdok. Minta Yang Berhormat EXCO siasat, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kita tidak menerima maklumat dan juga permohonan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi apa yang berlaku sekarang ini yang dianjurkan itu, benda haramlah tanpa permit?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Begitulah, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih banyak-banyak, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Dipersilakan Wakil Alur Limbat, Encik Alias bin Abdullah mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Soalan saya yang pertama –

*Semasa PAS memerintah Negeri Terengganu sejak 29 November 1999  
20 Mac 2004, pemimpin-pemimpin mereka sering melaungkan  
bahawa mereka akan membahagikan 50,000 lot tanah kepada rakyat:*

- a) Sila nyatakan modus operandi pemberian tanah kepada rakyat yang diguna pakai dan diamalkan oleh Kerajaan PAS pada masa itu?*
- b) Berapakah perolehan premium dan deposit yang dikumpulkan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu?*
- c) Adakah pembayaran deposit atau premium tersebut dibayar terus kepada Kerajaan atau sebaliknya?*

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Modus Operandi yang digunakan atau diguna pakai oleh Kerajaan PAS semasa memerintah Terengganu dalam masa 4 tahun ialah menyerahkan segala pengagihan, pembahagian tanah kepada JSR, tidak menerusi Pejabat Tanah Daerah. Borang-borang dikeluarkan oleh JSR iaitu menerusi maklumat pemohon. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat kerana rakyat tidak mengetahui ke manakah wang yang dibayar kepada pihak Juru Ukur swasta ini digunakan dan sebagainya. Di samping itu, kita melihat bahawa segala proses pengagihan tanah ini tidak mengikut peraturan tanah sama sekali dan kita melihat bahawa apa yang dilakukan oleh pihak JSR ialah dengan mengemukakan maklumat-maklumat pemohon dan bukannya borang permohonan tanah, Dato' Yang Di Pertua iaitu menerusi borang yang diedar sendiri menerusi RTB yang berkenaan dan mengutip wang secara haram. Ada dikenakan RM350.00, ada dikenakan RM380.00 dan bagi setengah tempat dikenakan bayaran sebanyak RM980.00 yang menggelikan hati saya yang pernah menjadi Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Yang Di Pertua ada beberapa *item* yang tak pernah sepatut

dimasukkan mengikut Peraturan Tanah, setelah diturunkan Jadual 5A ada empat komponen yang patut diselesaikan:

- i. Bayaran harga tanah.
- ii. Bayar Upah Ukur.
- iii. Bayar tanam batu sempadan.
- iv. Cukai tahun pertama.

baru boleh dikeluarkan Hakmilik Sementara. Tapi apa yang dilakukan oleh pemimpin PAS, yang dibiarkan oleh pemimpin PAS yang dilakukan oleh JSR ialah mereka kutip Upah Ukur dahulu. Inilah main set orang tua-tua di kampung, bila bayar upah ukur maknanya tanah boleh ke mereka tapi cara PAS dia bayar upah ukur dahulu, jadi Juru Ukur swasta kerja dia mengukur bukan bagi tanah, dia kata, ini yang berlaku. Ada satu kes kaedah dan tempoh bayaran RTB Petempatan 5 di Kerteh. Saya merasa dukacita bagaimana di bawah Kerajaan PAS berlaku demikian iaitu alamat Penyelaras RTB Mukim Rasau Kerteh di alamat K20, Rumah Kedai, Ketengah. Jadi bahagi tanah guna alamat Rumah Kedai ni. Zaman PAS ni, macam-macam boleh berlaku dan yang pelik lagi Dato' Yang Di Pertua, nilai pembiayaan tersebut adalah pembiayaan 8 *item* iaitu; pengurusan (zaman PAS kena bayar pengurusan), bayar guaman, kerja ukur tanah, pembersihan kawasan, penyediaan asas tapak rumah, lorong jalan masuk dan kebajikan pemohon sebab itulah kalau Menteri Besar nak bahagi kena kutip RM50.00 seorang nak sembelih lembu, Dato' Yang Di Pertua. Ditandatangani oleh Setiausaha, RTB Ketengah Jaya yang juga merupakan Pengerusi JSR yang berkenaan. Semua bayaran ini tidak didepositkan ke Pejabat Tanah dan diterima oleh JSR berkenaan kerana sebagai sebuah Kerajaan, mana-mana jabatan kerajaan sekalipun sekiranya menerima wang sudah tentu kita keluar Kewangan 38 (Kew 38). Inilah suatu perkara yang mendukacitakan berlaku menyebabkan ratusan ribu dipungut oleh JSR tetapi Pejabat Tanah tidak tahu menahu, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua – Adakah pernah pada bila-bila masa Pengerusi-pengerusi JSR ini diserap sebagai kakitangan di Pejabat Pentadbir Tanah yang melayakkan mereka menerima wang deposit tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, setahu kita tidak pernah JSR diserapkan ke Jabatan Kerajaan dan Kerajaan Negeri tidak pernah membuat keputusan melantik JSR sebagai Jawatankuasa Tanah Daerah yang mengadakan interview dan sebagainya. Malah di kawasan saya, Dato' Yang Di Pertua, di Kijal Kerajaan Negeri PAS bagus, dia kerja 5 hari satu minggu sebab kerja tadok. Tetapi JSR di tempat saya buat *interview* tanah, 7 hari 7 malam, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Bolehkah Yang Berhormat ataupun Kerajaan mengemukakan satu borang kelulusan tanah yang ditandatangani oleh JSR.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, bukanlah menjadi tanggungjawab JSR diberi kuasa untuk memberi tanah tetapi tugas dia membahagi tanah di kampung, isi borang kutip duit. Borang-borang semua ada, bukti semua ada dengan saya belaka, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya minta bukti-bukti itu dikemukakan kepada Dewan untuk penilaian Dewan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya akan serahkan, Dato' Yang Di Pertua. Saya *lamine* ni takut carik. Ada belaka Dato' Yang Di Pertua sebab kerja saya ceramah hal tanah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Selama pencen 4 tahun ni kerja itu sajalah.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab PAS buat baham-rambang, tipu rakyat, Dato' Yang Di Pertua ..... (TEPUKAN).....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak supaya ianya diserahkan kepada Dewan dan saya mintak satu *copy* untuk penilaian dan tatapan Dewan semula.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Adakah perkara-perkara ini tidak ada dalam maklumat Menteri Besar yang terdahulu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini perkara baru dan kami tak tahu dan tak pernah ada satupun kelulusan yang dibuat oleh JSR.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Apa yang diminta oleh Yang Berhormat Wakil Batu Burok tadi daripada EXCO Kerajaan Negeri semua senarai tersebut telah saya serahkan dalam Dewan yang mulia ini ketika PAS memerintah Terengganu. Semua telah diminta oleh Yang Berhormat sendiri, saya serahkan pada Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua untuk penjelasan. Apa yang diserahkan oleh Yang Berhormat dulu bukannya kelulusan tanah, borang dalam urusan pemerosesan permohonan tanah. Ini saya minta borang kelulusan yang diluluskan oleh JSR.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya bersedia menyerahkan maklumat-maklumat ini untuk pengetahuan Dewan dan untuk ditengok bagaimana hebatnya JSR di zaman PAS yang mengeluarkan borang dan menipu rakyat. Beritahu rakyat inilah borang tetapi sebenarnya ialah maklumat pemohon. Yang kedua, lepas itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun ke kampung-kampung, Menteri Besar ketika itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan. Saya rasa tak perlu kita bahaskan lagi serahkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, edarkan satu salinan satu, kita boleh adakan satu sesi khas untuk bincang benda itu sama ada pembohongan, 'pelawok' ataupun saja-saja fitnah.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, kita tidak memerlukan sesi khas, kita edar sudahlah untuk tengok belaka. Masing-masing nilailah, pegawai-pegawai di belakang semua tahu belaka setakat mana kuasa JSR yang boleh bahagi tanah le-nipun. Saya ada dua pilihan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, orang datang berjumpa saya, saya beritahulah, kalau dia kena tipu dia bawa ke mahkamahlah pada JSR-JSR ini, kalau bekeng tu terpulang kepada dialah nak buat guana-guanapun, Dato' Yang Di Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya ingat kita selesai benda ini dulu, minta maaf kalau boleh dah dijanjikan oleh EXCO tadi dan kita akan nilai borang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Tak apa, Yang Berhormat Wakil Kerajaan boleh serahkan kepada Dewan semasa rehat nanti.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sila nyatakan nama syarikat-syarikat Juru Ukur Berlesen yang diberi amanah oleh Kerajaan PAS pada masa itu untuk mengukur

lot-lot tanah yang dicadang untuk diberikan kepada rakyat dan berapakah charge yang dikenakan oleh setiap Juru Ukur Berlesen bagi setiap lot yang diukur?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, terdapat 7 Juru Ukur Berlesen yang telah dilantik oleh Kerajaan ketika itu iaitu Juru Ukur Teguh, Juru Ukur Sulaiman, Juru Ukur Jitu Runding, Juru Ukur Dinamik, Awal Surveyor and Mappers, Juru Ukur Pakatan dan Juru Ukur Ayob bin Saud dan bayarannya berbeza Dato' Yang Di Pertua, ada mengenakan RM350.00, ada kena RM300.00, ada RM380.00 bergantung kepada JSR yang berkenaan dan kalau mengikut arahan tertera menyatakan RM300.00 tetapi mengikut JSR yang berkenaan katanya ada RM50.00 untuk sembelih lembu bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar datang nak bahagikan surat kelulusan tanah. Tetapi apabila berlaku mendukacitakan Dato' Yang Di Pertua, satu contoh bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun ke satu kawasan memberikan surat, saya tak pernah lihatlah ini bukan geran, Dato' Yang Di Pertua, ini macam sijil pergi kursus ni, Akuan Kelulusan Tanah, nak lulus macam mana baru akuan – "Pihak Berkuasa Negeri Terengganu telah bersetuju menimbang satu lot tanah di Susunatur Kampung Bukit Wan Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu kepada ..... (kosongkan), bayaran dan syarat-syarat kelulusan serta no. lot @ PT akan dimaklumkan kemudian." Untuk makluman Dato' Yang Di Pertua, tidak ada dalam Undang-undang Tanah mengatakan no. lot @ PT, dia kena PT Lot atau Lot PT. Hak ni hak baru ni, hak JSR buat ni. Yang menyedihkan Dato' Yang Di Pertua, sebagai Menteri Besar sepatutnya bertanyakan Pentadbir Tanah Daerah Kuala Terengganu betul atau tidak JSR buat borang macam ini, nak bahagi-bahagi ni. Ini memalukan sebagai Ketua Kerajaan Negeri dan ada satu kes Dato' Yang Di Pertua, di Besut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu menyerahkan Surat Kelulusan Sementara (TOL) yang telah mati. Saya akui mati 31.12. dan Menteri Besar .....

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan. Adakah pemberian tersebut sebagai tipu daya Kerajaan PAS pada ketika itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebagai orang yang lemas di lautan yang dalam, seseorang itu sanggup memegang apa sahaja untuk dijadikan pelampung hatta batu yang berat sekalipun. Sebab itulah Kerajaan pada ketika itu merasakan dengan bahagi tanah ni boleh menang Pilihanraya, rupa-rupanya kalah jugak sebab dia tipu rakyat, semuanya tipu. .... (TEPUKAN) ..... TOL matipun boleh bahagi, TOL ini Dato' Yang Di Pertua, dia bukan macam road tax kereta, road tax kereta kalau hari ini 9 haribulan Jun, dia akan mati 9 Jun 2005 tapi TOL dia mati 31.12. walaupun bagi 10.10 tahun ni dia mati 31.12. sebab itulah oleh kerana Menteri Besar ketika itu tidak ambil cakna,

tidak tahu kala, dia ikut JSR hak mampus dahpun dia bahagi jugak Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Siapa dia tandatangan borang hak mampus tu.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, yang menandatangani Pentadbir Tanah Daerah, tapi JSR yang merancang untuk panggil Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk bahagi. Jadi M.B. sibuk masa itu, ceramah banyak sangat, nak bahagi bulan dua belas dok dang, lepas tu bulan dua, M.B.pun turun, bila turun bahagi-bahagi tengok hak mampus dah. Sepatutnya *check* jugak dulu sebab tu kata Ketua Kerajaan tidak ambil cakna ni, malu ke budak-budak *check* jugak dulu, kita Ketua Kerajaan ada kredibiliti. Ini adalah kerana JSR mengatasi D.O itu jadinya, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkara ini ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah, kita kena lihat kenapa dan bagaimana itu berlaku, M.B. hanya bahagi tanah, bagi geran berkelulusan, mungkin kesilapan pentadbiran bukan kesilapan M.B. dan perkara ini mungkin berlaku. Saya cadangkan supaya satu siasatan dijalankan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebab itu saya kata Pejabat Menteri Besar ada pegawainya, ada Setiausaha Politiknya, Pentadbir Tanah dan sebagainya. Sepatutnya Kerajaan Negeri *check* dulu tetapi oleh kerana pucuk pimpinan pada masa itu memberi kepercayaan kepada JSR daripada Pegawai Kerajaan ini yang terjadi Dato' Yang Di Pertua dan tak perlu disiasat diadakan benda telah berlalu biarlah berlalu kita jadikan sejarah yang pahit bagi rakyat negeri Terengganu, Dato' Yang Di Pertua ..... (TEPUKAN) .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Memang benar kata hadis yang bermaksud: "Apabila diberi suatu urusan kepada orang yang tak tahu bukan ahlinya maka tunggulah saat kebinasaannya". Soalan saya, saya difahamkan bahawa sebuah syarikat guaman telah diamanahkan untuk menerima *deposit* daripada pemohon, sila nyatakan nama syarikat guaman tersebut dan berapakah kos guaman yang dikenakan oleh syarikat guaman atau firma guaman tersebut kepada setiap pemohon?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, apa bukti yang saya perolehi, syarikat guaman yang dimaksudkan ialah Azman,

Wan Helmi & Associates dan ianya bergantung kepada sesuatu kawasan. Sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu kes berlaku di Rasau Kerteh, bayaran yang dikenakan ialah sebanyak RM980.00 setelah wang diterima oleh bank dibuat cetakan komputer, para pemohon diminta menulis nama sendiri dan nombor kad pengenalan baru di borang deposit tersebut kemudian membuat fotostat dan diserahkan kepada Pengerusi JSR masing-masing. Sebab itu saya kata Dato' Yang Di Pertua, segala bayaran Kerajaan, diterima oleh Kerajaan iaitu menerusi resit terimaan Kew.38. Kerajaan Negeri tidak pernah melantik mana-mana peguam atau mana-mana individu untuk mengambil wang daripada rakyat, tidak pernah berlaku dalam sejarah penubuhan Kerajaan Malaysia, Dato' Yang Di Pertua, ini yang peliknya Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh kemukakan surat pelantikan oleh Kerajaan ke atas guaman tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, saya tidak tahu sama ada dilantik atau tidak tapi bukti yang ada pada saya inilah, sebab itu saya kata JSR yang berkuasa, Kerajaan mengikut telunjuk JSR. Ini bukti penerimaan wang masuk .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Di Pertua, kaedah Litigasi pemohon jugak berhak untuk mengadakan peguamnya sendiri tapi kita tidak boleh tuduhkan Kerajaan yang melantik peguam untuk menguruskan perkara ini ataupun JSR. Saya nak mintak kemukakan kalau betul bahawa Kerajaan yang melantik peguam itu. Kalaulah pemohon yang melantik peguam itu hak dia, memang diberi peruntukan.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, JSR dilantik oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan saya tidak tahu menahu apa yang berlaku di sebalik Kerajaan pada ketika itu tetapi semuanya proses-proses melibatkan tanah diuruskan oleh JSR, JSR menjadi Raja Daerah ketika pemerintahan PAS. Ini hakikat diketahui umum dan diketahui oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah sampai sekarang kerja-kerja ukur masih berjalan, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan Dato' Yang Di Pertua, JSR merupakan institusi badan sokongan kepada pentadbiran sama dengan JKKK dan mereka tidak mempunyai hak eksekutif dan apa yang dibuat itu hanyalah urusan dalam bidang kuasa yang ada kepada mereka sahaja dan saya mencabar bahawa tidak ada kelulusan yang dibuat oleh JSR.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, memang JSR tidak keluar kelulusan tapi segala urusan ini dilakukan oleh JSR. Takkan tempoh 4 tahun lebih Kerajaan Negeri tidak tahu, pekak sungguh Kerajaan ini, telinga dia tak tahu benda satu. Maknanya Kerajaan tidak hal rakyat apa yang berlaku di peringkat bawah, duduk pejabat tidur barangkali tidak tahu apa yang sebenar berlaku di bawah. Takkan tak sampai maklumat dari Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Rakyat sebab itu tipu sokmo rakyat ni .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .... Sekejap, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Bagi saya laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan, penjelasan - Sepertimana yang saya katakan tadi, sepertimana juga JKKK, JSR adalah badan sokongan jentera pentadbiran Kerajaan. Mereka memberi maklumat dan mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif dan semua maklumat ini akan diproses oleh pejabat-pejabat yang berkenaan. Tunjukkan bukti bahawa yang JSR mempunyai kuasa untuk meluluskan benda-benda ini, ini pembbohongan Dato' Yang Di Pertua, ini fitnah.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini bukan fitnah, ini yang berlaku tapi memanglah Kerajaan Negeri berselindung di sebalik kuasa eksekutif dan sebagainya. Memang dia tak beri kuasa kepada JSR tapi dibiarkan JSR bermakna merestui apa yang dilakukan oleh JSR selama ini, memungut wang yang sebegitu banyak dan sebagainya. Ini yang saya kata Kerajaan tak bertanggungjawab, kalau Kerajaan bertanggungjawab dia arah kepada JSR supaya jangan kutip, jangan pungut duit daripada orang ramai. Banyak lagi benda-benda yang boleh saya dedahkan Dato' Yang Di Pertua, termasuk tanah haram .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, mungkin JSR mahu menjaga urusan mereka melantik peguam supaya mereka dikawal, ini mungkin berlaku dan tak salah, tidak menjadi salah. Mereka boleh berpakat bersama-sama pembbohong-pembbohong dan sebagainya, kumpulkan satu kumpulan lantik peguam untuk menguruskannya dan peguamlah yang bertanggungjawab kerana mereka mempunyai *professional indemnity* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua. Dia tak menjadi salah, semua orang pakai peguam, nak bercerai, nak bernikah, nak jualbeli

kesemua pakai urusan peguam. Mungkin masa itu tahap JSR ini lebih tinggi daripada Yang Berhormat EXCO.

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, ini JSR di Ketengah Jaya saja ni, buat ni tapi kalau tinggi cara ni kalaulah Wakil Rakyat Batu Burok mengiktiraf JSR ni mempunyai peringkat pemikiran tinggi jauh lagilah, jauh lagi saya rasa sebab inilah satu penipuan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terdahulu demi untuk mendapatkan pengaruh rakyat menggunakan apa sahaja, menggunakan JSR sebagai agen untuk mempengaruhi rakyat dengan mengagih-agihkan tanah termasuk juga tanah-tanah haram dan Kerajaan tidak pernah menjelaskan kepada rakyat semasa pemerintahan dulu apa itu tanah haram dan sebagainya. Seheinggakan berebut rakyat ke Pejabat Tanah, isi borang, bayar RM10.00 kemudian dibiarkan begitu sahaja. Ratusan ribu dipungut oleh Kerajaan Negeri dengan cara menipu rakyat secara *professional*, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Perkataan 'penipu' ini suatu yang menganjak yang membawa kepada perbuatan jenayah dan kalaulah ada unsur penipuan seksyen 420 (*Penal Code*) Kanun Keseksaan, sila buat laporan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nampak Wakil Batu Burok cuba menegakkan 'benang yang basah'. 'Kura-kura dalam perahu, pura-pura tidak tahu' kerana perkara ini pernah saya bawa, isu yang dibawa oleh Wakil Kijal tadi iaitu RTB Mukim Rasau Kerteh pernah saya bawa, kami bawa ketika Pembangkang dahulu bersama Dato' Abu Bakar, Wakil Kemasik untuk diberi kepada Kerajaan dan ini yang berlaku. Sehingga berlaku pergaduhan di kawasan RTB Mukim Rasau Kerteh ini akibat tanah umarah yang telah dirintah begitu lama oleh penduduk setempat telah diambil alih oleh JSR. Jadi apa yang diperkatakan oleh Wakil Batu Burok tadi jelas dan terang kepada kita bahawa Wakil Batu Burok cuba menegakkan 'benang yang basah' dan pura-pura tidak tahu perkara ini, sedangkan riuh bukan sahaja di Rasau Kerteh, di kawasan saya di Kampung Lubok Periok ada ambil RM348.00, tak lantik peguam tapi yang ini lantik peguam sebab RM980.00 dan ramai peserta-peserta ini datang berjumpa saya bagaimana dan *claim*, nak mendapat semula duit ini yang begitu banyak, bayangkan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kalau RM980.00 seorang, kalau 100 orang berapa jumlahnya, kalau 1,000 orang berapa jumlahnya? Jadi kalau Kerajaan mengatakan bahawa hal tersebut tidak dalam pengetahuan dia, menunjukkan bahawa Kerajaan dahulu terlalu daif, laif dan dok rok cetong. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak beri penjelasan kepada

apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat pernah mengemukakan dokumen ini, di sini duduknya. Dokumen itu didapati tak sah, dia duduk sendiri? Yang Berhormat juga pernah memberi dokumen, dokumen itu disiasat didapati bohong dan palsu dan selama kita memerintah 4 tahun tidak ada suatu laporan salah laku, tidak ada suatu laporan penipuan walaupun Yang Berhormat berusaha untuk *instigate* dengan izin, untuk mendorong mereka ini membuat laporan, tidak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Saya minta pihak Pembangkang cukuplah 'menegak benang yang basah' di atas perbuatan pihak Pembangkang ketika menjadi Kerajaan dahulu telahpun diberi hukuman oleh rakyat. Rakyat telah menolak PAS dan telahpun memilih Barisan Nasional bagi membela nasib .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Di Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih, keputusan kami dah terima keputusan itu dan kalaulah itu sebenarnya apa hakikat apakah dibangkit di sini, tidak ada erti dibangkitkan, kalaulah rakyat berkeputusan rakyat dan 1999 juga rakyat membuat keputusan yang berbeza. Itu keputusan rakyat, Pilihanraya boleh berlaku, keputusan Pilihanraya boleh berlaku berbagai-bagai dan kita sama-sama menerimanya dan inilah kehadiran kita Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua di dalam Dewan ini kenapa kita bangkitkan ini, ini yang semasa dulunya tidak dibangkitkan dalam semasa forumnya betul, semasa keadaannya betul, semasa perbincangan boleh dilakukan dan kalaulah sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan mahu membincangkan satu persatu, kita tubuhkan satu Jawatankuasa Dewan untuk menilai dan mengkaji. Kita ada peraturan-peraturan sepertimana pernah kita tubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Ummah oleh Dewan ini yang dibangkitkan ketika itu berlakunya ke huru-haraan, berlakunya perbalahan antara kaum dan sebagainya. Kita lantik, sekarang saya jemput supaya Dewan ini melantik satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji nilai-nilai, salah guna dan sebagainya supaya kita tidak habiskan masa untuk membincang 'apa kamu buat salah, apa kami buat betul' dan sebagainya. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila duduk, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalan telah dikemukakan, jawapan telah diberi, soalan tambahan telah begitu banyak saya biarkan. Jadi saya rasa perkara ini telahpun melanggar daripada apa yang saya nyatakan sebelum ini, jadi saya tutup kerana ia telah merupakan suatu perbahasan bukan lagi soalan-soalan tambahan.

9 JUN 2004

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Dato' Yang Di Pertua, berhubung dengan cadangan tadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Saya suka mempersilakan seterusnya untuk soalan yang lain. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, Wakil Manir mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

*Nyatakan di manakah beroperasinya dua Maktab Rendah Sains Mara Terengganu (MRSM) yang baru?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk menjawab soalan pertama, dua buah MRSM yang baru belum beroperasi kerana belum lagi dibina tetapi dua buah MRSM-YT yang tidak beroperasi sejak tahun 2003 satunya akan mula beroperasi di Besut, insya-Allah pada 21 Jun 2004 ini dengan pengambilan sulung Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Yang di Dungun belum beroperasi kerana diletak pelajar-pelajar yang berada di Besut sekarang berada di Dungun, insya-Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, maknanya sekarang-Maktab Rendah Sains Mara yang baru tidak ada lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Memang tidak ada lagi kerana dalam manifesto kita ialah membangun dua buah MRSM di Dungun dan Kemaman. Belum dibangun macam mana nak beroperasi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Dalam manifesto itu, dua MRSM yang baru jadi maknanya bukan hak sedia ada.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang barulah, hak di Besut dan di Dungun banyak orang silap ianya ialah MRSM-YT di mana bangunan itu dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan sistem pendidikan dan guru-guru dibiayai oleh MARA. Jadi MRSM Kerajaan Pusat, YT Kerajaan Terengganu, itu namanya. Nama di Besut dan di Dungun bukan MRSM, MRSM-YT. Yang baru satu di Dungun, insya-Allah, satu di Besut, insya-Allah. Terima kasih.

9 JUN 2004

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya tangguhkan Dewan dan disambung semula jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari semalam Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberi peluang untuk membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan saya telahpun memaklumkan bahawa semalam adalah merupakan hari diberi peluang kepada semua Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Jadi hari ini saya meminta pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan. Saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, suka di sini saya ingin meng*highlight* kan mengenai Pertukaran Guru Agama Dari Pengetua ke Guru Biasa sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam. Suka dimaklumkan bahawa di antara Guru-guru Besar yang ditukarkan ataupun yang dikatakan sebagai 'Turun Pangkat' ataupun pergi ke Guru Biasa ialah:

- i. Kadir Sulong daripada Maahad Tahfiz
- ii. Abdul Rahman Ahmad daripada SMAAZA
- iii. Mat Idris bin Mat daripada Sekolah Agama Sultan Ismail, Dungun
- iv. Mohd Ridhuan Adam daripada Cukai Kemaman

Suka di sini disebutkan bahawa mereka sebenarnya tidak diturunkan pangkat ataupun gred, mereka masih kekal di gred yang sama sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG 41 dan semasa ditugaskan sebagai Pengetuapun mereka adalah atas gred yang sama tetapi diberikan sedikit elaun tambahan setanding dengan Gred DG 48. Dato' Yang Di Pertua, lagipun dalam keempat Pengetua yang dilantik ini adalah dilantik semasa Pemerintahan Kerajaan PAS yang lalu yang mana pelantikan mereka jugak tidak berdasarkan kepada senioriti di mana mereka adalah daripada guru-guru biasa tanpa melalui pengalaman HEM ataupun PK1 atau PK2 tetapi terus dilantik sebagai Pengetua tanpa melihat kepada prestasi dan juga senioriti. Dato' Yang Di Pertua, untuk makluman bahawa keempat-empat mereka ini dari segi senioriti adalah rendah sebagai contohnya ialah seperti Pengetua SMAAZA iaitu Abdul Rahman Ahmad mengikut senioriti Guru-Guru Pejabat Agama ialah duduk diranking yang ketujuh puluh empat (74) begitu jugak dengan Mat Idris bin Mat, Guru Besar Sekolah

Menengah Agama Sultan Ismail, Dungun mengikut senioritinya ialah diranking yang ketiga puluh (30) daripada Guru-Guru Agama demikian jugak dengan Pengetua Ma'ahad Tahfiz, Kadir Sulong diranking yang ketiga puluh tujuh (37) senioriti yang terakhir Mohamad Ridhuan Adam diranking yang keenam puluh lima (65) senioriti Guru-Guru Pejabat Agama. Jadi kerana itu sebenarnya pelantikan mereka sebagai Pengetua di Sekolah-sekolah pada masa pemerintahan dahulu adalah tidak menepati dengan kriteria yang sepatutnya dan juga tidak menepati dengan kehendak *General Order* yang mana sepatutnya pertimbangan untuk kenaikan pangkat ataupun sebagaimana berdasarkan kepada yang pertama senioriti dan juga dari segi kecemerlangan mereka dalam perkhidmatan ataupun kecekapan yang ditunjukkan oleh mereka semasa menjalankan tugas-tugas, kerana itu tidak timbullah masalah penganiyaan ataupun sebagainya lagi. Dato Yang Di Pertua, Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana berdasarkan kepada perbahasan Dewan hari ini dan jugak semalam, jelas menunjukkan bahawa keseluruhannya konsep Islam Hadhari yang dikemukakan oleh Kerajaan, yang di *highlight*kan oleh Kerajaan telah mendapat perhatian dan sokongan rakyat keseluruhannya dan ini terbukti hasil daripada kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini. Setelah konsep ini diketengahkan dan di Dewan yang mulia ini pula telah mendapat perhatian dan sokongan secara keseluruhannya tanpa ada bangkangan ataupun komen-komen negatif daripada wakil-wakil rakyat tentang kekurangan atau ketidaksempurnaan konsep yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan. Oleh yang demikian kita yakin bahawa program Islam Hadhari yang Kerajaan rancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional akan mendapat kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bahagi oleh semua pihak baik dari Jabatan-jabatan Kerajaan mahupun NGO's atau Swasta, dan kita optimis bahawa program ini akan berjaya dan seterusnya akan mendapat kepercayaan rakyat keseluruhannya dan diredhai oleh Allah s.w.t., insya-Allah. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum Waramatullahi Wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada Wakil-Wakil, Yang Berhormat Kemasik, Yang Berhormat Wakaf Mempelam, Wakil dari Paka yang telah berucap dan membahaskan usul ucapan penghargaan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telah menyentuh perkara-perkara bersabit dengan IKS (Industri Kecil dan Sederhana), rata-rata wakil-wakil serta jurucakap mengariskan betapa perlunya pendekatan untuk menggerakkan jentera Kerajaan dengan lebih pesat bagi mengejar arus pembangunan, lebih-lebih lagi Industri Kecil dan Sederhana, dan banyak antara wakil-wakil bercakap menyentuh tentang Industri Petroleum dan Gas dan pembangunan kawasan-kawasan Industri di sekitar Kertih, Paka, Dungun dan Kemaman. Pembangunan Industri Kecil (IKS) di Negeri Terengganu adalah rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia disebalik kita lihat banyak perkara yang disebut oleh Wakil Wakaf

Mempelam yang menunjukkan ketokohan Wakil Wakaf Mempelam kononnya menampakkan Yang Berhormat memperjuangkan hak untuk membangunkan kawasan Industri. Nyata sekali retorik, teori dan cadangan-cadangannya hanya menghampakan kita dalam tempoh pemerintahan PAS selama 4½ tahun. Pembangunan Industri Petro Kimia tidak diversifikasikan kepada industri hiliran dalam tempoh tersebut. Sumber asli sedia ada tidak dieksploitasikan dengan sepenuh, dan pengeluaran hasil tidak dipelbagaikan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kekurangan tenaga mahir dan berpengetahuan terutama dalam bidang petro kimia, plastik, pembuatan dan kerja-kerja mahir, mesin, pemerosesan serta industri makanan ditambah dengan kos pembungkusan yang tinggi dan tidak menarik menyebabkan pengusaha-pengusaha menghadapi masalah di dalam mengatasi cabaran globalisasi. Sebahagian masalah yang dihadapi adalah ketidaksempurnaan logistik, infrastruktur industri yang tidak lengkap dan ianya memungkinkan pelabur-pelabur lari ke kawasan industri di negeri-negeri bersebelahan. Apatah lagi suasana politik dalam tempoh 4½ tahun yang lalu yang tidak begitu baik, jauh dari mengizinkan mereka untuk bersaing dengan tempat-tempat lain. Realiti sebenar mungkin boleh disingkatkan dengan bahawa Kerajaan PAS tidak menyediakan infrastruktur industri yang *conducive*, tidak kompetitif, tidak fokus dan tidak ada peruntukan promosi dan R&B. Fenomena ini mencerminkan bahawa kawasan industri yang terletak sebelah selatan negeri Terengganu yang menjadikan limpahan dengan izin, *spill over* percambahan industri hiliran *downstream activity* akan lebih banyak mengalir ke Kuantan berbanding daerah Kemaman dan Dungun. Senario IKS semasa menampakkan tiada pertambahan yang pesat di dalam bidang-bidang kemahiran serta bidang yang disebut oleh Wakil Yang Berhormat iaitu bidang *Polymer Related Industry* dengan izin, sebagai contoh umpamanya jumlah perkilangan IKS di negeri Terengganu tidak berkembang. Apatah lagi ada di antara kawasan-kawasan IKS yang hanya diberi tapak kilang dan tidak diusahakan sehinggalah akhir pemerintahan Kerajaan PAS. Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Petronas untuk menggiatkan lagi pertumbuhan industri IKS di kawasan Kerteh, Kemaman dan Dungun. Prasarana untuk penempatan kilang-kilang pembuatan, membantu penubuhan kilang dan promosi pelaburan akan dibuat dari masa ke semasa dengan lebih kerap. Kawasan-kawasan perindustrian sedia ada seperti Cendering, Gong Badak, Batu Rakit, Bukit Kor, Wakaf Tapai, Batu 7 Dungun, Pulau Serai, Ajil, Gong Medang, Sungai Bari Setiu, Telok Kalong, Jakar 3 sudah hampir tepu atau *saturated* dengan izin. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti kawasan-kawasan IKS yang baru yang merangkumi 1,000 ekar IKS di Tok Harun, Dungun bersebelahan dengan GPP 5 – 6 serta Gong Badak tambahan sebanyak 500 ekar. Inilah cadangan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri untuk menepati manifesto di dalam Pilihanraya baru-baru ini iaitu mengadakan sekurang-kurangnya 1,000 kawasan IKS di negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Persekutuan telah menggalakkan 'ODOI' dengan izin *one district one industry* dan Kerajaan Negeri juga akan mengorak langkah untuk mempergiatkan industri-industri 'ODOI' ini. Kita telah menamakan mengikut daerah-daerah 'ODOI' ini sesuai dengan latar belakang ataupun sumber kawasan-kawasan tertentu. Umpamanya Industri Polymer ODOI kawasan Kemaman, Dungun, kawasan Terengganu sutera, songket barangan kain, ukiran tembaga dan besi. Sementara Besut barangan berasaskan kayu, ukiran kemahiran kayu dan berkaitan. Setiu iaitu IKS pertanian dan pemakanan laut. Sementara Hulu Terengganu IKS pertanian dan IKS makanan-makanan lain yang berkaitan. Kita juga dari masa kesemasa akan mempergiatkan program-program *vendor* dan *franchise*, program penyelidikan dan pembangunan usahawan, bantuan menambah nilai *value added* dengan izin dan khidmat-khidmat pemasaran serta *incubator* industri desa. Kilang-kilang bimbingan dalam bentuk pengusaha-pengusaha yang menjadi rakan kongsi *smart partnership* juga akan dilaksanakan. Begitu juga di bawah pembangunan usahawan akan melihat *business centre* dengan lebih sempurna *conducive* dan baik. Begitu juga pembangunan sektor IKS, ICT dan industri-industri yang moden akan diperkenalkan. Kita juga akan mempergiatkan pemasaran melalui sistem pembungkusan yang dipanggil *T-brand*.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak tentang IKS dan kita mengharapkan penjana ekonomi melalui penubuhan industri-industri kecil, kilang-kilang yang dapat kita memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Boleh Yang Berhormat *detail* kan jumlah IKS seluruh negeri dan pecahan-pecahannya sekali?

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Jumlah IKS:

Industri Perkilangan	-	457
Khidmat Niaga dan Trading	-	7225
Bengkel	-	1297
Restoran	-	2276
Penjaja	-	7405
Kiosk Petrol	-	70
Dan lain-lain	-	1417

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat, ingin saya bertanya tidak adakah cadangan untuk membuka kawasan perindustrian baru di Besut. Yang kedua berapakah senarai jumlah pelabur yang

9 JUN 2004

telah melabur ataupun membuka kilang di kawasan Perindustrian Batu 7 dan Batu 7 tambahan di Dungun? Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu):  
Terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Besut. Kawasan Perindustrian Gong Medang yang berasaskan kayu di Besut telahpun dilaksanakan sejak daripada Kerajaan Barisan Nasional dulu lagi. Namun demikian ada beberapa lot-lot industri lagi di kawasan Besut yang masih tidak diisi. Namun demikian di bawah pembangunan usahawan, Kerajaan Negeri akan membaik pulih serta mengubahsuai iaitu satu kawasan Istana Tengku Long di Besut yang sekian lama ditinggalkan dan kita dapati bahawa ukiran-ukiran seni kayu, masyarakat Besut, pengusaha-pengusaha Besut merupakan pengusaha ataupun pengukir yang terbaik bukan sahaja di negeri Terengganu yang telah dapat anugerah ukiran peringkat nasional dan kita akan bangunkan industri ini bersama-sama dengan kraftangan. Kerajaan Negeri akan membayar balik sejumlah RM370,000 iaitu pengambilan balik tanah untuk Pusat Ukiran Istana Tengku Long ini dan akan kita bangunkan bukan sahaja bagi industri kecil dan sederhana tetapi untuk sebagai sumber lawatan bagi pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Perhentian pada waktu yang sama singgah sebentar untuk melihat kemahiran-kemahiran yang terdapat di Besut.

Untuk soalan tambahan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mempunyai 33 syarikat yang telah diberikan tapak kilang iaitu di Kawasan Perindustrian Batu 7, Dungun. Dukacitanya sekali Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tarikh lulus tapak industri ini iaitu pada tahun 2000 dan diberikan kepada syarikat ini tidak ada satupun yang telah mengusahakannya. Mungkin ada di antara mereka yang hanya berminat untuk mendapatkan tanah sebagai 'Lend Bank' sahaja, dengan izin. Senarainya adalah:

Sura Sign Sdn Bhd - Borang 5A telah dikeluarkan dan tamat tempoh 17.10.2002.

Triple M Holding Sdn Bhd - Tamat tempoh 15.6.2003 dan tidak ada bayaran apa-apapun.

(Cadangan Kilang Plastic & Related Product)

Perniagaan Grafik Dimension Sdn Bhd. - Belum kemukakan Sijil Ukur dan tamat 15.6.2003

9 JUN 2004

(Cadangan Packaging Product Company)

- |   |  |
|---|--|
| Clean Living Marketing Sdn Bhd          | - Hantar surat tawaran kepada pemohon pada 16.5.2000 dan bercadang untuk membuat plastik ataupun barang-barang berkait dengan plastik. |
| Teong King Industries Sdn Bhd           | - Untuk membuat barangan plastik juga.   |
| Neutilus Adventure Technologies Sdn Bhd | - Alat memancing dan industri yang berkaitan dan telah tamat pada 26.6.2003.   |
| Polycarries Sdn Bhd                     | - Borang 5A tamat pada September 2003.   |
| Permata IKM Sdn Bhd                     | - Borang 5A tamat pada 9.9.2003.   |
| Industrial Quality Management Sdn Bhd   | - Borang 5A tamat tetapi telah membayar pada 29.4. iaitu 10% daripada jumlah premium RM9,367.00.                                       |
| Lee Huat Plastic Industries             |  |
| LSY Holdings Sdn Bhd                    |  |
| Fong Packaging Industries               |  |
| ID Pack                                 |  |
| CDG Plastic                             |  |
| Indah Pack                              |  |
| TESDEC Sdn Bhd                          |  |
| Kepong PVC Plastic                      |  |

Industries

Batu Rakit Industries

PB Ways

Permint

RHY Resources Sdn Bhd

Bumi Cekak Sdn Bhd

(Kawasan Batu 7 tambahan)

Local Engineering, Cantuman Anggerik, PBS Trading & Construction, GARTEX Azhar bin Mohamad, Cahaya Product Sdn Bhd, Generasi Cepak, Yap Concrete, Sumatech Suma Engineering, dan Kilang Papan Mohd Yusof.

Itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan seterusnya tuan-tuan, puan-puan yang hadir pada pagi ini.

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi pandangan serta meminta pandangan mengenai sektor pertanian. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sektor pertanian akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri kerana kepentingan dan keperluan makanan serta penglibatan gunatenaga yang ramai. Daripada 356,167 orang yang bekerja di negeri ini, seramai 95,097 orang terlibat dengan sektor pertanian iaitu 26.7 peratus gunatenaga sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri ialah 4.61 peratus pada tahun lepas. Dato' Yang Di Pertua, lebih kurang RM130 juta hasil-hasil pertanian telah dibawa masuk dari negeri-negeri luar ke Terengganu di tahun-tahun yang lalu bagi memenuhi keperluan semasa. Sasaran pertumbuhan sektor pertanian dari segi nilai tambah dijangka pada kadar 3.2 peratus setahun menjelang tahun 2010. Sehubungan dengan itu masih banyak yang perlu kita laksanakan dan supaya kesejahteraan hidup rakyat dapat kita sempurnakan dengan baik. Untuk itu pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga menggalakkan pelaburan berasaskan teknologi tinggi dan menyediakan pangkalan tenaga kerja berkemahiran dan berpengetahuan yang secukupnya. Oleh itu Kerajaan telah memperuntukkan beberapa kawasan untuk dijadikan

Taman Kekal Pengeluaran Makanan bagi diceburi oleh para pelabur yang berminat. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Wilayah telahpun merangka perancangan dan program-program Pembangunan Lima Tahun Sektor Pertanian yang meliputi sub-sektor tanaman, perikanan dan ternakan. Perancangan ini antara lain bermatlamat yang pertamanya, untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negeri bagi menjamin sekuriti makanan dan bekalan makanan dalam negeri. Hasrat yang kedua ialah memberi peluang pekerjaan bagi meningkatkan pendapatan para petani, nelayan dan penternak yang rata-rata dikategorikan sebagai kumpulan termiskin di negeri ini.

Dato' Yang Di Pertua, antara projek-projek dan infrastruktur pertanian termasuklah yang pertamanya, penyelenggaraan muara-muara sungai. Yang keduanya, tempat pendaratan bot dan juga perlindungan nelayan. Yang ketiganya, jalan-jalan ladang. Yang keempat, jeti-jeti dan jambatan. Yang kelima, pengairan dan saliran dan yang keenam, pusat-pusat pengumpulan hasil. Selain daripada itu projek-projek sub-sektor perikanan termasuklah Akuakultur di Lagun Setiu, di Zon Akua Kenyir, sungai-sungai dan muara-muara sungai yang telah dikenal pasti dan juga TKPM. Yang keduanya, kemudahan teknologi penangkapan laut dan perkara ini telahpun banyak diberi bantuan kepada para nelayan termasuklah GPS, *echo-sounding*, bot, enjin dan peralatan. Kerajaan juga telahpun menyediakan kompleks pendaratan ikan, bilik sejuk, penyediaan dan pembiakan benih-benih, pemasaran hasil, bantuan kebajikan dan kerjasama nelayan serta pembinaan unjam dan tukun. Bagi sub-sektor tanaman, program sektor tanaman termasuklah pembangunan dan pemulihan ladang-ladang yang berkelompok, program peningkatan hasil padi menjadikan 10 metrik tan per hektar. Projek Pemulihan Tanah Terbiar, Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Program Pengeluaran Anak Benih Pokok, Program Pemprosesan Hasil-hasil Tanaman, penyediaan pasar borong dan pasar raya tani serta insentif-insentif berbentuk bahan-bahan dan juga input pertanian dan kemudahan jentera yang akan disediakan oleh Kerajaan dalam membantu petani-petani kecil dan tidak berkemampuan. Seterusnya beberapa tanaman akan diberi tumpuan khas iaitu yang pertamanya, limau madu, yang keduanya, kelapa pandan, longan dan juga nanas. Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan juga Koperasi-koperasi Asas Tani akan digerakkan ke arah yang lebih produktif, Kerajaan akan membantu dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan. Bagi sub-sektor ternakan, program sub-sektor ternakan ini termasuklah penswastan padang ragut iaitu untuk memberi peluang-peluang kepada usahawan kecil untuk menyertai dan menambahkan pendapatan mereka. Yang keduanya, integrasi ternakan lembu di ladang-ladang kelapa sawit dan juga *feed lot*. Yang ketiganya, *contract farming* ayam dengan anak-anak syarikat Kerajaan dan juga swasta. Yang keempatnya, program ternakan kambing, tranformasi ternakan dan juga ternakan kuda. Selain dari itu, khidmat-khidmat nasihat dan kesihatan ternakan akan terus dikembang dan dibimbing oleh agensi-agensi yang berkenaan. Kerajaan juga akan memberi tumpuan khusus kepada

industri asas tani dan juga industri maritim. Industri asas tani ini termasuklah projek pembangunan IKS asas tani dan projek pembangunan industri hiliran. Manakala industri maritim Pusat Pembaikan Bot iaitu kita berikan keutamaan kepada swasta dan juga Pusat Latihan Maritim juga keutamaan akan diberikan kepada swasta.

Dato' Yang Di Pertua, merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Alur Limbat berkaitan dengan tanah-tanah terbiar. Suka saya nyatakan di sini bahawa mengikut rekod Jabatan Pertanian terdapat 4,911 hektar tanah-tanah terbiar di seluruh negeri Terengganu dan ini meliputi kawasan Besut seluas 725 hektar, kawasan Dungun seluas 282 hektar, kawasan Hulu Terengganu seluas 1,116 hektar, Kuala Terengganu seluas 1347 hektar, daerah Marang meliputi 1177 hektar manakala kawasan Setiu seluas 364 hektar menjadikan semuanya 4911.3 hektar. Tanah terbiar mengikut fahaman yang telah diberikan oleh Jabatan Pertanian ialah tanah yang tidak diusahakan bagi tempoh tertentu iaitu kalau jenis padi 5 musim ataupun 2 ½ tahun tidak diusahakan. Ada tanah-tanah kebun buahan yang telahpun bertanam telah mempunyai pokok-pokok yang tua dan ditinggalkan ataupun tidak dibersihkan, hanya dibersihkan pada musim buah-buahan ini bukan dikira tanah terbiar. Tetapi ada juga kebun sebegini yang ditinggalkan terus kerana masalah gunatenaga buruh ataupun tuan punya tinggal berjauhan dan hasilnya tidak berpadanan iaitu tidak ekonomik. Ada juga tanah-tanah getah yang tua tidak ekonomik dan tidak dikerjakan dan ditinggalkan tanpa usaha. Tanah-tanah padi terbiar kerana masalah saiz yang tidak ekonomik ataupun kekurangan tenaga kerja ataupun tidak mempunyai kemudahan pengairan ataupun sistem pengairan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan ataupun kekurangan traktor pembajak mengikut musim dan waktu tanaman setempat dan juga mesin tuai dan lain-lain lagi. Sehingga kini Dato' Yang Di Pertua, Jawatankuasa Khas Tanah Terbiar di peringkat negeri seperti yang telah dibangkitkan masih belum ditubuhkan dan akan dibawa pada mesyuarat sama ada Jawatankuasa Khas ini perlu ditubuhkan ataupun tidak ataupun akan memadai di peringkat jabatan ataupun daerah dengan melalui Jawatankuasa Pembangunan Tanah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah ataupun Ketua Jabatan.

Dato' Yang Di Pertua, merujuk pada Wakil Kuala Besut dan juga Paka berkaitan dengan muara-muara yang cetek. Kerajaan sedang merancang supaya muara-muara sungai dapat diselenggarakan dan diperdalamkan dalam tempoh-tempoh yang tertentu mengikut keperluan dan Kerajaan sangat sedar mengenai keperluan ini, insya-Allah, kita akan mengambil tindakan yang segera di mana kawasan yang difikirkan sangat kritikal dan menyulitkan para nelayan.

Seterusnya Kerajaan juga sedar bahawa sektor pertanian selalu dikaitkan sebagai sektor orang-orang miskin melalui perancangan yang disediakan adalah dijangka golongan petani, nelayan dan penternak akan dapat meningkat pendapatan

mereka kepada satu tahap yang melepasi garis panduan dan akan menjadikan juga sektor pertanian ini satu sektor yang berpendapatan dan menambahkan ekonomi serta menjadikan sektor yang paling berjaya dan diminati oleh rakyat negeri Terengganu. Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrah-manirrahim. Dato' Yang Di Pertua diucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menggulung perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ada beberapa perkara yang ingin saya nyatakan di sini dan ditimbulkan oleh Wakil-wakil Rakyat di dalam perbahasan tersebut. Yang pertama yang ingin saya nyatakan ialah berkenaan dengan Wakil daripada Batu Burok yang begitu cepat mengambil peluang daripada Titah Ucapan Tuanku yang mengatakan apabila Tuanku bertitah asas sosial yang kukuh, dia terus mengatakan asas itu dibuat oleh Kerajaan PAS. Jadi Dato' Yang Di Pertua, asas yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok itu yang pertama katanya judi diharamkan, alhamdulillah, walaupun judi diharam masih lagi berleluasa ketika itu. Yang kedua, Dato' Yang Di Pertua, beliau mengatakan bahawa kurangnya lesen arak. Di sini saya ingin menjelaskan apabila dikurangkan lesen arak bererti Kerajaan PAS ketika itu masih lagi mengeluarkan lesen arak sama ada daripada 48 tinggal 1, pokoknya masih lagi mengeluarkan lesen arak. Yang ketiga, menurut beliau, beliau mengatakan sudah tukar Perlembagaan Tubuh Negeri fasal 3(a) bagi maksud fasal 3 oleh kerana ugama Islam adalah ugama rasmi bagi negeri, al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias hendaklah menjadi sumber asas Perundangan Syariah Negeri yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dalam ajaran Syariah dalam negeri Terengganu. Dato' Yang Di pertua, dari dulu lagi dah, Perundangan Syariah Negeri ini dirujuk melalui Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias tak perlu buat *explicit* benda ini sudah *obvious*. Dato' Yang Di Pertua, apabila kita bercakap pasal asas yang kuat, yang pertama ialah pendidikan. Apakah yang Kerajaan PAS telah buat dalam pendidikan? Daripada awal lagi kita bercakap 'tadika', apa yang Kerajaan PAS buat untuk tadika, mereka menghalau anak-anak kecil ini yang belajar di balai-balai raya, halau keluar daripada balai-balai raya tersebut, apakah itu asas yang kuat dalam pendidikan dan apakah dosa anak-anak kecil ini mereka hanya mahu belajar sembahyang, mereka hanya mahu belajar baca Quran, mereka hanya mahu belajar berdoa itu sahaja dan inilah asas yang kuat yang dikatakan dalam pendidikan. Dan ini gambar anak-anak kecil bagai pelarian Vietnam, dihalau mengangkat kerusi dan ini mereka mengaku mereka telah mengaku mengatakan bahawa mereka telah menjadikan asas yang kuat. Begitu juga apabila kita bercakap pasal pendidikan, bagaimana mereka jadikan KUSZA yang dahulunya begitu dimasyhuri akhirnya tahapnya begitu jatuh rendah sekali sehinggakan tidak ada orang nak masuk KUSZA. Bagaimana tidak, murid-murid yang tidak SPMpun boleh masuk KUSZA bukan sahaja murid-murid, guru yang tidak ada SPMpun boleh masuk KUSZA, mengajar di KUSZA. Inilah Dato' Yang Di Pertua, bagaimana mereka hendak mengaku bahawa asas yang kuat dibuat oleh Kerajaan PAS.

Begitu juga dengan TATI, kalau dahulunya ada 9 kursus apabila diambil alih tinggal 3, di mana asas yang kuat yang dikatakan itu. Dato' Yang Di Pertua, begitu juga selain daripada pendidikan, kita bercakap pasal pembangunan di mana asas yang kuat yang dikatakan oleh Kerajaan PAS itu, apakah dengan mengecat pasar warna hijau itu sudah menjadi pembangunan, asas yang kuat. Ramai yang meminta Dato' Menteri Besar supaya cat balik pasar, Dato' Menteri Besar kata "Tak payah, ini untuk mengingatkan rakyat zaman kegelapan rakyat negeri Terengganu" ..... (TEPUKAN).....

Dato' Yang Di Pertua, mereka bercakap juga pasal asas, di mana masjid yang dibina oleh Kerajaan PAS, di mana bangunan-bangunan yang dibuat oleh Kerajaan PAS dari segi pembangunan, di mana infrastruktur-infrastrukturnya. Jadi Dato' Yang Di Pertua, memang Wakil Batu Burok memang bijak mengambil peluang apabila ayat itu terbuka dia *claim* hak dia. Begitu juga dari segi pentadbiran, tidak ada dalam sejarah seorang EXCO nak campur aduk hal pentadbiran dan bukan itu sahaja Dato' Yang Di Pertua, ada beberapa harta Kerajaan sudah hilang termasuk kamera-kamera Urusetia Penerangan dan inilah yang dikatakan asas yang kuat oleh Kerajaan PAS. Satu perkara pokok yang terpaksa dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila mengambil alih ialah apabila melihat bandar Kuala Terengganu begitu kotor sekali. Dato' M.B. terpaksa pergi ke Kedai Payang untuk buat gotong royong membersihkan kawasan pasar, terpaksa turun sendiri ke Pantai Batu Burok untuk membersihkan kawasan pantai, inilah asas yang dikatakan yang kuat yang mendorong kepada pembangunan negeri Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Batu Burok, semalam saya terpaksa buka lampu nak cari di mana yang menampakkan Tuanku itu hiba berkenaan dengan Dana Khas ini. Saya nampak Tuanku bertitah untuk meneruskan program ini, tidak ada yang menampakkan hiba, sedih yang sebagaimana yang digambarkan oleh Wakil Batu Burok itu. Jadi jelas Dato' Yang Di Pertua, ini hanyalah gambaran supaya mereka dapat canangkan di kampung-kampung.

Satu perkara lagi Dato' Yang Di Pertua, saya memang orang baru di dalam Dewan ini, saya harap dapat belajar daripada sahabat-sahabat saya terutama daripada Pembangkang yang begitu lama dan veteran di dalam Dewan ini. Tetapi saya berasa amat sedih, saya ingat apabila berbahas di dalam yang mulia ini, rujukan-rujukan yang dibuat rujukan daripada Ibnu Qhaldun ke, rujukan daripada Maliq bin Nabi ke, rujukan-rujukan yang boleh kita belajar, rupa-rupanya rujukan yang dibawa di dalam Dewan ini hanyalah surat layang sahaja, begitu menghampakan saya yang baru nak belajar ini, membawa surat layang sebagai rujukan untuk perbahasan di dalam Dewan ini. Dato' Yang Di Pertua, walaupun surat layang, saya ingin menjelaskan sedikit beberapa perkara kerana saya mahu menebus maruah Pegawai-pegawai Kerajaan yang kononnya membeli *Communicator*

daripada duit projek yang dibuat Rumah M.B. ini. Saya nak menunjukkan satu bukti daripada *Local Order* yang membeli *Communicator* sebanyak 159 buah. Harga pasaran RM2400.00, harga yang dibeli oleh Kerajaan RM1650.00, bagaimana Kerajaan telah menjimatkan wang dan tidak memakai *Communicator* yang haram, mereka memakai *Communicator* yang halal. ....(TEPUKAN)..... Begitu juga Dato' Yang Di Pertua, gambaran yang diberi oleh Wakil Batu Burok kononnya Kerajaan memberi keutamaan kepada Rumah Menteri Besar, saya ingin menjelaskan di sini, jalan ke Rumah Menteri Besar itu sudah dirancang begitu lama bukan baru-baru ini daripada dulu lagi setiap tahun JKR membuat maintenance jalan dan kebetulan jalan itu depan Rumah Menteri Besar dan tidak ada kena mengena kerana rumah itu Rumah Menteri Besar diutamakan. Begitu juga Dato' Yang Di Pertua, Rumah M.B. sebenarnya kita jangan salah faham kononnya rumah ini 'Rumah Idris bin Jusoh', rumah ini Rumah Menteri Besar, harta Kerajaan walau bagaimanapun kita cuba menjimatkan wang untuk memastikan rumah ini selesa. Dan Rumah Tetamu ini sebenarnya Dato' Yang Di Pertua ialah rumah yang untuk tetamu dan tidak dibuat *maintenance* sejak tahun 1999 lagi dan keadaannya begitu teruk selama 5 tahun tidak diselenggarakan. Rumah inipun rumah untuk tetamu, tidak ada dapur, tak ada *garrage*, takdok '*House Guard*'. Jadi itu sahaja *basic necessities* yang diperlukan untuk rumah kediaman. Jadi janganlah mengambil isu ini kononnya Kerajaan mengutamakan Rumah Menteri Besar, kalau iapun ini adalah harta Kerajaan bukan harta 'Idris bin Jusoh'.

Dato' Yang Di Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan ialah apabila Wakil Batu Burok menuduhkan kononnya Kerajaan Pusat tidak mesra dengan Kerajaan Negeri PAS. Tetapi sebenarnya ia terbalik, Kerajaan Negeri Terengganu PAS yang tidak mesra dengan Kerajaan Pusat. Apabila dia mengatakan *Airport* yang dirasmikan pada tahun 1999 dihentikan, bukan kerana hendak dihentikan kerana beberapa masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri termasuklah dari segi pengambilan balik tanah. Begitu juga dengan Lebuhraya Pantai Timur yang mana Kerajaan Negeri tidak mahu membiayai perpindahan penduduk-penduduk di dalam jajaran yang terlibat. Jadi Dato' Yang Di Pertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Adakah wajar pecah tanah dilakukan, pengambilan balik tanah tak selesai dan adakah wajar projek Federal, perpindahan penduduk ditanggung oleh Negeri?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, apabila kita bercakap pasal pembangunan keutamaan yang diberi ialah pembangunan di negeri Terengganu keseluruhan. Kita tidak boleh berkeras kepala oleh kerana hak ni Persekutuan bayar, kita takmbah bayar. Walaupun pada pandangan Kerajaan hari ini, walaupun terpaksa bayar RM60 juta untuk mendapatkan keuntungan RM200 juta, kita sanggup bayar RM60 juta sebab

kita tidak mahu *penny-wise on foolish*, apabila sahaja LPT ini siap hasil pembangunan negeri Terengganu akan mencurah-curah berlipat kali ganda. Kita janganlah kerana hendak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan, bukan saya minta ucapan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Itulah jawapannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan saya – Adakah wajar sesuatu projek yang dilakukan pecah tanah tetapi pengambilan balik tanah belum lagi selesai, itu dia dan adakah wajar projek Federal, Negeri terpaksa menanggung kos perpindahan penduduk?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Ianya adalah wajar kerana walaupun kita berbelanja sedikit tetapi yang akan mendapatkan keuntungannya ialah rakyat negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu bukan Persekutuan.

Dato' Yang Di Pertua, Wakil daripada Hulu Besut meminta supaya jajaran lalu ikut Hulu Besut jadi mungkin ini *out of the way* sikitlah. Walau bagaimanapun kita akan menimbang semula jalan-jalan yang kata 'jalan mati' tu. Dato' Yang Di Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahma-tullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Ada dua-tiga isu yang telah dibangkit melalui perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja pada dua hari lepas iaitu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Kemasik yang mana memohon berkenaan dengan pembinaan Mini Stadium di Kerteh dan juga berkenaan dengan kedudukan padang bola yang dikatakan 'semak' pada hari ini.

Saya ingin melihat kepada dua-tiga perkara yang telah menjadi satu tanggungjawab kepada kita khususnya kepada untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kepada golongan belia, golongan remaja yang kita amat menghargai sumbangan, sokongan yang telah diberi oleh rakan-rakan remaja baru-baru ini melalui keputusan yang kita terima di mana kedudukannya begitu membanggakan sekali dan kita tidak akan abaikan tugas kita, tugas Kerajaan untuk beri perhatian kepada golongan ini. Tidak adalah berbeza daripada Kerajaan yang lepas yang mana kita ketahui bahawa peruntukan langsung tidak disediakan kepada Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Terengganu. Insya-Allah, kita melalui Kerajaan yang baru yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Haji

Idris bin Jusoh, kita akan cuba melihat dengan seseriuskan mungkin keperluan-keperluan terutamanya prasarana sukan yang akan kita sediakan untuk menjaga kepada kepentingan anak-anak muda, belia di negeri Terengganu. Sebagaimana kita ketahui Kompleks Sukan insya-Allah telahpun dimuatkan dalam pelan perancangan kita di mana kita merancang untuk dibina di setiap daerah dengan setiap satu Kompleks Sukan di setiap daerah. Selain daripada kita memperkemaskan ataupun meneruskan agenda yang termuat dalam manifesto kita iaitu membina Kompleks Sukan Negeri yang telah terhenti begitu lama dan insya-Allah dengan terbinanya Kompleks Sukan Negeri ini sebagaimana hari ini diperkatakan, telahpun dibisikkan, telahpun dicakapkan jauh-jauh untuk memberi penawaran penganjuran Sukan Malaysia ataupun SUKMA, insya-Allah kita akan beri perhatian pada perkara ini. Di samping itu, kita akan melengkapkan kemudahan-kemudahan ataupun prasarana sukan di setiap daerah yang ada dalam negeri Terengganu ini. Kita melihat pada perkembangan yang ada termasuk pembinaan ataupun kedudukan padang bola ataupun padang-padang yang ada di negeri Terengganu. Kita ketahui, insya-Allah, kita akan pergunakan semaksimum mungkin kemudahan-kemudahan sukan yang ada dan kita tidak akan jadikan padang-padang termasuk stadium ini sebagai tempat untuk kita buat Ceramah Perdana ataupun Sembahyang Hajat ataupun apa saja yang telah dilakukan oleh Kerajaan PAS yang lalu. Ini amat mendukacitakan, kita ketahui bahawa banyak kemudahan yang ada dahulu yang telah disediakan oleh Kerajaan yang terdahulu sebelum berlaku tahun 1999 yang tidak diselenggarakan langsung ....

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya nak tanya, saya mintak penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua - Salahkah Sembahyang Hajat tengah padang ni?

**YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang diakui di setiap daerah setiap kali Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun memang ada Sembahyang Hajat, terutama di padang. Saya dapat di Padang Astaka di Dungun memang dua-tiga kali, tengah air penuh dibuat Sembahyang Hajat.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Soalan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Saya tanya salahkah buat Sembahyang Hajat di tengah padang ni yang ditimbul masalah sangat tu?

**YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memang tidak salah tetapi ini seolah-olahnya kita, minta maaf, *backward thinking*, pemikiran hala ke belakang tidak melihat kerana prasarana disediakan oleh Kerajaan begitu banyak sekali sebab apa kita guna di padang-

padang bola seolah-olah nak tunjuk gah dan megah, gong kita sahaja semata-mata dan ini tidak sepatutnya dilakukan, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Penjelasan Yang Di Pertua – Adakah seluruh masa PAS perintah mula, seluruh masjid 'rumbu' belaka sebab takdok tempat sehingga sembahyang di padang dan stadium?

**YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya bukan portfolio Pembangunan Islam Hadhari, tetapi apa yang diperhatikan memang kosong macam apa yang ada hari ini jugak, masjidpun tidak penuh dan adalah tidak menasabah kita nak sembahyang di padang bola ataupun dibuat di stadium ataupun kita Sembahyang Terawih di Dataran Batu Burok, memang tidak menasabah sekali-kali.

**YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura):** Dato' Yang Di Pertua, minta laluan. Mana-mana orang yang menunaikan Sembahyang Hajat di padang boleh tak berniat Ikhtiqaf di padang?

**YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** Saya rasa benda ini tak boleh tapi walau macam manapun Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, boleh rujuk Islam Hadharilah.

**YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura):** Penjelasan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Kalaulah sekiranya tidak boleh untuk menunaikan Sembahyang Tahyat Masjid di tempat yang begitu ertinya kita telahpun bercanggah dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan sebab apa yang dilakukan oleh Rasulullah, apabila Baginda pergi ke Madinah, Baginda memulakan dengan mendirikan Masjid, minta penjelasan?

**YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi):** ..... kemudahan-kemudahan yang ada tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya, mereka lebih nak tunjuk gaya dan cara mereka semata-mata sebab itulah dia takmboh melihat pada Pembangunan Islam Hadhari, dia melihat perkara-perkara yang lebih progresif, perkara-perkara yang lebih ke depan kerana nak bawa orang ni, fikir hala ke belakang.

Kita amat berterima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini saya nak kaitkan sedikitlah sebagaimana yang telah diucapkan tadi dalam penggulungan oleh Wakil Ladang di bawah portfolio Pembangunan Infrastruktur yang mana kita nak melahirkan pendekatan mesra, nak jalinkan hubungan mesra sesama kita. Di antara Kepimpinan Kerajaan Negeri dan jugak Pimpinan Kerajaan Pusat sebab itulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini dalam pembangunan untuk melihat kepada kelompok yang

mempunyai fizikal yang mantap ataupun keadaan yang sihat, kita telahpun membina Kelab Rekreasi untuk memberi kemudahan ataupun interaksi secara terbuka di antara Kakitangan Kerajaan ataupun Pegawai Kerajaan Negeri dan jugak Kerajaan Pusat. Kita tidak menafi dan menidak hak ataupun sumbangan-sumbangan, insya-Allah yang diberi yang begitu bermakna diberi oleh pihak Kerajaan Pusat bukan semata-matanya melalui peruntukan-peruntukan pada Kerajaan Negeri. Sebab itulah hari ini memang banyak peruntukan-peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat termasuk Kerajaan Pusat telahpun bersetuju untuk menyediakan kemudahan sukan di Terengganu dengan meluluskan peruntukan membina Gelanggang *X-treme* di setiap daerah di Terengganu. Terima kasih daripada saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir-rahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Ucapan Penggulangan Titah Ucapan Al-Sultan dan ia meliputi dua sektor yang berkait dengan saya iaitu sektor perindustrian dan juga pelancongan. Serba sedikit telah dibicarakan berkaitan dengan sektor industri oleh dua Ahli EXCO yang lepas, dan saya ingin menambah sedikit sahaja berkaitan dengan sektor industri ini kerana sektor industri ini mencakupi beberapa subsektor-subsektor yang meliputi perlombongan, perkilangan, SMI, industri asas tani dan juga lain-lain yang berkaitan. Sektor industri ini melibatkan lebih kurang 80 peratus kepada menyumbang KDNK negeri, jadi ini adalah satu angka yang besar dan saya rasa perlu diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Sungguhpun sektor ini banyak menyumbang tetapi sebenarnya sektor yang menyumbang banyak ini ialah sektor petroleum yang mana sekarang ini telah berkurangan dan Kerajaan Negeri perlu memberi penekanan kepada sektor-sektor yang hiliran bukan lagi hulu yang ada sekarang ini. Sektor hiliranlah yang menjadi *emphasis* kita sekarang dan dengan itu Kerajaan bercadang untuk mengadakan insentif-insentif yang tertentu yang boleh menarik pelabur-pelabur baru datang ke Terengganu ini. Insentif-insentif yang akan diperkenalkan ataupun yang akan digunakan adalah memastikan premium tanah yang kompetitif dikenakan kepada pelabur-pelabur, mengadakan bayaran tertanggung bagi premium tanah, mengadakan *rebate* ke atas premium tanah dan juga memberi diskaun kepada cukai taksiran. Ini adalah cadangan-cadangan yang akan kita gunakan untuk menarik pelabur-pelabur baru yang sekarang ini amat berkurangan datang ke Terengganu ini. Di samping itu juga Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hasil daripada hubungan baik kita dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan semula ataupun memberi semula insentif Koridor Pantai Timur kepada negeri Terengganu ini. Insentif-insentif ini akan memberi banyak kemudahan kepada pelabur-pelabur baru termasuklah memberi pengecualian 85 peratus cukai pendapatan dalam tempoh 5 tahun pertama syarikat-syarikat memulakan operasi mereka. Mereka juga boleh mendapat ITA ataupun *Investment Tax Allowance* sehingga 85 peratus dalam tempoh 5 tahun mereka

beroperasi di negeri Terengganu ini. Jadi inilah beberapa insentif baru yang boleh diberi kepada syarikat-syarikat yang akan melabur di negeri Terengganu ini. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan lagi *delivery system* ataupun sistem penyampaian kita, melalui *top agency* yang akan diperkemaskan lagi supaya semua permohonan pemerosesan industri baru akan dapat dipercepatkan supaya mereka dapat terus beroperasi selepas mereka mendapat kelulusan daripada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkaitan dengan sektor pelancongan pula ada beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam, Bukit Tunggul dan Kuala Besut. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam adalah berkaitan dengan Pasar Kedai Payang yang telah merosot dari segi perniagaannya. Saya rasa Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini adalah satu fakta yang salah, kita mendapat tahu sekarang ini Pasar Kedai Payang lebih ceria, lebih ramai orang-orang dan juga pelancong-pelancong datang untuk membeli belah di sana. Daripada statistik yang kita ada, kita dapati hotel-hotel juga telah penuh berbanding pada sebelum ini. Pada bulan Januari sahaja kalau kita lihat Primula Hotel, 2200 buah bilik telah ditempah, Februari – 2900 bilik ditempah, Mac – 4200 bilik ditempah, April – 3700 bilik ditempah dan Mei baru-baru ini – 4800 buah bilik ditempah dan angka ini insya-Allah akan meningkat lagi. Begitu juga dengan Hotel Permai Park Inn, pada bulan Januari 1400, Februari – 1500, Mac telah meningkat kepada 2100, April – 3000 bilik dan Mei 3100 bilik. Jadi ini menunjukkan peningkatan dari jumlah-jumlah pelancong yang telah masuk ke negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua – Saya berasa elok kalau boleh EXCO yang berkenaan rujuk kepada Persatuan Penjaja kerana saya dapat laporan daripada Persatuan Penjaja yang menyatakan memang pelancong mari tetapi mereka 'tidak beli' dia *by-pass*. Pelancong mari pergi ke pulau-pulau, dia mari daripada sampai di Airport lepas ambil bas pergi ke jeti, pergi ke Pulau Redang, pergi ke Pulau Kapas dan ke mana-mana lagi, balik semula ke Airport dan tidak mari ke Pasar Kedai Payang. Jadi mereka tidak berbelanja, dan tidak boleh kaitkan jumlah pelancong yang hadir dengan perbelanjaan dibuat serupa jugak dengan kes balak semalam, kawasan luas tetapi takdok gapo satu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya dok sampai lagi ke situ, saya baru sebut saja pasal bilik saja. Yang sebenarnya, begitu juga kaitan dengan Pasar Kedai Payang tadi, saya belum sampai lagi ke situ. Yang sebenarnya, kalau kita lihat pada hari inipun, banyak bas-bas pelancongan yang telah datang ke Terengganu ni, bersusun-susun. Kalau kita lihat di Taman Syahbandar tu penuh dengan bas-bas

sekarang ini. Kalau di jalan Kedai Payang tu, dua-tiga lapis bas tu duduk beratur di situ. Jadi ke mana lagi mereka pergi, jadi mereka pergi ke Pasar Kedai Payanglah tu, takkan letak bas di situ pergi ke Pulau Redang. Jadi kalau kita lihat bas-bas yang ada tu semuanya pergi ke Pasar Kedai Payanglah tu. Jadi memang ada peningkatan dari segi pelancong yang pergi ke Pasar Kedai Payang.

**YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura):** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, minta laluan – Kalaulah sekiranya benar andaian yang dibuatkan oleh Wakil dari Wakaf Mempelam, maka boleh atau tidak kita mengatakan bahawa pelancong yang datang ke negeri Terengganu ini dia datang tapi dia tak pergi ke Pasar Kedai Payang dengan sebab pasar itu masih lagi warna hijau.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai):** Kemungkinan benarlah tu, Dato' Yang Di Pertua. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya sambung sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua berkaitan dengan bilangan pelancong untuk memperkuat hujah saya ini, bilangan pelancong yang hadir ke negeri Terengganu ini meningkat, tadi saya sebut mengenai bilik, sekarang ini mengenai pelancong juga ada peningkatannya. Pada bulan Januari kita dapati sejumlah 79,000 pelancong datang ke Terengganu ini, Februari – 82,000 ini zaman PASlah ni, pada Mac – 89,000, bulan April sudah meningkat kepada 106,000 orang, pada bulan Mei pula sudah meningkat pada 151,000 dan insya-Allah pada bulan Jun ini sebab sekolah cuti dijangka meningkat kepada 180,000 orang. Jadi dijangka setengah tahun ini saja kemungkinan kita boleh dapat tarik lebih kurang 700,000 orang pelancong ke negeri Terengganu ini. Jadi ini adalah jumlah yang saya katakan tadi telah menunjukkan ada peningkatan yang ramai dari segi jumlah pelancong dan mereka ini bukan sahaja pergi ke pulau-pulau tetapi juga pergi kepada tempat-tempat yang menarik di negeri Terengganu satu daripadanya adalah Pasar Kedai Payang itu sendiri. Sekian, Dato' Yang Di Pertua.

**YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian. Turut sama membahaskan Ucapan Penghargaan, merakamkan Ucapan Penghargaan dan Sembah Kasih Ke Atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa merasmikan Persidangan Dewan yang baru lalu.

Saya ingin menyatakan bahawa dan merasa terpanggil untuk memberikan penjelasan-penjelasan kerana kalau disaksikan dan diperhatikan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku melibatkan Kerajaan Tempatan dan Perumahan mendominasi ucapan tersebut iaitu lebih dua muka setengah melibatkan

9 JUN 2004

Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri. Ini menggambarkan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap masalah rakyat melibatkan perumahan dan juga masalah bandar-bandar kita yang perlu dibangunkan demi kesejahteraan rakyat dalam menangani permasalahan semasa dan memastikan bahawa semua rakyat Terengganu apabila tiba masanya nanti semua mempunyai rumah dan tapak rumah yang sewajarnya.

Dato' Yang Di Pertua, saya ingin memberikan pandangan dan jawapan tentang beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil dari KemasiK iaitu mengenai perancangan Bandar Baru Kerteh dan perlunya disediakan dengan berbagai kemudahan termasuk kemudahan rekreasi termasuk *shopping complex* bagi memenuhi kehendak pendudu-penduduk dan pekerja di kawasan Rantau Petronas. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia pada pagi yang berbahagia ini, pada tahun 1999 pihak PERMINT iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu telahpun menandatangani perjanjian dengan PAREMBA untuk membangunkan tapak seluas 90 ekar di Bandar Baru Kerteh untuk dibangunkan dengan berbagai kemudahan tetapi kita hanya merancang Tuhan yang menentukan, 'diharapkan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari', Dato' Yang Di Pertua. Apabila BN kalah dan Kerajaan Negeri Terengganu diambil alih oleh PAS selepas itu pelabur-pelabur tidak datang ke negeri Terengganu, tidak ada projek-projek baru yang datang yang akhirnya membantutkan usaha perancangan pembangunan tersebut, tergendala buat sementara waktu. Insya-Allah, Pembangunan Bandar Baru Kerteh akan dipertingkatkan selepas ini dan dengan ini saya juga mengalu-alukan mana-mana pelabur yang ingin datang ke Bandar Baru Kerteh untuk membuka *Supermarket* dan kemudahan-kemudahan lain yang sesuai dengan Pembangunan Bandar Baru Kerteh ini, Dato' Yang Di Pertua.

Yang kedua, dari segi kemudahan rekreasi. Insya-Allah pihak Majlis Perbandaran Kemaman akan meningkatkan usaha-usaha menceriakan bukan sahaja Bandar Baru Kerteh tetapi juga bandar-bandar yang terdapat ataupun kawasan-kawasan rekreasi yang terdapat di seluruh daerah Kemaman malah di seluruh negeri Terengganu ini yang kita lihat bahawa semenjak akhir-akhir ini keceriaan mulai terbayang, waktu malam mulai diterangi oleh lampu tidaklah sebagaimana gelap belaka tapi kerana PAS mengharapkan 'Bulan' yang terang benderang mencerahkan cahaya di Terengganu Darul Iman, Dato' Yang Di Pertua .... (TEPUKAN) ..... Tapi apakan daya bulan PAS tak mampu menerangi dunia yang gelap ketika itu. Sebab itulah kita melihat, kita percaya bahawa segala perancangan ini akan diteruskan begitu juga dengan kehendak-kehendak rakyat yang akan kita penuhi. Kerajaan Negeri Terengganu telah merancang dalam Pembangunan Lima Tahun untuk membina kira-kira 10,000 unit rumah kos rendah bagi seluruh rakyat negeri Terengganu dan seluruh daerah yang terlibat. Juga akan menyediakan kira-kira 868 Skim Pertapakan untuk mereka yang memerlukan

tapak untuk mendirikan rumah dan ianya akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM258,650, rumah kos rendah yang terlibat 10,000 unit dengan kadar RM25,000 seunit iaitu RM250 juta dan bagi Skim Pertapakan (SPK) sebanyak 865 unit melibatkan peruntukan sebanyak RM8,650 juta. Justeru itu, Kerajaan akan memastikan bahawa rakyat yang berpendapatan rendah diberikan rumah kos rendah ini sebagaimana ditetapkan oleh garis panduan iaitu memberikan rumah kos rendah kepada mereka yang layak tetapi tidaklah sebagaimana Kerajaan PAS yang mengeneppikan undang-undang dan peraturan ini sama sekali walaupun saya sedar Kerajaan Negeri dari segi *jurisdiction*-nya mempunyai peraturan, mempunyai kuasa untuk meluluskan apa-apa syarat yang ditentukan tetapi ianya adalah tidak baik sama sekali memberikan rumah-rumah yang mampu milik ini kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada RM2,000 kerana saya menyatakan demikian Kerajaan Negeri pernah membuat kelulusan iaitu untuk membenarkan projek perumahan yang dilaksanakan oleh Konsortium Perumahan Rakyat di Bukit Kuang untuk diberikan kepada mereka yang mempunyai lebih pendapatan itu iaitu menerusi mesyuarat yang telah membuat keputusan ketika itu Kerajaan Negeri telahpun bersetuju untuk menjual saki baki Rumah Kos Rendah Mampu Milik Bagi Projek Perumahan Bercampur II, Mukim Teluk Kalong, Kemaman sebanyak 302 unit untuk dijual tanpa mengira had pendapatan. Ini merupakan suatu usaha, suatu langkah yang dilakukan yang tidak bertepatan dengan aspirasi rakyat yang berpendapatan rendah yang kekurangan rumah kos rendah yang mampu mereka miliki tetapi mereka memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan tidak terhad. Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa selain daripada pembinaan ini kita juga melakukan projek-projek perumahan secara penswastaan dan salah satu yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu ialah melalui penubuhan Konsortium Perumahan Rakyat Negeri Terengganu ataupun dipanggil KOPRAT yang kebetulan itu ditubuhkan pada bulan enam, 1996 yang ketika itu dipengerusikan oleh Saudara Wan Hisham yang hari ini Wakil Rakyat Ladang dan kemudian apabila PAS mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu, pengerusinya diambil alih sendiri oleh Pengerusi Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri iaitu Wakil Batu Burok. Tujuan kita adalah untuk menampung dan menambah bilangan rumah-rumah unit kos rendah di negeri Terengganu dan akhirnya dasarnya ini diketepikan oleh Kerajaan terdahulu maka malanglah nasibnya bagi golongan berpendapatan rendah kerana hak mereka dirampas oleh orang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan – Sejak 1996 KOPRAT ditubuhkan sehingga akhir tahun 1999 berapa unit rumah yang dibina oleh KOPRAT?

YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, kita tubuh 1996 kemudian kita menyediakan tapak dan sebagainya dan salah satu daripadanya ialah tapak SPKA. Jadi apabila PAS mengambil alih

9 JUN 2004

memang dibuat oleh Kerajaan PAS semasa itu tetapi yang buatnya kita, anak kita sebab itulah Dato' Yang Di Pertua, Wakil Wakaf Mempelam ni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... Tak ada sebuah rumah yang dibuat oleh KOPRAT masa itu?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, antara Kerajaan Negeri dengan KOPRAT lain, yang saya sebut semalam Kerajaan Negeri, ini KOPRAT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan Kerajaan Negeri, KOPRAT saya tanya?

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebab itulah semalam Wakil Batu Burok ada menyebut 'kita tidak kira anak sapa-anak sapa asalkan molek kita bela', itulah prinsip orang PAS, hak molek hak dia hak dok molek hak orang selalu, tak pakai orang lain, hak molek dia, hak anggar rugi jual, untung ambil selalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Anak hodoh, dia tak beranak masa itu, mandul.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, mandul tak mandul *test* lah dulu. Saya ramai pada Wakaf Mempelam, bini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bakpe jangkit ke sayanya.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak berapa dengar satni, sekali lagi gok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... (sambil gelak) .... Dok saya tanya Dato' Yang Di Pertua, pasal apa jangkit ke saya tu, kata.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan Wakaf Mempelam, Batu Burok, salah nak buat guana lawan lama.

Dato' Yang Di Pertua, bagi menjawab soalan Wakil Tepoh yang membangkitkan persoalan mengenai Majlis Daerah Kuala Nerus. Pertamanya, saya ingin nyatakan bahawa Kuala Nerus bukan daerah ia terletak dalam daerah Kuala Terengganu yang lain-lain semua ada daerah, nak guana nasib dia Kuala Nerus nak kata guana ia berada dalam Kuala Terengganu. Yang kedua, adalah menjadi dasar Kerajaan

kita tidak akan mengecilkan Pihak Berkuasa Tempatan malah memperbesarkannya, kalau dulu Majlis Daerah hasrat kita akan menjadi Majlis Perbandaran selepas Majlis Perbandaran akan menjadi Majlis Bandar Raya, Dato' Yang Di Pertua tetapi tidak akan mengecilkan, dipecahkan dan sebagainya. Tetapi yang ditimbulkan di sini ialah mengenai perkhidmatan yang harus diberikan kepada kawasan utara Terengganu dan sebab itulah dulu kita pada tahun 1999, kita telahpun membuatkan sebuah pejabat baru, Pejabat Cawangan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu di kawasan sebelah utara iaitu di Gong Badak dan dengar khabarnya hendak dijual oleh Kerajaan PAS suatu ketika dulu. Insya-Allah, bangunan ini akan kita gunakan untuk memberi perkhidmatan bagi penduduk-penduduk di kawasan utara bandar Kuala Terengganu.

Saya juga ingin menyebut bahawa apabila kita melihat kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai bandar-bandar dan juga kebersihannya. Satu perkara yang disebut secara langsung bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasakan amat dukacita kerana rakyat negeri Terengganu belum cakna kepada aspek kebersihan, aspek kebersihan ini perlu dibudayakan. Inilah suatu perkara yang perlu diberi penekanan dan kita percaya bahawa Konsep Islam Hadhari inilah yang perlu kita praktikkan. Kita tidak mahu Islam hanya diwarwarkan, dibicara, dikhutbahkan, bersyarah sahaja siang dan malam hal kelebihan Islam tapi kita sendiri tidak buat kelebihan-kelebihan itu. Kita kata Islam itu baik tetapi kita tidak boleh buktikan kebaikannya kepada orang lain termasuk agama-agama lain. Kerajaan PAS Terengganu ketika itu bercakap soal Islam, soal kebersihanpun tidak diambil cakna, tandas-tandas awam amat buruk sekali Dato' Yang Di Pertua, tandas-tandas masjid apatah lagi, menyedihkan sama sekali. Longkang di MPKT, saya tahu Wakil Batu Burok kita tak pernah melawat longkang, melawat semak-samun tapi melawat tapak-tapak projek perumahan sahaja Dato' Yang Di Pertua .....

**YANG BERTITAH DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):** Dato' Yang Di Pertua, tandas buruk memang buruk, hak kita tandas baru.

**YANG BERTITAH ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, ini bukan mahkamah. Dato' Yang Di Pertua, sebab itulah saya merasa sedih apabila BN kembali berkuasa kita melihat bandar-bandar di Terengganu seperti melihat sebuah rumah yang atapnya bocor dan usang. Kita mengharapkan nak baiki atap sahaja rupa-rupanya pegang dinding, dinding cabut, pegang tiang, tiang patah. Semua sekali tidak diuruskan dengan sempurna, longkang tersumbat, kebersihan tidak teratur, tandas awam kotor, tandas masjid kotor, semuanya kotor belaka. Inilah satu sikap, satu keadaan yang tidak diberi perhatian langsung oleh pihak Kerajaan Negeri ketika itu sebagaimana yang dinyatakan sebab itu PAS hanya mementingkan khutbah, mementingkan luaran bukan dalaman. Saya nak sebut sikit tadi, sahabat saya Wakil dari Bukit Besi menyatakan PAS buat

Sembahyang Hajat di merata tempat di padang dan sebagainya sebab itulah bagi saya PAS nak main politik dengan Tuhanpun nak main politik, Dato' Yang Di Pertua. Di tempat saya sebelum Pilihanraya mereka juga mengadakan Sembahyang Hajat di tapak permainan kanak-kanak, tapak permainan orang ramai, tempat main bola, tempat budak-budak kencing, masjid tidak sampai 100 meter di sebelah 3000 orang boleh muat tapi Sembahyang Hajat di padang lepas itu terpaksa ambil tangki air di Nerang, orang Nerang dahlah tak ada air, kering, bawa tangki air daripada Nerang nak ambil air sembahyang, nak Sembahyang Hajat di kawasan berkenaan. Inilah saya rasa satu sikap yang tak seharusnya berlaku sebagai seorang Islam yang menjiwai perjuangan Islam itu sendiri bukan hanya gembar-gembur sahaja Dato' Yang Di Pertua. Di samping itu, soal-soal kebersihan dan hal-hal lain ini kita lihat bagaimana kita ingin menjadikan bangunan-bangunan kita terancang dan tersusun dan sebelum tahun 1999, kita telahpun mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya memohon tanah-tanah Kerajaan di kawasan bandar untuk dijadikan *Lend Bank* bagi Pihak Berkuasa Tempatan dengan tujuan untuk merancang pembangunan pada masa depan. Sama ada Majlis-Majlis Daerah atau PBT itu mengadakan sendiri pembangunan itu, *joint venture* atau sebaliknya dengan pihak-pihak yang lain. Tetapi saya merasa sedih dan dukacita apabila keadaan ini berlaku tanah-tanah disediakan semasa Kerajaan PAS dahulu telah membina suatu pusat ataupun tempat perniagaan, pusat niaga di Paka, Dato' Yang Di Pertua. Yang menyedihkan saya tanah yang diambil balik oleh Kerajaan Negeri ketika itu lebih kurang 11 ekar dengan kos RM3.804 juta, kemudian Kerajaan Terengganu di bawah pimpinan PAS menyerahkan projek itu kepada EPIC dan diberikan sub-kontrak kepada ANZ, kontraktor wibawa Kerajaan PAS dan apa yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri, RM3 juta tunai, RM1 juta dalam bentuk *in kind* dengan izin, Dato' Yang Di Pertua, iaitu Bazaar, tempat letak kereta stesyen bas, stesyen teksi, *food court* dan juga surau serta tandas, yang saya rasa kalau dinilai semula kurang daripada RM1 juta, keseluruhannya katalah RM4 juta, ambil balik tanah RM3.804 juta, untung lebih kurang seratus, dua puluh - empat puluh ribu sahaja Dato' Yang Di Pertua, orang dok buat kerja, sedangkan nilai tanah hari ini ialah 11 ekar itu nilainya RM11 juta Dato' Yang Di Pertua. Bagi saya orang yang buat keputusan ini .....

**YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Pohon penjelasan, Dato' Yang Di Pertua - Kita sering mendengar sejak kelmarin Syarikat ANZ, apakah ada kaitan antara Kerajaan dahulu dengan ANZ ini?

**YANG BERTHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, kita akan buat kajian secara teliti mengenai peranan syarikat ini yang mendapat puluhan projek negeri Terengganu.

Dato' Yang Di Pertua, bagi saya orang yang meluluskan projek ini kepada EPIC adalah orang yang sama menjadi Pengerusi Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Negeri dan berlaku pertindihan kepentingan dalam soal ini dan akhirnya bagi saya orang yang membuat keputusan ini adalah orang yang paling bijak dan pandai dalam memutuskan sesuatu perkara. Di samping itu saya ingin menyebut satu lagi kes melibatkan penswastaan perumahan di Bukit Bayas dan Tok Adis, Kuala Terengganu yang mana tak pernah berlaku dalam sejarah Kerajaan Negeri terdahulu memberikan pengecualian kepada syarikat swasta yang membangunkan tanah secara swasta kecuali melibatkan projek Kerajaan iaitu dengan mengalihkan batu-batuan daripada Bukit Bayas ke Tok Adis yang dikecualikan bayaran royalti. Inilah nikmat yang diperolehi oleh Syarikat ANZ Sdn. Bhd. Banyak lagi projek-projek ANZ ini Dato' Yang Di Pertua termasuk projek-projek yang diuruskan oleh Gabungan Quarry Sdn. Bhd. melibatkan projek PAKR negeri Terengganu dan sebahagian besarnya dikongsi dibuat oleh ANZ yang mana GPQ juga dipengerusikan oleh Wakil Batu Burok, Dato' Yang Di Pertua.

Usaha menambah bilangan rumah-rumah dan kemudahan untuk rakyat negeri Terengganu sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu dari segi soal kebersihan dan lain-lain lagi saya menyeru rakyat negeri Terengganu supaya menjadi kebersihan sebagai budaya hidup kita bersama. Janganlah membuang sampah di merata-rata kerana kita Pihak Berkuasa Tempatan hanya berusaha untuk membersihkan tetapi kalau rakyat terus membiarkan sampah-sarap kita tidak akan mencapai matlamat yang kita kehendaki.

Dato' Yang Di Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembahagian tanah dan sebagainya. Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kalau tadi kita dengar bagaimana surat TOL yang telah mati diserahkan kepada orang ramai, makna serah mayatlah Dato' Yang Di Pertua, "Majlis Serah Mayat". Tetapi ada juga berlaku yang ajaibnya di Neram 1, Dato' Yang Di Pertua, melibatkan tanah Felda, Kerajaan Negeri sanggup menyerahkan geran kepada rakyat tanpa pelan, tak pernah saya temui sebagai Penolong Pentadbir Tanah suatu ketika dahulu Dato' Yang Di Pertua, saya boleh sebut dalam Dewan ini, saya sains beribu-ribu geran Dato' Yang Di Pertua, tak pernah saya temui geran tanah tak ada pelan. Kita beli kereta Dato' Yang Di Pertua, dalam geran itu ditulis warna kereta, biru ke, hijau ke, merah ke, nombor chasisnya dan sebagainya. Ini ada geran tanah, nombor lot ada tapi tidak ada pelan, nak tahu dekat mana tanah kita, sesat kita cari tanah tak jumpa. Inilah pelik bin ajaib berlaku di zaman PAS kerana 'Membangun Menurut Islam' kerana JSR lebih berkuasa daripada Pentadbir Tanah Daerah. Lepas itu keluar arahan Dato' Yang Di Pertua, arahan daripada Pengerusi Kerajaan Tempatan Negeri dan juga Pentadbir Awam Negeri supaya nak ambil geran ini boleh, kena pergi sains JSR dahulu, saya tak pernah temui dalam Kanun Tanah Negara, peraturan yang menyatakan bahawa JSR diberi kuasa untuk menentukan bahawa tanah ini didaftarkan atau tidak dan sebagainya, kenapa sedangkan di Pejabat Tanah ada buku rekod pendaftaran, siapa yang ambil tarikh dan sebagainya untuk ambil geran, Dato' Yang Di Pertua. Inilah saya kata, bila

cerdik sangat susah juga kita Dato' Yang Di Pertua, hak cerdik susah nak ikut ni, payah. Di samping itu saya melihat kepincangan-kepincangan yang dilakukan oleh Kerajaan terdahulu dalam mentafsirkan semula ayat-ayat Quran mengikut sesuka hati sebab itulah kita mengadakan Islam Hadhari ini Islam yang dipraktikkan. Contoh yang jelas Dato' Yang Di Pertua, peristiwa berlaku pada 16 Mei 2003 Dato' Yang Di Pertua, di Kemaman, kebetulan ketika itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri datang ke Kemaman, PAS menggunakan khutbahnya hantar ke seluruh masjid di Kemaman, baca ayat, kebetulan saya bawa gajah 5 ekor untuk meraikan sambutan tersebut, PAS baca ayat Quran yang bermaksud:

*"Ingatlah ketika tentera Abrahah menyerang dan mengepung tentera bergajah, menyerang dan mengepung Kota Makkah lalu Tuhan turunkan burung Ababil. Burung-burung kecil sebesar burung Pipit yang menggugurkan batu-batu pejal sebesar biji kacang dan akhirnya tentera bergajah ini hancur sebagaimana daun kayu dimakan oleh ulat".*

*(Al-Fil, ayat 1 –5)*

Kita tahu bahawa batu-batu dari Neraka yang diturunkan dan dihancurkan ini menyebabkan tentera Abrahah kerana Abrahah sendiri menunggang seekor gajah yang besar namanya Mahmudi, Dato' Yang Di Pertua tetapi kenapa gajah ini disamakan dengan gajah Mat Said bawa ke Kemaman, Dato' Yang Di Pertua. Baca khutbah di Masjid Kemaman kenapa kita tidak, sebab itu kita kata Islam Hadhari Islam yang dipraktikkan, kenapa kita tidak tafsirkan apa itu burung Ababil Dato' Yang Di Pertua. Burung Ababil, Tuhan nak tunjuk kepada umat manusia, barang siapa yang menguasai tentera di langit menerusi burung Ababil merekalah akan menguasai dunia, merekalah yang akan menguasai dan menang dalam peperangan. Inilah burung Ababil, siapa yang buat? Amerika, tentera Yahudi, Nasaro, Kristian. Hyper Super Sonic, Jet-jet Super Sonic, digambarkan macam burung Ababil, batu-batu pejal sebiji kacang digambarkan bom atom, bom nuklear, bom-bom smart bom digugurkan, B 52 yang digugurkan tak sampai orang tembak macam burung Ababil bolehkah orang Arab panah burung Ababil Dato' Yang Di Pertua tak sampai Dato' Yang Di Pertua. Ini cerita hal gajah lima ekor, minda orang Islam dibuat begitu rupa diperbodohkan, inilah sepatutnya kita fikir, inilah sepatutnya kita perelaskan sebagai seorang agama, sebagai seorang ulama membetulkan masyarakat. Suatu yang mengelirukan Dato' Yang Di Pertua, sebab itu saya nak baca satu ayat lagi Dato' Yang Di Pertua untuk menggambarkan Yang Amat Berhormat Bekas Perdana Menteri kita menyebut supaya kita mentafsirkan al-Quran sepenuh masa tetapi bila sebutnya orang PAS kata Mahathir nak ubah al-Quran. Macam sekarang kita sebut Islam Hadhari dia kata Islam baru pulak? Ini susah ni, kita baca ayat yang bermaksud -

*"Dan ingatlah ketika tiba musim haji mereka datang berduyun-duyun, seluruh pelusuk dunia mengerjakan haji dengan menaiki unta yang kurus".*

(Surah Al-Hajj, ayat 27)

Nak gambarkan jauhnya perjalanan naik unta kurus. Apakah salah hari ini kita pergi Makkah tak naik unta naik kapal terbang, adakah tidak sah Haji kita, naik kapal laut tak sah Haji kita, ini baru tafsir kalau ikut mafhun ayat itu naik unta yang kurus. Ini yang harus kita perbetulkan sebab itu kita baca setiap tahun peristiwa Israk-Mikraj, Tuhan sebut Rasulullah s.a.w. menaiki satu kenderaan yang sepantas kilat namanya Buroq. Dulu berlaku khurafat Dato' Yang Di Pertua, orang Islam, orang Melayu fikir Buroq itu apa dia? Kenderaan sepantas kilat, maka ditafsirkan Buroq itu Kuda Terbang sebab tafsir orang Melayu masa tu bergerak paling laju sekali adalah kuda, nak laju lagi bubuh sayap, Kuda Terbang. Ini bidaah, khurafat Dato' Yang Di Pertua sepatutnya kita mentafsirkan semula Tuhan dah beri jelas dalam al-Quran. Tapi yang mentafsir siapa dia, bukan orang Islam, orang bukan Islam dia buat Jet-jet Hyper Sonic bagaimana kapal terbang laju, jet pejuang laju, bagaimana Kapal Angkasa Columbia terhempas dalam jarak 63,000 kilometer daripada bumi masa dia terhempas kalau turun 25 minit sahaja 2,000 kilometer lebih. Bagaimana Kapal Angkasa Spirit naik ke Marikh 922 juta kilometer, kelajuan Spirit 22,000 kilometer seminit, ini kenderaan sepantas kilat yang patut kita tafsirkan. Tuhan sebut dalam al-Quran carilah harta di langit dan di bumi kita tak fikir apa itu di langit, minyak dan emas di darat tapi di langit apa dia? Akhirnya orang Kristian buat kapal terbang, buat jet pejuang, buat satelit itu pedagang di langit. Satu B 47 berapa? RM 650 juta. Satu jet terbang Stive B1, B2 RM 1.3 bilion semua berkuasa di langit mulai hari ini satelit telefon semua urusan di langit. Ini patut ditafsirkan oleh orang Islam, inilah Islam Hadhari yang kita nak perkenalkan. Bukan Islam remeh-temeh bercakap soal nikah kahwin sebagaimana yang disebut oleh Pak Hamka dalam filem yang dibuat 'Di Bawah Lindungan Kaabah' Ulama Indonesia bercakap soal nikah-cerai, soal nusyuz, soal isteri derhaka kepada suami pikul kitab, bawa pedati baru hal nikah cerai, ini sulitnya kita. Sebab itu saya mintaklah Dato' Yang Di Pertua pihak Pembangkang sana berfikirilan cara rasional demi kebaikan umat Islam, demi kebaikan kita bersama, janganlah pergi ke masjid-masjid khutbah kata itu, kata ini, semua orang tak betul. Bercakap di mana-mana, Tharut, Firaun, menipu rakyat macam-macam sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam soal tanah, tak mengaku pulak tu. Siapa yang mengaku, Dato' Yang Di Pertua, orang tua-tua pernah sebut 'seluar, seluar saya, tahi kurang periksa' Dato' Yang Di Pertua ..... (Dewan Gelak dan Bertepuk) .....

Siapa nak mengaku berak tepi jalan, siapa nak mengaku berak dalam seluar, 'seluar, seluar saya, tahi dok tahu tahi siapa' Dato' Yang Di Pertua, macam saya

sebut tadilah. Ini budaya 'lempar batu sembunyikan tangan, lempar tangan sembunyikan apa', saya tak tahulah.

Dato' Yang Di Pertua, sehubungan dengan ini saya mengharapkan dalam soal-soal pembangunan saya minta rakan saya di sebelah sana tolonglah berilah sokongan kepada pihak Pembangkang kerana sepanjang tempoh saya berkhidmat dengan Kerajaan Negeri kita buat jalan Dato' Yang Di Pertua, kita turap jalan, kita buat jalan, saya datang sendiri setiap jalan yang hendak dibuat. Ada yang saya temui Dato' Yang Di Pertua, tanah lot pertama tanah orang UMNO, lot kedua tanah orang PAS, tanah lot ketiga, keempat dan seterusnya tanah orang UMNO pula. Orang PAS hak duduk di *second* lot tu dia tidak buat, tak benar lalu depan rumah dia Dato' Yang Di Pertua. Saya kata inilah, dok reti nak kata benda, sikap orang PAS kalaulah orang UMNO macam dia jugak dengan dia-dia kereta tak boleh masuk tapi orang UMNO baik, benar depan rumah dia buat jalan sampai rumah PAS tak boleh buat dan ditinggal tanah batu sahaja, pergi pulak sekerat kat lain. Ini yang berlaku, saya boleh tunjuk Dato' Yang Di Pertua, berlaku di kawasan Dungun. Di samping itu Dato' Yang Di Pertua, saya mengharapkan kerjasama pihak Parti Pembangkang supaya turut merestui Perancangan Pembangunan yang hendak dilaksanakan di negeri Terengganu ini janganlah sekadar kata orang kita bangkang semua bangkang belaka, semuanya tak betul. Oleh itu saya mengharapkan semua pihak dapat merencanakan pembangunan negeri Terengganu ini sebagaimana yang kita hasratkan dan kita berharap bandar-bandar Terengganu dapat diberikan cahaya keindahan yang bergermerlapan pada masa depan. Insya-Allah dengan adanya kerjasama semua pihak tanpa adanya halangan-halangan, sama ada halangan-halangan mendatang atau halangan-halangan sengaja datang dari pihak Pembangkang kita mampu memenuhi inspirasi rakyat yang berkehendakkan pembangunan perubahan sebagaimana ditafsirkan, diterjemahkan dalam Pilihanraya yang lalu Dato' Yang Di Pertua. Mudah-mudahan Tuhan sentiasa memberi rahmat, berkat kepada Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di bawah pimpinan Barisan Nasional dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Idris Jusoh supaya terus berkekalan dan dapat memberikan segala kebahagiaan kepada rakyat negeri Terengganu, insya-Allah Yang Di Pertua. Sekian saya mohon menyokong ucapan Merafak Sembah dan Menjunjung Kasih di atas Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Tuanku sempena Perasmian Dewan yang baru lalu Dato' Yang Di Pertua. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):  
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.  
Alhamdulillah hirabbil alamin wabihi nastain. Wassolatuwassola muala-asyrofil  
anbia-iwalmursalin waala-alih wasahbihi ajmain. Terima kasih Dato Yang  
Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan  
Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang  
dirahmati lagi dikasihi sekalian. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan rasa

syukur dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberi ruang, peluang dan kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahas dan menggulung segala persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin dan apa yang ingin saya nyatakan di sini cuma sedikit sahaja hal-hal yang berkaitan dengan portfolio yang saya pegang iaitu Portfolio Kebajikan, Kesihatan, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, wakil daripada Kemasik ada menyatakan bahawa permohonan untuk pembangunan Hospital baru di Kerteh yang akan digunakan oleh keseluruhan penduduk di Kemasik dan Kerteh yang jumlahnya hampir 40,000 orang. Kita kini mengkaji dan meneliti hal tersebut dan dikatakan bahawa lawatan tapak telah dilakukan sejak 1998 yang lalu tapi selepas tahun 1999 hal ini tidak mampu dilaksanakan kerana pada ketika itu kerajaan di bawah pemerintahan Kerajaan PAS dan kita akui bahawa Kerajaan PAS ketika itu tidak mempunyai peruntukan yang begitu banyak untuk membangun Hospital ini. Jadi oleh yang demikian kita akan memperbaharu balik permohonan ini dan Insha-Allah kita ada dua pilihan sama ada kita nak *upgrade* Klinik Kesihatan yang sedia ada atau untuk membina baru, tapi maklumat yang kita terima bahawa kawasan seluas 30 ekar yang telah dinyatakan itu pada masa pemerintahan PAS yang lalu telahpun dibahagi-bahagi lot untuk penduduk-penduduk sekitar tersebut, jadi hal tersebut kita akan rujuk kepada Pejabat Tanah Daerah Kemaman untuk pastikan sama ada kawasan tersebut masih ada di situ ataupun pengesahan pembahagian tersebut sah ataupun tidak.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu apa yang diperkatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam bahawa Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak mempunyai hala tuju, tidak mempunyai hala cara yang betul dan tidak menjurus kepada sasaran yang dikehendaki. Tapi pada saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua apa yang diperkatakan seolah-olah bahawa Wakil Wakaf Mempelam tidak mengetahui hasrat dan cita-cita kita Kerajaan Negeri, Kerajaan Baru iaitu 'Islam Hadhari Terengganu Bestari' iaitu untuk '*Hasanah Fiddunia, Hasanah Fil-akhirah*'. Kesejahteraan di dunia dan kesejahteraan di akhirat lantaran itu apa yang kita lakukan walaupun tidak warwarkan kepada masyarakat bahawa apa yang kita lakukan Islam kita membina kemudahan-kemudahan asas, kita membina kemudahan-kemudahan untuk rakyat, kita membina masjid-masjid, kita membina jalan-jalan adalah semua ini adalah berlandaskan kepada Islam walaupun tidak ditulis di situ bahawa Islam jalan ini jalan Islam, masjid ini masjid Islam, balairaya ini balairaya Islam walaupun tidak diterterakan nama Islam tapi jelas bahawa ia adalah menyahut dan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Islam dan dengan adanya pembangunan-pembangunan tersebut kita yakin dan kita percaya rakyat akan dapat menikmati kerana hadis ada mengatakan sekecil-kecil kebajikan yang kita lakukan ialah membuang duri di jalanraya, tapi apa yang

dilakukan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional di seluruh Malaysia pada hari ini bukan saja buang duri Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita buat ratusan batu lebuhraya untuk kemudahan rakyat seluruh negeri dan seluruh negara dan kita tak pilih siapa yang nak lalu tersebut sama ada orang UMNO atau orang PAS tak pilih sama ada Pembangkang ataupun tak Pembangkang kita benarkan semua yang lalu tidak seperti yang diperkatakan oleh Wakil Ustaz kita tadi daripada Kijal yang mengatakan bahawa ada setengah-setengah lot yang tanahnya daripada Pembangkang tetapi tidak diberi laluan dan hal tersebut bukan sahaja berlaku di Kemaman pun berlaku di Kawasan Ajil Yang Berhormat Yang Di Pertua, ini yang berlaku. Jadi kita harap pihak Pembangkang jumpa balik dengan masyarakat di tempat masing-masing supaya beritahu bahawa apa jalan yang dibuat oleh kerajaan ini adalah sedekah jariah, sedekah jariah .....

**YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):** Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Sebut-sebut Pembangkang ni ke mana lari ni, tinggal seorang saja ni, ke balik belaka doh?

**YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil):** Susah nak jawab Yang Di Pertua tapi dengar luar nu saya rasa. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua ini yang berlaku kerana kita kesal apabila masjid dan surau digunakan tempat untuk menghentam, menghentam sesama individu, menghukum sesama manusia dan lebih kesal lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apabila ada surau-suruau yang dijadikan markas-markas pilihanraya, sedih lagi menyedihkan, yang berlaku yang mana seolah-oleh PAS itu Islam, Islam itu PAS, PAS itu masjid, masjid itu PAS, PAS itu surau, surau itu PAS, jadi ini yang berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Saya tidak tahu parti mana yang melakukan hal tersebut tapi partinya warna putih tengah hijau tepi, ini yang berlaku Yang Di Pertua, yang berlaku kalau ikut jalan Kuala Berang ni di Durian Guling satu surau dijadikan markas pilihanraya PAS dan di kawasan saya di Tok Gebok ada satu surau yang dijadikan markas untuk PAS dan ini masih menyedihkan lagi kita apabila ada lagi masyarakat-masyarakat yang berfahaman jumuk, yang masa PAS menang mula berebut-rebut untuk hadir ke masjid berjemaah dan bersembahyang dan sekarang apabila dia kalah lari pulak, jadi saya tidak tahu ayat mana turun pulak dulu boleh le ni tak boleh, dulu boleh beriman dan bersembahyang di masjid yang dibina oleh UMNO hari ini Yang Berhormat Yang Di Pertua tidak boleh pulak, mungkin hadis baru atau ayat al-Quran baru yang dikeluarkan dan kita haraplah, minta tolong sungguh-sungguh kepada Pembangkang termasuk juga Presiden yang tak ada hari ini untuk membetulkan akhlak dan juga akidah puak-puak atau rakan-rakan kita yang di kampung-kampung yang tidak mahu tunduk dan mengakui kemenangan yang diterima oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kekalahan yang diterima oleh PAS. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tahun 1999 kita kalah setelah kita perintah 20 tahun, 20 tahun lebih kita perintah kita kalah kita terima alasan kekalahan tersebut itu kehendak rakyat. Alhamdulillah kita bersyukur dengan rasa penuh

rendah diri, penuh dengan tawaddo' kita menerima kekalahan tersebut. Tapi malangnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apabila PAS kalah pada tahun 2004 mereka tak nak terima, mereka mengaitkan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional ketika itu dengan 'Pengundi-pengundi Hantu', sehinggakan beribu-ribu manusia yang dikerah oleh pimpinan PAS untuk berkumpul dan menawan Pusat IKBN dan Bomba di Wakaf Tapai mengatakan bahawa UMNO dan Barisan Nasional menyorok, susut 'Pengundi-pengundi Hantu' di situ. Jadi ini pelik Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pelik tapi benar. PAS dia menang dia berarak, dia kalahpun dia berarak. Ini pelik Yang Di Pertua, kita 20 tahun kita redha ni PAS 4 tahun dah tak redha dengan apa ketentuan takdir yang diterima oleh mereka sepanjang mereka memerintah dan jelas kepada kita, kita minta pihak pimpinan PAS supaya bermuhasabah 'Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab'. Dan sebagai seorang pemimpin yang berwibawa saya suka mencadangkan kepada pimpinan PAS oleh kerana PAS pada saya tidak relevan lagi di zaman sekarang maka kita minta kalau takmbuh bubarpun maknanya undurlah pemimpin-pemimpin tersebut kerana telah tidak relevan jelas kerana mereka kata sebagaimana kata Alur Limbat tadi (*yang bermaksud*) 'Bila suatu benda diberi kepada mereka yang tidak tahu benda, yang dok tahu benda satu, dok tahu kala, maka tunggulah zaman kehancuran'. Alhamdulillah, apa yang kita dapat hari ini bahawa itu zaman keruntuhan PAS.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu, Wakil Batu Burok saya cukup sedih ini menunjukkan moral Wakil Batu Burok, tak dok dalam Dewan hari ini yang mengatakan dua surat yang mengaitkan Rumah M.B. dan juga jalan ke Rumah M.B. Jadi di sini saya suka menarik perhatian Yang Di Pertua, bahawa surat ini adalah Surat Layang, alamat satu di Kuala Ibai, alamat dua, Gong Kapas, saya nampak menggunakan pen yang sama dan tulisan yang sama. Jadi ini, kalau inilah seorang Peguam menggunakan Surat Layang untuk dibawa ke Dewan, saya rasa ini satu pembohongan yang menunjukkan begitulah moral Wakil Batu Burok yang tidak mempunyai asas yang kukuh untuk nak menuduh, untuk nak menafikan ataupun nak menjatuhkan reputasi Kerajaan Negeri dan saya yakin perkara ini akan di*manipulate* oleh Akhbar Harakah untuk diperbesar-besarkan dan mereka menjaja ke seluruh negara bahawa inilah kewibawaan dan inilah apa benda nak kata, 'kekomanan'. Makna ketidaktelusan jelas apa yang dikatakan oleh Wakil Ladang tadi bahawa kita beli dengan duit yang sah, duit yang halal untuk diberi kepada pegawai-pegawai kita untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Jadi kalau inilah yang diperkatakan Yang Di Pertua, saya rasa suatu perkara yang amat tidak bermoral yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok dan saya istilahkan bahawa 'Cap Ayam' jugaklah, berapa lama dah duduk dalam Dewan ini Yang Di Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya nyatakan di sini bahawa apa yang berlaku kenapa Menteri Besar yang baru ini duduk di Rumah Tetamu kerana Menteri Besar dahulu tak duduk rumah dia. Menteri

Besar yang sepatutnya duduk di Rumah Seri Iman, Kediaman Seri Iman tidak duduk jadi bila tidak duduk rumah tersebut rosak, bila rosak dijadikan wakaf dan tempat persinggahan. Saya pergi melawat dan melihat terlalu teruk dan banyak *maintenance* yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk nak membaiki dan mengubahsuai bangunan tersebut. Pun begitu mereka ataupun Menteri Besar yang dulu di rumahnya sendiri dan kesan daripada duduk rumah sendiri beliau mendapat RM4,000,00 sebulan Elaun Perumahan, ini yang berlaku Yang Di Pertua. Tapi bila bersyarah di depan rakyat mereka menyatakan bahawa Menteri Besar kita zuhud, Menteri Besar kita ini tidak duduk Rumah Kerajaan, seorang yang baik dan tidak ambil pith, dia tidak ambil, dia baham, Yang Di Pertua, RM4,000.00. Jadi ini yang berlaku, mereka tipu rakyat, mereka memanipulasi apa yang dapat dan mereka menjaja bahawa inilah Menteri Besar mereka dan kesannya Menteri Besar yang baru ini terpaksa duduk di Rumah Tetamu yang terpaksa dibaikpulih sekadar seminima yang mungkin. Jadi kalau Menteri Besar yang dahulu duduk rumah dia dah dan Menteri Besar yang baru ini mengambil alih maka tidak banyakkah duit kerajaan untuk baiki. Maka apa yang berlaku kita terpaksa mengubah dan juga membaiki Rumah Tetamu. Satu lagi Yang Di Pertua, surat ini nampak lagi satu pembbohongan yang dilakukan oleh Wakil Batu Burok, nak tipupun biar profesional Yang Di Pertua ini Sudu-sudu Sena, yang dilakukan oleh pihak Wakil Batu Burok yang mana surat yang diberi kelmarin kepada Phatail dan sebagainya, nama di atas lain, sain lain. Nama di atas nama lain Yang Di Pertua, nama atas saya baca Abdul Fatah bin Ismail tapi sain nama Abdul Jalil bin Awang Ahmad. Saya tak tahu, pelik tapi benar berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya hanyalah mengedarkan surat yang saya terima, saya tak ubah itu dia dan saya minta supaya benda ini diperjelaskan supaya membersihkan tohmahan ini. Bukan saya kata saya ambil begini-begini yang diposkan kepada saya kerana nama saya ada di situ, sayapun tahu tapi ini disebarkan, yang disampaikan kepada AG, yang disampaikan kepada Ketua Pengarah BPR dan rakyat nampak begini. Ini mungkin orang UMNO hantar bukan orang PAS hantar kita tak tahu projek-projek ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua. Itu jawapan seorang *Lawyer*, Yang Di Pertua tapi sebagai seorang bekas *Lawyer* sepatutnya *check* dulu sebelum bawa ke Dewan, ini Dewan yang mulia, ini nama Abdul Fatah sain Abdul Jalil, jadi *check* dulu sebelum .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nanti sekejap, bukan soal *check* saya kata saya terima dalam ini *perceive* saya terima barang ini. Kalau saya nak pinda semula, saya boleh pinda tetapi saya terima barang ini dalam sampulnya ini

dia barangnya. Itu dia, bukan saya ubah-ubah, kalau saya beri hak fotostat lainlah, ini hak yang asal saya terima.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Di Pertua. Jadi kalau itulah penjelasannya tapi saya yakin apa yang diperkatakan oleh Wakil Batu Burok kelmarin bahawa diwarwarkan dalam Dewan ini bahawa semua pegawai-pegawai yang menerima *Communicator* tersebut dengan harga RM3,000 sebagaimana yang ter*claim* dalam surat ini adalah daripada wang haram dan saya yakin kalau tidak diperbetulkan di sini, pihak media PAS terutama Harakah akan memanipulate isu ini. Jadi jelas di sini kalau nak main '*ngelatpun*' biar profesional, tengok yang saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sayapun tak percaya tetapi *damage has been done* faham tak, kerosakan telahpun berlaku kerana surat ini disebar.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri, seorang Peguam, bekas EXCO, Dewan ini mempunyai kewibawaannya dan kita sendiri mempunyai kewibawaannya. Bagi saya, saya malu Dato' Yang Di Pertua, kalau nak tunjuk dalam Dewan surat yang tak sah, siapa tulis apa serba, betul ke tidak, kalau fitnahkan? Jadi baik kita awal-awal simpan kalau tidak tujuan nak main politik, nak ambil kesempatan kita bentang dalam Dewan ini, ini satu perkara yang tidak seharusnya berlaku, kita sama-sama bertanggungjawab, Dato' Yang Di Pertua. Tuhan tahu isi hati kita Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua saya kata surat ini dihantar kepada saya salinannya, kemudahan bagi rakyat dia lihat perkara-perkara yang berlaku, bangunan dibuat renovasi, jalan diturapkan, bagi rakyat yang terima ini yang tengok ini ada berlaku itulah yang saya katakan saya kemukakan ini supaya disiasat, supaya diminta siasat, supaya BPR siasat, polis siasat kemudian kita kita isytiharpun tidak apa-apa, tidak betul, sekarang hari ini sudah dikatakan ada L.O.nya, satu, tapi penurapan itu belum lagi dijawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua terima kasihlah kerana Posmen mengepos surat ini ke Dewan. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, satu lagi apa yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam ialah pasal Hisbah, selalu diwarwarkan bahawa Hisbah adalah satu jawatan ataupun satu perjawatan yang cukup berkesan jika zaman Pemerintahan Kerajaan yang lalu. Tapi pada saya Hisbah bahasa Arab, bahasa Melayunya Penguatkuasa. Kita dah ada Penguatkuasa-Penguatkuasa kita yang dilantik sama

ada Polis, BPR, BPA dan Penguatkuasa Syariah, tapi apa juga Penguatkuasa-Penguatkuasa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Hisbah bukan Penguatkuasa cakap biar betul sikit gok. Hisbahpun tak faham, Penguatkuasaan ni *Enforcement* Hisbah ni bukan, benda yang berbeza.

YANG BERHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Wakil Wakaf Mempelam kena belajar lagilah sebab apa yang berlaku, dengan satu Pesuruhjaya, 4 kerani tidak mampu untuk nak mengurus dan mentadbir dan mencari kesalahan-kesalahan ribuan kakitangan Kerajaan Negeri dan dia tertakluk kepada Kerajaan Negeri sahaja. Jadi oleh yang demikian Dato' Yang Di Pertua, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terdahulu adalah semata-mata untuk kepentingan politik, mereka mempolitikkan semua benda dan saya ucapkan terima kasih juga kepada Wakil Wakaf Mempelam kelmarin yang mengatakan bahawa saya tidak pernah pergi menemui dan saya mengelak untuk ditemui. Hari ini saya bawa bil yang saya belanja Pegawai Hisbah yang berlaku pada 31 Disember 2003 jam 3.00 petang tempatnya di Batu Burok A&W jumlah belanjanya RM25.89. Ini bukti bahawa saya hadir dan bertemu dengan Pegawai Pesuruhjaya Hisbah tersebut, jadi itu. Kemudian Yang Di Pertua apa yang berlaku juga dalam Hisbah begini sebagaimana yang saya katakan dalam Dewan yang lalu bahawa berlaku percanggahan, percanggahan dari segi kedudukan bangunan tersebut, kedudukan Hisbah di Mahkamah Syariah sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Mawwadi dan Al-Aqam Astoniah bahawa tidak boleh sesuatu jabatan yang mempunyai kepentingan berbeza duduk dalam satu bumbung. Jadi ini berlaku dan kita dah kemukakan dahulu sehingga Wakil pada masa itu marah pada saya, saya menyatakan yang benar bahawa tak boleh berlaku begitu. Jadi apa yang berlaku? Apa yang kita lakukan hari ini sebenarnya cukup telus dan kita ada semua pegawai, kita ada Penguasa-penguasa Penguatkuasa untuk melihat, meninjau dan memeriksa segala apa yang dilakukan oleh Wakil Rakyat dilakukan oleh pegawai-pegawai dan sebagainya. Alhamdulillah Yang Berhormat Yang Di Pertua, jadi saya rasa Hisbah sudah tidak timbul lagi, Hisbah telah *expired* telah tak laku lagi kerana tidak berkemampuannya untuk nak mengurus dan juga untuk nak mentadbir ataupun untuk nak mengatasi masalah-masalah. Apa yang diperhatikan dalam Dewan yang lalu mengatakan bahawa Laporan Hisbah tidak boleh dikeluarkan dalam surat khabar tapi malangnya bila baca dalam Harakah ada gambar ataupun laporan tersebut dikeluarkan. Jadi ini juga bercanggah Yang Di Pertua, jadi inilah keadaan pihak Kerajaan ataupun pihak PAS yang tidak ada *point* untuk nak membangkang jadi membangkang dengan membuta-tuli. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain daripada itu apa yang ingin saya nyatakan juga di sini bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi hasrat (baca Surah Quraisy, ayat 4) 'Memberi makanan kepada orang-orang

yang lapar dan memberi keamanan bagi mereka-mereka yang takut'. Jadi apa yang kita lakukan ini selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Islam dan Al-Quran untuk memberi makan, memberi penempatan dan memberi *necessary* kemudahan-kemudahan asas ataupun kemudahan-kemudahan utama kepada rakyat dengan menyediakan perumahan-perumahan dan apa yang dibangkitkan oleh Wakil Batu Burok kelmarin mengatakan bahawa Kerajaan PAS dalam masa dua tahun mampu menjatuhkan, menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Terengganu daripada 14.9 sehingga 10.7 tapi bila tanya apakah aktiviti, program dan agenda yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu, tidak ada jawapan, tidak ada jawapan yang diterima yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dari tahun 2000 sampai tahun 2004 yang boleh menurunkan kadar kemiskinan ini. Jadi pada saya apa yang berlaku ini adalah berlaku secara semulajadi tanpa apa-apa *input*, tanpa apa-apa usaha dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri, cuma apa yang kita lakukan sejak tahun 1999 yang lalu beberapa tempat, kita buat penempatan kepada orang miskin untuk menambah pendapatan mereka daripada miskin kepada tidak miskin, daripada hak *core poverty* kepada miskin kemudian meningkat demi meningkat alhamdulillah menampakkan kejayaan. Yang paling berjaya Yang Berhormat Yang Di Pertua ialah perubatan .....

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Di Pertua, penjelasan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ya, sila.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Mungkinkah Kerajaan PAS dapat membasmikan kemiskinan bagi taukeh-taukeh *Funfair* ataupun taukeh-taukeh baju *reject* semasa zaman mereka dan bukannya rakyat jelata sebenarnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang BertHormat Yang Di Pertua, taukeh *Funfair* ini bukan daripada keluarga miskin tapi menjadi jutawan hasil daripada pemerintahan 4 tahun yang lalu. Hak miskin hak masuk Rumah Hantu itu miskin. Yang BertHormat Yang Di Pertua, apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan berterusan, kita serius dalam menangani masalah kemiskinan ini kerana kita tahu (*baca ayat yang bermaksud*) 'Semuanya hampir kepada kekufuran mereka-mereka yang fakir'. Jadi untuk mengelakkan kepada kekufuran mereka, kita menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan yang paling penting ialah miskin sikap. Kita akan menyediakan modul-modul dan juga perancangan-perancangan, pelan-pelan tindakan untuk memastikan bahawa mereka yang miskin ini perlu mengubah sikap dan minda mereka. Kita akan menggunakan Pusat Pupuk Semangat untuk pastikan minda mereka berubah, kita tak mahu apa yang dilakukan oleh Kerajaan dahulu yang menggunakan API, yang menggunakan UBI untuk nak mendakyah fahaman politik mereka. Kita tidak akan mempolitikkan hal

ini, kita nak supaya mereka yang miskin ini mengubah minda, mengubah sikap dan kesan daripada perubahan sikap tersebut kita yakin mereka akan menjadi tidak miskin. Kita yakin apa yang kita lakukan ini akan membuahkan hasil dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh hal yang demikian, kita akan menyusun semula penggunaan ataupun tempat di Pupuk Semangat untuk pastikan tempat tersebut sesuai untuk diberikan latihan-latihan, kita akan membuat suatu program yang memberikan keberkesanan kepada mereka untuk mereka berganjak daripada tahap *core poverty* ataupun miskin tegar kepada lebih baik kehidupan mereka. Insya-Allah, kita yakin dengan kerjasama semua pihak terutama pihak Pembangkang, kita merayu juga pihak Pembangkang apabila dihantar ke kursus-kursus ini nasihatlah kepada pengikut-pengikut mereka supaya hadir, supaya menghadiri majlis-majlis yang kita adakan. Kita bukan nak berkempen kita nak memberitahu bahawa tindakan kita ialah nak mengeluarkan mereka daripada tahap kemiskinan kerana apa yang kita dapati kebanyakan mereka-mereka yang miskin dan mereka yang miskin tegar ini di kampung-kampung kebanyakannya ialah penyokong-penyokong PAS dan mereka ada yang kita temui mereka kata tak apalah, mereka gelappun, tak apalah mereka duduk dalam keadaan tidak ada letrik asalkan kubur mereka cerah esok-esok. Jadi seolah-olah mereka sudah pasti, di Akhirat esok-esok mereka pasti masuk Syurga, dah *guarantee*. Saya dok tahu ini fahaman mana tapi kebanyakannya adalah penyokong-penyokong PAS yang tak mahu menerima segala perubahan, pemodenan dan pembaharuan dalam nak meninggi dan menaikkan taraf kehidupan mereka.

Yang Berhormat Yang Di Pertua, oleh yang demikian, marilah kita bersama memastikan negeri Terengganu 'Negeri Cantik Budaya Menarik', 'Islam Hadhari Terengganu Bestari' akan kita dokong bersama. Kita minta pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang berkerjasama untuk memastikan rakyat kita wakili terbela, untuk pastikan apa yang kita rancang untuk menyaingi 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' dengan negeri-negeri lain yang lebih maju daripada kita akan dapat dicapai. Akhir sekali saya juga merayu, merayu kepada diri saya, merayu kepada rakan-rakan Yang Berhormat berkerjalah kerana apa yang kita ada hari ini ialah amanah, suatu tanggungjawab dan suatu singgahsana kemuliaan yang nak kita bangga-banggakan untuk kita jadi pemimpin. Saya rasa itu sahaja Yang Berhormat Yang Di Pertua, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):** Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebelum saya meneruskan penggulungan ini, izinkan saya mencadangkan supaya sidang ini diteruskan sehingga selesai kerana sekarang pukul 1.00 di bawah perkara fasal 7(1A), Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Cadangan tersebut tak perlu lagi Yang Berhormat sebab masa persidangan telah ditetapkan 9.30 pagi hingga pukul 5.00 petang.

YANG BERHORMAT DATO' DR. ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Boleh sambunglah tu. Dato' Yang Di Pertua, Ahli-ahli Dewan sekalian, saya ada beberapa perkara yang disentuh oleh beberapa orang Wakil kelmarin. Oleh kerana teras utama pembangunan negeri Terengganu adalah teras pendidikan dan juga sumber manusia untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri yang bestari. Jadi izinkan saya barangkali membuat ulasan ikut *point*ah senang.

Yang pertama, peringkat sekolah rendah. Ya, alhamdulillah usaha-usaha kita untuk mencemerlangkan sekolah rendah berterusan. Hari inipun kelas-kelas tuisyen berjalan di semua sekolah tahap dualah tahap UPSR tapi kupon tak siap lagi cetak jadi sekolah-sekolah tu mintak sabar sikit, kelas berjalan kupon tak sampai lagi. Kita tiap-tiap tahun Dato' Yang Di Pertua mendapat kelulusan UPSR cukup tinggi melebihi paras nasional dan baru-baru ini dapat dekat-dekat 10 peratus dan bilangannya mencecah 2,200 orang. Jadi bilangan yang dapat masuk ke MRSM, Asrama Penuh, Sekolah Sains dan lain-lain terhad sebab itu Kerajaan Negeri bersetuju supaya setiap daerah, Sekolah-sekolah Persekutuan ini sekolah menengah dinaikkan taraf menjadi Sekolah *Premier*. Apa maksud *Premier*? Maksudnya sekolah-sekolah yang baik, dilengkapi dengan kemudahan yang setanding dengan apa yang ada di MRSM contohnya kalau dia ada satu komputer, kita beri lebih lagi. Ada tiga makmal, kita buat empat makmal supaya ada tarikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat baik UPSR ini. Kalau kita dapat buat di seluruh negeri Terengganu sekurang-kurangnya 16 Sekolah *Premier* saya yakin bilangan pelajar-pelajar Terengganu yang memperolehi UPSR baik ini akan dapat semua dapat kita tampung di samping sekolah biasa terkenal seperti Sekolah Sheikh Abdul Malik, Tok Jiring dan sebagainya. Jadi ini adalah usaha-usaha kita untuk melihat kecemerlangan pendidikan bermula daripada peringkat bawah. Insya-Allah, perkara ini sedang kita usahakan dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya ia menjadi realiti kepada pada tahun depan insya-Allah kalau boleh.

Yang kedua, peringkat lepasan SPM. Kerajaan Negeri bersetuju supaya sumbangan Kerajaan Negeri kepada anak-anak yang cemerlang masuk ke universiti, masuk ke kolej dapat diberi sumbangan Dana Khas ini RM1,000 bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan untuk pergi ke universiti. Ini kita teruskan sebagai Kerajaan yang mesra rakyat. Alhamdulillah, semakan awal kita mendapati bahawa bilangan anak Terengganu yang berjaya masuk ke Pusat-pusat Matrikulasi, ke IPTA-IPTA yang hari ini sedang dalam tahap mereka menerima tawaran cukup ramai, kita jangka lebih daripada tahun lepas. Tahun lepas bilangan yang berjaya masuk ke Pusat Matrikulasi lebih kurang 2,300 orang tapi

saya yakin tahun ini lebih kerana nampak borang-borang yang diisi melalui Wakil-wakil Rakyat itu ramai. Jadi bagi mereka yang tidak berjaya masuk ke IPT ramai lagi kerana agregat SPMnya tidak begitu cantik sebab itu kita memperluaskan Institusi Pendidikan Terengganu yang ada seperti Kolej Yayasan Terengganu di Cendering itu untuk menampung sebahagian daripada para pelajar ini yang tidak dapat masuk yang cukup syarat untuk masuk ke misalnya ke UiTM sebagai contoh, pelajar-pelajarnya kita akan terima dan insya-Allah akan diberi bantuan pula oleh Yayasan Terengganu. Sementara itu bagi yang tak kurang lagi SPMnya itu kalau dulu adalah kaedah masuk ke KUSZA takdok SPM kita tidak buat begitu, kita buat cara yang halal sikitlah. Kita buat apa yang kita namakan Pra KUSZA ataupun Pra TATI yakni bagi pelajar-pelajar yang tak cukup kredit untuk masuk ke KUSZA dan Tati, kita ambil mereka ini dalam satu semester sedang berjalan sekarangpun di Kolej Sri Iman. Insya-Allah, kita uji lagi ikut *standard* yang dikenalkan oleh KUSZA dan TATI maka kita akan masuk balik pada bulan 10 ini ataupun bulan 11. Jadi tambah kembali yang ada sekarang ini kita tambah lagi, ini peluang anak-anak Terengganu yang kurang sedikit markah dia untuk masuk ke dua pusat ini, insya-Allah, dengan cara ini tak apalah kita tolong sedikit sebanyak pelajar-pelajar Terengganu yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik ini. Alhamdulillah, TATI dan KUSZA peningkatannya cukup ketara saya diberitahu KUSZA hari ini dalam tahun ini dapat mengambil 1,561 orang alhamdulillahlah, TATI dekat 400 lebih. Sementara itu kita juga sedang berurusan dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri supaya bilangan yang masuk ke Tingkatan 6 ini bertambah kerana untuk makluman Dato' Yang Di Pertua, kemasukan ke universiti ialah melalui satu STPM, yang kedua Matrikulasi. Jadi kita galakkan anak-anak kita pergi ke Tingkatan 6 daripada memasuki Diploma untuk tujuan kemasukan ke universiti nanti. Jadi kita sudah kempen supaya ramai, saya jangka tahun ini lebih daripada 4,500 orang, orang Terengganu dapat berjaya masuk ke kelas-kelas Tingkatan 6.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana telah mengumumkan meluluskan penubuhan sebuah Pusat Matrikulasi di Terengganu. Jadi terima kasih banyakkah selama ini payah nak boleh sangat, hari ini dia beri. Jadi kita sedang berurusan dengan pihak UPEN tentang urusan-urusan tanah dan sebagainya supaya ianya menjadi kenyataan di bumi Terengganu. Sementara itu pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk ke mana-mana tapi ingin belajar dalam bidang-bidang kemahiran, kita bersama-sama dengan pihak Kerajaan Negeri dan TESDEC dan juga ABN (Akademi Binaan Malaysia) di Jenagor, dengan IKBN, ILP, Kolej Komuniti dan jugak Poli-Politeknik, kita jangka kita akan menampung kira-kira 5,000 lagi lulusan SPM yang tidak berjaya masuk ke Matrikulasi, tidak berjaya masuk ke Tingkatan 6 dan tidak berjaya masuk ke mana-mana pengajian Diploma. Jadi ini juga satu kaedah kita untuk menurunkan bilangan anak-anak muda yang duduk saja di rumah. Jadi dengan cara ini insya-Allah barangkali dari segi keluasan kita, peningkatan kita

untuk melihat Pembangunan Sumber Manusia ini menyeluruh untuk negeri Terengganu, rakyat negeri Terengganu sama ada yang baik SPM, kurang baik SPM ataupun tidak baik SPM, jadi ini dapat kita tingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, TATI dulu sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Wan Hisham tadi, dulu ada 4 kursus, alhamdulillah pada bulan 6 ini naik menjadi 13 kursus yang ditawarkan di TATI ..... (TEPUKAN) ..... Saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah memberi kelulusan kepada TATI dan iklan telah kita buat pada hari Ahad baru-baru ini, kalau tuan-tuan lihat surat khabar iklan TATI sedang kita buat kemasukan ke kursus-kursus yang akhirnya boleh juga pergi ke luar negeri. Jadi ini sedang dibuat di TATI, saya yakin maklumat ini akan menggembirakan rakyat Terengganu kerana tempat yang kosong masih ada.

Yang akhir sekali Dato' Yang Di Pertua ialah manifesto kita untuk Terengganu mendapat sebuah universiti, hak ini hak besar sekali Dato' Yang Di Pertua. Sukacita dimaklumkan bahawa alhamdulillah setakat yang ada hari ini persiapan dan juga kertas kerja untuk menubuh sebuah Universiti Terengganu telahpun selesai dalam masa satu bulan BN memerintah dan ianya hanyalah perbincangan dengan Menteri Pengajian Tinggi untuk dibuat perbincangan tentang Universiti Terengganu ini, insya-Allah. Mudah-mudahan dengan terdapatnya Universiti Terengganu kita pertingkatkan KUSZA dan TATI dan institusi-institusi lain kita akan amat yakin dengan adanya KUSTEM, peluang-peluang pendidikan di Terengganu akan lebih meluas dan akhirnya insya-Allah akan memberi menafaat kepada bukan sahaja orang Terengganu malah orang luar yang datang ke Terengganu. Jadi Dato' Yang Di Pertua, sekian sahaja wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Terima kasih. Ada penggulungan daripada Yang Amat Berhormat? Sila.

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Merafakkan Sembah Titah Ucapan Penghargaan Dan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan dua hari yang lalu, Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Kemasik, Sura, Tepoh, Wakaf Mempelam, Batu Burok, Hulu Besut, Alur Limbat, Batu Rakit, Bukit Tunggul, Kuala Besut dan juga Paka.

Saya juga ingin mengambil kesempatan pada tengah hari ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakyat Terengganu yang telah memilih Kerajaan Barisan Nasional untuk sekali lagi memerintah negeri Terengganu dan juga ini menandakan keyakinan mereka terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Tahniah saya

ucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat baru-baru ini dan insya-Allah saya yakin mereka akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik. Juga tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada parti Pembangkang yang telah berjaya memenangi kerusi-kerusi mereka baru-baru ini dan saya juga yakin insya-Allah mereka akan menjadi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baik dan akan mengemukakan kritikan-kritikan yang *constructive* kepada Dewan ini untuk kebaikan rakyat Terengganu keseluruhannya. Saya faham bahawa pelantikan saya merupakan satu tanggungjawab, satu amanah dan saya menerima pelantikan dengan penuh tanggungjawab dan penuh tawaddo', insya-Allah akan diberi taufik dan hidayah oleh Allah s.w.t. untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab saya ini dengan baik.

Saya akan cuba sedaya upaya membangunkan negeri Terengganu selaras dengan Konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari yang telah kita laung-laungkan, yang telah kita manifestokan di dalam Pilihanraya yang lalu. Sebagaimana yang kita faham, sebagaimana yang telah saya katakan dahulu bahawa Islam Hadhari mempunyai lapan prinsip asasnya yang berdasarkan kepada kecemerlangan, yang berdasarkan kepada keseimbangan, berdasarkan kepada sikap globalnya, sikap mesranya, yang berdasarkan kepentingan kepada ilmu, umat yang harus kompetitif, moden, progresif dan juga umat yang berakhlak. Insya-Allah kita akan memberikan kesedaran yang baik kepada rakyat agar mereka memahami konsep Islam Hadhari itu dengan sebaik-baiknya agar kita dapat membina satu tamadun baru di negeri Terengganu ini. Seperti yang telah saya katakan bahawa Islam bukan hanya satu agama untuk dihutbahkan semata-mata, bukan satu agama untuk disyarahkan semata-mata, telah tiba masanya kita mempraktikkan apa yang dikatakan, apa yang diajarkan oleh agama kita itu sendiri. Umpamanya katakanlah kebersihan, bagaimana kita pastikan masjid-masjid kita bersih, tandas-tandas awam kita bersih, inilah *content* akhlak yang telah dikatakan dalam Islam Hadhari itu sendiri.

Dalam konteks Terengganu Bestari, kita lihat ada tiga fokusnya iaitu satu konsep yang berpaksikan kepada rakyat ataupun dengan izin *People-centric*, keduanya juga memberi kepentingan kepada teknologi ataupun mesra teknologi sebab itu insya-Allah pada akhir bulan ini semua Penghulu seluruh negeri Terengganu akan disambungkan dengan internet-internet ke pejabat-pejabat mereka. Begitu juga pemberian *Communicator-communicator* kepada Pegawai-pegawai Kerajaan agar kita dapat melaksanakan tugas kita untuk memastikan Terengganu akan berfungsi 24 jam satu hari, 7 hari seminggu. Sebab itulah baru-baru ini ada D.O.-D.O., Yang Di Pertua-Yang Di Pertua mendapat dua-tiga SMS semasa saya mengikuti lawatan saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri Cina baru-baru ini, saya bertanya kepada mereka melihat kebersihan bandar Beijing, saya hantar kepada D.O.-D.O. SMS, saya kata 'Jika Beijing bersih bolehkah

bandar Terengganu yang kita agung-agungkan sebagai sebuah negeri Islam ini bersih sebagaimana negeri Beijing juga', ada yang jawab 'Insya-Allah', ada yang menjawab 'Kalau Beijing boleh Terengganu juga boleh', Dato' Yang Di Pertua ..... (TEPUKAN) ..... Bila saya lalu di Pantai Kelulut, saya lihat banyak sampah saya menghantar SMS kepada D.O. Marang, saya menghantar SMS kepada Yang Di Pertua Marang, kedua-duanya saya lihat seminggu lepas tu saya lalu ke Pantai Kelulut ianya lebih bersih daripada dahulu walaupun kebersihannya masih boleh ditingkatkan. Terima kasih kepada D.O. Marang dan juga kepada Yang Di Pertua Marang sebenarnya. Inilah cara, itulah yang dimaksudkan dengan Mesra Teknologi. Bila kita bercakap tentang faktor ketiga, ciri ketiga Terengganu Bestari, kita bercakap tentang Urus Tadbir Korporat agar kita lebih telus, agar kita lebih mendarat sebab itulah perhubungan saya dengan Pegawai-pegawai TCS begitu telus, begitu terbuka, sebab itu juga kita menghapuskan EXCO Pentadbiran Awam yang telah diwujudkan oleh Kerajaan terdahulu, Dato' Yang Di Pertua. Ini bermakna penyertaan rakyat akan bertambah, ini bermakna kita akan pastikan bahawa Kerajaan lebih telus dan lebih terbuka. Kita akan memberi kepentingan kepada aspek pendidikan, pendidikan akan diberi keutamaan sebab itulah dua hari selepas saya dilantik menjadi Menteri Besar, kita pastikan MRSM akan dibuka dan insya-Allah pada 21 haribulan ini MRSM-YT akan dibuka sepenuhnya. Begitu juga dengan KUSZA yang telah dikatakan oleh EXCO Pendidikan tadi kemasukan baru yang dahulunya hanya 800 pada satu kemasukan sekarang telah meningkat hingga ke 1,200. TATI dari 4 bidang telah meningkat menjadi 13 bidang, syabas kepada EXCO Pendidikan. Begitu juga dengan yang lain-lain, kita akan pastikan dan kita akan percepatkan permohonan untuk membina bangunan-bangunan untuk pendidikan, kita tidak akan tunggu setahun atau setahun setengah untuk meluluskan mereka insya-Allah Kerajaan memberi keutamaan kepada pendidikan ini juga akan menurunkan kos-kos tanah agar mereka hanya perlu membayar kos tanah yang minima ..... (TEPUKAN) ..... kerana pendidikanlah yang akan menentukan masa depan dan nasib rakyat negeri Terengganu keseluruhannya. Begitu juga dengan Tadika-tadika KEMAS yang hampir 200 yang telah meninggalkan tempat mereka bukan hanya kita akan pastikan mereka kembali ke tempat asal mereka tetapi program-program sedang dilaksanakan agar Tadika KEMAS juga akan menjadi tadika-tadika cemerlang, agar pendidikan pra-persekolahan anak kita itu akan terus terjamin dan akan terus terbela.

Golongan miskin juga akan mendapat tempat mereka kerana Kerajaan Negeri akan menjana sumber kewangan baru. Kerajaan akan mewujudkan infrastruktur-infrastruktur agar ianya akan dapat menjana pembangunan-pembangunan baru kepada golongan-golongan miskin. Kaum-kaum petani kita akan pastikan hasil padi akan dapat dipertingkatkan dan kepada golongan nelayan di samping kemudahan-kemudahan yang diberi Program Tukun Tiruan akan diperkasakan dari masa ke semasa.

Alhamdulillah, dalam sektor pelancongan juga kita telah melihat peningkatan pelancongan yang telah diberi angkanya oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan tadi yang menggambarkan insya-Allah kita akan mendapat kepentingan daripada sektor pelancongan ini. Tetapi sentiasa ramai yang merungut apakah faedah-faedah kepada rakyat mereka tidak tahu, sekarang ini saya dapat tahu orang di Losong yang menggoreng kerepok lekor di situ bengkok dan tangan-tangan le-ni kerana ramai sangat pembeli-pembelinya terutamanya masa cuti ini. Ini akan memberi peluang kepada mereka-mereka yang berkecimpung dalam industri makanan, kedai-kedai mula penuh kembali. Mereka berkecimpung dalam industri pengangkutan, kereta-kereta sewa mereka telah mula beroperasi dengan baik, mereka yang beroperasi dalam bidang kraf kerana ramai yang membeli songket Terengganu, songket yang terbaik dalam dunia tuan-tuan dan puan-puan, kain batik Terengganu, ukiran-ukiran Terengganu dan juga hasil-hasil tembaga daripada Terengganu. Bila saya kata terbaik dalam dunia itu ramai hak tercengang, memanglah sebab takdok orang lain buat songket, kita saja buat songket sebab itulah kita terbaik dalam dunia dan kita pastikan keterbaikan itu akan diteruskan. Mereka yang mempunyai tempat-tempat tinggal, chalet-chalet mereka penuh dengan penginapan dan juga mereka yang lain sebab itulah agar memastikan sektor pelancongan ini terjamin agar alam semulajadi kita terjamin sebab itulah saya telah mencadangkan agar kita wujudkan satu lembaga yang kita panggil Lembaga Sungai Dan Pantai untuk memastikan keterjaminannya industri pelancongan di negeri Terengganu.

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam yang telah bertanyakan tentang konsep Pasar Payang yang masih lagi menggunakan warna hijaunya, tak apalah. Sebenarnya apabila saya melawat ke Istanbul, saya melawat Istanbul sekali pada 10 tahun yang lalu. Saya melihat satu Bazaar yang tidak terurus, apabila saya melawat lagi Istanbul tahun yang lalu, saya melihat satu Bazaar yang dinamakan Grand Bazaar di Istanbul yang begitu terurus yang menjual kraf-kraf orang-orang Turki itu sendiri. Apabila saya melihat Grand Bazaar itu, terbayanglah saya sebagai seorang Terengganu keindahan Pasar Payang kita sendiri yang letaknya di muara sungai, di tepi laut satu tempat yang strategik dan juga kraf-kraf yang ada di Terengganu ini. Saya kata tak bolehkah kita, masa tu kita kalah lagi, apabila kita menang nanti kita membangunkan satu Grand Bazaar yang lebih indah daripada Grand Bazaar di Istanbul itu di negeri Terengganu apabila kita menang nanti dan insya-Allah ianya akan dilaksanakan.

Sebenarnya 80 hari lebih kita memerintah ianya bukan satu tarikh yang lama ia merupakan satu tarikh singkat untuk menilai sesuatu Kerajaan tapi yang jelas apabila kita dalam masa yang singkat ini juga kita telah menunjukkan sikap mesra kita kepada rakyat, kita menghormati keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh rakyat sebab itulah kita tidak kunci pintu pagar, kita tidak halau pegawai-pegawai daripada mengambil fail-fail peribadi mereka, kita tidak akan sumpah di tengah

malam, kita tidak rampas kereta EXCO dan juga kita masuk pejabat dengan tertib. Yang jelas juga dalam masa yang pendek ini, kita telah membuka kembali MRSM, kita telah berjanji akan membangunkan MRSM yang dikatakan oleh EXCO Pendidikan tadi akan membina juga sebuah Pusat Matrikulasi, kita akan membina sebagaimana janji Kerajaan Pusat untuk membina Lebuhraya, kita akan mula kembali memperbesarkan Lapangan Terbang kita yang sedia ada. Kita melihat kawasan yang lebih bersih, masjid-masjid yang lebih ceria, tandas-tandas masjid lebih bersih dan peningkatan pelancongan, kenaikan pelajar-pelajar yang masuk KUSZA dan juga TATI. Sepertimana yang telah saya katakan bahawa saya mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Rakyat telah membuat pemilihan dan sebenarnya rakyat telah memberitahu kepada kita bahawa PAS telah gagal memerintah negeri Terengganu 4 tahun yang lalu. Sebenarnya saya juga faham bahawa sebagai Pemimpin Negeri saya tidak akan terlepas daripada fitnah-fitnah PAS sejak dahulu lagi apabila saya ke *Harvard Business School* ada yang mengatakan saya bawa lari duit sampai RM40 juta yang tidak boleh dibuktikan oleh mereka, mereka katakan saya bolot projek dan kemudian ini saya baiki Rumah Tetamu tanpa had. Dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini satu surat yang saya kalau nak kira Surat Layang ini, saya terima berfail-fail tapi saya melihat, saya menilai jika ianya Surat Layang saya tidak akan bawa ke Dewan yang mulia ini untuk pengetahuan kita semua. Saya telah 'kalih' dengan ini semua, saya tahu tanggungjawab saya yang lebih besar ini dan saya akan pastikan saya tidak akan mensia-siakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberi rakyat kepada saya untuk membangunkan Terengganu ..... (TEPUKAN) ..... menjadi sebuah negeri yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Apabila saya memerhati perbahasan yang telah dilakukan di Dewan sejak hari semalam, saya melihat tidak ramai yang ingin bercakap tentang ilmu. Walaupun kita tahu bahawa itulah ayat yang pertama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. (*baca Surah Al-Alaq, ayat 1*). Tidak ramai yang bercakap tentang ICT, ramai juga yang bercakap tentang akhlak tetapi kita masih membuang sampah di merata-rata, kita masih membuat tuduhan-tuduhan liar hanya untuk kepentingan politik dan sebagainya. Tidak ada orang yang bercakap tentang *modernity*, proses pemodenan yang harus ada seolah-olah perkataan moden itu bukan perkataan Islam. Kita lihat semasa kecemerlangan, kegemilangan masyarakat Islam di Mesir, di Baghdad dan sebagainya terutama lagi di Andalus. Apabila kita bercakap tentang moden itulah Islam sebenarnya tapi sekarang tidak ada seorangpun, takut bercakap tentang perkataan moden seolah-olah ianya sudah asing kepada lidah dan kefahaman orang-orang Islam itu sendiri. Tidak ramai yang bercakap tentang kita perlu menjadi seorang pemain global sedangkan kita sendiri memakai, pakaian kita sendiri kalau kita lihat pen kita yang kita bawa mungkin dibuat di Hong Kong, serban kita mungkin di Turki, jubah kita mungkin di China, kasut kita mungkin di Itali, tali pinggang kita mungkin dari Indonesia tapi kita lupa bahawa kita sudah global. Tetapi saya tidak mendengar ramai di antara kita, ini saya katakan bukan

hanya kepada Pembangkang tetapi juga kepada Wakil Rakyat-Wakil Rakyat daripada parti yang memerintah, kita lupa bahawa kita global dan kita harus memastikan ini juga merupakan dasar perjuangan kita. Tidak ramai juga yang bercakap tentang cemerlang, gemilang dan keterbilangan, tidak ada yang berani mengatakan sudah tiba masanya kita mencipta satu tamadun, kita memastikan Terengganu akan melahirkan Nobel Laureatnya di masa-masa akan datang. Sebenarnya saya bimbang dengan kefahaman yang wujud di Terengganu masa kini dan di kalangan orang-orang Islam di keseluruhannya kerana kadang-kadang kita lupa dan kita tidak faham dunia yang kita hidup masa kini, kita tidak faham tentang masalah kita masa kini, kita tidak faham bahawa tugas kita untuk menjadi '*khairunnas anfa-uhumlinnas*' satu masyarakat yang boleh memberi kesan yang baik, membantu mereka yang lain, kita lupa tentang peranan kita sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini jika kita tidak faham tentang tujuan dan tugas kita sebagai Khalifah Allah, umat-umat Islam akan jadi hanya sebagai pelontar-pelontar batu melawan tentera-tentera Yahudi, akan menjadi hanya penghantar-penghantar memorandum kepada kerajaan-kerajaan yang lebih besar daripada kita kerana kita tidak mempunyai kuasa. Itulah yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ustaz daripada Kijal tadi, alhamdulillah, rupanya patih juga dia dengan ayat-ayat Quran ini, saya baru tahu.

Itulah saya katakan baru-baru ini semasa perbincangan *bilateral* dengan Perdana Menteri China baru-baru ini semasa saya mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita lihat di dalam perbincangan *bilateral* itu kita bercakap tentang *Aeronautical Technology (Aeronethic)*, kita bercakap tentang *Aerospace Technology*, kita bercakap tentang persaingan dunia dan global dan saya lihat bagaimana negeri China yang komunis 10 tahun yang lalu telah berubah kepada sebuah negeri yang faham tentang perlunya ekonomi pasaran. Sebab itulah saya mengharapkan bahawa Terengganu ini kita harus faham tentang sikap kita yang sebenarnya, kita harus faham apa yang dikatakan tentang Islam Hadhari tadi dan insya-Allah dengan kefahaman-kefahaman ini kita akan membina sebagaimana saya katakan tadi satu tamadun. Saya faham saya memikul tanggungjawab yang berat, saya faham bahawa inilah tanggungjawab yang saya akan pikul dengan sepenuhnya jika saya gagal saya tidak akan menyalahkan orang lain kerana inilah tanggungjawab yang telah diberikan kepada saya. Saya tidak akan lari daripada Dewan apabila saya gagal. Walaubagaimanapun saya akan pastikan ianya merupakan tanggungjawab saya insya-Allah saya tidak akan mensia-siakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada saya '*an-uriduIsla-hamastato'tu*' dan saya memohon doa agar saya sentiasa diberi kekuatan untuk membangunkan Terengganu menjadi negeri yang cemerlang, gemilang dan terbilang di bawah Konsep Islam Hadhari Terengganu Bestari.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri Terengganu yang telah memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah

9 JUN 2004

negeri Terengganu dan juga kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah memberi kepercayaan kepada saya. Marilah kita sama-sama membina satu tamadun yang baru di negeri Terengganu ini. Itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua insya-Allah Islam Hadhari Terengganu Bestari akan menjadi satu realiti. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

9 JUN 2004

**USUL JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI**

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan –

*Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:*

1. Y.B. Dato' Yang Di Pertua - Pengerusi  
Dewan Undangan Negeri
2. Y.B. Encik Alias bin Abdullah
3. Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd Adib
4. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
5. Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
6. Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda
7. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
8. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri - Urusetia

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum sokongan berhubung dengan Usul itu, suka saya maklumkan di sini, saya ada menerima satu surat daripada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang yang meminta supaya Dewan mempertimbangkan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu bagi keahlian Bilangan yang ke-7, iaitu **Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib diganti dengan Yang Berhormat Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong.**

YANG BERTHORMAT ENCIK ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana kita Kerajaan yang mesra dan telus maka saya juga bersetuju dengan apa yang dicadangkan tersebut.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

9 JUN 2004

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan  
dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

9 JUN 2004

## USUL JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan –

*Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:*

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad (a) - Pengerusi  
Abu Bakar bin Ali
2. Y.B. Haji Mohd Nasir bin Ibrahim (a),  
Ibrahim Fikri
3. Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
4. Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah
5. Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad
6. Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh
7. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin  
Haji Awang
8. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri - Urusetia

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berhubung dengan Jawatankuasa ini juga saya ada menerima satu surat daripada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang meminta supaya Dewan mempertimbangkan cadangan ahli Bilangan yang ke-7, iaitu **Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang diganti dengan Yang Berhormat Dato' Haji Harun bin Taib, Wakil Manir.**

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selaku Kerajaan yang prihatin dan mesra rakyat juga mesra Pembangkang maka saya juga bersetuju dengan apa yang dicadangkan tersebut.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

9 JUN 2004

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan  
dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

9 JUN 2004

## **TANGGUHAN**

**YANG AMAT BERTHORMAT DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memberikan kerjasama kepada saya dalam mengendalikan Persidangan Kali Yang Pertama yang melibatkan tiga hari. Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama memohon dan membaca Surah al-Asr'.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.40 TENGAH HARI.**

# LAMPIRAN A



**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**  
**PENGGAL YANG PERTAMA**  
**PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**PADA 07, 08 DAN 09 JUN 2004**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1 (a)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI**  
**WAKIL KEMASIK**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah rakyat Terengganu yang ditakrif sebagai miskin mengikut tahun semenjak tahun 2000 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN : Secara dasarnya tiada data secara khusus mengikut tahun jumlah rakyat Negeri Terengganu yang dikategorikan sebagai miskin. Meskipun demikian berdasarkan laporan kadar kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) bagi Negeri Terengganu pada tahun 1999 kadarnya ialah 14.9% dan pada tahun 2002 kadarnya ialah 10.7%.

Selain itu berdasarkan data penerima bantuan daripada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menunjukkan tiada penurunan drastik rakyat termiskin di negeri ini.

Berdasarkan daripada "data Base" yang ada bagi rakyat termiskin/miskin tegar di Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) bilangannya adalah seramai 3,672 orang, manakala penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah seramai 12,571 orang dan 10,923 orang daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah tersebut ialah melalui peningkatan pendapatan menerusi aktiviti pertanian, perikanan, perternakan dan juga melalui perniagaan secara kecil-kecilan. Selain itu ahli isi rumah (AIR) turut disediakan latihan secara Vokasional terutama bagi membantu masalah anak-anak yang tercicir dalam pelajaran.

Bantuan baiki/bina rumah turut disediakan bagi memberi keselesaan hidup.

Bagi membuka minda rakyat termiskin di negeri ini, kursus-kusus dalam bentuk perubahan sikap turut disediakan untuk memberikan kesedaran minda yang berterusan bagi memajukan diri setaraf dengan golongan-golongan yang lain dan mampu untuk keluar daripada belunggu kemiskinan.

Selain itu bagi rakyat miskin yang tidak produktif seperti kurang upaya, tua dan golongan ibu tunggal, bantuan bulanan turut disalurkan bagi meringankan bebanan keluarga. Secara terperinci bentuk dan agensi yang menyalurkan bantuan adalah sebagaimana dibawah :-

Jenis Bantuan		Agensi				
		AIM	PPRT	YPKT	JKM	MAIDAM
1.	Bantuan Bulanan		√	√	√	√
2.	Bantuan Berkala			√	√	√
3.	Pembaikan/ Pembinaan Semula		√		√	√
4.	Penempatan Semula		√		√	
5.	Makanan Tambahhan		√	√		
6.	Pendidikan Pra Sekolah		√		√	
7.	Bantuan Pendidikan			√	√	√
8.	Pinjaman Modal Projek Ekonomi	√		√		
9.	Geran Modal Projek Ekonomi		√		√	√
10.	Latihan Kemahiran		√	√	√	

SOALAN 2 : Ketika Terengganu diperintah oleh PAS terdapat pelajar-pelajar yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibenar melanjutkan pelajaran ke Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).

- i) Sebutkan jumlah pelajar berkenaan dan apakah status mereka di KUSZA sekarang.
- ii) Apakah tindakan yang diambil bagi memperbetulkan keadaan ini.

JAWAPAN : i) Seramai **36 orang** pelajar telah diambil dan mereka sekarang terdiri daripada pelajar-pelajar di Sekolah Pengajian Islam. Mereka kini di semester IV.

- ii) Seramai **9 orang** telah lulus peperiksaan SPM pada tahun 2003 dan yang selebihnya masih belum mempunyai SPM. Mengikut surat tawaran yang telah dikeluarkan oleh pihak KUSZA, mereka diwajibkan memperolehi SPM sebelum menamatkan pengajian mereka di KUSZA sebagai syarat penganugerahan Diploma. Kajian sedang dibuat untuk mencari pendekatan terbaik bagi menyelesaikan "kesilapan" yang telah dilakukan supaya pelajar yang tersebut tidak teraniaya.

SOALAN 3 : Ketika pemerintahan PAS banyak masjid yang sebelum Pilihanraya Umum 1999 tidak diiktiraf oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT) telah diberikan pengiktirafan.

- i) Sila sebutkan berapakah jumlah masjid di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah yang diiktiraf oleh Kerajaan pada tahun 1999 berbanding tahun 2003.
- ii) Berapakah masjid yang tidak diiktiraf oleh JHEAT mengikut pecahan daerah dan apakah tindakan yang diambil.

JAWAPAN

:

**JUMLAH MASJID SELURUH NEGERI TERENGGANU  
MENGIKUT PECAHAN DAERAH YANG DIIKTIRAF OLEH  
KERAJAAN PADA TAHUN 1999 BERBANDING TAHUN 2003**

DAERAH	SEHINGGA TAHUN 1999	SEHINGGA TAHUN 2003	TAMBAHAN MASJID DIIKTIRAF
Kuala Terengganu	117	121	4
Kemaman	44	45	1
Dungun	45	46	1
Besut	77	77	-
Hulu Terengganu	76	76	-
Marang	49	51	2
Setiu	48	50	2
JUMLAH	456	466	10

**JUMLAH MASJID YANG TIDAK DIIKTIRAF OLEH JHEAT MENGIKUT  
PECAHAN DAERAH DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL**

DAERAH	JUMLAH	NAMA MASJID/SURAU	TINDAKAN DIAMBIL
Kuala Terengganu	2	i. Surau Gelong Gajah, Padang Kemunting, Kuala Terengganu  ii. Surau Kg. Gong Pak Jin, Kuala Terengganu	Jabatan ini dalam proses mengangkat permohonan kedua-dua surau berkenaan kepada J/Kuasa Fatwa bagi memohon pandangan kebenaran mendirikan Jumaat.
Kemaman	-	-	-

Dungun	1	i. Masjid Lama Sura, Dungun.	Telah membuat permohonan kebenaran mendirikan Jumaat kepada J/Kuasa Fatwa dan belum mendapat keputusan.
Besut	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau PAS, Kg. Tok Sabuh, Kuala Besut.</li> <li>ii. Markas PAS Kg. Pak Sik, Besut.</li> <li>iii. Surau PAS Kg. Awek, Besut.</li> <li>iv. Surau PAS Kg. Tok Dat, Besut.</li> <li>v. Markas PAS Kg. Padang Landak, Besut.</li> <li>vi. Markas PAS Kg. Lahar. Amer Besut.</li> <li>vii. Surau PAS Jabi, Besut.</li> <li>viii. Surau Ustaz Latif, Gong Kemuntong, Besut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nasihat dan teguran telahpun diberi namun surau/markas tersebut masih mendirikan Jumaat.</li> <li>ii. Bagi Surau Kg. Tok Dat, pihak JHEAT dalam proses memberi kebenaran berjumaat dan hanya menunggu proses perlantikan imam dan Bilal selesai.</li> </ul>
Hulu Terengganu	-	-	-
Marang	1	i. Surau PAS Kg. Pengkalan Berangan, Marang.	Telah memberi nasihat supaya tidak mendirikan Jumaat tetapi masih berdegil.

DAERAH	JUMLAH	NAMA MASJID/SURAU	TINDAKAN DIAMBIL
Setiu	1	i. Surau Simpang Empat, Bukit Genting, Setiu.	Dalam proses diangkat kepada J/Kuasa Fatwa bagi memohon pandangan memberikan kebenaran berjumaat.
JUMLAH	13		

**SOALAN 4** : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membangun dan memajukan semula Pusat Pendaratan Penyu di Rantau Abang yang kini tidak lagi popular dan ceria.

**JAWAPAN** : Perbincangan mengenainya telah diadakan dengan Ketua Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (TUMEC), Jabatan Perikanan Malaysia. Antara cadangan yang dikemukakan :-

- a. Pembangunan berasaskan kepada penyu dicadang dikekalkan dengan mengambilkira aspek pengurusan dan pemuliharaan penyu serta pembangunan eko-pelancongan yang mampan (sustainable).
- b. Skop pembangunan dicadang melibatkan penaiktarafan kemudahan sedia ada menjadikan satu kompleks merangkumi :-

- (i) Galeri/Muzium TUMEC – dinaiktaraf dengan bahan-bahan pameran menekankan kepada pelbagai ekosistem marin dan biodiversiti spesies-spesiesnya termasuk spesies haiwan-haiwan yang terancam. Juga termasuk komponen penyu nasional dan serantau.
- (ii) Pameran hidup (live exhibits) – di lokasi sebelah pantai di mana ditempatkan di dalam kolam-kolam dan “touch pools” pelbagai spesies hidupan marin seperti kerang gergasi , gamat, penyu, tuntung laut dan lain-lain.
- (iii) Kawasan dan kemudahan perkhemahan – di lokasi sebelah pantai di mana kawasan dan kemudahan-kemudahan asas perkhemahan disediakan. Kawasan kemudahan akan digunakan secara berterusan bagi pelaksanaan program Jabatan Perikanan (TUMEC) dan kempen-kempen bercorak pendidikan dan kesedaran awam mengenai pemuliharaan alam sekitar marin.
- (iv) Sekolah Selaman SCUBA dan Snorkeling – di lokasi sebelah pantai di mana kemudahan sekolah Selaman SCUBA dan Snorkeling disediakan dan dikendalikan oleh Jabatan Perikanan (TUMEC). TUMEC mempunyai “instructor” bertauliah dan boleh mengeluarkan sijil selaman untuk kakitangan Jabatan Perikanan, lain-lain jabatan kerajaan dan orang ramai. Kesedaran betapa perlunya penjagaan alam sekitar marin seperti ekosistem batu karang tidak akan timbul jika orang ramai mampu menyelam dan snorkeling.

- (v) Pusat Penerangan Penyu Rantau Abang – di lokasi sedia ada. Bangunan dan kemudahan sedia ada berkeadaan uzur dan perlu dinaiktaraf. Bahan-bahan pameran juga akan dinaiktaraf dengan tumpuan kepada pengurusan dan pemuliharaan penyu khusus untuk Negeri Terengganu.
- (vi) Kawasan letak kereta – di lokasi antara Pusat TUMEC dan R & R. Dicadang dibangunkan sebagai tempat letak kereta bersama tandas awam, taman permainan kanak-kanak, tempat makan dan jualan souvenir.
- (vii) Laluan – menghubungi semua komponen yang telah digariskan di atas. Kemudahan pengangkutan berupa keretapi kecil dengan operasi berjadual akan disediakan kepada pengunjung-pengunjung di dalam kompleks. Komponen ini akan juga termasuk landskap dan beberapa jambatan kecil.

SOALAN 5 : Ketika Kerajaan PAS memerintah Terengganu terdapat Badan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk Koperasi yang diberikan tanah.

i) Sila sebutkan nama Badan NGO dan Koperasi berkenaan serta lokasi tanah yang dikurniakan mengikut pecahan daerah.

ii) Apakah rasionalnya pemberian tersebut.

JAWAPAN (i) : Tanah yang diluluskan kepada NGO dan Koperasi ketika PAS memerintah Terengganu adalah sebanyak 12 permohonan sebagaimana dinyatakan di bawah :-

#### DUNGUN

NAMA PEMOHON	LOKASI/KELUASAN	KEGUNAAN
Persatuan Bekas Murid Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kwang Hua Dungun	Telok Lipat Mukim Kuala Dungun 2741 m.p.	Bangunan TADIKA

#### KUALA TERENGGANU

NAMA PEMOHON	LOKASI/KELUASAN	KEGUNAAN
Yayasan Kebajikan Perkasa Alam	Lagun Kuala Ibai Mukim Kuala Ibai 8.9464 ha dan -.9600 ha	Pusat Ekuestrian dan Kesukanan
Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Terengganu	Pantai Batu Buruk Mukim Batu Buruk 2634 m.p	Bangunan Kedai

Senarai Tanah-tanah yang dilulus kepada Koperasi-koperasi:

**KUALA TERENGGANU**

NAMA PEMOHON	LOKASI/KELUASAN	KEGUNAAN
Koperasi Pengguna Insaf Terengganu (KOINSAF) Berhad	Jln. Sultan Omar Bandar Kuala Terengganu 1350 m.p	Bangunan Pejabat
Koperasi Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Terengganu	Batas Baru Bandar Kuala Terengganu i. 254 m.p ii. 149 m.p iii. 149 m.p	Bangunan Kedai (3 lot)
Koperasi Khidmat Batu Buruk Kuala Terengganu Berhad (KOKHIDMAT)	Penempatan Semula Tok Adis Fasa II Mukim Kuala Ibai 3250 m.p	Bangunan Pejabat
Koperasi Al-Amin Terengganu (KO-AMIN) Bhd.	Beladai Kepong Mukim Serada 2017 m.p	Pusat Sivik & Komuniti
Koperasi Darul Iman (KODIMAN) Bhd.	Susunatur Batu 6 Mukim Kuala Nerus i. 539 m.p ii. 441 m.p iii. 503 m.p	Bangunan Pejabat/Kedai (4 Lot)

### KEMAMAN

NAMA PEMOHON	LOKASI/KELUASAN	KEGUNAAN
Koperasi Ladang Rakyat Terengganu Berhad	Kemaman Mukim Bandi 417 m.p	Bangunan Kedai
Koperasi Al-Falah Kijal Berhad	Lubuk Lesong/Sg. Ibok Mukim Tebak, Hulu Cukai i. 607.10 ha ii. 46.17 ha iii. 127.08 ha iv. 29.09 ha	Pertanian (Kelapa Sawit) (4 Lot)

### DUNGUN

NAMA PEMOHON	LOKASI/KELUASAN	KEGUNAAN
Koperasi Felda Kertih 1 Ketengah Jaya Berhad	Dungun Mukim Rasau 0.264 ha	Stesyen Servis
Koperasi Nelayan Negeri Terengganu Berhad	Kuala Dungun Mukim Bandar, Dungun 2019 m.p	Bangunan

Bagi Daerah Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu tiada permohonan diluluskan.

Jawapan (ii)

**Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**  
**PENGGAL YANG PERTAMA**  
**PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**PADA 07, 08 DAN 09 JUN 2004**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1 (b)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ENCIK KOMARUDDIN BIN ABD. RAHMAN**  
**WAKIL KUALA BERANG**

- SOALAN 1 : Pengkorporatan Taman Pertanian Sekayu :-
- a. Berapakah jumlah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil Pengkorporatan Taman Pertanian Sekayu sejak tahun 1999.
  - b. Sejak Taman Pertanian tersebut diberi tanggungjawab kepada Yayasan Amal, sejauh mana telah membantu meningkatkan industri pelancongan.

- JAWAPAN : a. Sejak Taman Pertanian Sekayu dikorporatkan mulai 1 Oktober 2002, tiada bayaran tahunan diterima oleh Kerajaan Negeri sebagai sewaan. Ini kerana sehingga kini perjanjian penerimaan pengkorporatan antara pihak Yayasan Amal Malaysia dengan Kerajaan Negeri belum lagi ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Masalah ini timbul kerana pihak Yayasan Amal tidak dapat kata sepakat mengenai syarat perjanjian dengan Penguasa Pembiakan Anak Udang Galah yang telah beroperasi di Taman ini bermula pada bulan September tahun 2001 yang telah mendapat kelulusan daripada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri – KEW.TR. 92/4 (16) bertarikh 21 Jun 2001 dengan mengenakan kadar sewaan bulanan sebanyak RM200.00. Pengusaha ini telah menggunakan kawasan seluas 0.2 hektar serta sebuah kuarters untuk pekerja mereka.

- b. Sejak pengurusan Taman Pertanian dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Amal, pengurusan agak tidak teratur dan keadaan kebersihan kurang memuaskan. Bilangan kehadiran pengunjung adalah seperti berikut :-

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Pengunjung</u>
1999	81,714
2000	80,385
2001	57,220
2002	Tahun penyerahan pada bulan Oktober
2003	83,911
2004	Pengurusan Taman diambilbalik daripada Yayasan Amal oleh Jabatan Pertanian pada bulan Mei 2004.

SOALAN 2 : Penerimaan Bantuan Kebajikan :-

- a. Berapakah jumlah penerima bantuan kebajikan yang telah diberhentikan sejak 4 tahun lalu.

JAWAPAN : Jumlah penerima bantuan kebajikan yang telah diberhentikan sejak 4 tahun lalu adalah sebagaimana berikut :-

TAHUN	JUMLAH
2000	2122
2001	713
2002	750
2003	743
JUMLAH	4328

SOALAN 3 : a. Benar atau tidak Kerajaan PAS yang lalu mendakwa pungutan zakat telah bertambah dengan banyaknya hasil pungutan zakat.

- b. Jika benar berapakah jumlah hasil pungutan tersebut.

- c. Berapakah jumlah wang zakat telah dibelanjakan dan kemanakah wang tersebut dibelanjakan.

JAWAPAN : Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

- SOALAN 4 : a. Kerajaan PAS yang lepas telah mendakwa mengeluarkan banyak geran tanah kepada rakyat Terengganu.
- b. Kalau benar berapakah jumlah yang telah dikeluarkan setakat ini.
- c. Apakah status hakmilik tanah tersebut.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

- SOALAN 5 : Kerajaan PAS yang lalu telah mengeluarkan Lesen Membalak kepada Individu sejak 4 tahun yang lalu.
- a. Berapakah jumlah lesen yang dikeluarkan.
- b. Berapakah jumlah hasil cukai balak dalam tempoh tersebut.
- c. Berapakah jumlah kawasan yang telah diluluskan sejak 4 tahun lalu.

- JAWAPAN : a. Jumlah lesen yang dikeluarkan ialah sebanyak 159 buah.
- b. Jumlah hasil cukai balak yang dikutip dalam tempoh tersebut ialah sebanyak RM7,153,058.98.
- c. Jumlah kawasan yang telah diluluskan sejak 4 tahun lalu iaitu mulai tahun 2000 hingga Mac 2004 ialah seluas 14,751.52 ha.

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**  
**PENGGAL YANG PERTAMA**  
**PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**PADA 07, 08 DAN 09 JUN 2004**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1 (c)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI WAN. ABD. MUTTALIB BIN EMBONG**  
**WAKIL BATU BURUK**

- SOALAN 1 : Sila nyatakan kos pengubahsuaian:-
- 1.1 Rumah Tetamu Kerajaan Negeri di Batu Buruk
  - 1.2 Bangunan Sri Iman
- JAWAPAN :
- 1.1 Kos pengubahsuaian Rumah Tetamu Kerajaan Negeri di Batu Buruk adalah sebanyak RM318,501.76.
  - 1.2 Kos pengubahsuaian Bangunan Seri Iman adalah RM190,000.00.

SOALAN 2 : Sila nyatakan :-

- 2.1 Baki hutang Kerajaan Persekutuan yang masih tertanggung oleh Kerajaan Negeri; dan
- 2.2 Baki jumlah kewangan Negeri Terengganu; dan
- 2.3 Baki jumlah kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM).

Pada tarikh berakhir 31 Mac 2004 bilamana kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambilalih pemerintahan daripada Kerajaan PAS.

JAWAPAN : 2.1 Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang masih ditanggung oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Mac 2004 ialah RM891,123,237.53.

2.2 Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu sehingga 31 Mac 2004 berjumlah RM168.30 juta.

Kedudukan kewangan yang merupakan Aset yang dipegang oleh Kerajaan Negeri terdiri daripada :-

- i. Wang tunai dibank RM19.15 juta.
- ii. Simpanan Tetap yang berbentuk pelaburan di bank RM145.50 juta.
- iii. Wang tunai dalam tangan RM3.65 juta.

Aset kerajaan ini dibiayai oleh Kumpulan Wang Negeri Disatukan yang terdiri daripada :-

i.	Akaun Hasil Disatukan	(RM119.43 Juta)
ii.	Akaun Amanah Disatukan	RM215.46 Juta
iii.	Akaun Pinjaman Disatukan	RM72.27 juta
	JUMLAH	<u>RM168.30 juta</u>

Defisit Akaun Hasil Disatukan menunjukkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai rezab langsung malah defisitnya terpaksa ditanggung oleh Akaun Amanah Disatukan dan juga Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan yang terpaksa ditanggung oleh Akaun lain ini adalah sangat berisiko terutama sekali Akaun Amanah Disatukan. Akaun Amanah Disatukan termasuk juga akaun deposit dan juga peruntukan dari Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyelenggaraan jalanraya. Sekiranya keperluan akaun-akaun di dalam Akaun Amanah Disatukan dikeluarkan serentak, tidak ada sumber lain lagi yang boleh menanggung perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri termasuk untuk pembayaran gaji kakitangan kerajaan.

Akaun Hasil Disatukan pada penutupan akaun 31 Disember 2003 mengalami defisit yang sangat tinggi iaitu sebanyak RM147.26 juta.

Kedudukan defisit tahun berkenaan adalah merupakan "sejarah hitam" kedudukan kewangan yang terpaksa dilalui walaupun ditahun-tahun yang lepas Kerajaan Negeri pernah mengalami defisit.

Akibat dari defisit tahun berakhir 31 Disember tahun 2003, Kerajaan Negeri buat pertama kalinya mengalami defisit keseluruhan bagi Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM143.79

2.3 Baki jumlah kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada berakhir 31 Mac 2004 ialah sebagaimana berikut :-

Jumlah Akaun Semasa	-	RM10,625,768.16
Jumlah Akaun Amanah Wakaf	-	RM2,397,202.13
Akaun Pelaburan AI-Mudharabah	-	RM37,822,943.92
Akaun Pelaburan AI-Mudharabah	-	RM2,121,435.21
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	-	<b>RM52,967,349.42</b>

SOALAN 3 : Apakah alasan Kerajaan membatalkan:-

3.1 Tawaran pelantikan 9 orang Pegawai Tadbir Negeri, dan

3.2 16 Orang Penghulu Mukim.

Bilamana Kerajaan BN mengambilalih pemerintahan.

JAWAPAN : **Soalan ini di Tolak Menurut Perkara 26 (2)(k) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Bila Kerajaan bercadang hendak mengeluarkan kertas putih mengenai pembalakan semasa pemerintahan PAS.

JAWAPAN : Kerajaan sedang menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih mengenai pembalakan semasa pemerintahan PAS. Laporan tersebut dijangka dapat disiapkan secepat mungkin.

SOALAN 5 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak menyerahkan pengurusan air kepada Kerajaan Pusat.

JAWAPAN : Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) pada 29 Julai 2003 yang lalu telah bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan Bekalan Air dari semua Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri sehingga kini masih belum membuat apa-apa keputusan berkait perkara ini dan akan membuat keputusan bila sampai masanya.

Apa yang penting bagi Kerajaan Negeri ialah mewujudkan pengurusan yang cekap agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan menyelesaikan masalah ataupun krisis air yang dihadapi semenjak sekian lama.

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**  
**PENGGAL YANG PERTAMA**  
**PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**PADA 07, 08 DAN 09 JUN 2004**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1 (d)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT**  
**WAKIL BATU RAKIT**

SOALAN 1 : Mengikut laporan, hotel-hotel di Terengganu mendapat tempahan penuh di musim-musim percutian, berapakah bilangan hotel di seluruh Terengganu dan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dalam tempoh yang terdekat ?

JAWAPAN : Mengikut Data Asas Unit Perancang Ekonomi Negeri 2003, bilangan hotel di Terengganu ialah 212 buah yang menyediakan bilangan bilik sebanyak 6,202.

Langkah Kerajaan Negeri menggalakan pelaburan oleh agensi dan pihak swasta untuk pembinaan hotel dan resort bagi menambahkan kekurangan bilik penginapan anggaran tambahan bilik 800 hingga 1,000 buah bilik bagi menampung keperluan semasa.

Dijangka tiga (3) buah hotel diperlukan di Kuala Terengganu, satu di Dungun dan satu lagi di Kemaman.

SOALAN 2 : Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan slogan Islam Hadhari benar-benar dapat dihayati khususnya dalam bidang ekonomi dan keusahawanan yang mungkin boleh mengatasi masalah kemiskinan di negeri ini ?

JAWAPAN : Rancangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan agenda Islam Hadhari akan diformulasikan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu 2004 – 2008. Langkah ini adalah sebagai langkah pemula menuju tahap negeri maju menjelang tahun 2020 kelak. Untuk melengkapkan perancangan ini agenda Islam Hadhari merangkumi juga ungkapan Terengganu Bestari.

Agenda kepimpinan Kerajaan Negeri ialah Islam Hadhari Terengganu Bestari. Ia adalah aspirasi Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Islam dalam kehidupan umat Islam bersesuaian dengan cabaran-cabaran milenium baru. Agenda ini menjurus kepada penterjemahan praktis umat Islam yang syumul dan seimbang, cemerlang, mesra, kreatif, inovatif dan progresif, berakhlak, berilmu dan global.

Terengganu Bestari adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kemajuan peradaban dengan menggalakan rakyat untuk mesra teknologi maklumat dan komunikasi sebagai wadah untuk mencapai ketinggian peradaban, pemfokusan kepada tadbirurus baik (good governance) agar lebih telus, lebih cekap, penyertaan rakyat yang lebih meluas serta pentadbiran awam 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan peningkatan infostruktur dan infrastruktur bagi dimanfaatkan oleh seluruh lapisan masyarakat.

Khusus untuk RPNT, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan khusus kepada program/projek yang akan dapat merekayasa masyarakat, merangsang ekonomi dan memberi kesejahteraan rakyat. Program/projek keutamaan ini ialah :-

1. Penubuhan Universiti penuh.
2. Penaiktarafan KUSZA dan TATI.
3. Pewujudan dua buah MRSM baru.
4. Penubuhan sekolah-sekolah elit dan premier.
5. Peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran di tadika/tabika/taska dengan program khusus pra-persekolahan.
6. Bantuan tuisyen sekolah.
7. Latihan untuk kumpulan sasar lepasan sekolah.
8. Program-program perubahan minda dan sikap rakyat.
9. Membasmi kemiskinan khususnya dikalangan petani dan nelayan.
10. Menjana pendapatan rakyat berpendapatan rendah/keluarga miskin tegar.
11. Peningkatan sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri sebanyak 10% pada akhir RPNT.
12. Penubuhan satu pusat peranginan yang berasaskan konsep MICE.
13. Pewujudan Muasasah Gadaian Islam di setiap daerah.
14. Elaun guru Al-Quran/Fardhu Ain dan Hafiz Quran dikembalikan.
15. Dana Khas (Wang Ehsan) diteruskan.
16. Penubuhan Unit Perhubungan dan Komunikasi Terengganu.
17. Penubuhan Unit Terengganu Bestari.
18. Penyediaan perumahan terutama kepada keluarga berpendapatan rendah dan miskin tegar.
19. Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur.
20. Penaiktarafan Lapangan Terbang Sultan Mahmud.
21. Pembangunan Koridor Multimedia Pantai Timur.
22. Pembinaan Kompleks Sukan Negeri.
23. Memperbanyakkan peluang pekerjaan dan mengatasi pengangguran, membangunkan IKS berteraskan industri petrokimia.
24. Penerusan Tabung TEKUN Terengganu.

25. Penumpuan kepada industri kraftangan berasaskan warisan dan tradisi seperti membuat songket, batik, bot. Tembaga ukiran kayu.
26. Pembinaan tukun-tukun.
27. Memastikan pengeluaran padi dapat meningkat.
28. Mempertingkatkan pembangunan IKS berteraskan pertanian.
29. Penumpuan kepada industri maritim.
30. Pengubahsuaian Pasar Kedai Payang.
31. Pewujudan bandar baru bersepadu di Koridor Pembangunan Petrokimia Paka – Cukai.
32. Penyelidikan dan pembangunan akan dipertingkatkan khusus dalam bidang-bidang yang memberi manfaat kepada rakyat dan negeri.
33. Penubuhan Institut Pembangunan Terengganu atau Terengganu Development Institute (TDI).
34. Institusi-institusi latihan yang dikhaskan kepada sektor awam negeri ditingkatkan.
35. Memperluaskan pinjaman kenderaan secara Islam dan memperkenalkan pinjaman perumahan secara Islam untuk pegawai dan kakitangan awam negeri.

Program/Projek ini akan memberi kesan positif secara langsung dan tidak langsung kepada keluarga berpendapatan rendah dan miskin tegar. Sasarannya ialah menuju kadar miskin tegar sifar pada akhir RPNT.

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**  
**PENGGAL YANG PERTAMA**  
**PERSIDANGAN YANG PERTAMA**  
**PADA 07, 08 DAN 09 JUN 2004**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 5.1 (e)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT**  
**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

- SOALAN 1 : Adakah dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan pemberian hakmilik tanah kepada rakyat negeri ini.
- JAWAPAN : Adalah menjadi dasar Kerajaan memberikan hakmilik tanah kepada rakyat yang berhak mendapatkannya.
- SOALAN 2 : Bilakah projek penambakan dan benteng muara Sungai Terengganu yang terbengkalai akan diteruskan.
- JAWAPAN : Rekabentuk terperinci bagi projek ini telah disiapkan dan bersedia untuk dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan diperolehi. Kerja pengorekan muara telah siap dengan kos RM42 juta.
- SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri akan terus mengekalkan polisi untuk tidak mengenakan cukai pintu rumah kediaman.
- JAWAPAN : Dalam kajian.

**SOALAN 4** : Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakisan pantai dan seterusnya membangunkan kawasan Kuala Kemaman.

**JAWAPAN** : Masalah hakisan pantai ini adalah dalam perhatian Kerajaan Negeri. Kajian, rekabentuk dan pelaksanaan projek mencegah hakisan ini akan dibuat sebaik sahaja peruntukan diperolehi.

Pembangunan kawasan Kuala Kemaman akan dibuat secara pengswastaan dalam tempoh terdekat dan komponen yang terlibat adalah :-

- a. Perumahan Bercampur :-
  - i. Perumahan Nelayan/Rumah Kos Rendah.
  - ii. Perumahan Kos Sederhana.
  - iii. Lot-lot Banglo.
  - iv. Bangunan Kormesil.
- b. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkait dengan penduduk setempat.
- c. Medan Makanan, Hasil Laut dan Kraftangan.
- d. Pembinaan struktur bagi mengatasi hakisan pantai.

**SOALAN 5** : Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan penubuhan Pasaraya Besar (Hyper Market) di negeri ini.

**JAWAPAN** : Dasar Kerajaan Negeri sekarang masih lagi mengekalkan dasar dahulu juga kerana apa-apa dasar yang diluluskan oleh pihak Kementerian akan dipatuhi oleh Kerajaan Negeri. Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri patuh kepada arahan Kerajaan Pusat bagi kebaikan bersama.

*Dicetak oleh:*  
PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.  
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel: 09-6664611 & 6664652 Fax: 09-6662611

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
LIBRARY  
540 EAST 57TH STREET  
CHICAGO, ILLINOIS 60637